

## KOLEKSI SETEM, FILATELI & SAMPUL SURAT HARI PERTAMA

Penerbitan  
DELMU (M) SDN BHD  
No: 3, Jln. Bunga Tanjung 18,  
Taman Saraya, Cheras,  
56100 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-4930154  
Fax: 03-4974257

Pengarang / Penyelenggara  
ALI NAPIAH HASSIM  
Rekabentuk Buku / Artis Grafik  
ROSLAN OTHMAN

© Hakcipta terpelihara.

Tiada sebarang bahagian dalam buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau dipindahkan dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun, sama ada cara elektronik, gambar, rakaman atau sebagainya tanpa kebenaran dari Penerbitan Delmu(M) Sdn. Bhd. terlebih dahulu.

Cetakan Pertama.....1996

Dicetak oleh  
Renoprin Sdn Bhd  
20 Jalan 5/108C  
Taman Sungei Besi  
57100 Kuala Lumpur

ISBN 983-9743-69-4



# Setem Pos

Setem pos (*postage*) mula diperkenalkan oleh Sir Rowland Hill di England bagi tujuan untuk pembayaran terhadap surat-surat dan juga bungkusan kecil yang kemudian dikirimkan ke sesuatu tempat pada ketika itu. Setem-setem yang dikeluarkan ini bernama 'Penny Black' dan ia berwarna hitam dengan nilai satu *penny* (*one penny*). Setem pertama ini pernah digunakan untuk pengeposan surat dari Bath ke Peckham di England dalam tahun 1840.

Setem pos biasanya boleh dianggap sebagai suatu label kecil yang perlu dibayar oleh pengirim bagi tujuan pelbagai jenis bayaran pos yang berbeza mengikut kehendak dan

tujuan pengeposan. Di Malaysia terdapat pelbagai bentuk dan jenis setem. Di antara setem-setem itu ialah setem jenis '*definitive*', setem kenang-kenangan '*commomorative*' dan setem khas '*special issue of postage stamps*'.



# Postage Stamp



منتري فنديقن مليسيا  
MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA



### KATA-KATA ALUAN

Setem mempunyai nilai dan identiti yang tersendiri serta melambangkan pelbagai aktiviti dan cara hidup sesebuah negara. Mengumpul setem juga merupakan satu hobi yang sihat yang tidak ada sempadan dari segi umur, latar belakang, kebudayaan dan juga bangsa. Hobi ini juga dapat memberi manfaat serta mendidik akhlak dan sikap-sikap yang positif seperti bersih, cermat, berdisiplin, sabar, kemas, tertib, teliti, tekun dan sebagainya. Justeru itu, buku ini juga mampu mengisi matlamat pendidikan negara.

Buku Koleksi Setem, Filateli dan Sampul Surat Hari Pertama yang dihasilkan oleh Encik Ali Napiah bin Hassim adalah tepat pada masanya memandangkan bahan pendidikan setem adalah amat terhad. Buku ini mengandungi banyak maklumat yang boleh meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran setiap individu dan para pelajar dalam usaha mengenali dan memahami sejarah dan peristiwa yang pernah berlaku di negara ini.

Akhirnya, saya mengucapkan tahniah kepada penulis di atas kejayaan menghasilkan buku yang berguna kepada pembaca.

Sekian.

( DATO' SRI MOHD NAJIB )



# Profail Penulis



**E**ncik Ali Napiah Bin Hassim mula bertugas di Jabatan Perkhidmatan Pos (kini Pos Malaysia) semenjak tahun 1970. Sekarang beliau bertugas sebagai Eksekutif di Bahagian Keselamatan dan Penyiasatan Di Ibu Pejabat Pos Malaysia, Kuala Lumpur. Sebelum ini beliau pernah bertugas di Negeri Sembilan Sabah dan Selangor.

Anak kelahiran Kuala Pilah, Negeri Sembilan ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Terach, Kuala Pilah dan Sekolah Kebangsaan Dengkil, Sepang Selangor. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Sungai Manggis, Banting, Selangor, Sekolah Tuanku Muhammad dan Sekolah Za'aba di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Seterusnya beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang Sains Politik di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Disamping itu, beliau pernah mengikuti kursus mengenai Perkhidmatan Pos Antarabangsa (*International Postal Service Course*) di ASEAN Pacific Postal Training Centre Bangkok, Thailand pada tahun 1982. Sekarang beliau sedang mengikuti kursus Undang-undang Perbandingan.

Pengalaman yang meluas semasa bertugas di Pos Malaysia dan minat yang mendalam dibidang penulisan menyebabkan beliau berminat untuk menghasilkan sebuah buku yang bertujuan untuk memberi ilmu pengetahuan yang sungguh bernilai kepada pelajar dan pembaca mengenai setem, filateli dan sampul surat hari pertama.



# Kandungan

- 13 **MENGENALI SETEM DAN FILATELI**
- 14 Setem Pos  
Setem Difinitif
- 15 Setem Kenang-Kenangan  
Setem Khas
- 16 Setem Denda  
Setem Hasil
- 17 Setem Lembaran Mini dan  
Cenderamata  
Buku Setem
- 18 Setem-Setem Terpakai  
Setem Asli
- 19 Blok  
Jalur
- 20 Sepasang Setem Gutter/Jalur  
Gutter
- 21 Setem Se-Tenant/Blok Se-  
Tenant  
Setem Lebih Cetak
- 22 Setem Teteé-Beche  
Setem Ulang Cetak
- 23 Baris Lubang-Lubang Setem  
Pinggir Setem
- 24 Warna Pengesan/Lampu Isyarat  
Selembat Setem Pos
- 25 Nombor Plet  
Sampul Surat Hari Pertama
- 26 Setem Kenang-Kenangan
- 27 Pek Cenderamata  
Album Setem
- 28 Album Sampul Surat Hari  
Pertama  
Kad Pos/Kad Maksima
- 29 Setem Tema  
Tikas Air
- 30 Daftar Warna /Tanda Padu  
Setem Kesilapan/Perbezaan
- 31 Setem Dwibahagi  
Label Setem
- 32 Label Franking  
Bayaran Pos Jelas
- 33 Sampul Surat Udara/Domail  
Perkhidmatan Jawapan  
Perniagaan Dalam Negeri/  
Antarabangsa
- 35 **PERTANIAN DAN BUAH-BUAHAN MALAYSIA**
- 36 Pengenalan
- 37 Siri Negeri
- 38 Siri Kebangsaan
- 39 **FLORA DAN FAUNA**
- 40 Bunga Anggerik
- 41 Burung-Burung
- 42 Kupu-Kupu
- 43 Bunga-Bunga
- 44 Binatang
- 45 Pokok-Pokok
- 46 Ikan Air Tawar
- 47 Burung-Burung Enggang
- 48 Bunga Raya
- 49 Hidupan Liar Yang Dilindungi  
Siri 1
- 50 Hidupan Liar Yang Dilindungi  
Siri 2
- 51 Hidupan Liar Yang Dilindungi  
Siri 3
- 52 Burung-Burung Pasarina
- 53 Hidupan Laut Siri 1
- 54 Hidupan Laut Siri 2
- 55 Taman Negara
- 56 Bunga-Bunga Liar Siri 1
- 57 Penyus
- 58 Serangga
- 59 Hutan Tropika
- 60 Hidupan Laut(Batu Karang)
- 61 Bunga-Bunga Liar Siri 2
- 62 Burung Pekaka
- 63 Bunga Orked

- 64 Kulat-Kulat Malaysia
- 65 Harimau Dahan Malaysia
- 67 **PELANCONGAN DAN KESENIAN**
- 68 Tahun Melawat ASEAN
- 69 Kraftangan Malaysia
- 70 Senjata Tradisional Melayu
- 71 Bangunan Bersejarah
- 72 Alat Muzik Tradisional
- 73 Tahun Melawat Malaysia
- 74 Bangunan Bersejarah Siri 2
- 75 100 Tahun Muzium Sarawak
- 76 Senjata Tradisional Melayu Siri 2
- 77 **SUKAN**
- 78 Piala Thomas 1992
- 79 Memperingati Sukan Malaysia
- 80 Sukan SEA
- 82 Pertandingan Hoki Piala Dunia Ke-3
- 83 Sukan Olimpik Ke-19
- 84 Ulang Tahun ke-100 Kelab Golf DiRaja Selangor
- 86 Sukan Komanwel Ke-XVI
- 87 **PERSATUAN/ KESATUAN/ PERTUBUHAN**
- 88 Ulang Tahun Ke-25 Persatuan Orang-Orang Buta
- 89 Ulang Tahun Ke-20 Persatuan Penyiaran Asia Pasifik
- 90 Persatuan Komanwel
- 91 Pertubuhan Polis Jenayah Antarabangsa
- 92 Ulang Tahun Ke-25 Pertubuhan Kesihatan Sedunia
- 93 Pertubuhan Keselamatan Sosial
- 94 Ulang Tahun Ke-25 Kesatuan Sekerja Malaysia(1949-1974)
- 95 Persatuan Mencegah Dadah Malaysia(PEMADAM)
- 96 Pertubuhan Buruh Antarabangsa
- 97 Ulang tahun Ke-25 Bangsa-Bangsa Bersatu
- 98 Ulang Tahun Ke-50 Bangsa-Bangsa Bersatu
- 99 **DYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG/ YANG DIPERTUAN BESAR/SULTAN**
- 100 DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Tuanku Syed Putra Ibtisam Al-Marhum Tuan Syed Hassan Jamalullail
- 102 DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Tuanku Ismail Nasiruddin Syah Ibtisam Al-Marhum Sultan Zainal Abidin
- 104 DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibtisam Al-Marhum Sultan Badlishah
- 106 DYMM Seri Paduka Baginda Tuanku Yahya Petra Ibtisam Al-Marhom Sultan Ibrahim
- 108 DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Tuanku Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibtisam Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin AlMuazam Shah
- 110 DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Sultan Iskandar Al-Haj Ibtisam Al-Marhom Sultan Ismail
- 112 DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibtisam Al-Marhom Sultan Yussuff Izzuddin Ghaafarullahu-Lahu Shah
- 114 DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Ke-10 Tuanku Ja'afar Ibtisam Al-Marhom Tuanku Abdul Rahman
- 116 DYMM Sultan Mahmud Ibtisam Al-Marhom Tuanku Al-Sultan Ismail Nasiruddin Shah
- 118 DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj Ibtisam Al-Marhom Sultan Hishamuddin Alam Shah Al-Haj
- 120 DYMM Sultan Tengku Ismail Petra Ibtisam Al-Marhom Sultan Yahya Petra
- 123 **BANGUNAN**
- 124 Komplek Dewan Undangan Negeri Dan Bangunan Pentadbiran Sarawak
- 125 Perasmian Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Masjid Negeri Selangor Darul Ehsan, Shah Alam
- 126 Masjid Negara Kuala Lumpur

- 127** Perasmian Bangunan  
Perpustakaan Negara Malaysia
- 128** Memorial Tunku Abdul Rahman
- 129** ASEAN
- 130** Memperingati Ulang Tahun  
ASEAN
- 133** KESIHATAN
- 134** Institut Penyelidikan Perubatan
- 135** Pembasmian Penyakit Cacar  
Sedunia
- 136** Tahun Antarabangsa Orang-  
Orang Cacat
- 137** Kongres Pergigian Asia Pasifik  
Ke-16
- 138** Perayaan Seabad Perkhidmatan  
Veterinar Dan Industri Haiwan  
Di Malaysia
- 139** Seabad Penemuan X-Ray
- 141** PENDIDIKAN
- 142** Jambori Pengakap Malaysia
- 144** Penang Free School 1816-1966
- 145** Tahun Kenal Huruf  
Antarabangsa
- 146** Ulang Tahun Ke-10 Universiti  
Kebangsaan Malaysia
- 147** MESYUARAT/  
PERSIDANGAN/  
SEMINAR
- 148** Persidangan Getah Asli
- 149** Persidangan Ke-4 Orked  
Sedunia
- 150** Persidangan Parlimen
- 152** Persidangan PATA
- 153** Mesyuarat Ke-7 Lembaga Bank  
Pembangunan Asia
- 154** Persidangan Ke-4 Timah  
Sedunia
- 155** Mesyuarat Ke-2 Gabenor Bank  
Pembangunan Islam
- 156** Seminar Eksposisi Latihan  
Perindustrian
- 157** Jawatankuasa Nasional Tenaga  
Sedunia
- 158** Persidangan PBB Tentang  
Dadah & Pengedarannya  
Secara Haram
- 159** Mesyuarat Ketua-Ketua  
Kerajaan Komanwel(CHOGM)
- 160** Mesyuarat Pertama Sidang  
Kemuncak Kumpulan  
Perundingan Dan Kerjasama  
Selatan-Selatan, Kuala Lumpur
- 162** Persidangan Perhutanan  
Komanwel
- 165** PERISTIWA
- 166** Sampul Surat Hari Pertama  
Sebelum Dan Semasa Malaysia
- 167** Penubuhan Persekutuan Tanah  
Melayu  
Kemerdekaan Tanah Melayu
- 168** Persidangan Suruhanjaya  
Ekonomi Bangsa-Bangsa  
Bersatu Bagi Asia Dan Timur  
Jauh  
Ulang Tahun Pertama  
Kemerdekaan Persekutuan  
Tanah Melayu
- 169** Ulang Tahun Ke-10 Deklarasi  
Kebebasan Bersuara  
Perasmian Parlimen
- 170** Tahun Orang-Orang Pelarian  
Sedunia  
Persidangan Getah Asli  
Persekutuan Tanah Melayu
- 171** Pertabalan DYMM Seri Paduka  
Baginda Yang Dipertuan Agong  
Ke-3  
Persidangan Rancangan  
Colombo Di Kuala Lumpur
- 172** Kempen Mencegah Malaria  
Sedunia  
Bulan Bahasa Kebangsaan
- 173** Pengenalan Pendidikan  
Percuma Peringkat Rendah  
Kempen Mencegah Kelaparan
- 174** Rancangan Hidro Letrik  
Cameron Highlands  
Penubuhan Malaysia
- 175** Sampul Surat Hari Pertama  
Selepas Malaysia
- 176** Memperingati Anna Eleanor  
Roosevelt
- 177** Lapangan Terbang  
Antarabangsa Kuala Lumpur,  
Subang
- 178** Tugu Kebangsaan
- 179** Rancangan Malaysia Pertama  
1966-1970
- 180** Ulang Tahun Ke-100 Majlis  
Negeri Sarawak
- 181** Minggu Perpaduan
- 182** Kempen Tahun Beras  
Kebangsaan
- 183** Ulang Tahun Ke-25 UNICEF -  
Tahun Melindungi Kanak-  
Kanak

- 184 Bandaraya Kuala Lumpur
- 186 Kemerdekaan Dan Penubuhan Malaysia
- 188 Tahun Wanita Antarabangsa
- 189 Musabaqah Membaca Al-Quran
- 190 Ulang Tahun Ke-25 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- 191 Memori Tun Abdul Razak
- 192 Ulang Tahun Ke-21 FELDA
- 193 Palestin
- 194 Seratus Tahun Getah Asli
- 195 Perasmian Bandar Baru Shah Alam
- 196 Bank Negara Malaysia
- 197 Tahun Antarabangsa Kanak-Kanak
- 198 Maal Hijrah
- 199 Ulang Tahun Ke-50 Angkatan Tentera Malaysia
- 200 Ulang Tahun Ke-10 Wilayah Persekutuan Labuan
- 201 Pusat Daya Pengeluaran Negara
- 202 Hari Belia Antarabangsa
- 203 Perisytiharan Melaka Bandar Bersejarah
- 204 Perayaan Ke-250 Tahun Alor Setar
- 205 Ulang Tahun Ke-25 MARA
- 206 Bekas-Bekas Perdana Menteri Malaysia
- 207 Pameran Maritim Dan Udara Antarabangsa Langkawi 1993
- 208 Tahun Antarabangsa Perlindungan Bagi Yang Tidak Berumah
- 209 Perayaan Sabah 100 tahun
- 210 Tamadun Islam Sedunia
- 211 **TENAGA, TELEKOM DAN POS**
- 212 Pengeluaran Petroleum Di Malaysia
- 213 Pelancaran Eksport LNG Bintulu, Sarawak
- 214 Ulang Tahun Ke-25 Lembaga Elektrik Negara
- 215 Setesen Janaelektrik Sultan Ismail, Paka, Dungun, Terengganu
- 216 Rancangan Hidro Elektrik Temenggor
- 217 100 Tahun Elektrik Di Malaysia
- 218 Projek Setesen Janakuasa Letrik Sultan Mahmud, Kenyir, Terengganu
- 219 Pameran Telekom Sedunia Ke-3 Di Geneva 1979
- 220 Setesen Setelit Bumi Kuantan
- 221 Ulang Tahun Ke-100 Kesatuan Telekom Antarabangsa
- 222 Sistem Kebel Telekom Negara-Negara Komanwel Di Asia Tenggara (SEACOM)
- 223 Kebel Dasar Laut Kuantan-Kuching
- 224 Pos Malaysia
- 229 **PENGANGKUTAN**
- 230 Penubuhan Sistem Penerbangan Malaysia
- 231 100 Tahun Keretapi Tanah Melayu
- 232 Proton Saga - Kereta Nasional Malaysia
- 233 Pelancaran Penerbangan MAS, Kuala Lumpur-Los Angeles, USA
- 234 Dekad Pengangkutan Dan Perhubungan Bagi Asia Dan Pasifik 1965-1994
- 235 Pelancaran Pesawat Boeing 747-400 Kuala Lumpur-London
- 236 Ulang Tahun Ke-50 IATA
- 237 **LEBUHRAYA DAN PERHUBUNGAN**
- 238 Lebuhraya Timur Barat
- 240 Jambatan Pulau Pinang
- 242 Lebuhraya Utara Selatan



# Kata Pengantar



Buku ini bertujuan untuk memberi penerangan mengenai Sampul Surat Hari Pertama yang pernah dikeluarkan. Setem mempunyai pelbagai bentuk dari segi saiz, tema dan warnanya. Setem kelihatan menarik dan unik kerana setiap setem yang dikeluarkan melambangkan sekeping gambar yang mengandungi seribu makna.

Setiap pengeluaran setem pos begitu bererti kerana ianya disertai dengan Sampul Surat Hari Pertama sebagai memperingati keluaran setem pos berkenaan. Pada hari-hari kemudiannya, keseluruhan Setem-Setem dan Sampul Surat Hari Pertama yang disimpan sebagai koleksi akan menjadi 'sentimental value' dan ianya sangat berharga kepada sesiapa yang tahu menilainya.

Terdapat 16 bab di dalam buku ini. Bab pertama menceritakan secara ringkas mengenai Setem dan Filateli seperti Setem-Setem Pos Biasa, Setem Kenangan, Setem Keluaran Khas, kegunaan album setem, kegunaan album Sampul Surat Hari Pertama dan sebagainya. Manakala bab kedua dan seterusnya mengandungi Sampul Surat Hari Pertama mengikut kesesuaian serta tajuk-tajuk yang telah diasingkan seperti Flora dan Fauna, Hidupan Laut, Kesenian dan Pelancongan, Sukan, Isu-Isu Antarabangsa seperti persidangan-persidangan dan sebagainya. Setiap Sampul Surat Hari Pertama yang terdapat dalam buku ini mengandungi cerita yang tersendiri.

Bagi para peminat Setem dan Sampul Surat hari Pertama yang tidak dapat mengumpul koleksi yang lengkap, buku ini amat berfaedah untuk mereka melakukan penelitian. Bagi mereka yang masih belum memulakan koleksi Setem dan Sampul Surat Hari Pertama tetapi berminat untuk mengumpulkannya, buku ini sangat bersesuaian bagi mereka membuat tinjauan sebaik mungkin.



# B A B 1



*Mengenal Setem Dan Filateli*

## SETEM POS (postage stamps)

Setem pos biasanya boleh dianggap sebagai suatu label kecil yang perlu dibayar bagi pelbagai jenis bayaran pos yang berbeza untuk tujuan

pengeposan dan juga lain-lain urusan yang sesuai. Di Malaysia terdapat pelbagai bentuk dan jenis setem. Di antara setem-setem itu ialah setem

jenis (*definitive*), setem kenangan (*commemorative*) dan setem khas (*special issue of postage stamps*).



## SETEM DEFINITIF (definitive stamps)

Setem-setem jenis ini dikeluarkan khusus sebagai setem pos biasa yang digunakan bagi tujuan pengeposan dan sebagainya. Biasanya setem jenis ini boleh dibeli di semua kaunter pejabat pos. Ia dijual dalam jangka masa beberapa tahun iaitu lebih kurang tiga hingga ke enam tahun. Dalam jangka masa itu, jika terdapat kekurangan stok, maka setem jenis ini diulang cetak atau diperbaharui semula.

Terdapat dua siri setem jenis ini

iaitu siri negeri dan siri kebangsaan. Bagi siri negeri, ia mempunyai nilai atau denominasi yang kecil sementara siri kebangsaan pula mempunyai nilai atau denominasi yang lebih besar.



## SETEM KENANG-KENANGAN (*commemorative stamps*)

Pengeluaran setem jenis ini berkaitan dengan persoalan atau isu-isu penting khususnya mengenai peristiwa yang berlaku dalam negara itu dan juga antarabangsa. Biasanya setem jenis

ini dikeluarkan pada setiap tahun iaitu beberapa kali keluaran dalam jangka masa setahun. Setem-setem ini biasanya tidak diulang cetak dan ia dijual sehingga stoknya habis.



## SETEM KHAS (*special stamp*)

Setem-setem jenis ini biasanya menggambarkan perkara-perkara yang umum umpamanya seperti flora, fauna, senibina, bunga-bunga liar, burung-burung liar dan lain-lain lagi. Setem-setem jenis ini juga sering dikeluarkan pada setiap tahun.





## SETEM DENDA (Postage due label)



Setem-setem jenis ini digunakan oleh pejabat pos bagi tujuan untuk memungut bayaran pos terhadap penerima sama ada pengirim yang tidak melekatkan setem yang perlu dibayar terhadap surat atau benda-benda pos yang hendak dikirim olehnya atau pengirim tidak membayar langsung bayaran setem. Setem-setem jenis ini tidak dijual kepada pelanggan atau orang ramai, tetapi bagi peminat dan pengumpul setem ianya amat berguna sebagai suatu bahan koleksi untuk disimpan dalam album mereka bagi tujuan-tujuan yang tertentu.

## SETEM HASIL (Revenue Stamps)



Setem ini dikeluarkan bertujuan untuk menyempurnakan dokumen-dokumen atau surat-surat perjanjian. Nilai setem hasil ialah 10 sen sehinggalah RM1,000.

## LEMBARAN MINI DAN CENDERAMATA (Miniature sheet and survinear sheet)

Setem-setem jenis ini direka khas dan ianya dicetak bersama lembaran yang mengandungi beberapa jenis atau beberapa keping setem yang terdapat dalam satu set lembaran. Di Malaysia setem jenis ini atau dikenali dengan nama lembaran mini yang pertama dikeluarkan pada 16 September 1983 iaitu sempena memperingati Hari Ulang Tahun Ke 50 Angkatan Tentera Malaysia, sementara lembaran mini *survinear* (*survinear sheet*) hanya sekali sahaja dikeluarkan iaitu sempena memperingati Hari Ulang Tahun Ke 25 Kemerdekaan iaitu pada 31 Ogos 1982.



## BUKU SETEM (Stamps Booklet)


Setem-setem yang telah siap disusun dalam jumlah dan nilai tertentu dilampirkan ke dalam buku kecil atau buku setem bagi tujuan untuk memudahkan ianya disimpan dan dibawa ke mana-mana. Bagi Negeri-Negeri Selat buku setem mula dijual pada tahun 1914, sementara Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pula ialah pada tahun 1902. Selepas merdeka buku buku kecil yang mengandungi setem ini mula dijual pada 8 Disember 1973 sehinggalah sekarang.



## SETEM-SETEM TERPAKAI (Used Stamps)

Setem-setem terpakai ialah setem-setem yang telah digunakan dan dibatalkan dengan menggunakan suatu jenis tekanan tertentu. Setem yang telah digunakan atau telah terpakai dapat ditentukan atau diklasifikasikan melalui tekanan cop atau coptarik pos, sementara tekanan melalui pejabat mematikan setem (*stamp-office*) biasanya ialah setem hasil yang terdapat pada surat atau dokumen-dokumen perjanjian, sementara pembatalan dengan kehendak pelanggan atau peminat setem atau dibatalkan dengan begitu sahaja (*cancelled to order, CTO*), hanya dibuat bagi memenuhi keperluan pelanggan serta

peminat setem dan juga penjual setem (*philatelic dealers*).



## SETEM ASLI (Mint Stamps)



Setem ini berkeadaan asli serta bersih dan kemas. Hanya dapat menunjukkan keadaan gam asal yang terdapat pada sebelah belakang setiap kepingan setem. Setem jenis ini tidak rosak atau cacat serta tidak diganggu dengan sebarang pembatalan. Setem jenis ini boleh dibeli di mana-mana pejabat pos atau penjual setem.

## BLOK(Block)



Bentuk kedudukan setem ini adalah bersambung atau bercantum di antara satu sama lain iaitu sekurang-kurangnya dua baris atau lebih. Setiap blok biasanya mengandungi empat keping setem. Setem yang berbentuk blok ini sama ada secara menegak ataupun secara mendatar. Setem bentuk blok yang bersambung dengan plat atau tanda lampu isyarat adalah lebih diminati untuk disimpan sebagai koleksi dan juga bagi tujuan lain.

## STRIP(Jalur)



Setem-setem jenis ini sekurang-kurangnya mengandungi tiga keping dalam satu baris secara menegak

ataupun mendatar ataupun dalam keadaan bergulung. Umpamanya setem yang dikeluarkan di England

(gambar wajah Queen) bernilai 24P dicetak dalam keadaan bergulung.



## SEPASANG GUTTER (Gutter Pair) / JALUR GUTTER (Gutter strip)



Setem-setem setem bersambung secara jenis ini dikenali sebagai dua d u a berpasangan. Kedudukan setem ini ialah sebelah menyebelah dan ia disambungkan oleh satu pemisah atau jalur yang dikenali sebagai 'gutter' atau 'gutter pair' sementara 'gutter strip' (jalur gutter) pula terdapat satu jalur memanjang dalam satu jenis lembaran atau helaian setem. Setem jenis ini yang pernah dikeluarkan oleh Pos Malaysia iaitu mengenai pelbagai jenis

pokok yang terdapat di Malaysia. Setem ini telah dikeluarkan pada 16 Disember 1981 dan yang keduanya pula ialah pada 8 Ogos 1982 sempena menyambut Hari Ulang Tahun Kelimabelas ASEAN. Setem gutter terbaru yang dikeluarkan oleh Pos Malaysia ialah prakeluaran Sukan Komanwel Ke-XVI 1998 bernilai RM1. Gutter yang terdapat pada setem ini menggambarkan empat jenis sukan iaitu kriket, hoki, bola jaring dan ragbi.



## SETEM SEPASANG (A Pair)

Setem ini terdiri dari dua jenis yang tidak terpisah tetapi ia bersambung secara menegak ataupun mendatar.



BELIMBING BESI  
*Averrhoa carambola* \$2



Malaysia

\$180

BELIMBING BESI  
*Averrhoa carambola* \$2



Malaysia

\$200

IA  
IB  
IC  
ID



## SETEM SE-TENANT (Se-Tenant Stamps) BLOK SE-TENANT (Se-Tenant Block)



Bentuk setem jenis ini ialah bersambung atau berpasangan di antarasatu samalain tetapi ia berlainan sama ada dari segi bentuk, corak warna, nilai atau harga. Adajuga setem

jenis ini yang mempunyai harga yang sama iaitu sepasang dalam satu baris sama ada melintang atau menegak dan ada juga setem se-tenant yang sebaris (strip). Namun demikian

terdapat juga setem jenis se-tenant yang berbentuk blok seperti setem yang menggambarkan senjata-senjata tradisional orang Melayu yang dikeluarkan pada 30 Mei 1984.

## SETEM LEBIH CETAK (Overprint)

Ada di antara setem-setem yang telah dicetak terlalu banyak dalam satu satu jangka masa. Bagaimanapun setem berkenaan boleh digunakan lagi dengan cara harga atau nilainya ditambah atau dikurangkan sama ada dengan menggunakan mesin plate pencetak atau dengan tekanan khas menggunakan tangan. Di antara tahun 1892 hingga 1894 Negeri-Negeri Selat pernah mengubah nilai harga setem yang telah sedia dicetak kepada nilai dan harga yang lain.



## SETEM TETEE-BECHE ( *Tetee-Beche Stamps* )



Nama setem ini ialah hasil terjemahan dari bahasa Perancis yang membawa maksud kedudukan setem terbalik (satu ke atas dan satu ke bawah) sama ada sepasang (*pair*), sebaris atau

berbentuk blok dan ia dalam keadaan bersambung. Di Malaysia setem jenis ini hanya sekali sahaja pernah dikeluarkan iaitu pada 2 Disember 1967. Setem ini dikeluarkan bagi memperingati Ulang Tahun Keseratus

Setem Pos. Di England setem jenis ini menunjukkan gambar wajah Baginda Queen berbentuk blok mengandungi empat keping setem, dua keping ke atas dan dua keping lagi ke bawah.



## SETEM ULANG CETAK ( *Reprint* )



Setem jenis ini biasanya dicetak beberapa kali. Hanya setem jenis difinitif sahaja yang diulang cetak. Tanda ulang cetak terdapat pada plat sebelah tepi setiap helaian setem atau lembaran setem. Umpamanya setem siri buah-buahan di Malaysia telah dicetak beberapa kali, sementara di Singapura setem difinitif pelbagai jenis serangga iaitu keluaran 1985 mengandungi spesies pelbagai jenis kumbang berharga 20 sen (*Carpenter Bee*) pernah diulang cetak.

## BARIS LUBANG-LUBANG SETEM (Perforations)

Baris lubang-lubang setem terdapat dengan jelas di setiap tepi kepingan setem. Lubang-lubang kecil setem ini tidak sama jumlahnya di antara sekeping setem dengan keluaran setem yang lain. Adapun tujuan diadakan barisan lubang-lubang kecil ini ialah bagi memudahkan setem itu dipisahkan antara satu sama lain.



## PINGGIR SETEM (Margin Stamps)

Biasanya terdapat ruang pemisah di antara satu setem dengan setem yang lain, di tepi baris sempadan setiap setem itu terdapat ruang kosong yang memanjang sama ada menegak atau mendatar dan ini dikenali sebagai 'margin'. Biasanya setem-setem yang dikeluarkan di Malaysia mempunyai margin, tetapi ada juga setem-setem yang tidak mempunyai margin.



## WARNA PENGESAN (Colour Checks) LAMPU ISYARAT (Traffic Lights)




Terdapat pelbagai warna pada margin di setiap lembaran atau helaian (sheet) setem. Ini adalah untuk menggambarkan sebagai petunjuk pelbagai jenis dakwat yang akan digunakan dalam proses pencetakan setem dan juga bagi tujuan pengesahan dan penyemakan warna yang digunakan oleh pencetak setem.



## SELEMBAR SETEM POS (Post Office Sheet)

Setem-setem ini merupakan satu pejabat pos. Setiap satu lembaran setem biasanya mengandungi pelbagai jenis gambar dan terdapat juga gambar-gambar yang sama. Lembaran setem yang lengkap dan ia boleh dibeli di mana-mana kaunter 100 keping setem. Satu set lembaran setem biasanya mengandungi 50 atau 100 keping setem. Satu set lembaran setem biasanya mengandungi pelbagai jenis gambar dan terdapat juga gambar-gambar yang sama.





## NOMBOR PLAT (Plate Number)



Terdapat makna dan tujuan tertentu nombor plat ini dicetak di sebelah tepi helaian atau lembaran setem. Tujuannya ialah bagi menunjukkan warna-warna yang akan digunakan dalam proses mencetak setem

berkenaan. Di Malaysia nombor plat yang terdapat pada margin di tepi setiap lembaran setem dianggap sebagai siri cetakan pertama, kedua dan seterusnya. Setem difinitif jenis buah-buahan (Agro-base) telah diulang

cetak beberapa kali. Nombor plat ini juga terdapat pelbagai warna dan lainya adalah sebagai lambang atau petunjuk warna warna yang terdapat dalam setiap setem yang akan dikeluarkan.

## SAMPUL SURAT HARI PERTAMA (First Day Cover)

Pejabat Pos secara rasminya akan mengeluarkan sampul surat hari pertama setiap tahun bersama dengan setem-setem baru. Pejabat Pos di Malaysia telah mengeluarkan setem beserta sampul surat hari pertama dalam pelbagai peristiwa yang menarik sama ada peristiwa itu berlaku di dalam negara atau peristiwa yang berlaku di luar negara yang mempunyai kaitan dengan negara kita. Terdapat pelbagai siri keluaran setem beserta sampul surat hari pertama. Di antara siri-siri itu ialah siri kenang-kenangan, siri keluaran khas dan siri negeri.





## SETEM KENANG-KENANGAN



Di antara setem-setem menarik pernah dikeluarkan bersama sampul surat hari pertama ialah seperti sempena pelancaran penerbangan pertama MAS dari Kuala Lumpur ke Los Angeles pada 31 Julai 1986, Pelancaran Pos Malaysia sebagai badan korporat pada 1 Januari 1992, sempena ulang tahun Ke-100 Muzium Sarawak pada 21 Disember 1991, sempena pelancaran Sistem Penerbangan Malaysia pada 1 Oktober 1973, perayaan 25 tahun Sabah merdeka dalam Malaysia pada 31 Ogos 1988 dan sempena pertabalan DYMM Sultan Azlan Shah sebagai Yang Di Pertuan Agong pada 18 September 1989. Setem keluaran sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia/ Yang Di Pertuan Besar adalah siri

negeri dan ia juga adalah sebagai setem kenang kenangan.

Di antara setem dan sampul surat hari pertama bagi memperingati penyertaan Malaysia di peringkat antarabangsa pula ialah seperti setem sempena Persidangan Antarabangsa Bangsa-bangsa Bersatu, Mengenai Penggunaan dan Pengedaran Dadah Secara Haram yang diadakan pada 17 hingga 26 Jun 1987 di Vienna dan lain-lain isu yang berkaitan dengan hubungan antarabangsa. Biasanya setem yang dikeluarkan itu mengandungi satu setem atau lebih dan setem ini akan dilekatkan pada sampul surat hari pertama dengan cop tarikh pada hari ia dikeluarkan. Secara rasminya sampul surat hari pertama

bersama setem yang dikeluarkan itu hanyalah bagi satu hari berkenaan sahaja untuk dicop tarikh sempena sampul surat hari pertama. Sementara sampul surat hari pertama beserta setem siri keluaran khas (*special issue*) biasanya bertemakan binatang-binatang, tumbuh-tumbuhan (flora dan fauna) serta budaya dan kesenian atau ia lebih bersifat umum. Umpamanya sampul surat hari pertama beserta setem beberapa jenis spesies burung enggang yang dikeluarkan pada 26 Oktober 1983, setem bunga raya yang dikeluarkan pada 12 Disember 1984, setem burung pekaka yang dikeluarkan pada 23 Oktober 1993, orked atau bunga angerik Malaysia yang dikeluarkan pada 17 Februari 1994 dan pelbagai lagi.

Sampul surat hari pertama beserta setem siri negeri pula agak berbeza kerana harga atau nilai setem siri negeri adalah bernilai rendah, umpamanya setem yang menggambarkan kopi (1 sen), pokok kelapa (2 sen), koko (5 sen), lada hitam (10 sen), getah (15 sen), kelapa sawit (20 sen) dan padi (30 sen). Sampul surat hari pertama siri negeri bersama pelbagai jenis bunga angerik pernah dikeluarkan pada tahun 1965, kupu-kupu pada tahun 1970 dan bunga-bunga yang terdapat di Malaysia pada tahun 1979.

## PEK CENDERAMATA (*Presentation Packs*)

Pek cenderamata ini berupa kad ("folder") yang direka khas, di dalam kad ini terdapat satu set setem yang telah disusun dalam bentuk yang kemas dan menarik. Latarbelakang setem baru ini tercatat dalam pek


kad berkenaan. Biasanya pek ini dikeluarkan bersama dengan setem baru iaitu serentak dengan keluaran setem bagi sampul surat hari pertama. Sesuai dengan namanya ia boleh disimpan atau dijadikan sebagai hadiah dan pemberian yang menarik dan berharga.




## ALBUM SETEM (*Stamps Album*)

Album setem adalah sebagai tempat yang sesuai untuk kita menyimpan setem dengan selamat dan kemas. Pelbagai cara kita boleh menyimpan dan menyusun setem, sama ada mengikut tema negeri, defnitif, kenangan dan lain-lain lagi. Jika kita meminati sesuatu setem yang bertema flora dan fauna, album itu boleh dipenuhi dengan setem sedemikian rupa, begitu juga dengan pelbagai jenis setem yang lain, dengan cara ini kita akan memperbanyakkan lagi koleksi setem di samping itu kita dapat mengenali dan menyusunnya dengan mudah dalam satu-satu album

yang berasingan. Album setem ini biasanya boleh kita beli di kedai kedai *philateli*.



## ALBUM SAMPUL SURAT HARI PERTAMA (First Day Cover Album)



Album ini dibuat adalah bertujuan untuk menyimpan sampul surat hari pertama dengan lebih teratur dan kemas. Album ini mengandungi sampul-sampul plastik yang digunakan untuk menyimpan sampul-sampul surat hari pertama. Ia boleh dibeli di mana-mana pejabat pos.

## KAD POS/KAD MAKSIMA (Postcards/Maximum Cards)

Kad pos dibuat bagi tujuan untuk memudahkan orang ramai menulis surat atau berita secara mudah dan ringkas untuk dikirimkan.

Kad pos ini biasanya dicetak bersama setem yang terletak di penjuru kanan atas kad pos tersebut. Terdapat juga kad pos yang dicetak tanpa setem yang mana pengguna perlu melekatkannya kemudian.

Kad maksima (*maximum cards*) biasanya dikeluarkan oleh bahagian philateli pos sebagai memenuhi cita rasa peminat dan juga pengumpul setem. Sebenarnya kad maksima ini ialah keluaran setem baru yang telah diperbesarkan saiznya yang berbentuk sekeping kad. Keluarannya juga sering seiring dengan setem baru bersama sampul surat hari pertama.



## SETEM TEMA (Thematic Stamps)

Setem biasanya menggambarkan tema-tema tertentu. Oleh kerana terdapat pelbagai bentuk dan jenis setem sama ada di Malaysia dan juga di negara lain menyebabkan cita rasa peminat setem turut berbeza. Mereka mengumpul setem mengikut minat dan kesukaan masing-masing. Umpamanya jika kita memilih tema setem berasaskan seni bina bangunan mungkin setem-setem yang kita kumpulkan itu adalah bermula dari setem yang menggambarkan pelbagai bentuk seni bina bangunan yang terdapat di seluruh dunia sehinggalah kepada setem yang menggambarkan bangunan seni bina moden. Gambar

gambar yang terdapat pada setiap kepingan setem, mengandungi tema-tema tertentu kerana sekeping setem itu dapat menafsirkan atau menggambarkan seribu makna.



## TIKAS AIR (Watermark)



Tikas air (*watermark*) digunakan bagi merujuk kepada tanda atau kesan yang ada pada pelbagai jenis setem untuk menunjukkan identiti setem sama ada asli atau bukan asli. Setiap setem yang dikeluarkan biasanya mempunyai tikas air (*watermark*). Tikas air ini terdapat dalam pelbagai rupa dan bentuk seperti 'POS', 'SPM' dan lain-lain lagi. Namun begitu terdapat juga setem yang tidak mempunyai tikas air (*watermark*). Kita



boleh lihat tanda tikas air ini dengan jelas apabila setem itu diapungkan atau direndamkan ke dalam 'benzine' (sejenis petrol) tetapi setem berkenaan

mestilah dalam keadaan bersih dan sempurna. Tanda tikas air yang terdapat pada setem boleh juga dilihat melalui cahaya lampu 'ultraviolet'.



## DAFTAR WARNA DAN TANDA PANDU (Colour Registry/Guide Marks)



Tanda pandu (*guide marks*) yang terdapat pada tepi pinggir setiap lembaran atau helaian setem ini sama ada berbentuk palang, palang dalam bulatan atau garisan lurus. Tujuannya ialah untuk membuat penyemakan dan juga ketepatan warna semasa setem itu dicetak. Apabila setiap warna telah didaftarkan dengan tepat maka tanda pandu (*guide marks*) akan dicetak.

## SETEM YANG MENGANDUNGI KESILAPAN DAN PERBEZAAN (Errors and Varieties)

Semasa mencetak setem mungkin terdapat perbezaan dan kesilapan. Kesilapan ini dapat dikesan dari pelbagai segi sama ada dari segi warna, gambar, lubang setem dan lain-lain lagi. Setem yang pernah dikeluarkan pada tahun 1898 di New Zealand sepatutnya dieja 'wakitipu' tetapi dieja sebagai 'wakitipu'. Sementara itu terdapat setem Borneo Utara (Sabah) yang mana ejaan ibu negerinya ialah 'Jessleton' yang sepatutnya dieja sebagai 'Jesselton'. Berlakunya kesilapan dan perbezaan ini bukanlah satu perkara yang disengajakan kerana

mencetak setem adalah satu kerja yang rumit dan memerlukan penelitian yang rapi kerana jika tidak setem-setem yang

dicetak pasti akan mengalami kerosakan, kecacatan, kesilapan dan perbezaan.



## SETEM DWIBAHAGI (Stamps Bisects)

Setem jenis ini asalnya berharga 5 sen sekeping tetapi oleh kerana berlakunya kekurangan setem yang bernilai 2 sen dan 3 sen maka setem 5 sen ini telah dipotong dua untuk memenuhi permintaan. Setem 5 sen ini ialah keluaran pada tahun 1893 dan 1897 iaitu semasa Negeri Pahang di bawah pemerintahan British. Pegawai Kewangan Negeri iaitu John Fortescue Owen mengarahkan supaya setem ini dibahagi dua iaitu dipotong dari dua penjuru bermula dari bawah kiri ke atas kanan. John Fortescue Owen telah menurunkan tandatangan ringkas pada setiap keratan setem itu dengan menulis 'JFO' beserta angka '2' dan



'3'. Beliau juga turut membatalkan nilai asalnya 5 sen dengan menurunkan tandatangan ringkas. Setem ini mempunyai nilai dan harga yang sangat tinggi di pasaran pada masa sekarang.



## LABEL SETEM (Postage Label)

Biasanya di Pejabat Pos Besar terdapat 'vending machine' untuk mendapatkan label bayaran pos. Untuk mendapatkan label bayaran pos ini ialah dengan cara memasukkan wang syiling ke dalam ruang yang telah ditetapkan dalam jumlah tertentu sebagai ganti setem. Label yang bertanda dengan harga ini bolehlah dianggap sebagai satu alternatif kepada pengguna dan pelanggan sebagai bayaran setem dan ia boleh digunakan untuk semua jenis pengeposan surat dan juga bungkusan.



## LABEL FRANKING


Ia merupakan suatu label sebagai bayaran pos yang dicetak dengan menggunakan sejenis mesin 'elektronik franking' untuk tujuan pengeposan. Mesin itu perlulah disetkan terlebih dahulu seperti harga bayaran dan tarikh pengeposan. Selepas itu segala surat-surat atau benda-benda pos itu



dilabelkan atau dicop dengan franking mengikut nama pejabat pos seperti 'Kuala Lumpur', 'Ipoh', 'Shah Alam' dan sebagainya beserta bayarannya mengikut berat dan destinasi surat berkenaan. Perkhidmatan ini juga merupakan sebagai satu alternatif selain daripada bayaran setem sebenar.

## BAYARAN POS JELAS (Postage Paid)

Bayaran pos jelas ini ialah merupakan bayaran pos dengan menggunakan satu bentuk tekanan seperti cop tarikh dan bertulis 'bayaran pos jelas' dan adajuga dengan menggunakan kaedah pos jelas yang telah sedia tercetak pada sampul-sampul, pembalut-pembalut atau pembungkus-pembungkus yang hendak dikirimkan. Bayaran pengeposan ini juga sebagai alternatif tanpa menggunakan setem biasa bagi memudahkan pengeposan yang dibuat secara banyak (*bulk-posting*). Setiap bayaran pos jelas mestilah dibuat melalui kaunter pejabat pos.



## SAMPUL SURAT UDARA/DOMAIL (Aerogramme)

Surat udara adalah merupakan sehelai kertas yang dicetak bersama dengan nilai setem 50 sen. Ruangan kosong di sebelah dalam helaian surat udara bertujuan untuk ditulis apa sahaja catatan/berita yang hendak dikirimkan. Sementara ruang di sebelah luarnya pula disediakan ruangan untuk ditulis alamat penerima dan pengirim surat berkenaan. Surat udara ini khusus untuk digunakan sebagai kiriman surat ke luar negeri. Sementara surat *domail* (*domestic mail*) mempunyai saiz yang sama dengan surat udara (*aerogramme*) tetapi ia hanya digunakan sebagai kiriman surat dalam negeri.



## PERKHIDMATAN JAWAPAN PERNIAGAAN DALAM NEGERI/ANTARABANGSA



Ini adalah merupakan satu perkhidmatan yang memberi kemudahan kepada orang perseorangan dan firma/syarikat yang memerlukan jawapan daripada pelanggannya tanpa pelanggannya itu mengeluarkan belanja pos

(setem pos). Caranya ia boleh dimasukkan ke dalam surat menyuratnya satu kad jawapan, sampul surat atau surat berlipat yang tidak berselem mengikut ukuran dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak pos.

Pelanggan yang menerima surat tersebut boleh menggunakan kad jawapan perniagaan tanpa dikenakan bayaran setem.



SETEM DEFINITIF - SIRI NEGERI • DEFINITIVE STAMPS - STATE SERIES • SAMPUK SURAT HARI PERTAMA



SETEM DEFINITIF - SIRI NEGERI • DEFINITIVE STAMPS - STATE SERIES • SAMPUK SURAT HARI PERTAMA

# BAB 2



*Pertanian Dan Buah-Buahan Malaysia*

# PENGENALAN



MALAYSIA ADALAH SEBUAH NEGARA PERTANIAN YANG MERUPAKAN PENGELUAR TERBESAR GETAH DAN KELAPA SAWIT. KEDUA-DUA JENIS TANAMAN INI MEMPUNYAI KAWASAN TANAMAN YANG LUAS DAN IA MERUPAKAN PENYUMBANG YANG BESAR TERHADAP PERTUKARAN WANG ASING DAN KEGIATAN EKONOMI NEGARA. TANAMAN SEPerti KOKO, KOPI, REMPAH DAN LADA HITAM TELAH DITANAM DENGAN JAYANYA DAN MEMBERIKAN SUMBANGAN YANG PENTING TERHADAP HASIL EKSPORT NEGARA MALAYSIA. DARI SEGI PENGELUARAN MAKANAN, PADI MERUPAKAN TANAMAN MAKANAN YANG UTAMA. PADI PADA MASA SEKARANG MASIH LAGI TIDAK MENCUKUPI UNTUK MENAMPUNG SEBAGAI MAKANAN UTAMA BAGI PENDUDUK MALAYSIA. IA MASIH LAGI DIIMPORT DARI NEGARA JIRAN. DALAM HAL INI NEGARA KITA BERUSAHA UNTUK MENINGKATKAN PENGELUARAN PADI. TANAMAN MAKANAN TEMPATAN YANG LAIN SEPerti KELAPA DAN KACANG TANAH MERUPAKAN SUMBER YANG PENTING BAGI PENGELUARAN MINYAK. UBI KAYU DAN UBI KELEDEK PULA DITANAM BAGI MENDAPATKAN KANJINYA. MALAYSIA MASIH MENGIMPORT KELADI DAN KACANG SOYA DENGAN KUANTITI YANG BESAR BAGI KEPERLUAN PENDUDUK DAN MAKANAN HAWAN. SISTEM BAGI TANAMAN PERTANIAN INI TERDIRI DARI DUA SIRI IAITU SIRI NEGERI DAN SIRI KEBANGSAAN. BAGI SIRI NEGERI IA BERNILAI KECIL. SEMENTARA SETEM SIRI KEBANGSAAN PULA BERNILAI BESAR.

SETEM INI IALAH JENIS DEFINITIF.



# SIRI NEGERI

Setem berharga 1 sen menggambarkan buah kopi (*coffea liberica*) yang merupakan sejenis tanaman tanah pamah dan ditanam dalam apa jua jenis tanah sama ada tanah gambut mahupun tanah liat tetapi ia memerlukan hujan yang lebat dan suhu yang tinggi. Pokok kopi boleh tumbuh setinggi 7 meter. Daunnya lebar, licin dan berwarna hijau tua sementara bunganya seperti bintang berwarna putih dan harum baunya. Buah kopi berbentuk bujur dan semasa muda berwarna hijau dan apabila masak berwarna merah hati. Pokok kopi biasanya berbuah selepas tiga tahun ditanam.

Setem berharga 2 sen menggambarkan buah kelapa (*cocos nucifera*). Ia ditanam di kawasan pantai yang berpasir dalam kawasan tropika dan memerlukan suhu yang sesuai serta taburan hujan yang agak rata. Pokok kelapa mempunyai daun yang berumpun di bahagian atas batangnya dan boleh tumbuh setinggi 30 meter. Biasanya buah kelapa berbentuk bujur dan

berwarna hijau, kuning ataupun oren. Apabila telah tua ia berwarna coklat tua. Kelapa terdiri dari pelbagai jenis mengikut tinggi, saiz buahnya serta warnanya.

Setem berharga 5 sen menggambarkan buah koko (*theobroma cacao*) la merupakan

sejenis tumbuhan tropika yang amat sesuai ditanam di kawasan tanah liat atau tanah liat berpasir. Pokok koko boleh tumbuh setinggi 8 meter. Daunnya lebar serta berwarna hijau tua. Buah koko dikenali juga sebagai lenggai. Setiap satunya mengandungi antara 35 hingga 45 biji yang tumbuh dari batang utama

pokoknya serta dahan-dahan di sekelilingnya. Buah koko yang muda berwarna putih, hijau atau merah dan apabila masak bertukar kepada warna merah atau ungu.

Setem berharga 10 sen menggambarkan buah lada hitam (*peper nigrum*). Ia boleh ditanam di kawasan tanah rendah dalam iklim yang panas lembab dan memerlukan tanah yang kaya dengan humus serta mendapat bekalan air yang mencukupi. Pokok lada hitam ialah daripada jenis tumbuhan saka yang memanjat dan boleh tumbuh setinggi 10 meter. Ia mempunyai daun jenis tunggal yang terletak berselang di rantingnya yang memanjat dan berputik. Buahnya berbentuk bulat dan kulitnya berwarna hijau dan berubah menjadi merah apabila masak dan hitam apabila dikeringkan.

Setem berharga 15 sen menggambarkan pokok getah (*hevea brasiliensis*). Pokok getah hidup subur dalam kawasan yang beriklim panas, lembab

berwarna coklat. Susu getah di dapati dengan menoreh bahagian kulit pokok dan ini boleh diusahakan selepas lima tahun ditanam.

Setem berharga 20 sen menggambarkan pokok kelapa sawit (*elaeis guineensis*). Kelapa sawit memerlukan cahaya matahari dan taburan hujan yang secukupnya sepanjang tahun. Pokok ini boleh tumbuh sehingga 20 meter. Batang pokok kelapa sawit terjadi bila umumnya tiga tahun. Daunnya tersusun berlingkar pada batang utama. Buahnya tumbuh dari celah ketiak daunnya yang rendah. Buahnya berbentuk antara bulat dan bujur dengan warna yang berbeza dari warna oren ke warna merah tua.

Setem berharga 30 sen menggambarkan pokok dan buah padi (*oryza sativa*). Pokok padi ini biasa didapati di kawasan tanah rendah. Pokok padi boleh tumbuh setinggi sehingga 150 sm dan

mempunyai batang berwarna hijau beruas serta licin, berbentuk selinder, panjang batangnya sehingga 50 sm serta mempunyai buku buku yang pejal dan ruas yang kosong. Daunnya terletak berselang dan setiap ruas bukannya ditumbuhi sehelai daun.

Saiz padi berbeza bergantung kepada jenisnya. Padi memerlukan tempoh selama 30 hari untuk masak. Sampul surat hari pertama bagi setem-setem siri negeri jenis definitif seperti di atas telah dikeluarkan pada 25 Oktober 1986.



dengan suhu di antara 22 darjah Celcius. Pokok ini boleh tumbuh tinggi sehingga 25 meter. Buah getah akan bertukar warna dari hijau menjadi coklat apabila kering. Buah getah yang mempunyai 3 cuping keras seperti kayu, akan pecah apabila ia telah masak dan mengeluarkan tiga biji benih yang besar

# SIRI KEBANGSAAN

Setem definitif siri kebangsaan terdiri dari setem 40 sen, 50 sen, 80 sen, RM1, RM2, RM5, RM10 dan RM20. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 5 Jun 1986.

Setem berharga 40 sen menggambarkan buah rambutan (*nephelium lappaceum*). Rambutan adalah sejenis pokok yang tumbuh rimbu. Ia boleh tumbuh setinggi 20 meter, mempunyai dahan yang banyak. Biasanya pokok rambutan berbuah dua kali setahun. Buah yang muda berwarna hijau dan yang masak berwarna kuning atau merah manakala kulitnya berbulu seperti rambut lembut. Isi rambutan lembut dan berjus serta boleh dimakan.

Setem berharga 50 sen menggambarkan pokok nenas (*ananas comosus*). Pokok nenas mempunyai daun pelepah yang berdiri dan ia tumbuh serumpun. Buahnya putih dari pangkal rumpun dan terbentuk dari kelompok-kelompok bunga yang melekat pada batangnya. Apabila telah tersenyawa secukupnya, bunga ini akan bertukar menjadi buah. Buah yang muda berwarna hijau kehitaman dan setelah masak berwarna kuning jingga dengan tompok-tompok hijau. Warna isi nenas antara kuning dan kuning pucat bergantung kepada jenisnya dan isinya boleh dimakan.

kepada empat atau lima pangsa dan setiap pangsa berisi satu hingga tujuh ulas biji dan biasanya berukuran 6 sm panjang dan 1.5 sm lebar. Biji durian diselaputi oleh isi yang tebal berwarna krim atau kuning dan boleh dimakan.

Setem berharga RM1 menggambarkan pokok manggis (*garcinia mangostana*). Pokok manggis boleh tumbuh setinggi 14 meter dan tumbuh rimbu. Buah manggis berbentuk bulat sementara bahagian tampuk dan bawahnya pula agak rata. Kulit buah manggis tebal dan licin. Buah yang muda berwarna hijau dan apabila masak berubah menjadi merah hati atau merah gelap. Sebiji buah manggis mengandungi lima hingga lapan ulas. Isinya putih dan boleh dimakan.

Setem berharga RM2 menggambarkan belimbing besi (*averrhoa carambola*). Pokok belimbing besi boleh tumbuh setinggi 15 meter. Pokoknya berbunga sepanjang tahun dan mempunyai bunga

pipih. Buah ini boleh dimakan.

Setem berharga RM5 menggambarkan pokok pisang mas (*musa sapientum*). Pokok pisang ialah tumbuhan jenis herba yang mempunyai umbi di pangkalnya. Bunganya berjambak dan terdiri dari bunga-bunga yang tersusun berumpun dalam dua baris. Setiap rumpun diliputi seludang merah atau jantung. Buahnya tersusun di bahagian bawah tangkai bunga sama seperti bunganya juga. Buah yang muda berwarna hijau dan bertukar menjadi kuning keemasan apabila masak.

Setem berharga RM10 menggambarkan buah kuini (*mangiferao rata*). Pokok kuini adalah tumbuhan jenis mangga dan boleh tumbuh setinggi 30 meter. Pokok ini berbunga dan berbuah selepas empat tahun ditanam. Buah kuini tergolong dari jenis berjus dan berwarna hijau kekuning-kuningan apabila masak. Kuini adalah buah pepauh yang mempunyai isi tebal berwarna kuning atau oren.

Boleh dimakan dan dalam isinya terdapat biji disaluti kulit keras.

Setem berharga RM20 menggambarkan buah betik (*carica papaya*). Pokok betik cepat tumbuh dan mempunyai batang berongga dan tidak berkayu. Ia boleh tumbuh setinggi 10 meter. Pokok betik berifat


berjambak. Buahnya beralur dan berbentuk lima segi. Belimbing besi ini lembut dan licin. Buah yang muda berwarna hijau dan beransur-ansur menjadi kuning atau oren apabila masak. Isinya yang kekuningan biasanya lembut dan berjus. Di dalamnya terdapat biji

sejantina. Saiz dan bentuk betik amat berbeza. Di bahagian tengah buahnya terdapat biji yang kecil tetapi ada juga yang tidak berbiji. Isi betik mengandungi jus.



Setem berharga 80 sen menggambarkan buah durian (*durio zibethinus*). Durian sejenis pokok bercabang dan boleh tumbuh setinggi 40 meter. Buah durian mempunyai bentuk dan saiz berbeza, dengan kulit luarnya tajam dan berdur. Buah durian terbahagi

# B A B 3



*Flora Dan Fauna*

# bunga angerik

Pada tahun 1965 terdapat dua setem difinitif iaitu setem siri negeri bertemakan pelbagai jenis bunga angerik sementara setem siri kebangsaan bertemakan pelbagai jenis burung. Sampul surat hari pertama setem yang bertemakan bunga angerik ialah pada 15 November 1965. Terdapat tujuh dominasi setem siri negeri beserta dengan gambar wajah DYMM Sultan berserta logo kerajaan negeri masing-masing.

Jenis bunga angerik yang terdapat pada setem ini ialah angerik pensel (*vanda hookeriana*) yang berharga 1 sen. Angerik ini banyak terdapat di Malaysia. Pokoknya kecil dan daunnya bulat buluh. Umumnya warna bunga angerik ini ungu muda keputih-putihan dan keliling kuntumnya berwarna biru lebam. Angerik ini dicampurkan (dihibridkan) dengan pelbagai jenis angerik yang lain untuk menghasilkan bunga-bunga yang baru.

Kedua ialah setem yang menggambarkan angerik bambu (*arundina graminifolia*) yang berharga 2 sen. Pokoknya tegak, berasingan di antara satu sama lain. Daunnya berbentuk seperti rumput atau daun buluh. Bunganya berwarna kemerahmerahan dan tangkainya putih berjalur-jalur kuning. Kuntum bunganya

tidak banyak dalam satu-satu masa.

Ketiga ialah setem yang menggambarkan angerik kasut (*paphiopedilum niveum*) yang berharga 5 sen. Spesies ini di antara yang tercantik kerana bentuk bunganya tidak ubah seperti kasut. Pokoknya tidak lebih dari 9 inci tinggi dengan daun yang tebal berwarna ungu di sebelah bawah, hijau tua di sebelah atas dan bertorek-torek putih serta tersusun rapat di antara satu sama lain. Warna bunganya putih berbintik-bintik dengan warna ungu pada pangkalnya. Ia didapati tumbuh di kawasan yang berbatu seperti di Pulau Langkawi dan utara Semenanjung Malaysia.

Setem yang keempat menggambarkan angerik buluh hutan (*spathoglottis plicata*) yang berharga 6 sen. Ia banyak ditanam di taman-taman bunga terutama sekali di dalam pasu. Daunnya berbentuk seperti daun 'palm'. Terdapat pelbagai spesies dalam kumpulan angerik ini danyang membezakannya ialah warna bunganya yang berlainan. Pelbagai jenis bunga telah dihasilkan dari usaha menghibridkan dengan benih pokok lain.

Kelima ialah setem yang menggambarkan

angerik kasturi (*arachnis floereri*) yang berharga 10 sen. Angerik ini seperti rupa seekor kala. Pokoknya seakan akar menjalar ke atas. Ia boleh hidup di pokok-pokok kayu. Bunganya berwarna hijau kekuning-kuningan dengan tulang-belakang yang lebar serta berbintik-bintik perang. Kebanyakannya ditanam di atas batas.

Keenam ialah setem yang menggambarkan angerik lilin atau angerik ekor tupai atau ekor musang (*rhyncostylis retusa*) yang berharga 15 sen. Angerik ini mempunyai bunga yang berjambak. Bunga angerik ini berwarna keputih-putihan serta berbintik-bintik ungu.

Ketujuh ialah setem yang menggambarkan angerik anak bulan (*phalaenopsis violacea*) yang berharga 20 sen. Bunganya tidak tahan lama, ia kembang sekuntum atau dua kuntum dalam satu masa. Daunnya besar, lebar, dan berwarna hijau tua. Bunganya pula berwarna kehijau-hijauan bercampur ungu muda dan keliling kuntumnya berwarna ungu tua. Ia juga wangi. Ia juga dihibridkan untuk mendapatkan spesies-spesies baru.





# burung-burung

Sampul surat hari pertama siri kebangsaan pula bertemakan pelbagai jenis burung. Sempena keluaran setem ini, sampul surat hari pertamanya ialah pada 9 September 1965.

Setem berharga 25 sen menggambarkan Burung Siul (*crested green wood-partridge/Rolulus roulroul*). Burung ini terdapat di hutan-hutan pamah dan juga lembah lurah bukit di seluruh Malaysia. Burung ini mencari makanan di atas tanah. Ia jarang terbang jauh. Sarangnya diperbuat daripada daun-daun kering berlapis-lapis, telurnya berwarna putih.

Setem berharga 30 sen menggambarkan Burung Murai Gajah (*fairy-blue bird/Irena puella malayensis*). Burung ini jarang-jarang kelihatan bersejorok. Ia selalu berpasangan, makanannya adalah terdiri dari buah-buahan. Sarangnya diperbuat dari ranting-ranting kayu di atas pokok yang tinggi.

Setem berharga 50 sen menggambarkan Burung Kuntit Besar (*the black-naped oriole/oriolus chinensis maculatus*) Burung ini biasa terdapat di bandar-bandar, di taman-taman serta di kampung-kampung. Ia memakan buah-buahan dan ia jarang turun ke tanah. Pergerakannya pantas dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Sarangnya terdapat di cabang-cabang dahan setinggi 60 hingga 70 kaki, diperbuat dari kulit kulit kayu,

ranting, rumput dan juga akar kayu. Telurnya berwarna putih berpanting ungu muda berbintik-bintik dan berbelang-belang pula dengan warna ungu keperang-perangan.

Setem berharga 70 sen menggambarkan Burung Enggang (*the rhinoceros-hornbill/buceros rhinoceros*). Burung ini mempunyai bentuk badan yang agak besar, ia tinggal di hutan-hutan pamah dan kawasan berbukit di Malaysia. Makanannya terdiri dari buah-buahan hutan dan pokok yang tinggi. Burung ini biasanya berpasangan secara berkumpulan. Sudah menjadi kebiasaan burung Enggang betina tinggal di dalam sarang yang mana sebahagian dari pintu masuknya ditutup dengan lumpur. Hanya Burung Enggang jantan keluar mencari makanan.

Setem berharga RM1 menggambarkan Burung Merbuk (*the barred ground dove/geopelia striata*). Burung ini biasa didapati di tanah-tanah lapang serta di kawasan kampung dan ia sangat digemari oleh kebanyakan orang di Malaysia untuk dipelihara dalam sangkar. Burung ini digemari kerana suaranya yang merdu dan boleh dipertandingkan. Burung ini lazimnya mencari makanan di atas tanah. Sarangnya diperbuat daripada ranting-ranting kecil di atas pokok yang agak rendah. Telurnya berwarna putih.

Setem berharga RM2

menggambarkan Burung Kuang (*argus pheasant/argusianus argus*). Burung ini terdapat di hutan-hutan besar serta di kaki bukit seluruh Malaysia. Suaranya agak kuat dan sayu serta boleh kedengaran dari jauh. Kuang jantan biasanya menyedak tamen menari yang mana kawasan itu bersih dari sampah-sarap. Tujuannya adalah untuk menarik perhatian Kuang betina.

Setem berharga RM5 menggambarkan Murai Ekor Gading (*predise flycatcher/terpsiphone paradisi affinis*). Burung ini sangat cantik. Ia terdapat di hutan pamah dan kawasan kaki bukit seluruh Malaysia. Burung Murai Ekor Gading yang jantan mempunyai ekor yang panjang, apabila ia terbang, tidak ubah seperti tali pita. Sarangnya tidak berapa tinggi dari tanah. Ia berbentuk seperti mangkok dan diperbuat dari lumut-lumut beralaskan rumput-rumput kering dan akar kayu yang kecil. Telurnya berkilat, berwarna merah muda serta berbintik-bintik perang dan berbelak-belak.

Setem berharga RM10 menggambarkan Burung Pacat (*the banded-pitta/pitta guajana*). Burung ini biasa terdapat di semak-semak kecil. Ianya agak sensitif dan mudah menghilangkan diri ke dalam semak-semak apabila terdapat gangguan. Burung ini lebih suka tinggal di kawasan bukit yang berbatu kerana berkemungkinan mudah baginya mendapatkan makanan seperti siput-siput kecil.





# Kupu-kupu-ndny

Siri negeri mengandungi gambar kupu-kupu beserta wajah DYMM Sultan dan logo negeri masing-masing. Sampul surat hari pertama bagi setem ini ialah pada 1 Februari 1971.

Setem 1 sen menggambarkan *Delias Ninus* (Jezebel Malaya), ia didapati di kawasan tanah pamah sehingga paras 3,000 kaki. Jenis betina persis jenis jantan cuma sayap bahagian hadapannya lebih bulat dan sayap belakangnya agak besar.

Setem 2 sen menggambarkan *Danaus Melanippus Hejesippus* (Harimau Berloreklorek Hitam), ia dilihat di kawasan tanah rata. Kepompongnya hitam serta berbintik kuning dan berbelang kelabu.

Setem 5 sen menggambarkan *Parthenos Sylvia Lilacinus* (Pelayang), ia suka hinggap di pokok-pokok kecil dan juga bunga perpagar. Kepompongnya kehijauan, coklat kekuningan beserta jalur coklat tua.

Setem 6 sen menggambarkan *Papilio Demoleus Malayanus* (Kupu-kupu Kapor), ia didapati di kawasan taman dan bertelur diatas daun buah-buahan. Kepompongnya coklat tua dengan tanda putih seakan-akan tali burung.

Setem 10 sen menggambarkan *Hedonmoia Glaucippe Aturia* (Kupu-kupu Hujung Kuning Yang Besar), ia mendiami kawasan tanah rata,

bukit dan lembah sungai. Kupu-kupu yang jantan bergerak pantas.

Setem 15 sen menggambarkan *Precis Orithya Wallacei* (Kupu-kupu Pansy Biru), ia jarang dijumpai dan boleh dilihat di tompok-tompok rumput di tepi jalan dan kawasan tanah rata. Kepompong kupu-kupu ini hitam bercampur coklat dan kuning.

Setem 20 sen menggambarkan *Valeria Valeria Lutescens* (Pengembara), ia dilihat di kawasan hutan hingga ke paras 3,000 kaki. Pergerakannya pantas. Kepompongnya hijau tua beserta tompok-tompok putih disaluti dengan bulu halus.

Setem sampul surat hari pertama siri kebangsaan ialah pada 31 Ogos dan 16 November 1970.

Setem berharga 25 sen menggambarkan *Euploea Leucostictos Leucognis* (Raja Gagak Biru), ia didapati di kawasan hutan dan bukit. Ia kadang kala berkumpul banyak pada satu satu ketika. Kepompongnya yang hitam ada 4 pasang serabut (filaments).

Setem 30 sen menggambarkan *Zeuxidia Anethystus Amethystus* (Bintang Zuhal), ia didapati di tepi sungai dan kawasan jeram.

Setem 50 sen menggambarkan *Polyura Athamas Samatha* (Timbalan Raja Biasa), ia didapati di kawasan anak sungai dan kawasan hutan. Pergerakannya pantas. Kepom-

pongnya hijau tua dan kekuningan dengan jalur pucat di tepinya.

Setem 75 sen menggambarkan *Papilio Memnom Agenor* (Mormon Besar). Kupu-kupu betina suka di tempat lebih tinggi dari yang jantan dan selalunya didapati di kawasan hutan kecil. Kadang kala yang jantannya berkumpul di kawasan lembah tebing anak sungai di hutan. Kepompongnya hijau dan bertanda putih.

Setem RM1 pula menggambarkan *Appias Nero Figulina* (Burung Albatross Kuning), ia mendiami kawasan tinggi sehingga ke paras 2,000 kaki dan jarang kelihatan di tanah lembah.

Setem RM2 menggambarkan *Trogonoptera Brookiana Albescens* (Kepak Burung Raja Brook) ia hidup di kawasan tebing anak sungai, kawasan lembah dan kawasan sederhana tinggi. Ia kadang kala kelihatan banyak di satu-satu ketika. Kupu-kupu jenis ini dianggap paling popular di antara kupu-kupu jenis lain di Malaysia.

Setem RM5 menggambarkan *Narathura Centaurus* (Kuda Semberani Oak Biru), ia terdiri dari 80 spesies Oak Biru dan adalah kupu-kupu yang terbesar. Kepompongnya hijau diselaputi bulu pendek.

Setem RM10 menggambarkan *Terinos Terpander Robertasia* (Assyrian Diraja), ia didapati dalam hutan kawasan tinggi dan rendah juga di kawasan lembah. Kepompongnya hijau bercampur kuning dan kehijauan.



# bunga-bunga

Pada tahun 1979 terdapat dua siri setem dirifin iaitu siri negeri dan siri kebangsaan. Setem siri negeri bertemakan pelbagai jenis bunga-bunga dan sampel surat hari pertamanya ialah pada 30 April 1979. Setem siri negeri mengandungi gambar DYMM Sultan beserta logo negeri masing-masing.

Setem berharga 1 sen menggambarkan Bunga Pakma (*Rafflesia Hasseltii*). Bunga jenis ini adalah satu satunya bunga yang ganji, menakutkan dan tersembunyi. Bunganya besar serta berwarna warni, mempunyai ukuran 30 sm hingga 40 sm garisput. Bunganya dianggap yang terbesar sekali di dunia. Ia mempunyai corak warna merah, coklat dan putih tersusun dalam bentuk yang kompleks dan menarik. Bila mekar, ia mengeluarkan satu bau yang kuat seakan-akan daging busuk yang boleh menarik spesies 'angau' (*canion flies*) yang mendebungkannya. Sejauh ini pembuangannya masih tidak diketahui. Spesies bunga ini menjalar tanpa batang, urat dan daun. Badan pokok ini mengandungi 'haustorial tissue' yang terbenam

tanah rendah dan bukit di kawasan hutan negeri Perak, Pahang dan juga Sabah.

Setem 2 sen menggambarkan Bunga Angsana/Bunga Sena (*Pterocarpus Indicus*). Bunga jenis ini berwarna kuning keemasan, ia memang mekar dari pokok yang sederhana besarnya, tumbuh sehingga 30 meter tinggi. Ia berbunga mengikut musim dan kebiasaannya ditentukan oleh keadaan cuaca. Bunganya berbauwangi dan boleh tahan sehingga 48 jam. Kelopak-kelopak bunganya kecil dan apabila gugur ia bertaburan di atas tanah atau dipanggil 'golden showers'. Pokoknya tumbuh liar di sepanjang pinggir laut dan sungai. Ia boleh didapati di seluruh Malaysia dan juga ditanam di taman-taman dan sepanjang jalan raya.

Setem berharga 5 sen menggambarkan Bunga Benua (*Lagerstroemia Speciosa*). Bunganya agak besar berwarna merah muda ungu. Pokoknya setinggi lebih kurang 15 meter berkeadaan rendah dan didapati tumbuh meliar di seluruh Malaysia. Ia juga terdapat di kepulauan Indonesia seperti

ukuran 2 1/2 sm panjang dan lebar. Biasanya ia kembang di waktu malam sehingga dirihari. Pembungaannya dijalankan oleh kelawar dan serangga lain. Pokok bunga ini berasal dari kepulauan Melayu. Ia mudah tumbuh di kawasan tanah patah yang lembab dan ia mudah didapati di mana-mana sahaja di Malaysia.


Setem berharga 15 sen menggambarkan Bunga Raya (*Hibiscus Rosa-Sinensis*). Bunga ini telah dipilih sebagai bunga kebangsaan Malaysia. Ianya berbeza dalam bentuk dan warna bergantung kepada jenisnya. Tiap-tap satu bunga berukuran dari 5 sm hingga ke 8 sm panjang dan lebar. Bunganya tumbuh dari tangkai. Ia mudah ditanam dari batang pokok yang dicantas. Bunga ini dipercayai dari Rantau Pasifik. Adalah dipercayai ia telah dibiakkan sejak awal kurun ke 17 di Negeri China, Jepun dan Pulau-pulau Pasifik.

Setem berharga 20 sen menggambarkan Bunga Nubang Bintang (*Rhododendron Scortechinii*). Bunga ini mengandungi bentuk yang paling menarik dan berwarna kuning.

Ia menghasilkan sejenis buah yang mana bila masak akan terbuka menampakkan banyak biji-biji kecil di dalamnya. Ia tumbuh setinggi 2 meter, boleh membiak di kawasan lembah dan juga di kawasan tanah tinggi di negeri Perak, Selangor dan Pahang.

Setem berharga 25 sen menggambarkan Bunga Kantan (*Phapomeria Spaciosa*). Bunga Kantan ini berukuran 10 sm, berwarna merah

muda dan merah tua yang menarik. Ianya dijadikan sebagai perhiasan dan juga makanan. Ia boleh tumbuh di seluruh Malaysia, di kawasan kawasan lembah yang redup.



dalam 'vascular tissue' pokok induk itu, tersembunyi keseluruhannya dari pandangan dan cuma boleh dilihat apabila bunganya muncul dari pokok induk itu. Ianya terdapat menjalar pada pokok-pokok di

Sulawesi.

Setem berharga 10 sen menggambarkan Bunga Durian (*Durio Zibethinus*). Bunganya berjambak pada dahan-dahan nya. Warnanya putih susu dan ia boleh berkembang dengan



# binatang

Pada tahun 1979 terdapat pelbagai jenis setem bertemakan binatang siri kebangsaan iaitu bernilai 30 sen, 40 sen, 50 sen, 75 sen, RM1, RM2, RM5 dan RM10.

Setem 30 sen menggambarkan harimau belang (*Panthera Tigris*). Habitat haiwan ini hidup secara bersendirian di hutan, ia lebih suka keluar pada waktu malam mencari makanan seperti babi hutan, rusa dan sebagainya. Haiwan ini juga hidup di kawasan yang mempunyai air di hutan seperti sungai, denai, tasik dan sebagainya.

Setem 40 sen pula menggambarkan seekor kubong (*Cynocephalus Variegatus*). Habitat haiwan ini tinggal di atas pokok dan terbang dari satu pokok ke pokok yang lain untuk mencari makanan. Ia terbang dengan cara mengembangkan anggota badannya bagi memudahkan untuk berpaut.

Setem 50 sen ialah menggambarkan seekor pelanduk (*Tragulus Javanicus*). Ia mempunyai saiz badan yang kecil iaitu lebih kurang sebesar seekor kucing serta saiz kaki

yang kecil. Habitatnya suka keluar di waktu malam mencari makanan daun-daun kayu dan buah-buah hutan yang segar.

Setem 75 sen ialah menggambarkan seekor Tengging (*Maus Javanicus*). Bentuk badannya yang mempunyai sisik yang tebal. Binatang ini boleh hidup di kawasan hutan tanah pamah dan hutan tanah tinggi. Makanannya ialah semut dan anai-anai dengan cara menggali dengan menggunakan kukunya yang tajam. Binatang ini juga boleh memanjat.


Setem RM1 menggambarkan seekor Penyus Belimbing (*Dermochelys Coriacea*). Binatang ini mempunyai habitat tinggal di dalam laut dan berteluri di pantai. Pantai Rantau Abang di Terengganu adalah satu-satunya pesisir pantai yang pernah disinggahi oleh penyus ini untuk bertelur. Supaya binatang ini tidak pupus, pihak berkuasa telah mengadakan tempat penetasan di pantai dan dikawal oleh undang-undang.

Setem RM2 menggambarkan seekor cimpanzi (*Tapinus Indicus*). Binatang ini tinggal di dalam hutan di Semenanjung Malaysia

dan Sumatera. Ia mempunyai warna hitam dan putih. Habitatnya mencari makanan daun-daun dan pucuk-pucuk kayu pada waktu malam dengan menggunakan muncungnya yang panjang.

Setem RM5 ialah menggambarkan seekor seladang (*Bos Gaurny*). Binatang ini mempunyai habitat mencari makanan dengan cara berkumpulan di kawasan lapang di dalam hutan serta mempunyai saiz badan yang besar. Binatang ini sering didapati di kawasan Kuala Tahan dan Taman Negara.

Setem RM10 pula menggambarkan seekor Orang Utan (*Pongo Pygmaeus*). Spesies binatang ini boleh didapati di kepulauan Borneo terutamanya di negeri Sabah iaitu di kawasan hutan Sapitok di Sandakan, Sabah. Binatang ini dilindungi oleh undang-undang supaya tidak pupus.



# pokok-pokok

Sampul surat hari pertama pada 16 Disember 1981 menggambarkan keluaran setem khas yang bertemakan setem khas yang bertemakan di Malaysia. Hampir setengah kawasan di Malaysia masih lagi diliputi hutan yang kebanyakannya ditumbuhi oleh pokok-pokok jenis Damar yang merupakan sebagai hasil kayu balak. Jenis kumpulan pokok ini ialah seperti Balau, Cengal,

Kapur, Keruing dan Meranti. Sementara pokok-pokok yang lebih besar pula ialah seperti Damar Minyak, Jelutong, Kempas, Merbau, Nyatoh, Sepetir, Tualang dan lain-lain lagi. Sebahagian tumbuhan ini memainkan peranan yang begitu penting dari segi ekosistem hutan dan juga dapat memberikan faedah yang besar kepada kehidupan manusia dan juga alam sekitar. Sempena tumbuh-tumbuhan ini, hanya tiga jenis pokok

sahaja yang dipilih sebagai keluaran setem khas, di antaranya ialah pokok Hujan-hujan (*Samanea saman*)/Rain Tree. Setemnya bernilai 15 sen. Pokok Jelutong (*Dyera Constatulata*), setemnya bernilai 50 sen dan pokok kapur (*Dryobalanops romatica*)/Borneo Camphorwood, setemnya bernilai 80 sen. Keistimewaan keluaran setem ini ialah berbentuk 'gutter'.



# ikan air tawar

Setem-setem pos khas 1983 bertemakan ikan air tawar. Sampul Surat Hari Pertamanya pada 15 Jun 1983. Ini merupakan setem berpasangan (setenant) pertama keluaran khas. Ia dipersembahkan dalam bentuk dua pasang iaitu 20 sen dan 50 sen.

Setem 20 sen bertemakan ikan jenis Leekoh/Tongsan Pendek/Kap Biasa (*Cyprinus Carpio*) yang berasal dari China. Ianya sejenis ikan sungai dan sesuai untuk ditemak di kolam. Ikan ini mula ditemak di negara ini oleh pendatang dari China. Bentuk ikan Likok ini pipih, berkepala lebar, bermata kecil dan terjojol keluar. Muncungnya panjang dan tumpul dengan mulut terkebawah. Dua pasang sesenggat terletak pada rahang atas dengan pasangan sesenggat bawah lebih panjang. Sirip belakangnya panjang dan sisik-sisiknya besar. Berat badannya ini boleh melebihi 30 kg. Ikan ini kuning kehijauan dan kemerah merahan sedikit di bawah ekor.

Di kolam ternakan, ikan ini boleh membesar antara 0.9 kg hingga 1.2 kg dalam setahun. Dalam usia 6 bulan, ikan ini boleh membiak tetapi untuk tujuan pembiakan, induk atau baka yang baik ialah jenis jantan berumur lebih dari 1 tahun dan ikan betina pula berumur lebih dari 1 1/2 tahun.

Anak-anak ikan ini memakan zooplankton. Bila mencapai 8 sm hingga 10 sm, makanannya terdiri dari udat dan cacing di dasar kolam. Tabiatnya yang

Tilapia (*Tilapia-Nilotica*), ikan ini berasal dari Afrika dan diperkenalkan ke negara ini sebab ianya cepat membiak di kolam yang subur. Garis rusuk ikan ini terbahagi dua. Bahagian atasnya terdapat sebanyak 22 sisik, di bawahnya pula 15 sisik. Pada badan, sirip ekor, sirip belakang dan sirip dubur ikan terdapat garis-garis tegak. Badan ikan berwarna hijau keperangan-hingga hijau keperangan dengan diwarnai oleh hijau keunguan. Hujung sirip ekor berwarna kemerahan. Panjang maksimum ialah 40 sm.

Ikan Tilapia memakan plankton tetapi ia juga memakan daun tumbuhan yang lembut dan bahan organ yang reput. Dalam kolam ternakan, makanan tambahan seperti dedak, daun ubi kayu dan daun keledek sesuai untuknya.

Ikan betina lebih pucat dari ikan jantan yang lebih garang warnanya. Ikan betina mempunyai 3 lubang iaitu dubur, salur obam dan salur kencing. Ikan jantan pula mempunyai 2 lubang iaitu dubur dan salur kencing. Ikan Tilapia bertelur dan pensenyawaan berlaku di luar. Telur dipungut oleh Tilapia betina dan diramkan dalam mulutnya.

Setem 40 sen bertemakan ikan Kap Rumpul, Ikan Chow, Chow Hu, Grass Carp (*Ctenopharyngodon Idellus*). Ikan ini berasal dari China dan dibawa ke negara ini oleh masyarakat Cina untuk ditemak di air tawar. Ia adalah

sejenis Kap China yang tidak boleh membiak sendiri di dalam kolam. Oleh itu benih-benih ikan diimport dari Hong Kong oleh penjual tempatan.

Ikan ini dikenali melalui badannya yang memanjang dan memipih. Kepalanya lebar dengan muncungnya pendek dan garis rusuknya ialah 42. Bahagian atas badan ikan Kap Rumpul berwarna hijau ke-

hitaman dan bahagian perutnya berwarna keperakan. Panjang maksimum ikan ini ialah 120 sm. Ikan Kap Rumpul adalah lebih besar daripada ikan Lampam Jawa dan Likuk. Ia cepat membesar di kolam iaitu kira-kira 2.5 hingga 3 kg setahun. Ikan ini dipelihara secara campuran bersama ikan-ikan lain seperti Kap Kepala Besar Kap Perak, Lampam Jawa dan Likuk.

Ia amat sesuai dipelihara di kolam ikan yang mempunyai banyak tumbuhan air. Bagi kolam kurang subur, baja campuran NPK (*Nitrogen Phosphate Potash*) digunakan untuk menyuburkan air dan menggalakkan tumbuhan hidup subur. Setem ini berpasangan dengan setem yang bertemakan ikan Lampam Jawa, Indonesian Carap (*Puntius Gonionotus*). Ikan ini mula diperkenalkan kepada para penternak ikan negara ini di tahun 1950an oleh Jabatan Perikanan. Ikan ini berasal dari Jawa, Indonesia dan ia adalah sejenis ikan sungai atau ikan air tawar.

Ikan Lampam Jawa dikenali melalui bentuk badannya yang agak panjang dan pipih. Bahagian belakangnya agak meninggi. Di bawah garis rusuknya ada lebih kurang 5 sisik dan antara garis rusuk dan permukaan sirip ada lebih kurang 3 hingga 4 sisik. Garis rusuknya berjumlah antara 29 hingga 31 sisik. Badannya keperakan dan agak gelap di belakangnya. Panjang maksimum ikan ini 50 sm. Ikan ini sesuai ditemak di kolam dan boleh membesar sehingga 0.9 kg dalam setahun.

Di tempat asalnya iaitu di sungai-sungai di Pulau Jawa, ikan ini membiak pada musim hujan. Ikan ini boleh membiak sepanjang tahun di pusat-pusat pembiakan ikan Jabatan Perikanan. Anak-anak ikan ini di peringkat 'larvae' memakan 'unicellular algae' dan 'zooplankton' yang halus. Apabila besar ianya memakan tumbuhan dalam air, daun-daun dan rumput-rampai yang lembut. Makanan tambahan seperti dedak, hampas kacang tanah dan hampas kelapa boleh juga diberikan kepadanya.



suka mengorek dasar kolam untuk mencari makanan menyebabkan air menjadi keroh. Setem jenis ini berpasangan dengan setem ikan Tilapia Nilotica, Tilapia Nile



# burung-burung enggang



Sampul Surat Hari Pertama pada 26 Oktober 1983 adalah bertemakan setem-setem pos khas Burung-burung Enggang. Burung Enggang adalah dari keluarga Bucerotidae dan mungkin juga berkeluarga rapat dengan Burung Raja Udang atau Burung Pekaka. Burung Enggang boleh didapati bertaburan dari Afrika sehinggalah ke Asia, New Guinea dan di kepulauan Solomon di Lautan Pasifik. Burung Enggang mempunyai kepak yang pendek, ekor yang panjang dan bahagian separuh jari kakinya yang kedua dan ketiga didapati berlakur. Burung Enggang menggunakan paruhnya yang terlentur seakan-akan bengkok untuk memagut dengan pantas benda-benda makanan seperti buah-buahan, serangga dan juga haiwan kecil. Di atas paruhnya terdapat jambul yang ringan serta berongga dan bentuk serta warnanya bergantung kepada umur dan jenisnya. Kecuali Enggang Tebang Mentua, saiz Burung Enggang adalah sebesar seekor Burung Merpati sehinggalah sebesar Ayam Belanda. Burung Enggang didapati bersarang di dalam lubang-lubang pokok. Semasa musim bertelur Burung Enggang betina mengurung diri di dalam lubang pokok dan ma-

kanannya adalah diberi oleh seekor atau lebih pasangannya dan akan hanya keluar setelah anak Burung Enggang mulai membesar.

Setem berharga 15 sen menggambarkan seekor Burung Enggang Terbang Mentua (*Rhinoplax Vigil*), ia terdapat di Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu dan Borneo. Burung Enggang yang besar ini bersifat kedaerahan, kebiasaannya ia lebih suka bersendirian dan suka memakan buah-buahan yang terdapat di tanah rendah berpayau. Hanya Burung Enggang ini sahaja yang mempunyai jambul pada atau ia dinilai sebagai gading burung enggang. Siulan Burung Enggang ini sungguh nyaring dan boleh didengari dari jauh.

Setem berharga 20 sen pula menggambarkan seekor Burung Enggang Berkedut (*Rhyticeros Cornutus*), ia juga terdapat di bahagian Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu dan Borneo. Burung Enggang ini biasanya tinggal di lembah-lembah hutan di sepanjang pantai dan terdapat berkeluaran di dalam kumpulan kecil untuk mencari buah-buahan. Dengan penebangan hutan-hutan yang begitu luas, menyebabkan spesies Burung Enggang ini jarang sekali ditemui dan jika

tidak dikawal berkemungkinan ianya akan pupus.

Setem berharga 50 sen pula menggambarkan seekor Burung Enggang Jambul Putih (*Berenicomis Comatus*), ia juga terdapat di Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu dan Borneo. Burung Enggang ini adalah jenis yang suka berkelompok. Ia suka tinggal menetap dalam kumpulan berlima atau lebih dan juga suka bersendirian di dalam hutan yang kebiasaannya di kawasan-kawasan bukit-bukit berhampiran sungai. Makanan Burung Enggang ini termasuk bangkai binatang dan juga ulular kecil.

Setem berharga RM1 pula menggambarkan seekor Enggang Badak (*Buceros Rhinoceros*). Enggang ini terdapat di kawasan rendah dan bukit di Kepulauan Jawa, Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu dan juga Borneo. Burung-burung Enggang jenis ini dianggap sebagai Enggang biasa. Ia tinggal berpasangan tetapi ada kalanya ia berkumpul sehingga lebih dari 10 ekor di pokok buah-buahan yang digemarinya. Jambul burung ini terbalik ke atas lurus pada peringkat mulanya dan berkembang bila usianya meningkat.

# bunga raya

Terdapat 4 jenis setem yang bertemakan spesies Bunga Raya iaitu sempena keluaran setem pos khas dan sampul surat hari pertamanya ialah pada 12 Disember 1984. Di antaranya Bunga Raya berwarna putih bernilai 10 sen, Bunga Raya berwarna merah bernilai 20 sen, Bunga Raya berwarna ungu bernilai 40 sen dan Bunga Raya berwarna oren bernilai RM1. Bunga Raya merupakan bunga kebangsaan bagi negara Malaysia. Ia juga dikenali seluruh dunia sebagai 'Hibiscus' ataupun dengan nama 'Shoeflower' dan di sesegikajian tumbuhan, ia juga dikenali sebagai 'Hibiscus Rosa Sinensis'. Ia juga termasuk dalam kumpulan pokok yang sama dengan pokok Kapsas dan Okra atau pokok Bendir Bunga Raya. Terdapat lebih kurang 300 jenis spesies bunga raya terutama di kawasan tropika.

Bunga Raya merupakan sejenis tumbuhan malar hijau dengan daunnya yang teratur

berselang selang serta mempunyai stipul. Bunga Raya biasanya besar dan cantik, dwi jantina dan mempunyai 5 bahagian. Kaliks mempunyai 5 sepal dan kadangkala bersambung dengan epikaliks. Terdapat 5 kelopak bunga yang besar, stamennya bersambung untuk membentuk turus dan benang sarinya bercabang yang berakhir dengan 5 lobus stigma. Ovarinya mempunyai 5 karpel yang bersatu dengan susunan obliu paksi. Bunga Raya merupakan pokok hiasan yang paling popular di kebanyakan kebun bunga dan juga ditanam di merata kampung. Bunga ini terdapat di dalam banyak warna, iaitu putih, merah jambu, kuning dan merah jambu kemerahan tua. Sebahagian dari jenis bunga ini berlapis dua ataupun berlapis banyak. Bunga ini kadang-kala mencapai ukuran sehingga 25 sm garispusat. Ia tidak berbau dan tidak boleh tahan lama. Bunga Raya biasanya mengeluarkan

bunga sepanjang tahun. Bunga Raya juga sebagai sumber manis bagi burung-burung, rama-rama dan serangga yang lain. Ia juga boleh digunakan sebagai bahan kecantikan dan juga untuk tujuan perubatan. Patinya yang diperah dari kelopak bunga ini pernah digunakan untuk mencelup bagi menghitamkan kening bagi wanita timur. Pati ini juga digunakan untuk mengilatkan kasut supaya hitam. Oleh sebab itu ia juga dikenali dengan nama 'shoeflower'. Pada zaman dahulu, orang-orang Melayu menggunakan akar bungaraya ini untuk mengubati penyakit demam panas, sakit mata dan sakit-sakit badan.

Bunga Raya telah dipilih sebagai bunga kebangsaan Malaysia pada 28 Julai 1960. Ini adalah merupakan satu pilihan yang tepat kerana Bunga Raya telah dikenali ramai dan tumbuh merata di seluruh Malaysia dan Asia khususnya.



# hidupan liar yang dilindungi

SIRI 1



Sempena setem pos khas siri 1 mengenai hidupan liar yang dilindungi yang terdapat di Malaysia, sampul surat-hari pertamanya ialah pada 25 April 1985. Setem ini bertemakan pelbagai jenis haiwan kecil iaitu Musang Linsang (*Banded Linsang/Prionodon Linsang*) bernilai 10 sen. Haiwan ini terdapat hampir di seluruh hutan primer di negara kita. Hidupan ini jarang dijumpai. Ia boleh memanjat pokok dan biasanya

keluar pada waktu malam untuk mencari makanan. Kedua setem yang menggambarkan haiwan Kongkang (*Slow Loris/Nycticebus Coucang*) bernilai 40 sen. Haiwan ini dikenali juga dengan nama Kera Duku. Habitatnya suka hidup di atas pokok dalam hutan. Ia keluar mencari makanan pada waktu malam. Makanannya adalah terdiri dari buah-buahan dan serangga. Buah kerani tidak banyak. Setem berikutnya

menggambarkan Tupai Terbang Bintang (*Spotted Giant Flying Squirrel/Petaurista Elegans*) bernilai RM1. Haiwan ini jarang dijumpai. Ia hidup di atas pokok dalam hutan dan juga di kawasan tanah tinggi. Tupai ini boleh meluncur atau terbang dari sebatang pokok ke pokok yang lain. Makanannya adalah terdiri dari buah-buahan dan serangga.



# hidupan liar yang dilindungi

SIRI 2



Setem-setem pos khas bagi hidupan liar yang dilindungi siri 2 bertemakan spesies Burung Kuang. Sempena keluaran setem ini sampul surat hari pertamanya ialah pada 11 Mac 1986. Setem-setem ini dikeluarkan secara berpasangan 'se-tenan' iaitu setem yang menggambarkan Ayam Pegar (*Lophura ignita*) berpasangan dengan setem Merak Pongsu (*Pavo Malacencense*). Setem ini berharga 20 sen setiap satu. Setem jenis spesies Ayam Pegar ini menggambarkan seekor Burung Kuang. Ia terdapat di tanah rendah, hutan utama di Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Spesies Kuang ini dilindungi di Sabah dan Sarawak sementara di Semenanjung Tanah Melayu dilindungi sepenuhnya kerana

ianya akan pupus jika tidak dilindungi. Setiap kelompok terdiri dari 5 hingga 6 ekor dan ditemani oleh seekor Kuang jantan yang sering dijumpai di hutan-hutan tebal. Spesies Kuang ini pantas berlari dan suka mengekas tanah dan pohon-pohon reput untuk mencari makanan. Serangga-serangga kecil dan juga dedaun muda menjadi makanannya. Sementara spesies Merak Pongsu terdapat di Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan juga Sarawak. Spesies ini jarang sekali dijumpai, ia biasanya terdapat di dataran hutan utama tanah rendah. Habitat spesies ini kurang diketahui dari segi pemakanannya.

Sementara setem yang menggambarkan Burung Kuang Raya (*Argusianus*

*Argus*) berpasangan dengan spesies Kuang Ayam Pakiak (*Lophura bulweri*) bernilai 40 sen setiap satu. Kuang Raya terdapat di tanah rendah, hutan utama di Semenanjung Tanah Melayu seperti di kawasan Endau-Rompin dan juga Sabah dan Sarawak. Kuang Raya ini mempunyai bentuk badan yang agak besar.

Kuang Ayam Pakiak terdapat di Sabah dan Sarawak. Burung ini mendiami tempat-tempat tertentu iaitu di kawasan bukit kecil dan di hutan utama. Rupa spesies burung ini terseliah dari segi ekornya yang melengkung ke belakang badan. Burung jantan biasanya pandai menarik perhatian pasangannya. Makanannya adalah terdiri dari guguran buah-buahan dan serangga di hutan.



# hidupan liar yang dilindungi

Setem-setem pos khas mengenai hidupan liar yang dilindungi di Malaysia siri 3 menggambarkan beberapa jenis spesies kucing hutan. Sempena setem keluaran khas ini, sampul surat hari pertama pertamanya ialah pada 14 November 1987. Kucing Tulap (*Felis Temminckii*) adalah sejenis kucing yang kurang diketahui serta mempunyai ukuran badan lebih kurang setengah meter dan berat badannya ialah 4 kg. Badan kucing ini berwarna di antara perang keemasan serta coklat pekat. Raut mukanya amat menarik, berwajah segak dibelang dengan warna hitam dan putih. Ekornya pendek sedikit bersesuaian dengan ukuran badan haiwan-haiwan kecil yang sejenis dengannya. Kucing Tulap ini bergantung hidup kepada binatang seperti

biri-biri, kambing, pelanduk dan burung sebagai makanannya. Setem ini bernilai 15 sen.

Kedua ialah setem bernilai 20 sen yang menggambarkan Kucing Hutan (*Felis Planiceps*). Kucing Hutan ini mempunyai saiz yang agak kecil berukuran lebih kurang 1/2 meter dan mempunyai berat badan 2 kg. Kucing jenis ini agak luar biasa di kalangan hidupan liar yang terdapat di Malaysia kerana ia tidak mempunyai sebarang bintik dan ia berbulu kuning, berwarna keperang-perangan yang beransur pudar di bahagian kepala dan bahu. Ikan adalah makanan asas bagi kucing hutan ini. Maka dengan itu ia lebih suka hidup berhampiran dengan sungai. Kucing ini juga memakan katak dan tikus.

Ketiga ialah setem bernilai 40 sen yang menggambarkan Kucing Dahan (*Felis Marm-*

*rata*). Kucing Dahan ini spesiesnya kurang diketahui. Ukuran bentuk badannya lebih kurang 1/2 meter dan ekornya panjang. Kucing jenis ini jarang dijumpai.

Keempat adalah setem spesies kucing yang dikenali dengan nama Harimau Dahan (*Neofelis Nebulosa*) yang bernilai RM1. Ia berukuran sederhana, panjang badannya lebih kurang 1 meter sementara ekornya hampir sama panjang dengan potongan badannya. Berat badannya pula ialah di antara 7 kg hingga 12 kg. Kucing ini adalah satu-satunya jenis-Neofelis. Warnanya bertompok-tompok dan paling menarik di kalangan keluarga kucing dari segi warna dan corak. Makanannya adalah terdiri daripada binatang buruan seperti moyet kambing peliharaan, pelanduk dan burung-burung yang melayap di bumi.



# burung-burung pasarina

Setem pos khas kumpulan burung-burung Pasarina yang diilindungi dan sampul surat pertamanya ialah pada 30 Jun 1988. Setem-setem pos ini dikeluarkan secara berpasangan 'se-tenant'. Setem yang menggambarkan Burung Sambar Uban Hitam (*The Black Naped Monarch/Hypothymis Azurea*) berpasangan dengan setem Burung Sepah Putri Merah (*The Scarlet Backed Flowerpecker/Dicaeum Cruentatum*), bernilai 20 sen setiap satu. Burung Sambar Uban Hitam adalah burung terkecil di kalangan Burung Sambar yang terdapat di negara ini. Burung-burung jenis ini mempunyai badan yang ringan, berkaki langsing, ber ekor panjang melempai dan berperuh lebar pipih. Di bahagian bawah perutnya terdapat sebaris bulu keras bagi membolehkannya menyambar mangsa, yang kebanyakannya terdiri dari pelbagai jenis serangga. Burung ini biasanya dapat dilihat di kawasan-kawasan rendah dan hutan belukar. Setem ini menggambarkan sepasang burung jenis ini yang menampakkan perbezaan jantina masing-masing. Sementara Burung Sepah Putri adalah burung kecil. Saiznya tidak lebih dari 10 sm dan dapat

dilihat di hutan-hutan belukar, taman dan juga di kampung-kampung. Burung jenis ini memakan buah-buahan dan juga buah dedaun yang hidup pada pokok yang lain. Burung ini biasanya membuat sarang pada hujung ranting pokok dan buluh. Sarangnya diperbuat dari serpihan kulit-kulit kayu yang lembut seakan-akan kapas. Setem ini menggambarkan sepasang burung tersebut sedang memetak buah buahan. Perbezaan warnanya adalah jelas untuk membezakan di antara burung-jantan dan burung betina.

Setem terbit 'se-tenant' yang kedua menggambarkan dua jenis burung iaitu Burung Kelicap Sepah Raja (*The Crimson Sunbird/Aethopyga Sipa raja*) berpasangan dengan burung Takau Rakit (*The Black and Red Broadbill*). Kedua-dua setem ini bernilai 50 sen. Burung Kelicap Sepah Raja adalah sejenis burung kecil dengan paruhnya melengkung dan lidah terjelir yang boleh digulung seperti saluran (tiup) bagi membolehkannya menyedut makanan dari madu-madu bunga. Burung jenis ini

saiznya tidak melebihi 13 sm panjang, ia boleh dilihat di hutan belukar, taman dan kawasan-kawasan tanaman, kebanyakannya di tepi pantai. Setem ini menggambarkan sepasang Burung Kelicap Sepah Raja. Perbezaan warna di antara burung betina dengan burung jantan adalah jelas bagi burung-burung jenis ini.

Sementara Burung Takau Rakit dapat dikenali dari bentuk paruhnya yang tebal dan lebar, berleher pendek dan tubuh badan yang agak tebal serta mempunyai ukuran badan panjang lebih kurang 23 sm. Burung Takau Rakit biasanya dapat dilihat berhampiran pinggir hutan dan kebun buah-buahan yang lama iaitu berdekatan dengan anak sungai atau sungai. Makanannya terdiri dari jenis haiwan yang kecil, yang ditangkap dari pokok dan juga dari permukaan tanah. Seperti burung jenis Takau yang lain, jenis ini biasanya membuat sarang dalam bentuk loket yang digantung pada dahan pokok menjalar ataupun pada pohon yang selalu tergantung atas air.

Setem ini menggambarkan seekor burung betina berada di dalam sarangnya, sementara burung jantan berada di bahagian atas sarang.

HIDUPAN LIAR YANG DIPERLINDUNGI - SIRI IV  
Protected Wildlife of Malaysia - Series IV

HIDUPAN LIAR YANG DIPERLINDUNGI - SIRI IV  
Protected Wildlife of Malaysia - Series IV



# hidupan laut

SIRI 1

Setem pos keluaran khas yang bertemakan hidupan laut siri 1 *Nudibranch* ini dikeluarkan dalam bentuk 'se-tenant' sebaris ('se-tenant strip') yang mengandungi 5 keping setem yang mana setiap keping bernilai 20 sen. Sampul surat hari pertama bagi setem ini ialah pada 17 Disember 1988. Malaysia yang terletak di lembah Pasifik Indo-barat adalah kaya dengan terumbu-terumbu karang yang indah serta subur dan bersepadu pula dengan pelbagai hidupan laut. Biasanya kita hanya mengetahui terumbu-terumbu dan ikan-ikan dalam laut dan terpaksa mencari hidupan-hidupan kecil ini untuk mengetahui keindahan yang sangat menakjubkan. Salah satu kumpulan tersebut ialah '*Nudibranch*' yang tumbuh subur dengan hiasan warna warni. '*Nudibranch*' di sebalik nama umumnya '*sea-slugs*' adalah sama sekali berbeza dari segi warna mahupun bentuknya berbanding dengan siput biasa yang menjijikkan. '*Nudibranch*' mempunyai war-

na yang cerah dan menaiki air dari yang sekecil-kecilnya sehinggalah yang paling besar. Beratnya lebih daripada 1 kg. Bentuk dan rupanya agaknya ganjil dan pelik. '*Nudibranch*' tidak mempunyai kulit (*shell*) dan namanya berasal dari perkataan '*nudibranchia*' bererti insang terdedah. Melalui proses evolusi, kulitnya merupakan alat perlindungan terpuap dan mekanisma-mekanisma pertahanan baru digunakan. Ada yang menjadikan dirinya rasa tidak enak kerana ia menggunakan sejenis span yang mengeluarkan bahan kimia yang hanyir. Ada pula yang melelehkan asid atau bahan toksid. Sifat meniru dan menyamar juga digunakan sebagai pertahanannya. Ada juga yang makan tisu-tisu 'cnidarian' berbau tanpa membahayakan dirinya yang meresap dan seterusnya bergabung dalam badannya sebagai mekanisma pertahanannya. '*Nudibranch*' memakan pelbagai hidupan

'*invertebrata*'. Spesies tertentu bersifat memlihi dan memakan sejenis atau beberapa sumbermakanan yang berlainan. Ada yang boleh menggabungkan sel-sel rumpai 'simbiotik' ke dalam badannya sendiri dengan cara memakan tisu tisu 'cnidarian'. Dengan demikian, jika sel-sel itu boleh berfotosintesis secukupnya untuk memenuhi keperluan makanannya maka '*nudibranch*' ini tidak perlu menjadi buas semula. Bentuk dan warnanya yang bermacam-macam ini sentiasa mempersonakan para ahli alamiah tetapi keindahan '*nudibranch*' ini hanya dinikmati oleh ahli malakologi dan penyelam skuba. Ketidadaan nama umumnya adalah bukti bahawa kumpulan ini tidak dikenali oleh orang ramai.

5setem bernilai 20 sen setiap satu ini yang berbentuk 'se-tenant' sebaris menggambarkan *Glossodoris atromarginata*, *Phyllibia ocellata*, *Chromodoris anae*, *Flabellina macassarana* dan *Fryeria ruppell*.





# hidupan laut

SIRI 2

Setem pos hidupan laut siri 2 pula ialah jenis Krustasea (*Crustaceans*) bertekam pelbagai jenis hidupan laut. Sampul surat hari pertama sempena setem ini ialah pada 29 Jun 1989. Setem-setem yang menggambarkan hidupan laut ini dibuat secara 'se-tenang'. Terdapat 2 pasang setem iaitu berharga 20 sen dan 40 sen.

Setem hidupan laut jenis *Tretalia nigrolineata* adalah sejenis ketam yang menarik dan mempunyai kelebaran kulit 6 mm, hidup di celah-celah batu karang tanduk rusa (*staghorn corals*). Ia akan bersembunyi di celah-celah batu karang apabila diganggu. Setem ini bernilai 20 sen dan ia berpasangan dengan setem hidupan laut jenis *Neopetrolisthes maculatus* iaitu sejenis ketam yang hidup secara simbiotik bersama-sama dengan ikan Inggu. Apabila didekati, ia akan berundur ke tempat yang selamat. Saiznya lebih kurang 1.5 sm. Sementara setem 'se-tenang' jenis hidupan laut kedua *Periclemenes holthuisi* ialah udang kecil. Pewujudan udang kecil sepanjang 2 sm ini sukar dikesan kerana keadaan badannya yang lutsinar kecuali pada bahagian kepala, perut, ekor dan sesungut serta penyepit-

nya. Setem ini bernilai 40 sen berpasangan dengan hidupan laut *Synalpheus neonensis* iaitu sejenis udang halus berukuran sebesar padi. Ia sentiasa dilihat secara berpasangan yang hidup di celah-celah terumbu karang yang kecil dan lembut. Udang sebesar 1 sm ini akan menakutkan pencerobohnya dengan mengeluarkan bunyi yang kuat dari penyepitnya.

Krustasea (*Crustaceans*) mempunyai pelbagai jenis rupa, saiz dan tabiat yang berlainan. Sesetengahnya mempunyai saiz yang besar dan ada jenis Krustasea yang mempunyai saiz kecil dan hanya boleh dilihat dengan menggunakan mikroskop. Hidupan laut jenis *subtilium krustasi* merupakan kumpulan *Arthropod aquatik* yang terbesar. Terdapat lebih dari tiga puluh ribu jenis krustasi yang kebanyakannya hidup di laut, ada juga yang tinggal di dalam air tawar dan selebihnya tinggal di daratan.

Di celah-celah terumbu karang di sekitar perairan Malaysia terdapat pelbagai jenis krustasea yang berwarna warni dan sangat menarik. Antaranya ialah udang pepai, udang, ketam dan udang kara. Kumpulan ini dikenali sebagai dekapod. Ia mempunyai 2

pasang sesungut yang panjang dan cengkerang luarnya terdiri dari segmen kulit yang keras. Perkataan 'crustacea' berasal dari perkataan Latin yang bermaksud cengkerang (*shell*).

Ramai di antara kita dapat mengenali dan menilai hidupan laut ini seperti udang, ketam dan udang kara sebagai bahan makanan tetapi hidupan laut jenis ini yang hidup di celah-celah terumbu karang mempunyai cara hidup yang menarik dan menakutkan. Kebanyakan 'crustacea' terumbu karang hidup secara bersembunyi untuk mengelakkan diri dari bahaya dan hanya akan keluar mencari makan pada waktu malam. 'Crustacea' lain hidup secara simbiotik, batu karang, gorgonia, moluska, bunga karang, ekino derma dan pemancut laut (*sea-squirt*). Sesetengahnya menyamar untuk mengelakkan diri dari bahaya dengan menggunakan kulit kosong sebagai tempat tinggal dan ada pula yang mengeluarkan bunyi yang kuat dengan penyepitnya. Ada juga yang menonjolkan kepalanya ke permukaan dan menggunakan kakinya untuk menendang makanan ke mulutnya.

HIDUPAN LAUT - SIRI II  
MARINE LIFE - SERIES II

KRUSTASEA • CRUSTACEANS



SAMPUL SURAT HARI PERTAMA





# taman negara

Dalam tahun 1938 dan 1939 iaitu sempena memperingati sambutan Jubli Perak bagi kenaikan takhta King George V, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang telah sama-sama bersetuju untuk memperuntukkan sebahagian kawasan yang sesuai di negeri masing-masing untuk disatukan menjadi Taman Negara secara berkekalan dengan tujuan untuk membiakan, perlindungan dan pemeliharaan keaslian flora dan fauna negara ini. Justeru mengambil sempena peristiwa itu, 2 jenis setem telah dikeluarkan iaitu bernilai 20 sen dan RM1 dan sampul surat hari pertamanya ialah pada 28 Disember 1989. Setem bernilai 20 sen menggambarkan latarbelakang kawasan perhutanan di Malaysia disertai dengan gambar spesies Ungka iaitu sejenis kumpulan kera. Sementara setem yang bernilai RM1 menggambarkan spesies Burung Kuang Gunung.

Setelah hampir 30 tahun

mencapai kemerdekaan, keaslian kawasan yang diwujudkan lebih 50 tahun yang lalu masih lagi kekal. Kawasan Taman Negara yang sekuas lebih kurang 4,343 km persegi, telah dapat memperlingkungi keunikan pelbagai jenis flora dan fauna serta keindahan alam semulajadinya. Oleh itu, rakyat negara ini bukan sahaja dapat berbangga dengan kemajuan dan pembangunan yang dicapai selepas kemerdekaan tetapi juga dapat berbangga kerana negara ini masih lagi mempunyai sebahagian besar warisan alam semulajadi negara yang tidak ternilai, maka dengan itu ia dkekalkan melalui kewujudan Taman Negara. Taman Negara dari segi perundangan yang jelas telah diperuntukkan di bawah Enakmen Taman Negara (Pahang), (Kelantan) dan (Terengganu) pada tahun 1938 dan 1939, ia ditadbirkan oleh pemegang amanah yang terdiri daripada DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agung, Ke Bawah DYMM


Sul-

tan-Sultan dari ketiga-tiga buah negeri yang berkenaan. Enakmen-enakmen ini masih lagi dikuatkuasakan sehingga hari ini. Oleh yang demikian menjaga dan memelihara kawasan Taman Negara agar keasliannya tetap utuh untuk diabadikan selama-lamanya bagi generasi yang akan datang.

Setelah lebih 50 tahun bertalu, kebanyakan kawasan hutan belantara negara ini telah diterokai, Taman Negara akan menjadi semakin penting dan begitu bermakna bukan sahaja untuk pemeliharaan tetapi juga sebagai tempat manusia dari seluruh dunia mencari kedamaian, rekreasi alam semulajadi yang tidak ternilai dan menakjubkan.

PERTAMA

SAMPUL SURAT HARI PERTAMA



Sambutan Jubli Emas Taman Negara  
National Park Golden Jubilee Celebration



55

MALAYSIA 20c



MALAYSIA S1



MALAYSIA 20c



MALAYSIA S1



# bunga-bunga liar

Sampul surat hari pertama beserta setem yang bertemakan pelbagai spesies bunga-bunga liar dikeluarkan pada 12 Mac 1990. Dengan ini 4 dinomiasi setem khas telah dikeluarkan yang menggambarkan bunga-bunga liar. Di antara setem itu ialah setem Bunga Simpuh Air (*Shrubby Simpuh/Dillenia suffruticosa*) yang bernilai 15 sen. Bunga ini berasal dari Semenanjung Malaysia dan mempunyai daun yang besar dan tebal seperti daun kobis. Tumbuhan ini sentiasa menghijau dan pokoknya mempunyai ketinggian sehingga 7 meter. Ia merupakan tumbuhan liar yang biasa kelihatan tumbuh di tepi-tepi jalan daniarnya jarang ditanam sebagai tumbuhan taman. Kelopak bunganya berwarna kuning dan stamennya berwarna krim pucat.

Setem yang kedua menggambarkan Bunga Putri Malu (*Sensitive Plant/Mimosa pudica*) bernilai 20 sen. Ia merupakan sejenis tumbuhan yang tumbuh merata-rata di seluruh Malaysia. Walaupun bunga ini berasal dari Amerika Tropika, tumbuhan ini telah sekian lama membiak dengan luasnya sehinggakan sukar

untuk kita mempercayai bahawa ia bukan tumbuhan pribumi negara ini. Tumbuhan ini terkenal kerana sifatnya yang sensitif kepada sentuhan. Daunnya akan menguncup dengan spontan dan terkulai apabila disentuh. Tumbuhan yang berbentuk rumput ini mempunyai daun yang kecil berukuran kurang dari 13 mm panjang dan batangnya berdui. Bunganya yang kecil dan halus berwarna merah jambu mengelilingi bahagian hujung tangkai bunga yang berukuran lebih kurang 26 mm. Puteri Malu tergulung dalam kumpulan bunga mimosas.

Setem yang ketiga bernilai 50 sen menggambarkan Bunga Tapak Kuda (*Pink Morning Glory/Ipomoea Carnea*). Bunga ini berasal dari Amerika Selatan. Ia memerlukan sinar matahari secara langsung. Tepi daunnya berombak-ombak dan bunganya mempunyai saiz yang besar. Ia berwarna merah jambu pucat. Pokok bunga ini boleh dibiakkan secara memotong ranting atau dahannya untuk ditanam.

Setem yang keempat bernilai RM1 dan menggambarkan Bunga Telepok (*Waterlilies/Nymphaea Pubescens*). Bunga ini sejenis bunga yang cantik. Ia

hidup di air. Pada masa silam ia ditanam kerana bunganya yang cantik dan untuk dijadikan sebagai punca makanan. Pada sesetengah kepercayaan, bunga ini mempunyai hubungan dengan amalan agama seperti Agama Buddha yang menganggapnya sebagai bunga teratai keramat. Ia dijadikan sebagai sumber iham dalam bentuk lukisan dan rekabentuk. Jenis-jenis kumpulan bunga telepok lain yang terdapat di Malaysia ialah bunga Telepok Merah Muda (*Nymphaea Pubescens*) dan Telepok Biru (*Nymphaea Nauchal*). Telepok Merah Muda mempunyai bunga berwarna putih atau merah muda manakala Telepok Biru mempunyai bunga yang kecil dan berwarna biru. Telepok Biru juga mempunyai ciri daun yang bebas tidak seperti teratai yang lain. Daun-daun bunga telepok sentiasa terapung di permukaan air sementara bunganya pula terletak pada tangkai yang pendek dan berhampiran dengan permukaan air. Telepok tumbuh secara liar di lombong-lombong dan tasik yang airnya tenang. Ia memerlukan sinaran matahari kerana bunganya yang cantik menjadikan ia istimewa di kalangan tumbuhan air.



# penyu

Setem Pos Khas Hidupan Laut Siri 3 ialah bertemakan spesies penyu di perairan laut Malaysia. Sampul surati hari pertamanya ialah pada 17 November 1990. Setem yang dikeluarkan bernilai 15 sen, 20 sen, 40 sen dan RM1. Di antara setem yang dikeluarikan mengambarkan seekor Penyu Belimbing (*Leatherback Turtle/Demochelys Coriacea*) bernilai 15 sen. Penyu ini adalah di antara spesies penyu yang besar di dunia. Ia boleh membesar sepanjang 2 meter mengikut ukuran karapas dengan berat sehingga 900 kg. Inilah satu-satunya jenis penyu yang tidak bertempurung keras tetapi mempunyai karapas berkulit dengan 7 garisan panjang. Karapas ini berwarna hitam dengan tompok-tompok putih, kelabu atau samar. Penyu jenis ini mempunyai mulut yang bahagian atasnya melengkung untuk memudahkankannya menangkap obor-obor yang digemarinya. Walaupun ia membiak di kawasan-kawasan tropika, sebahagian besar masa hidupnya dihabiskan untuk mencari makanan di lautan. Ia kerap menyelam sedalam 400 meter dan maksimum yang pernah direkodkan ialah 1,200 meter. Penyu Belimbing ini boleh meningkatkan suhu badannya beberapa darjah melebihi paras keadaan di sekeliling. Di Malaysia, ia hanya bertelur di kawasan berhampiran dengan pantai Rantau Abang di Terengganu

warna coklat buah zaiton dan sebenarnya dinamakan mengikut warna lemaknya. Ia boleh membesar sehingga lebih 1 meter mengikut ukuran karapas dengan beratnya yang melebihi 140 kg. Hampir keseluruhan makanannya terdiri dari jenis sayur-sayuran seperti rumput laut, alga dan sekali-sekala span. Di kebanyakan tempat di dunia, Penyu Agar ini telah dibunuh untuk mendapatkan daging, kulit dan minyaknya. Manusia juga mengambil telur penyu dan membunuh anak-anak penyu untuk dijadikan perhiasan. Di Malaysia, Penyu Agar bertelur di pantai yang berpasir termasuk juga di pulau-pulau berhampiran Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Ketga ialah setem bernilai 40 sen yang menggambarkan Penyu Lipas (*Hawksbill Turtle/Lepidochelys livacea*). Penyu ini ialah di antara yang terkecil di antara 4 jenis penyu yang terdapat di Malaysia. Ia hanya membesar sehingga sepanjang 60 ke 65 cm dengan berat yang biasanya di antara 35 hingga 40 kg. Tempurung atasnya berwarna coklat buah zaiton atau kelabu sementara bawahnya pula berwarna putih. Makanan utama penyu jenis ini ialah udang, obor-obor, ketam dan siput. Ia biasanya bertelur secara berkumpulan di antara 10,000 ekor hingga 100,000 ekor di Mexico, Costa Rica, Surinam, India dan terdapat di

dalam jaring-jaring nelayan dan pengambilan telur-telurnya secara besar-besaran. Di Malaysia, Penyu Lipas ini terdapat dalam jumlah yang kecil di pantai-pantai termasuk juga di pulau-pulau yang berhampiran.


Keempat ialah setem bernilai RM1 yang menggambarkan seekor Penyu Karah/Penyu Sisik (*Olive Loggerhead Turtle/Eretmochelys imbricata*). Penyu ini ialah satu-satunya jenis penyu yang mempunyai paruh seperti paruh helang. Tempurung belakangnya yang keras terdiri dari sisik-sisik bertindih berwarna coklat tua atau kuning dan coklat yang menarik sementara kepala dan sisirnya pula berwarna keemasan dengan tompok-tompok berwarna coklat. Ia boleh membesar sehingga 70 hingga 90 sm mengikut ukuran karapas dengan berat di antara 35 hingga 60 kg. Ia mengemari lautan yang berterumbu karang. Makanan yang disukainya ialah span. Penyu jenis ini terdapat di seluruh kawasan tropika dan hampir di setiap tempat ia diburu. Separuh dari kulitnya dijadikan perhiasan dinding sementara yang lain dijadikan hiasan diri yang dijual kepada para pelancong. Sejumlah kecil penyu jenis ini didapati bertelur di pantai Semenanjung Malaysia terutamanya di Melaka serta Sabah dan Sarawak.

Penyu wujud sejak lebih 100 juta tahun yang lampau. Seperti reptilia-reptilia yang lain seperti buaya, cicak dan ular, penyu juga mempunyai kulit yang bersisik, bernafaskan udara, bertelur dan mempunyai suhu badan yang turun-naik mengikut keadaan suhu di sekelilingnya. Tempurung atau karapasnya yang keras bertulang dapat melindunginya dari serangan musuh. Tempurung ini terdiri dari tsu-tsu hidup yang merangkumi rusuk serta vertebra dengan elimen bertulang yang terjadi dari kulit yang bersisik. Sinp hadapan dan belakangnya adalah penyesuaian khas untuknya berenang. Sungguhpun ia boleh menyelam dan berada dalam air untuk sekian lama, ia tetap boleh mati sekiranya tidak dapat timbul untuk bernafas semula.

yang jumlahnya sekarang amat berkurangan berbanding dengan masa lampau.

Kedua ialah setem bernilai 20 sen yang menggambarkan spesies Penyu Agar (*Common Green Turtle/Chelonia mydas*) Penyu Agar ini biasanya ber-

beberapa negara lagi tetapi kini sedang menghadapi bahaya kepupusan. Ini disebabkan oleh penangkapan untuk tujuan perdagangan yang sah dan tidak sah untuk mendapatkan daging dan kulitnya, penyu ini juga kadangkala terperangkap





# serangga

Setempos khas ini bertemakan serangga tebuhan (*insects wasps*). Sampul surat hari pertamanya ialah pada 29 Julai 1991. Setem ini mengandungi 4 dinominasi bernilai 15 sen, 20 sen, 50 sen dan RM1.

Bagi setem 15 sen, ia menggambarkan serangga *eustenogaster calyptodoma* dari sejenis keluarga tebuhan yang mempunyai tabiat terbang seakan-akan pepatung dan dikenali juga dengan nama 'hover wasps'. Setengah spesies jenis ini terbang antara sarang labah-labah dan memungut mangsa yang terlekat di sarang itu untuk dibawa ke sarangnya sebagai makanan anak-anak. Tebuan ini berwarna hitam atau coklat bertompok kuning dan mempunyai badan berukuran 2.5 sm panjang. Tebuan ini agak unik kerana boleh mengeluarkan satu bahan putih bergel dari kelenjar 'Dufour', satu kelenjar yang ada kaitannya dengan peralatan pembiakan betina. Bahan bergel ini digunakan untuk membentuk tapak tempat tebuhan dewasa meletakkan makanan anaknya, selain melindungi serangan semut. Kebanyakannya dikatakan pemalu dan tidak berbahaya kepada manusia.

Setem bernilai 20 sen pula

masalah kepada pemeliharaan lebah madu terutamanya semasa musim hujan dan selepas musim buah-buahan kerana keadaan persekitaran menyebabkan kekurangan makanan baginya.

Setem 50 sen pula menggambarkan serangga bernama *Sceliphom javanum*. Ia merupakan sejenis keluarga tebuhan yang hidup secara bersendirian dan agak senang dikenali kerana ia mempunyai ebdemen yang bertangkai. Lehernya agak pendek serta berkelok dan kebanyakan tebuhan ini berwarna cerah. Spesies jantan mempunyai warna yang berlainan, biasanya berwarna coklat hitam dan kuning serta mempunyai kepak yang cerah. Sarangnya diperbuat dari tanah dan di dalam nya tersimpan labah-labah yang telah dibunuh sebagai makanannya. Ukuran badannya ialah 28 hingga 32 mm panjang.

Setem RM1 menggambarkan serangga bernama *Ampulex compressa*. Ia juga merupakan keluarga tebuhan yang suka hidup bersendirian. Ia berwarna hijau berkilauan.

Tabuan dan penyengat kebiasaannya menakutkan orang ramai kerana tabiatnya yang suka menyengat. Sengatan

berlaku biasanya dalam keadaan yang terpacai. Terdapat pelbagai jenis tebuhan yang mempunyai habitat bertani atau bersarang di dahan pokok, di bumbung rumah dan juga di dalam tanah. Seseungguhnya membuat sarang besar yang terdiri dari sel yang berbentuk kun. Lebih kurang 20 ribu ekor anak tebuhan boleh

reput atau kayu yang diambil dari pokok-pokok yang telah dipilih dengan rembasan air liurnya. Warna sarang tebuhan kebiasaannya kelabu hingga ke coklat, bergantung pada jenis kayu dan bahan campuran lain yang digunakan olehnya.

Hanya tebuhan betina yang menyengat dengan menggunakan sengat (yang sebenarnya merupakan alat untuk bertelur yang telah diubahsuai) sebagai senjata untuk mempertahankan diri. Seekor tebuhan apabila menyengat mangsanya, akan mengeluarkan satu cecair dari kelenjar yang terlekat di bahagian perutnya. Cecair ini mengakibatkan keadaan tidak selesa, sakit dan membawa padah seperti kematian kepada mangsanya. Ini ialah cara pertahanan yang berkesan bagi sebahagian besar serangga pemangsa. Walaupun tebuhan dianggap serangga yang membawa padah, tebuhan juga berguna kerana boleh mendebugkan tanaman kerana tabiatnya mencari madu bunga dari pokok-pokok tertentu.

Di Malaysia, spesies tebuhan yang biasa didapati adalah dari spesies 'genus vespa' yang mengandungi lebih dari 22 spesies berasingan. Spesies paling senang dijumpai di merata-rata tempat ialah 'vespa affinis indonesia'. Spesies ini merupakan musuh lebah madu yang serius dan boleh melumpuhkan pemeliharaan lebah madu. Spesies jenis 'vespa tropika' didapati memakan anak-anak penyengat lain. Spesies seperti *ampulex compressa*, *eustenogaster calyptodoma* dan *sceliphom javanum* pula merupakan pemangsa bagi lipas, kupu-kupu dan labah-labah. Tebuan betina setelah mengesan mangsanya akan melumpuhkan mangsanya, seterusnya membawa mangsanya ke tempat yang selamat. Mangsa ini akan dihancurkan oleh tebuhan pekerja dan akan dicampurkan dengan bahan makanan lain untuk diberikan kepada anak-anak tebuhan di dalam sel. Tebuan berguna dalam proses pendebungaan tumbuhan, namun ia juga dianggap sebagai serangga perosak.

Serangga I - Tebuan  
Insects I - Wasps



menggambarkan serangga (tebuan) jenis *Vespa Affinis Indonesia*. Ia merupakan tebuhan paling banyak didapati di negara ini. Ia mempunyai badan yang berwarna hitam dengan warna oren pada sekmen ebdemen pertama dan kedua. Ia sangat garang dan agresif serta boleh menyengat beberapa kali. Tebuan ini mempunyai ukuran badan 20 hingga 30 mm. Ia boleh menimbulkan

didapati di dalam satu sarang yang mempunyai kun (bingkai). Ratu tebuhan akan memilih tempat yang sesuai untuk membuat sarangnya, diikuti dengan ahli-ahli lain yang membantu kerja-kerja membuat sel dan menyiapkan sarang. Ratusnya akan mula bertelur apabila sebahagian dari sel tersebut telah siap dibina. Sarang diperbuat dari tanah yang dihasilkan dari campuran kayu



# hutan tropika

Setem pos keluaran khas yang bertemakan Hutan Tropika di Malaysia mengandungi 3 dinomiasi setem yang bernilai 20 sen, 50 sen dan RM1. Sampul surat hari pertama bagi keluaran setem ini ialah pada 23 Mac 1992.

Setem bernilai 20 sen menggambarkan hutan bukit Dipterokarpa. Di antara tumbuhan yang terdapat di kawasan hutan ini ialah spesies pokok Jelutong (*Dyera costulata*).

Setem bernilai 50 sen pula menggambarkan tumbuhan hutan Paya Laut Bakau/Bakau Minyak (*Rhizophora apiculata*). Spesies ini banyak terdapat di persiriran pantai Malaysia.

Setem yang bernilai RM1 menggambarkan kawasan hutan pamah Dipterokarpa. Tumbuhan yang terdapat di sini di antaranya ialah pokok jenis Cengal (*Lowland Dipterocarp Forest/ Neobalano carpus hemii*).

Hutan tropika di Malaysia adalah dianggap sebagai

Hutan Dipterokarpa Pamah dan Hutan Dipterokarpa Bukit yang kaya dengan pelbagai spesies pokok. Terdapat juga lain-lain jenis hutan iaitu Hutan Paya Laut, Hutan Paya Gambut, Hutan Pergunungan dan Hutan Pergunungan Tinggi. Hutan Dipterokarpa ini meliputi kawasan yang luas di bahagian pedalaman dan bukit serta mempunyai ciri-ciri kepentingan ekologi dan memberi sumbangan ekonomi pada negara dengan mengeluarkan pelbagai keluaran hutan di samping kayu balak. Hutan Paya Laut yang terletak di persiriran pantai adalah merupakan sebagai sumber dalam pengeluaran kayu arang dan di samping itu memainkan peranan dalam perlindungan dan pemeliharaan ekosistem pantai untuk kegiatan perikanan dan juga akuakultur. Hutan Paya Gambut yang terletak dalam kawasan darat

berpaya menghasilkan beberapa spesies balak yang bermutu tinggi.

Hutan tropika di Malaysia adalah suatu ekosistem yang kompleks dan seimbang di dunia dan ianya juga merupakan suatu warisan semulajadi yang begitu unik sejak berjuta-juta tahun yang lampau. Hutan Malaysia yang kaya dengan pelbagai spesies hidupan mengandungi lebih kurang 14,500 spesies pokok berbunga, di mana 2,830 darinya adalah spesies pokok. Terdapat juga di dalam hutan Malaysia 200 spesies mamalia, 600 spesies pelbagai jenis burung, 140 spesies pelbagai jenis ular, 150 spesies pelbagai jenis katak dan ribuan spesies serangga. Adalah dikenapasti lebih dari 1,300 spesies

tumbuhan yang terdapat di dalam hutan negara ini mempunyai nilai perubatan.



# hidupan laut (batu karang)



Sampul surat hari pertama yang bertemakan hidupan laut siri 4 menggambarkan setem dari pelbagai jenis batu karang yang terdapat di Malaysia. Sempena keluaran setem ini, sampul surat hari pertamanya ialah pada 21 Disember 1993. Keluaran setem ini ialah jenis sepasang 'setenant strip' yang mengandungi 5 jenis setem batu karang yang bernilai 30 sen setiap satu iaitu setem batu karang jenis *Acropora*, *Dendrocephalya*, *Dendrophyllia*, *Sinularia* dan *Melithaea*. Terumbu karang yang terdapat di Malaysia adalah di antara yang tercantik sekali di dunia baik dari segi saiz mahupun keindahannya. Ia terbentuk dari rangka haiwan laut halus dan berbadan lembut yang telah mati. Proses himpunan dan transformasi rangka-rangka ini akan sedikit demi sedikit membesar menjadi terumbu karang yang kita lihat sekarang.

Pada mulanya omah-omah haiwan terumbu karang ini akan menetap di dasar keras dalam

laut yang airnya cetek. Dengan terdapatnya cahaya matahari yang banyak dan arus yang tenang, ia membesar menjadi polip yang matang. Dalam proses kematangannya, polip ini akan berubah menjadi bentuk tiup dan mempunyai mulut di hujungnya yang dikelilingi dengan sesungut pemakanan. Garam-garam kalsium dari air laut pula akan menghasilkan satu lapisan pelindung di bahagian luar polip tersebut. Polip-polip ini akan berkembang biak sebagai sebuah koloni yang akhirnya akan menjadi gumpalan-gumpalan yang berbeza bentuk seperti dahan, landai, tang dan bebola. Koloni (cabang) yang baru membiak dan membesar di atas cabang yang telah mati dan secara beransur-ansur ia akan mencipta satu bentuk menarik yang kita kenal sebagai terumbu karang.

Dalam jangka masa ratusan tahun, terumbu yang awal ini akan menjadi lebih padat dan disebabkan oleh proses tindakbalas kalsium, ia akan

berubah rupa seolah batu besar terumbu yang keras, manakala cabang yang baru akan wujud sebagai satu lapisan hidupan polip yang nipis.

Keindahan batu-batu karang Malaysia yang terpapar di laut luas sepatutnya menjadi satu kesedaran kepada kita tentang betapa pentingnya ia diberi perlindungan dari musnah (pupus) akibat aktiviti manusia sendiri. Sebab yang lebih utama ialah terumbu ini berfungsi sebagai satu pertalian yang penting dalam rangkaian pemakanan bagi hidupan laut. Ia menyediakan perlindungan bagi beberapa spesies ikan dan juga makanan yang sesuai bagi spesies ini. Laut tropika tidak menghasilakan zat makanan yang secukupnya dan kekurangan ini dapat diimbangkan dengan adanya terumbu karang ini.

Pengeluaran setem ini bertujuan menambahkan kesedaran kepada kita mengenai keindahan semulajadi yang tidak ternilai ini perlu diberi perlindungan yang sewajarnya.

# bunga-bunga liar

SIRI 2

Setem pos keluaran khas yang menggambarkan bunga-bunga liar Malaysia siri 2 adalah bertemakan beberapa jenis spesies tumbuhan halia. Sempena keluaran setem ini, sampul surat hari pertamanya ialah pada 2 Ogos 1993. Setem-setem ini mengandungi 4 dinominasi yang berbeza. Setemnya bernilai 20 sen, 30 sen, 50 sen dan RM1.

Malaysia yang terletak di kawasan khatulistiwa serta beriklim tropika, kaya dengan pelbagai jenis tumbuhan yang begitu unik yang sukar ditemui di tempat lain. Kebanyakan tumbuh-tumbuhan tersebut adalah kaya dengan pelbagai jenis khasiat sama ada dari segi perubatan ataupun pemakanan keperluan harian.

Antara tumbuh-tumbuhan tersebut ialah spesies pokok halia. Dari sejumlah 50 spesies pokok halia yang terdapat di dunia ini, lebih dari 20 spesies terdapat di Malaysia.

Spesies halia asli kita kebanyakannya dikenali sebagai pokok hutan. Bunganya beraneka jenis warna tetapi tidak tahan lama. Terdapat juga jenis-


jenis pokok halia yang mempunyai ciri-ciri orked. Jenis ini biasanya tumbuh dari sulur di atas tanah ataupun dari tunas yang berdaun ataupun tidak berdaun.

Halia lebih popular sebagai rempah serta perasa makanan. Sebagai contoh, halia asli (*Zingiber officinale*) sudah beribu-ribu tahun mendapat tempat istimewa dalam proses penyediaan masakan dan juga perubatan, kunyit (*curcuma domestica*) biasanya digunakan sebagai perasa perwama dan buah pelaga (*eleteria cardamomum*) digunakan dalam penyediaan makanan, perubatan, minyak wangi serta kemayan.

Setem-setem yang menggambarkan 4 spesies halia yang lain ialah Tepus Kajari (*alpinia rafflesiana*) bernilai 20 sen. Herba ini tumbuh di kawasan lembah dan juga kawasan rendah, setem yang menggambarkan halia jenis Tepus (*achasma megalochelios*) bernilai 30 sen. Ia sejenis pokok hutan yang tumbuh di kawasan rendah dan mempunyai sifat serta rupa yang sama dengan

halia kuning. Setem bernilai 50 sen menggambarkan halia jenis Tepus Tanah (*Zingiber spectabile*). Pokok halia ini boleh mencapai ketinggian lebih dari 30 sm serta kelebaran 7.5 hingga 10 sm dan biasanya terdapat di hutan tanah rendah Semenanjung Malaysia. Setem yang bernilai RM1 pula menggambarkan spesies halia Setawar (*Costus speciosus*). Pokok ini saiznya agak besar serta mempunyai susunan daun berpusar dan kebiasaannya terdapat di kawasan lapang di pinggir hutan.

Ada antara jenis halia ini yang berbunga mengikut musim dan ada pula yang berbunga di sepanjang tahun. Selain ditanam secara ladang untuk bekalan rempah dan perasa, ada juga yang ditanam di perkarangan rumah sebagai hiasan kerana rupa daun, bunga ataupun buahnya yang menarik. Sebagai contoh halia Asli ataupun halia Kunyit, halia Lili (*Hedy-chium coronarium*), pokok Kantan (*Nicolaia speciosa*) dan lain-lain jenis lagi. Kebanyakan halia berbau wangi.





# burung pekaka

Setem khas yang menggambarkan beberapa jenis burung Pekaka yang terdapat di Malaysia, sampul surat hari pertamanya ialah pada 23 Oktober 1993. Setem keluaran khas ini bernilai 30 sen dan 50 sen. Setem yang bernilai 30 sen menggambarkan burung Pekaka Bintik-bintik [*Deep Blue Kingfisher/Alcedo maninting (horsfieldi)*] berpasangan dengan setem burung Pekaka Belukar *White-breasted Kingfisher/Halcyon sylvensis (Linnaeus)*. Setem-setem ini berbentuk 'se-tenang'.

Burung Pekaka Bintik-bintik mempunyai saiz kira-kira 1 sm panjang. Bahagian atas tubuhnya berwarna biru dan bahagian bawahnya pula berwarna kemerah-merahan seakan-akan keperangan. Bulu di bahagian telinganya berwarna biru.

Di Semenanjung Malaysia, ia terdapat di kawasan bakau dan di tepi anak-anak sungai di hutan dan pinggir hutan. Sementara di Sabah dan Sarawak ia biasa ditemui di sepanjang anak-anak sungai di tanah-

rendah hutan primer.

Setem yang menggambarkan Burung Pekaka Belukar yang berukuran 28 sm panjang ialah jenis yang paling banyak dan selalu dilihat di Semenanjung Malaysia. Ia tidak terdapat di Sabah dan Sarawak. Bahagian depan leher dan dada berwarna putih, kepala dan abdomennya berwarna coklat dan di bahagian bawah tengkok serta sayap berwarna biru terang. Ia terdapat di kawasan terbuka di luar bandar, seperti sawah-sawah padi, taman-taman, kawasan pertanian, di tepi-tepi jalan dan juga di tebing-tebing sungai besar di hutan tanah rendah. Burung Pekaka ini biasanya ditemui bersendirian atau berpasangan.

Sementara setem yang bernilai 50 sen iaitu Burung Pekaka Rimba Besar [*Chestnut Collared Kingfisher/Halcyon concreta (Temminck)*]. Setem ini berpasangan dengan setem Burung Pekaka Rimba. Burung Pekaka Rimba Besar biasanya berukuran 23 sm panjang. Mempunyai warna hijau di bahagian atas kepala dan jalur

coklat di sekeliling bahagian belakang leher. Burung Pekaka Jantan mempunyai warna biru tua di bahagian bawah tengkok dan sayapnya, manakala yang betina pula mempunyai warna hijau gelap berbintik-bintik kuning keperangan di bahagian bawah tengkok dan sayapnya. Di Semenanjung Malaysia ia terdapat di kawasan bahagian tanah rendah dan hutan-hutan bukit tidak jauh dari air. Di Sabah dan Sarawak, ia terdapat di hutan primer.

Burung Pekaka Rimba biasanya berukuran 13 sm panjang berwarna merah keperangan. Bahagian depan kepalanya berwarna hitam manakala bahagian bawah tengkoknya juga berwarna hitam dan mempunyai tompok putih yang jelas di bahagian tepi kepala. Burung ini biasanya ditemui di pinggir hutan berhampiran dengan anak-anak sungai di kawasan lembah, di tanah rendah dan bukit-bukau serta kawasan bakau hingga ke hutan gunung.





# bunga orked

Sampul surat hari pertama beserta setem pos khas pada 17 Februari 1994 adalah bertemakan pelbagai jenis spesies bunga orked yang terdapat di Malaysia. Terdapat 4 dinominasi setem orked. Masing-masing bernilai 20 sen, 30 sen, 50 sen dan RM1. Orked jenis *Spathoglottis aurea* Lindl ini boleh didapati di kawasan pergunungan yang agak terdedah. Ia tidak terdapat di Sabah dan Sarawak. Bunganya berwarna kuning keemasan berukuran 6 hingga 7 sm lebar. Terdapat sedikit kelainan dalam warna merah lembayung pada 'bibirnya'. Orked ini sukar ditanam di kawasan tanah rendah. Bagaimanapun ia telah digunakan untuk penghibridan dengan *spathoglottis* lain. Setem orked ini berharga 20 sen.

Setem bernilai 30 sen menggambarkan orked Selipar

(*Paphiopedilum barbatum* (Lindl) Pfitz) yang boleh didapati di kawasan teduh, berfumut di atas tanah berpasir atau bergambut, juga di atas bonggolan, batu-granit besar berlumut di lembah teduh yang lembab pada ketinggian yang sederhana di Semenanjung Malaysia dan Thailand. Ia telah ditanam dan dihibridkan secara meluas. Bunganya berukuran kira-kira 8 sm lebar dan memamerkan banyak kelainan dari segi warna.

Setem bernilai 50 sen menggambarkan sejenis orked gunung (*Bulbophyllum Lobbii* Lindl), spesies ini di antara yang terindah. Ia boleh didapati di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Bunganya terbit satu-satu dan terbuka lebar sehingga kira-kira 7.5 sm lebar. Bunga dari Sabah dan Sarawak adalah lebih menarik dan besar.

Setem bernilai RM1 menggambarkan orked jenis *Aerides Odorata* Lour. Orked ini mudah berubah, tumbuh sebagai epifit di kawasan tanah pamah sederhana terdedah. Ia boleh didapati di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Infloresennya berukuran hingga 35 sm panjang dan sebat tangkai mempunyai sehingga 30 kuntum bunga yang harum baunya.

Orked adalah di antara bunga yang tercantik di dunia. Ia dianggap sebagai permata dunia hutan. Warnanya yang indah dan bentuknya yang kompleks telah mempersona manusia sejak zaman-zaman berzaman lagi. Malaysia kerap disebut sebagai tempat lahir orked, dengan lebih dari 1,000 spesies liar tumbuh di atas tanah, di atas batu atau di atas tumbuhan lain.



# kulat-kulat Malaysia

Kulat ialah tumbuhan tanpa akar, daun, bunga atau klorofil. Sifatnya yang unik ialah keupayaan untuk membesar tanpa matahari, dan keupayaan untuk mensintesisakan makanannya dari jirim mati atau jirim mereput (saprofit), atau bertindak seperti parasit yang mendapat makanan daripada tumbuhan serta haiwan hidup.

Kulat bukan sekadar suatu keanehan di hutan, tetapi diperlukan dalam perjalanan fungsi hutan. Sebagai saprob, kulat mengursikan jirim tumbuhan dan haiwan dan mengitar semula nutrien serta unsur lain yang penting, contohnya nitrogen, untuk kembali memasuki alam semula jadi. Unsur ini secara langsung atau tidak langsung menampung kesemua bentuk kehidupan. Di sini jasad berbuah atau cendawan dalam kumpulan beberapa spesies Malaysia ditonjolkan:

a) *Microporus xanthopus* - 20sen. Ahli dalam kumpulan

kulat "berliang" ini memiliki berjuta-juta liang halus di bahagian bawah takupnya, bukannya di bahagian insangnya. Kulat ini tumbuh di atas pokok dan batang kayu yang tumbang. Jasad berubah bukannya berlabu tetapi liat, keras bak kayu dan tahan lama.

b) *Cookeina tricholoma* - 30sen. Kulat ini berwarna terang dan mempunyai bulu (trikom) di atas cawannya (apotasium) terkenal sebagai kulat paling cantik antara semua kulat. Jasad berbuah yang pada asalnya tertutup menjadi kembang ketika membesar dan akhirnya berbentuk seperti cawan atau cakera. Cendawan ini sering ditemui di atas ranting atau batang pokok yang tumbang dan boleh jadi sesil sama sekali atau disokong oleh batang pendek.

c) *Dictyophora phalloidea* - 50sen. Kulat ini ialah kulat saprofit yang mempunyai tudung yang khusus atau unjuran bak jaring yang dinamai indusium.

Kerana itulah nama biasanya ialah "kulat tudung". Jasad berbuah muncul daritanah pada awal pagi dan layu selepas beberapa jam kemudian. Kulat ini mengeluarkan bau memualkan yang menarik lalat serta serangga lain yang dapat membantu dalam menyebarkan spora. Kerana itulah satu lagi nama biasanya ialah "kulat busuk".

d) *Ramaria sp.* - RM1. Spesies ini adalah salah satu daripada spesies kulat karang bercabang yang begitu banyak yang tumbuh di dasar hutan atau di atas tunggul pokok mati. Bentuknya seperti pokok rimbun, warnanya jingga dan dagingnya yang berwarna putih beransur-ansur menjadi gelap apabila terdedah kepada udara.

Sempena setem pos Kulat-Kulat Malaysia ini, sampul surat hari pertamanya ialah pada 18 Januari 1995.



# harimau dahan Malaysia

Harimau Dahan ialah salah satu daripada jenis kucing yang tercantik dengan corak yang menarik pada bulunya. Ia merupakan satu-satunya kucing besar yang boleh dijumpai di Semenanjung Malaysia dan pulau Borneo. Berat seekor harimau dahan dewasa ialah di antara 11kg dan 20kg. Ia mempunyai kaki yang pendek dan bulu yang tebal di bahagian ekornya. Ekornya sering kali sama panjang dengan badannya.


Harimau Dahan boleh ditemui di Asia Tenggara, dan jauh ke barat, sehingga ke Nepal. Namun demikian, tiada satu kawasan di mana harimau dahan didapati dalam bilangan yang banyak. Haiwan ini suka menyendiri, pantas menghilangkan diri, cekap memanjat dan pandai berenang. Ia memakan pelbagai jenis binatang termasuk monyet, rusa dan babi hutan. Sungguhpun diindungi undang-undang di kebanyakan negara, termasuk Malaysia, populasinya kini semakin berkurangan.

Sempena setem Harimau Dahan ini, empat jenis setem telah dikeluarkan iaitu setem berharga 20 sen, 30 sen, 50 sen dan RM1. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 18 April 1995.





SAMPUL SURAT HARI PERTAMA



Bangunan Bersejarah  
SIRII II



1A 1A 1A 1A

PANGMAN BERSEJARAH SIRII II  
7. 11. 1991  
BIRU PEM'NAT SETEM  
GUAH ALI P.M.,  
SELANGOR.



1A 1A 1A 1A



1A 1A 1A 1A

PANGMAN BERSEJARAH SIRII II  
7. 11. 1991  
BIRU PEM'NAT SETEM  
GUAH ALI P.M.,  
SELANGOR.




1A 1A 1A 1A





# B A B 4



*Pelancungan Dan Kesenian*

## Tahun Melawat ASEAN 1971



ASEAN adalah singkatan dari satu rangkaian kata dalam Bahasa Inggeris yang bererti Persatuan Negara-negara Asia Tenggara. Penubuhannya merupakan satu sumbangan besar dalam usaha kerjasama serantau di kalangan negara-negara Asia Tenggara. ASEAN ditubuhkan selepas satu mesyuarat di antara Menteri Hal Ehwal Politik/Luar Negeri Indonesia, bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Setiausaha Luar Filipina, Menteri Luar Singapura dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thailand yang diadakan di Bangkok pada 5 hingga 8 Ogos 1967. Negara-negara ASEAN telah bersetuju untuk kerjasama serantau dalam bidang pelancongan, perkapalan dan perikanan serta mengadakan kerjasama dalam bidang perdagangan. Jawatankuasa Tetap Pelancongan ASEAN yang bersidang dalam bulan Februari 1969 di Jakarta bersetuju untuk menamakan satu tahun sebagai 'Tahun Melawat Negara ASEAN' menandakan penggalakkan pelancongan bersama-sama negara ASEAN. Sempena menandakan Tahun Melawat ASEAN 1971, 3 jenis setem pos kenang-kenangan berbentuk 'se-tenang' sebaris bernilai 30 sen setiap satu telah dikeluarkan. Setem ini menggambarkan perayaan-perayaan yang terdapat di Malaysia. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 18 September 1971.

SAMPUL SURAT HARI PERTAMA



TAHUN MELAWAT ASEAN 1971



68

TAHUN MELAWAT ASEAN 1971

## Kraftangan Malaysia



Seni kraftangan tradisional Malaysia merupakan sebahagian dari warisan kebudayaan negara yang tidak ternilai. Atas kesedaran ini, langkah-langkah perlu diambil untuk terus mengekalkannya. Seni kraftangan ini menggambarkan sejarah dan budaya yang dapat membandingkan dan memberi fahaman yang mendalam mengenai kumpulan masyarakat di Malaysia.

### Kraftangan Terendak Sabah

Seraung ataupun topi tradisional Sabah digunakan dengan meluas oleh penduduk negeri Sabah terutama bagi suku kaum Dusun atau Kadazan dari daerah-daerah Penampang, Tambunan, Papar dan Keningau. Ianya merupakan sejenis hasil tangan yang menggunakan bahan-bahan mentah yang terdapat di negeri Sabah. Seraung ini berbentuk runjung (*conical*) dan disulam dengan bambu/buluh yang dianyam dengan rotan pada lingkaran bulat di sebelah bawah. Seraung-seraung ini diwarnakan dengan menggunakan pencelup berlatarbelakang putih kuning dan jalur-jalur ombak hitam serta merah dari atas hingga ke bawah menjadikan corak dan potongannya ala piramid.

Secara tradisi seraung digunakan dalam pelbagai peristiwa seperti menyambut hari perayaan di beberapa buah daerah dan juga dalam pesta menuai ataupun dalam bahasa Kadazannya dikenali sebagai 'Tadua

Kaamatan'. Perayaan ini diadakan pada setiap tahun iaitu di sekitar bulan Mei oleh orang-orang Kadazan/Dusun di negeri Sabah.

### Kraftangan Kain Songket

Kain songket adalah kain tenunan tradisi Malaysia. Ramai kaum wanita di pantai timur Semenanjung terlibat dalam perusahaan menenun kain songket ini.

Benang sutera atau benang kapas pada mulanya dicelup dengan warna dan bahan-bahan asli seperti buah-buahan, akar-akar kayu dan sebagainya. Pada hari ini benang-benang dicelup dengan bahan-bahan kimia. Kain songket biasanya dipakai dalam upacara-upacara tertentu dan warna yang dipilih adalah warna yang dapat menimbulkan cahaya benang emas pada kain itu, umpamanya warna merah tua, kuning, hijau, coklat dan biru. Dalam proses menenun kain, benang itu diselang selikan dengan benang pakan yang melintang untuk dijadikan kain. Terdapat juga campuran benang sutera dan kapas. Benang emas disulam untuk menjadikan motif yang merupakan tepakan yang rumit. Biasanya pembahagian bentuk kain songket terletak kepada kepala kain, kaki kain dan badan (tanah) kain. Motif-motif rekacorak yang menghiasi kain songket kebanyakannya adalah bersumberkan bunga-bunga yang menggunakan teknik-teknik tertentu yang akhirnya mewujudkan gaya geo-

metri. Motif-motif di dalam kain-songket disusun dalam bentuk susunan bunga penuh, bunga bertabur dan susunan bercorak. Motif pucuk rebung dan lawi ayam sering ditempatkan pada kepala kain dan motif awan larat terdapat pada kaki kain songket. Pada zaman dahulu songket menjadi pakaian golongan diraja dan orang-orang bangsawan sahaja tetapi zaman telah berubah di mana kain songket sekarang ini dipakai oleh sesiapa sahaja.

### Kraftangan Tembikar

Tembikar adalah suatu kerja tangan yang dihasilkan oleh orang-orang Sabah, Sarawak dan Sayong di negeri Perak serta Mambung di Kelantan. Tembikar Sarawak dihias dengan motif-motif kumpulan suku kaum yang unik. Bentuknya mengikut seni tembikar Cina yang pada mulanya diperdagangkan di Borneo Utara beberapa kurun yang lampau. Tembikar seramik sayong di negeri Perak berwarna hitam dan kelabu pada umumnya digunakan sebagai bekas untuk menyimpan air manakala tembikar mambung pula terdiri dari periuk tanah berwarna merah, coklat dan biasanya digunakan untuk memasak. Tiga jenis setem telah dikeluarkan iaitu bernilai 10 sen, 15 sen dan 75 sen. Masing-masing menggambarkan setiap kraftangan di atas. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 26 November 1982.





## Senjata Tradisional Melayu

Senjata tradisional Melayu ialah pedang, pisau belati, tombak dan juga meriam (elo). Contoh senjata yang paling dikenali ramai ialah keris, badik, tumbuk lada, pedang, golok, lawi ayam, tombak, meriam dan ekor lotong. Keris telah menjadi senjata kebangsaan orang Melayu sejak 500 tahun lampau. Bagaimanapun keris dan senjata-senjata tradisional yang lain sekarang ini lebih digunakan sebagai bahan hiasan dan digunakan di upacara istiadat sahaja.

### Keris

Keris adalah senjata untuk menikam. Pada dasarnya ada 5 jenis keris utama iaitu keris yang berasal dari utara Semenanjung Malaysia dan Petani, Keris Jawa, Keris Bugis, Keris Sumatera dan keris dari Rembau. Keris ini boleh dikelaskan dengan lebih terperinci mengikut pamor, jenis besi yang digunakan, bentuk mata dan juga hulu. Keris dibuat dengan menggunakan sekurang-kurangnya 2 jenis logam. Terdapat juga keris yang mengandungi 7 campuran logam. Keris biasanya tajam di kedua-dua belah matanya dan meruncing di hujung. Panjang keris ini adalah antara 20 hingga 40 sm dan biasanya lurus atau berlok-lok, bergantung kepada jenis keris tersebut. Biasanya keris ini mempunyai 3, 5 atau 7 lok tetapi

ada juga keris yang mempunyai sehingga 19 lok. Sarung keris biasanya diperbuat dari kayu jenis yang istimewa dan boleh didapati dalam bentuk licin ataupun diukir dengan halus.

Bahagian keris yang lebih cantik ialah di sebelah hulunya yang biasanya diperbuat dari kayu yang keras, tanduk, tulang atau gading dengan pelbagai

hiasan seperti hulu pekaka dan hulu burung. Keris yang menggunakan hulu pekaka adalah sebahagian dari alat kebesaran DYMM Seri Paduka Yang DiPertuan Agong.

### Tumbuk Lada

Tumbuk lada mempunyai mata yang lurus dan biasanya tidak melebihi 20 sm panjang dan tajam sebelah sahaja. Hulu keris ini biasanya membujur dan terukir menyerupai penumbuk la-

da. Oleh sebab itu ia dipanggil tumbuk lada. Sarung keris ini berukir. Terdapat 4 jenis setem setiap satunya bernilai 40 sen yang menggambarkan Keris Semenanjung, Keris Pekaka, Keris Indonesia dan Tumbuk Lada. Hulu Keris Semenanjung menyerupai kepala burung yang diperbuat dari gading. Matanya mempunyai 5 lok. Keris Pekaka hulunya panjang berbentuk paruh bengkok dan bermata galak yang merupakan burung purbakala. Mata keris ini biasanya lurus dan agak berat dibandingkan dengan keris-keris yang lain. Keris dari Indonesia hulunya menyerupai buah-buahan, matanya pula berlok. Tumbuk lada sarung sebelah atasnya diukir dengan halus dan hujung hulunya diperbuat dari perak. Setem yang dikeluarkan ini berbentuk 'se-tenant blok empat'. Sampul surat hari pertama mengenal senjata tradisional Melayu ini ialah pada 30 Mei 1984.





## Bangunan Bersejarah

Malaysia adalah sebuah negara yang berdaulat serta mempunyai latar belakang sejarah yang gemilang. Hasil dari pergolakan sejarah yang begitu lama, banyak peninggalan sejarah yang dapat kita lihat di negara ini yang merupakan manifestasi dari perkembangan negara yang terdiri dari pelbagai aspek seperti sosial, politik dan ekonomi. Salah satu dari peninggalannya ialah bangunan-bangunan lama yang bersejarah serta menarik dan unik dari segi seni bina. Bangunan-bangunan lama adalah di bawah Akta Benda Purba 1976 yang bertujuan untuk menyelidik, mengawal, memelihara serta mewartakan bangunan-bangunan bersejarah.

### Istana Lama Seri Menanti Negeri Sembilan

Istana Lama Seri Menanti yang terletak di Seri Menanti di daerah Kuala Pilah telah dibina pada tahun 1902 untuk menggantikan istana lama yang telah dibakar oleh tentera Inggeris semasa mengejar Yang DiPertuan Antah pada bulan Disember 1875. Istana ini telah menjadi tempat bersemayam DYMM Yang DiPertuan Besar Tuanku Muhammad sehingga tahun 1931. Istana ini diperbuat dari kayu dan mempunyai 4 tingkat serta berbentuk rumah Minangkabau. Keanehan istana ini ialah terdapatnya menara 3 tingkat di bahagian tengahnya dan keempat-empat tiang seri istana ini telah diambil sendiri oleh penduduk-penduduk tempatan dari hutan-hutan di Bukit Perigi, Jelebu dan Bukit Tinggi di Kuala Pilah. Puncak menara yang kelihatan dikenali sebagai 'tingkat gunung'. Terdapat ukiran dan motif yang luar biasa di bahagian luar pada lambai-lambai bangunan dan pada tiang-tiang di bahagian serambi.

### Istana Kenangan Perak

Istana Kenangan yang terletak di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak telah dirancangan pembinaannya selepas banjir besar melanda Perak pada tahun 1928. Bangunan ini telah siap dibina sepenuhnya pada tahun 1931. DYMM Sultan Iskandar Shah iaitu Sultan Perak Ke-30 (1918-1938) telah berpindah dan bersemayam di istana tersebut bersama istana negeri hendak dirobohkan untuk membina istana yang baru (Istana Iskandariah sekarang). Baginda Sultan berpindah ke Istana Iskandariah pada tahun 1933 apabila istana tersebut siap pembinaannya. Istana Kenangan pula diduduki oleh keluarga-keluarga kerabat DiRaja Perak. Istana Kenangan dikenali juga dengan nama Istana Lembah atau kadang-kala disebut juga sebagai Istana Tepus. Istana ini berdingding kelari dan berbumbung 'perabung lima' dan 'perabung pisang sesikat'. Keseluruhan istana ini diperbuat dari kayu.

### Bangunan Stadthuys Melaka

Belanda telah membina sebuah kediaman bagi Gabenor Belanda di antara tahun 1641 hingga 1656 di tapak kediaman Gabenor Portugis yang telah musnah semasa peperangan di antara Portugis dengan Belanda. Rumah Gabenor juga dikenali sebagai 'Stadthuys' dalam Bahasa Belanda. Bangunan ini ialah bangunan asal dan tertua sekali di antara bangunan Belanda yang terletak di Timur Jauh. Bangunan Stadthuys yang berbentuk empat segi bujur ini berdiri 3 tingkat dengan bilik setor di satu tingkat. Di sebelah kanan ialah bilik hamba abdi dan gudang-gudang untuk menyimpan barang-barang.

### Istana Kuching, Sarawak

Istana Kuching yang terletak di seberang Sungai Sarawak dengan Bandar Kuching telah dibina pada tahun 1870 sebagai kediaman Ketua Negeri. Istana ini adalah satu-satunya istana yang terpenting. Mengikut sejarah Negeri Sarawak bangunan ini dibahagikan pada tiga bentuk banglo yang berasingan. Ia dianglo oleh tiang batu setinggi 20 kaki. Bangunan besar yang terletak di bahagian tengah digunakan untuk meraikan tetamu-tetamu negeri. Sementara bangunan yang lain adalah untuk bilik-bilik tidur.

Bagi memperingati bangunan-bangunan bersejarah ini, 4 jenis setem telah dikeluarkan iaitu setem 15 sen yang menggambarkan Istana Seri Menanti, setem 20 sen menggambarkan Istana Kenangan Perak, setem 40 sen menggambarkan Bangunan Stadthuys Melaka dan setem RM1 menggambarkan Istana Kuching, Sarawak. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 20 Disember 1986.





## Alat Muzik Tradisional

Alat-alat muzik Malaysia terdiri dari beberapa jenis alat muzik tradisional yang dibahagikan kepada beberapa bahagian, seperti yang bertali dan yang ditiup. Alat-alat ini wujud dalam beberapa kumpulan muzik dan budaya tertentu. Kebanyakan alat tersebut telah mengalami beberapa perubahan kecil dari segi rupa bentuknya dengan penerapan unsur dan hiasan tempatan bersesuaian dengan nilai sezaman. Alat-alat tersebut adalah rebab, serunai, saphi, sompotan, kompang dan gendang.

### Rebab

Rebab yang bertali tiga adalah sejenis alat muzik tradisional Melayu yang diklasifikasikan sebagai alat '*chordophones*'. Badan rebab, berbentuk membujur segi tiga yang diukir dari sejenis kayu keras. Kebiasaannya ialah dari kayuangka dan permukaannya ditutup dengan kulit bahagian dalam perut lembu. Setelah itu sejenis bahan akustik berbentuk seperti busut diperbuat dari manis lebah (kelulut) dilekatkan di bahagian atas pada sebelah kiri permukaannya. Alat rebab pada umumnya dikenali sebagai '*spiked fiddle*' dan kayu penggesek yang diukir khas digunakan untuk menggeseknya. Alat rebab merupakan alat melodi tunggal

yang wujud dalam kumpulan pa-luan Mak Yong dan Main Petri. Dalam tradisi Tarik Selampit, penyertainya adalah sebagai alat solo yang dimainkan oleh Tok Selampit sendiri.

### Serunai

Serunai merupakan sejenis alat tradisional Melayu bersifat '*aero-phonics*' yang hanya terdapat dalam kumpulan Wayang Kulit Kelantan, Menora dan silat serta sebagai mengiringi Tarian Istana seperti Tarian Asyik dan Inal. Alat serunai mempunyai empat lapis pipit yang diperbuat dari daun lontar dan merupakan alat melodi utama dalam kumpulan-kumpulan berkenaan. Alat serunai diperbuat dari kayu keras berbentuk tiup silinder dan mempunyai tujuh lubang petik depan dan satu lubang ibu jari di bahagian atas pada batang serunai di sebelah belakang. Bahagian leher dan bawah serunai biasanya diukir dan dihias. Teknik pemaafasan yang digunakan untuk meniup serunai adalah dengan menggunakan teknik circulan-lau iaitu persambungan agartekan udara tadi tidak terhenti atau terputus.

### Saphi

Saphi adalah sejenis alat muzik yang diklasifikasikan sebagai alat '*chordophones*' yang begitu

terkenal bagi masyarakat peme-Kenyah dan Kelabit di Iltan Mu-Alat petikan ini mempunyai telah utas tali dawai yang dipasem merintang badannya dan di-bahagian bawah tali-tali tersebut terdapat beberapa kepingan kayu kecil yang berperanan sebagai penungkat yang boleh diubah alih. Hanya tali pertama sahaja digunakan untuk meng-hasilkan lagu atau melodi manakala yang tiga lagi digu-nakan untuk suara drone sahaja. Jenis saphi yang terdahulu menggunakan dua utas tali yang dibuat dari rotan yang diraut halus. Alat ini dimainkan secara solo atau berpasangan untuk mengiringi tarian kepahlawanan yang dinamakan Ngajat dan Datun Julud, yang ditarikan se-cara berkumpulan oleh kaum wanita.

### Sompotan


Sompotan adalah sejenis alat muzik tradisional yang diklasifi-kasikan sebagai alat *aerophone* yang terkenal di kalangan masya-rakat Dusun di Sabah. Alat ini mempunyai beberapa batang buluh dan pada buluh-buluh tersebut dibuat pula sejenis pelidah. Buluh-buluh ini dipa-sangkan secara menegak pada sebiji labu yang dikeringkan. Ia berfungsi sebagai tempat pen-yimpanan udara. Nada suara pada alat sompotan dapat dikuasai dengan menggunakan jari-jari untuk memetik lubang-lubang yang terdapat pada peng-hujung buluh-buluh tersebut. Alat ini mengeluarkan suara yang merdu. Alat ini dapat digunakan secara solo atau berkumpulan.

Sebagai memperingati alat muzik tradisional ini empat jenis setem telah dikeluarkan iaitu setem 15 sen yang meng-gambarkan sompotan, setem 20 sen (saphi), setem 50 sen (serunai) dan setem 80 sen (rebab). Sampul surat hari per-tamanya ialah pada 7 Mac 1987.

## Tahun Melawat Malaysia

Sempena memperingati Tahun Melawat Malaysia tiga jenis setem telah dikeluarkan yang melambangkan upacara dan perayaan tertentu di Malaysia. Setem-setem itu bernilai 20 sen, 50 sen dan RM1. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 1 Januari 1990.

Sempena Tahun Melawat Malaysia 1994, empat jenis setem telah dikeluarkan iaitu 20 sen, 30 sen, 50 sen dan RM1. Keempat-empat jenis setem ini menggambarkan alam semulajadi yang terdapat di Malaysia. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 1 Januari 1994.





MALAYSIA 15c



MALAYSIA 40c



MALAYSIA 20c



MALAYSIA \$1



## Bangunan Bersejarah Siri II

Malaysia mempunyai latar belakang sejarah yang gemilang. Hasil dari pergolakan sejarah, banyak peninggalan sejarah dapat kita lihat di negaraini. Salah satu dari peninggalannya ialah bangunan-bangunan lama yang unik dari aspek seni bina.

### Istana Besar Johor

Istana Besar Johor telah dibina kira-kira pada tahun 1866 oleh Almarhum Sultan Abu Bakar sebagai Istana Semayam. Pada ketika itu Baginda bersemayam di Teluk Belanga, Singapura. Mending *Duke of Edinburg* merupakan anak raja yang pertama bersemayam dan berada di istana ini dalam tahun 1967 dan DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Ke-3 serta Permaisurinya pernah bersemayam dan berada di istana ini. Istana Besar kemudiannya telah dijadikan tempat bertanggunya upacara-upacara seperti Istiadat Kemahkotaan DYMM Sultan, Istiadat Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Sultan dan seumpamanya. Istana Besar telah juga diperkenankan oleh DYMM Baginda Sultan Johor bagi dijadikan 'Muzium DiRaja' dan di sini juga tersimpannya segala alat-alat kebesaran serta segala khazanah DiRaja Johor.

### Istana Maziah Terengganu

Istana Maziah Terengganu terletak berhampiran kaki 'Bukit

Puteri; Kuala Terengganu mengikut catatan Allahyarham Engku Pangeran Aman, tarikh diletakkan batu asas istana ini ialah pada 1894. Sementara tarikh mula didirikan istana ini pada tahun 1896 mengikut catatan Allahyarham Dato' Seri Amar DiRaja, seorang Menteri Besar Terengganu. Istana Maziah didirikan untuk menggantikan Istana Hijau yang dibina dalam tahun 1870. Istana ini dibina dengan menggunakan bahan-bahan batu kapur putih bercampur dengan tanah liat serta pasir garam yang ditumbuk halus dan siap pembinaannya pada 1903. Istana dua tingkat ini adalah sebagai tempat istiadat pertabalan dan kemahkotaan Sultan Terengganu, keputeraan dan seumpamanya serta juga tempat sambutan lawatan tetamu kenamaan. Istana ini telah diubahsuai dari semasa ke semasa dalam tahun 1972 iaitu suatu binaaan moden tambahan di rusuk sebelah barat dibina dan singgahsana ditempatkan pula di bangunan baru ini di tingkat atas.

### Istana Jahar Kelantan

Istana Jahar mula dibina semasa pemerintahan Long Senik atau Sultan Muhammad Ke II (Sultan Mulut Merah) yang memerintah Kelantan padatahun 1837-1886. Istana ini dibina untuk cucunda baginda, Bentara Long Kundur yang bergelar Raja Bendahara. Istana ini siap dibina

padatahun 1887. Semasa pemerintahan Long Senik (Sultan Muhammad Ke-IV), baginda telah memerintahkan supaya ditanam pokok Jahar dan menukarkan nama Istana Raja Bendahara Long Kundur ini kepada Istana Jahar. Beberapa orang raja yang memerintah Negeri Kelantan telah bersemayam di istana ini termasuklah Al-Marhom Sultan Ismail Ibrni Al-Marhom Sultan Muhammad Ke-IV. Pada tahun 1980, DYMM Sultan Ismail Petra Ibrni Al-Marhom Sultan Yahya Petra telah berkenan untuk menjadikan Istana Jahar ini sebagai Muzium Sementara Negeri Kelantan Darul Naim.

### Istana Bandar Kuala Langat Selangor

Istana Bandar yang sekarang dikenali sebagai Istana Alauddin telah didirikan pada tahun 1905, iaitu pada awal pemerintahan Sultan Alauddin Sulaiman Shah Ibrni Al-Marhom Raja Muda Musa yang telah ditabalkan sebagai Sultan Selangor Ke-V pada tahun 1898. Istana dua tingkat ini mempunyai 15 buah bilik. Bahan-bahan binaan yang digunakan ialah dari kayu cengal dan batu marmar. Keseluruhan reka-bentuk bahagian bangunan ini adalah ciptaan Sultan Alauddin sendiri dan baginda sendiri membiaya kos pembinaan istana ini. Sultan Alauddin telah bersemayam di istana ini selama lebih kurang 35 tahun sehingga baginda mangkat pada tahun 1938. Di istana ini juga pada tahun 1926 telah diputrakan DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibrni Al-Marhom Sultan Hishamuddin Alam Shah, Sultan Selangor Ke-VII yang sedang memerintah Negeri Selangor Darul Ehsan sekarang.

Sempena Bangunan Bersejarah Siri II ini, empat jenis setem bernilai 15 sen, 20 sen, 40 sen dan RM1 yang menggambarkan keempat-empat istana tersebut. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 7 November 1991.



MALAYSIA 30¢



MALAYSIA \$1



## 100 Tahun Muzium Sarawak

Muzium Sarawak merupakan muzium terunggul ditubuhkan di Pulau Borneo dalam tahun 1836. Bangunan atasnya telah siap dibina dalam tahun 1888 tetapi ia dibuka dengan rasminya oleh Raja @ Rajah Charles Brooke pada 4 Ogos 1891 bagi memamerkan pelbagai koleksi sejarah dan budaya tempatan.

Dinding dan tiang bangunan ini diperbuat dari batu-bata dan simen manakala atapnya dari kepingan belian. Lantai bawah diperbuat dari papan belian manakala lantai tingkat atas dari simen dan papan belian.

Muzium Sarawak terletak di Jalan Tun Abang Haji Openg mempunyai ruang pameran seluas 1,214 meter persegi. Bahan-bahan


koleksi yang tersimpan mempunyai nilai yang tinggi.

Di antara bahan-bahan yang tersimpan ialah dokumen dan fail dari zaman pemerintahan Brooke hingga kini yang berkaitan dengan Sarawak. Di samping itu lebih kurang 400 tajuk majalah dan journal serta 45 jenis surat khabar disimpan setiap tahun. Lebih kurang 1,300 penyelidikan telah dijalankan dengan kemudahan perpustakaan yang menyimpan lebih kurang

11,000 buku rujukan.

Muzium Sarawak juga adalah tempat penyelidikan dalam bidang etnologi ke atas penduduk Sarawak dan pelbagai khazanah pribumi Sarawak. Ada di antara artifek-artifek yang terdapat di muzium ini berumur lebih kurang 100 tahun. Terdapat juga bahan-bahan seramik seperti tajau dan pinggan sementara bahan-bahan logam pula seperti meriam, gong dan ketel. Sejumlah 115,000 bahan arkeologi tersimpan di muzium ini dan bahan yang terpenting sekali ialah tengkorak *Homo Sapiens* yang diperolehi di Gua Niah. Bahan-bahan atau artifek-artifek yang terdapat di Muzium Sarawak ini tidak ternilai harganya dan ia merupakan khazanah yang bukan sahaja untuk negeri Sarawak tetapi untuk Malaysia amnya.

Sempena 100 tahun Muzium Sarawak, dua jenis setem telah dikeluarkan, bernilai 30 sen dan RM1 yang menggambarkan bangunan tersebut. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 21 Disember 1991.



## Senjata Tradisional Melayu - Siri II

Pada asasnya keris, pedang, lembing dan juga meriam tergolong dalam kumpulan senjata tradisional Melayu. Keris mempunyai keistimewaan tersendiri yang digunakan oleh orang-orang Melayu sejak lebih lima ratus tahun yang lampau. Keris dan senjata-senjata lain seperti jembiah, kerambit dan lading terus adalah senjata pertahanan diri yang digunakan oleh generasi Melayu sejak berkurun yang lalu. Walau bagaimanapun, hari ini keris dan senjata tradisional lain digunakan untuk upacara tertentu dan sebagai perhiasan.

### Jembiah

Bernilai 20 sen. Jembiah mempunyai dua mata yang melengkung. Sarung dan hulunya diukir, diperbuat daripada kayu atau kombinasi kayu dan tanduk.

### Keris Panjang

Bernilai 30 sen. Keris Panjang dibuat pada awalnya untuk pertarungan. Mempunyai hulu yang bertakuk dengan mata yang berlok atau lurus.

### Kerambit

Bernilai 50 sen. Kerambit sejenis senjata yang pendek, mempunyai mata yang nipis seperti kuku haiwan lebih sesuai untuk merobek daripada menikam.

### Keris Sundang

Bernilai RM1. Keris Sundang mempunyai mata yang tebal, sesuai untuk memotong dan menetak. Matanya sama ada berlok atau lurus, panjang lebih kurang 22 inci dan lebar 3 inci.

Sempena keluaran setem-setem di atas, sampul surat hari pertamanya ialah pada 1 September 1995.



# BAB 5



*Sukan*



JUARA PIALA THOMAS 1992  
1992 THOMAS CUP CHAMPION

Malaysia menjuarai Piala Thomas 1992 apabila pasukan negara menewaskan Indonesia 3-2 di peringkat akhir dalam Kejuhanan Piala Thomas. Malaysia merampas kembali Piala Thomas yang menjadi mercu tanda keagungan Badminton pada 16 Mei 1992 di Stadium Negara, Kuala Lumpur. Wira-wira negara terdiri daripada Razif Sidek, Jalani Sidek, Rashid Sidek, Foo Kok Keong, Cheah Soon Kit, Soh Beng Kiang, Kwan Yoke Meng, Rahman Sidek dan Wong Ewee Mun.

Dengan kemenangan ini, Malaysia telah mencapai taraf sebagai sebuah negara yang digeruni dalam arena sukan ini. Kejayaan di peringkat akhir dalam suasana yang tegang dan penuh mendebarkan, akan menjadi satu sejarah yang tidak mung-

kin dilupakan oleh rakyat Malaysia sepanjang hayat.

Pertandingan Badminton pasukan Lelaki Dunia telah diberi perhatian serius oleh Persekutuan Badminton Antarabangsa (IBF) dalam tahun 1939 dan bagi tujuan ini sebuah piala pertandingan telah dihadiahkan oleh Presiden IBF semasa itu, mendiang Sir George Thomas Bart.


Kejuhanan Piala Thomas mula dipertandingkan dalam tahun 1949 bagi tempoh tiga tahun sekali. Kini Piala Thomas dipertandingkan dua tahun sekali. Secara rasmi piala ini dikenali sebagai Piala Pertandingan Kejuhanan Badminton Antarabangsa tetapi ianya lebih dikenali sebagai Piala Thomas. Piala ini dibuat di London pada tahun 1939. Tingginya 28 inci dan

lebarnya 16 inci termasuk tangkainya. Piala ini mempunyai tiga komponen pelatuk, piala dan penutup.

Dalam kejuhanan ini, kali terakhir Malaysia memenangi Piala Thomas ialah pada tahun 1967. Selain dari Malaysia, Indonesia dan China juga pernah menjuarai kejuhanan Piala Thomas sejak dipertandingkan. Dalam tahun 1949, Malaysia atau Malaya ketika itu menjadi negara pertama menjuarai Piala Thomas dan memenangi semula pada tahun 1952, 1955 dan 1967.

Sempena memperingati kemenangan Piala Thomas, dua jenis setem telah dikeluarkan, bernilai RM1 setiap satu. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 25 Julai 1992.





**S**ukan Malaysia yang pertama diadakan di Kuala Lumpur bermula pada 19 hingga 26 April 1986 merupakan satu acara sukan yang terbesar di dalam sejarah sukan tanah air. Pertandingan ini dilancarkan di bawah Konsep Persyarikatan Malaysia di mana kerajaan dan pihak swasta terlibat secara langsung dalam mendapatkan sumber kewangan untuk menganjurkan sukan ini.

Objektif utama pertandingan adalah untuk mem-

pertingkatkan integrasi nasional dan perpaduan di kalangan semua kaum. Sukan ini juga memberikan peluang untuk mengadakan pertandingan pada peringkat yang lebih tinggi di kalangan peserta, mencungkil ramai bakat-bakat baru, mempertingkatkan kemudahan sukan dan memperbaiki prestasi pentadbir-pentadbir sukan serta pegawai-pegawai yang berkenaan.


Kesemua 14 buah negeri termasuk Wilayah Persekutuan, Angkatan Tentera Malaysia dan Polis DiRaja

Malaysia turut mengambil bahagian dalam pertandingan di mana sebanyak 4,400 orang ahli sukan dan pegawai sukan turut terlibat dalam 16 jenis acara sukan.

Kesemua pasukan dibiayai sepenuhnya dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM1.4 juta.

Sempena memperingati Sukan Malaysia yang diadakan pada tahun 1986, tiga jenis setem bernilai 20 sen, 40 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 19 April 1986.

MEMPERINGATI SUKAN MALAYSIA



Sejak tahun 1965 sehingga 1989 terdapat empat keluaran sampul surat hari pertama mengenai Sukan SEA. Pertama pada 14 Disember 1965 dikenali sebagai Sukan SAT Ke-3, kedua pada 11 Disember 1971 dikenali sebagai Sukan SEAP Ke-6, ketiga pada 19 November 1977 dikenali sebagai Sukan SEA Ke-9 dan keempat pada 20 Ogos 1989 sebagai Sukan SEA Ke 15.

Detik permulaan sejarah sukan SEA bermula pada 22 Mei 1958. Satu perbincangan telah diadakan di Tokyo semasa Sukan ASIA Ke-3 di mana wakil-wakil dari Burma, Laos, Malaysia dan


Thailand secara tidak rasmi telah membincangkan konsep sukan Semenanjung Asia Tenggara. Majlis Sukan Olimpik Thailand mencadangkan supaya pertandingan sukan antarabangsa ini secara dua atau empat tahun sekali diadakan bagi negara-negara Asia Tenggara dengan tujuan untuk memupuk rasa persahabatan dan juga sebagai langkah persediaan untuk mencapai mutu sukan yang lebih tinggi bagi menghadapi Sukan Asia dan Sukan Olimpik.

Matlamat Sukan SEA adalah untuk memperbaiki mutu sukan dan juga untuk mengeratkan persefahaman dan

kerjasama di dalam arena sukan di kalangan negara anggota serantau.

Sempena memperingati Sukan SEA yang pernah diadakan itu, sampul-sampul surat hari pertama telah dikeluarkan pada 14 Disember 1965, beserta tiga jenis setem bernilai 25 sen, 30 sen dan 50 sen. Pada 11 Disember 1971 beserta tiga jenis setem bernilai 25 sen, 30 sen dan 50 sen. Pada 19 November 1977 beserta setem 10 sen, 20 sen dan 75 sen dan pada 20 Ogos 1989 beserta empat jenis setem bernilai 10 sen, 20 sen, 50 sen dan RM1.





Sejarah Pertandingan Hoki Piala Dunia ini bermula apabila India dan Pakistan mengesyorkan kepada Majlis Persekutuan Hoki Antarabangsa. Ekoran dari syor yang dibuat itu, Majlis telah melantik satu Suruhanjaya Kecil bagi mengkaji cadangan itu dan akhirnya Jawatankuasa tersebut telah bersetuju untuk mengadakan Pertandingan Hoki Piala Dunia. Perkara itu dimajukan pada Majlis Persekutuan Hoki Antarabangsa untuk perse-

tujuan dan penetapan tarikh pertandingan dibuat. Pertandingan Hoki Piala Dunia buat pertama kalinya telah diadakan pada tahun 1971 di Barcelona, Sepanyol. Pertandingan itu telah dijuarai oleh Pakistan. Pertandingan Piala Dunia kedua telah diadakan di Amsterdam, Belanda pada tahun 1973 dan dijuarai oleh Belanda. Piala Dunia ini telah dihadiahkan oleh Pakistan kepada Persekutuan Hoki Antarabangsa. Piala ini

kemudiannya diserahkan dengan rasminya kepada Yang Di-Pertua Persekutuan Hoki Antarabangsa Rene-frank pada 27 Mac 1971 di Brussels oleh Pesuruhjaya Tinggi Pakistan di Belgium. Sempena memperingati Pertandingan Hoki Piala Dunia Ke-3 di Kuala Lumpur, dua jenis setem bernilai 30 sen dan 75 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 1 Mac 1975.





Dipercayai Sukan Olimpik bermula pada tahun 776 S.M. Sukan ini diraikan empat tahun sekali iaitu di antara penghujung bulan Jun dan pertengahan bulan Julai, satu tempoh yang dianggap sebagai bulan suci oleh penduduk Greece ketika itu. Selepas Greece ditawan oleh orang-orang Rome, sukan itu terus diadakan tetapi apabila Agama Kristian diisytiharkan sebagai agama rasmi bagi Empayar Rome, maka perayaan sukan tersebut telah diberhentikan. Kemudian dalam tahun 393 selepas masihi sukan itu dihapuskan oleh Empayar Theodosius.

Setelah lebih dari seribu tahun sukan ini dihapuskan, akhirnya beberapa usaha telah dibuat untuk menghidupkan semula temasya sukan ini. Dalam tahun 1892 satu cadangan untuk menubuhkan sukan ini ber-

langsung di suatu mesyuarat yang diadakan di Paris. Seorang pendidik bernama Baron Pierre de Coubertin mencadangkan sukan ini dihidupkan semula tetapi tidak mendapat sambutan di peringkat awal. Kemudian dalam tahun 1894 persetujuan telah dicapai di Paris supaya sukan ini perlu dihidupkan kembali. Kota Athens telah dipilih sebagai tempat yang pertama untuk mengadakan Sukan Olimpik Moden dan sukan ini telah berlangsung dalam tahun 1896. Sukan Olimpik Moden yang sekarang diadakan setiap empat tahun sekali dan hanya atlet amaturnya dibenarkan mengambil bahagian tanpa mengira bangsa, agama dan kepercayaan. Sukan itu sering diadakan di bandaraya-bandaraya utama dunia.

Simbol Sukan Olimpik Moden mengandungi lambang bendera berwarna putih

yang mengandungi lima bulatan yang terjalin menandakan lima buah benua yang disatukan di bawah cita-cita Olimpik dengan cogan kata *altius*, *citius* dan *fortius* yang bermaksud lebih tinggi, lebih laju dan lebih kuat. Selepas Sukan Olimpik Moden yang pernah diadakan di Athens pada tahun 1896, sukan ini telah diadakan setiap empat tahun sekali kecuali pada tahun 1916, 1940 dan 1944 kerana Peperangan Dunia Pertama dan Kedua. Pada tahun 1964, sukan Olimpik telah diadakan di Tokyo di mana Malaysia pada masa itu telah menghantar satu kontinjen yang besar untuk menyertai sukan ini.

Demi memperingati Sukan Olimpik Ke-19 yang telah diadakan di Mexico, dua jenis setem bernilai 30 sen dan 75 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertama ialah pada 12 Oktober 1968.

Kelab Golf DiRaja Selangor telah ditubuhkan oleh dua adik beradik penanam kopi iaitu Clem dan John Glassford bersama Kit dan Robert Meikle kira-kira seratus tahun lalu. Mesyuarat pertama telah diadakan pada 21 Januari 1893 untuk menubuhkan sebuah kelab di Kuala Lumpur dan ia dihadiri oleh 30 orang ahli pengasas yang lain.

Satu kawasan seluas 80 ekar di Bukit Petaling telah dipilih dan Glassford bersaudara bersama Ketua Majistret Selangor bertanggungjawab untuk membina padang golf yang menelan belanja RM 300 termasuk kerja-kerja penyelenggaraan selama seta-

hun. Padang golf sembilan lubang ini telah dibuka pada 21 Ogos 1893. Yuran kemasukannya ialah RM5 dan yuran bulanan 50 sen. Rumah kelab telah disiapkan

setahun kemudian.

Pada tahun 1918 Kerajaan Negeri telah menuntut balik tanah di Bukit Petaling untuk dijadikan Taman Rekreasi dan memberi Kelab Golf Selangor sebidang tanah di tempat lain untuk pembinaan padang golf 36 lubang beserta rumah kelab. Kerajaan negeri juga telah membiayai peruntukan kewangan pembinaan tersebut.

Kerja pembinaan padang

padang golf sembilan lubang telah dibuka setahun kemudian. Pada tahun 1931 padang golf ini telah menjadi 36 lubang. Sebuah kolam renang juga telah dibina dalam tahun 1937. Kelab ini telah berkembang sehingga kedatangan Jepun ke Malaya pada tahun 1942. Semua aktivitinya telah dihentikan. Tentera Jepun telah menjadikan rumah kelab ini sebagai sekolah

tentera dan menjadikan padang golfinya sebagai padang kapal terbang dan kebun sayur.

Selepas perang, Tom Verity seorang profesional yang pulang setelah bertugas dengan *Resistance Force* telah membuktikan bahawa permainan



golf bermula pada tahun 1920 dan pada bulan Oktober 1921, padang golf sembilan lubang dan rumah kelab siap dibina. Lapan gelanggang tenis dan satu lagi

golf yang dahulunya dikatakan tidak akan dimainkan lagi oleh orang-orang di sini adalah satu tanggapan yang salah. 'Two Nines' telah dibaik pulihkan pada akhir

tahun 1946 dan dua tahun kemudian, kesemua 36 lubang dapat berfungsi. Kedua-dua padang ini di kenali sebagai padang lama dan padang baru sebaik sahaja kelab ini menyambut ulang tahun ke 60 penubuhannya pada tahun 1953.

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia Pertama, ialah orang di belakang tabir yang menambahkan jumlah rakyat Asia untuk menjadi ahli pada pertengahan tahun 1950an. Piala Putra yang dibiayai oleh Tunku Abdul Rahman untuk kejohanan pasukan golf Asia Tenggara telah dilancarkan padatahun

1961 dan diikuti oleh Kejohanan Terbuka pada tahun 1962. Perkataan 'royal' telah dianugerahkan pada Kelab Golf Selangor pada tahun 1963 oleh Yang DiPertuan Agong DYMM Tuanku Syed Putra Ibnu Al-Marhom Syed Hassan Jamalullail, Raja Perlis Indera Kayangan. Orang Asia telah dicalonkan dan dipilih oleh ahli jawatankuasa, dan padang sembilan lubang, *par 3* dinamai *Sulaiman Course*. Kelab Golf DiRaja Selangor telah menjadi gelanggang 26 kejohanan terbuka Malaysia, kejohanan Nomura 1977, Kejohanan Amatir Pasukan Golf Asia, *Colgate*

*Palmolive Far East Open Women's Invitational* pada tahun 1978, *Queen Sirikit Cup 1985*, *Malaysian Amateur Golf Championship*, *Dunhill Malaysian, Master dan Kosaido Asahi Malaysian Ladies Open*.

Sempena memperingati Kelab Golf DiRaja Selangor yang ke-100 tahun, tiga jenis setem bernilai 30 sen, 50 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 24 Jun 1993.



KELAB GOLF DIRAJA SELANGOR





# B A B 6



*Persatuan/ Kesatuan/ Pertubuhan*

# ORANG-ORANG BUTA

ULANG TAHUN KE-25 PERSATUAN



**P**ersatuan Orang-orang Buta Malaya telah merayakan jubli peraknya pada tahun 1976. Dalam tempoh 25 tahun wujudnya persatuan ini, pelbagai program telah dilaksanakan bagi membantu orang-orang buta dan mencegah berlakunya buta. Antaranya ialah mengadakan-perkhidmatan pemulihan, pelajaran, latihan vokasional dan penempatan untuk orang-orang buta.

Buat pertama kalinya pada tahun 1926 kebajikan kanak-kanak buta telah diambil perhatian. Ketika itu seramai dua belas orang kanak-kanak buta telah ditempatkan di rumah St. Nicholas di Melaka untuk menjaga kebajikan mereka. Kemudian dalam tahun 1931 rumah tersebut telah dipindahkan ke Pulau Pinang di mana ianya kekal sehingga ke hari ini. Usaha untuk memajukan orang-orang buta telah bertambah dari semasa ke semasa.

Pada tahun 1947, kerajaan telah melantik seorang pegawai kebajikan bagi orang-orang-butanya untuk tujuan membuat kajian terhadap kumpulan ini. Hasil kajian ini, sebuah sekolah bagi orang-orang buta telah didirikan pada tahun 1948 di Johor Bharu yang dikenali dengan nama Prin-

cess Elizabeth di mana sekolah tersebut menyediakan asrama sebagai tempat tinggal pelajar-pelajar buta.

Pada tahun 1951, Persatuan Bagi Orang-orang Buta telah dilancarkan bagi mengadakan tanggungjawab dan kebajikan untuk orang-orang buta. Sebuah sekolah latihan vokasional untuk melatih orang-orang buta telah ditubuhkan di Jalan Brickfields, Kuala Lumpur pada tahun 1953 dan di Temerloh pada tahun 1958.

Secara kebetulan, tahun 1976 adalah 'Tahun Mencegah Buta' yang telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Tema untuk tahun itu ialah 'Pengawasan Mencegah Buta'. Dengan kerjasama kerajaan dan juga bagi menyambut jubli perak persatuan ini, kempen-kempen turut diadakan untuk menarik perhatian orang ramai supaya dapat menjaga keselamatan dan kesihatan mata dari menjadi buta.

Sempena jubli perak persatuan ini, dua jenis setem bernilai 10 sen dan 75 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 20 November 1976.

# PENYIARAN ASIA

# PASIFIK

**P**ersatuan Penyiaran Asia Pasifik ialah sebuah persatuan bagi menyatukan badan-badan profesional dalam bidang penyiaran di rantau ini. Keahliannya terdiri dari negara-negara seperti Samoa Barat di sebelah timur hingga ke Mesir di sebelah barat, Republik Rakyat China di sebelah utara dan New Zealand disebelah selatan. Persatuan ini tidak tertakluk atas dasar politik atau tidak cuba mencari keuntungan.

Persatuan ini ditubuhkan pada 1 Julai 1964 atas persetujuan melalui Persidangan Penyiaran Ke-4 yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1962. Semasa persidangan ini diasaskan, ianya mempunyai sebelas ahli anggota. Beberapa tahun kemudian, keahliannya

telah meningkat kepada 68 ahli dan 49 darinya ialah di Asia Pasifik sementara 19 lagi adalah terdiri dari ahli-ahli kehormatan dari negara-negara seluruh dunia.

Persatuan ini dipimpin oleh seorang Presiden dan dua orang Naib Presiden yang dilantik dari 17 negara ahli yang menganggotai majlis pentadbiran persidangan agung persatuan ini yang diadakan tiap-tiap tahun di negara-negara ahli. Persidangan pertamanya ialah di Sydney dan diikuti oleh negara-negara lain dalam kawasan Asia Pasifik.

Sempena memperingati ulang tahun ke-20 persatuan ini, dua jenis setem telah dikeluarkan dengan nilai 20 sen dan RM1. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 23 Jun 1984.



ULANG TAHUN KE-20 PERSATUAN

Persatuan Komanwel ialah sebuah pertubuhan sukarela bagi negara-negara yang telah merdeka di mana negara-negara ahli bersama-sama berbincang dan bekerjasama di antara satu sama lain bagi kepentingan masyarakat di samping meningkatkan keamanan dan persefahaman antarabangsa. Persatuan Komanwel telah ditubuhkan dalam tahun 1931 iaitu apabila Australia, Kanada, New Zealand dan Afrika Selatan mencapai kemerdekaannya. Selepas India, Pakistan dan Sri Lanka mencapai kemerdekaannya pada akhir tahun 1940an, negara-negara ini juga telah menganggotai Persatuan Komanwel.

Keahlian Persatuan Komanwel dibuka pada semua negara bekas jajahan British. Pada tahun 1950 hanya lapan negara sahaja yang menganggotai Komanwel. Pada tahun 1960, keahliannya telah bertambah menjadi sebelas dan bertambah lagi menjadi 30 pada tahun 1970. Pada tahun 1980, keahliannya bertambah lagi menjadi sebanyak 44 di mana Zimbabwe dan Vanuatu telah mencapai kemerdekaannya. Pada tahun 1983 seramai 47 buah negara telah menjadi ahli persatuan Komanwel.

Pada tiap-tiap dua tahun sekali ketua-ketua kerajaan negara-negara Komanwel bermesyuarat selama kira-kira seminggu secara informal untuk perbincangan yang meliputi pelbagai perkara. Mesyuarat ini secara ringkas dipanggil 'CHOGM' (*Commonwealth Heads Of Government Meeting*). Semasa mesyuarat tersebut ketua-ketua kerajaan Komanwel akan membincangkan pelbagai isu seperti mengulang kaji hal ehwal komanwel serta menetapkan perkara-perkara yang akan dibuat dalam jangka masa dua tahun akan datang.

Malaysia menjadi ahli Persatuan Komanwel pada tahun 1957 iaitu sebaik sahaja negara ini mencapai kemerdekaannya dari British. Sempena memperingati Persatuan Komanwel ini, empat jenis setem bernilai 15 sen, 20 sen, 40 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 14 Mac 1983.







**P**ada masa lampau seseorang penjenayah biasanya setelah melakukan perbuatan jenayah, mereka akan melarikan diri dari satu tempat ke satu tempat yang lain dalam negeri berkenaan tetapi dengan adanya sistem pengangkutan dan perhubungan yang baik serta teknologi yang begitu canggih menyebabkan pergerakan si penjenayah menjadi lebih pantas dan begitu mudah mereka melarikan diri ke negara lain. Dengan cara itu mereka boleh menjadi penjenayah antarabangsa yang bebas bergerak dari sebuah negara ke sebuah negara yang lain.

Berdasarkan kepada pergerakan jenayah itu maka lahirlah Pertubuhan Polis Jenayah Antarabangsa (*Interpol*). Selepas perang dunia kedua, pertubuhan ini bertambah mantap untuk membanteras jenayah antarabangsa.

Di antara tujuan Polis Jenayah Antarabangsa:

a) Menentu dan menyebarkan perhubungan antara semua pihak polis di bahagian jenayah mengikut undang-

undang negara berkenaan berdasarkan hak kemanusiaan.

b) Menubuh dan memajukan semua institusi yang menyumbangkan cara-cara yang efektif bagi mencegah dan menghapuskan kejadian-kejadian yang bertentangan dengan undang-undang jenayah

Kegiatan Polis Jenayah Antarabangsa pula ialah:

a) Bertukar-tukar maklumat polis mengenai perkara-perkara jenayah.

b) Mengenal orang-orang yang dikehendaki atau yang disyaki.

c) Menangkap mereka yang dikehendaki mengikut waran tangkap yang dikeluarkan oleh pihak-pihak berkuasa yang berkaitan dengan jenayah untuk dikembalikan ke negara asal (*extradition*).

Sempena memperingati ulang tahun ke-50, Pertubuhan Polis Jenayah Antarabangsa, dua jenis setem bernilai 25 sen dan 75 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 15 September 1973.

**P**ertubuhan Kesihatan Sedunia ialah sebuah agensi yang bergabung dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk menyelaraskan dan memajukan program antarabangsa dalam bidang ekonomi, sosial, pelajaran, saintifik dan lain-lain lagi. Ibu Pejabat Pertubuhan Kesihatan Sedunia ialah di Geneva. Bagi mengendalikan rancangan-rancangan yang banyak ini, pertubuhan ini telah membahagikan dunia kepada enam kawasan iaitu Afrika, Amerika Syarikat, Asia Tenggara, Eropah, Mediterranean Timur dan Pasifik Barat. Matlamat utama pertubuhan ini ialah untuk mencapai mutu kesihatan yang terbaik untuk semua penduduk dunia.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia menjalankan satu khidmat yang besar di seluruh dunia. Di antara bantuan yang diberi ialah penyelidikan perubatan, perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang mana ianya memberi faedah pada semua negara. Di samping itu juga perkhidmatan memberi penerangan seperti mengenai penyakit cacar, taun dan wabak penyakit lain turut juga disumbangkan oleh pertubuhan ini. Bantuan-bantuan lain yang diberikan oleh pertubuhan ini pada negara-negara yang

memerlukan ialah *fellowship* bagi tujuan melanjutkan pelajaran ke seberang laut bagi tujuan untuk mendalami bidang kesihatan.

Malaysia telah menerima jumlah bantuan teknikal yang begitu besar dalam bentuk pakar-pakar penasihat dan pelbagai kelengkapan dari pertubuhan kesihatan sedunia. Pada tahun 1972 sumbangan Malaysia pada pertubuhan ini ialah sebanyak AS\$75 ribu sementara bantuan yang diterima oleh Malaysia ialah sebanyak AS\$563,684. Pada tahun 1973 sumbangan Malaysia pada Pertubuhan Kesihatan Sedunia ialah sebanyak AS\$83,130 sementara sumbangan yang diberikan oleh badan dunia ini pada Malaysia dijangkakan pada masa itu ialah AS\$568,297. Dengan jumlah yang begitu besar disumbangkan oleh badan dunia ini pada Malaysia, kesannya dapat kita lihat dengan jelas iaitu badan ini telah membantu mengadakan kemudahan kesihatan dan perubatan bagi penduduk Malaysia.

Sempena memperingati Pertubuhan Kesihatan Sedunia ini, dua jenis setem bernilai 30 sen dan 75 sen telah diedarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 1 Ogos 1973.





**M**alaysia telah memasuki keluarga antarabangsa bagi keselamatan sosial iaitu pada bulan Oktober 1971 apabila Skim Keselamatan Sosial ini mula diperkenalkan di Johor Bharu sebagai projek printis di negara ini. Kajian pertama yang dibuat secara mendalam bagi tujuan keselamatan sosial telah dimulakan dalam tahun 1958 oleh pakar dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Dengan itu sebuah jawatankuasa tertinggi telah ditubuhkan dalam tahun 1962 bagi menangani masalah keselamatan sosial pekerja. Kemudian seorang lagi pakar dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa turut membantu mengenai keselamatan sosial pekerja di Malaysia. Laporan pakar ini telah diterima sebulat suara oleh pihak

majikan, pekerja dan kerajaan. Ianya menjadi asas terbentuknya Akta Pertubuhan Keselamatan Sosial yang telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1969. Tujuan keselamatan sosial ini diadakan di Malaysia ialah untuk menjaga kepentingan dan keselamatan sosial pekerja kerana dengan adanya keselamatan sosial yang lebih baik kepada pekerja, adalah diharapkan semoga mereka dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan negara.

Sempena memperingati Pertubuhan Keselamatan Sosial ini, tiga jenis setem bernilai 10 sen, 15 sen dan 50 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 2 Julai 1973.

# KESATUAN SEKERJA

MALAYSIA ( 1949 - 1974 )

**S**ejarah Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia bermula dalam satu persidangan yang terdiri dari para perwakilan kesatuan sekerja yang telah diadakan pada 27 dan 28 Februari 1949 la dihadiri oleh 160 perwakilan yang terdiri dari pelbagai kesatuan sekerja yang berdaftar. Perjumpaan itu dengan sebulat suara bersetuju supaya masalah pertikaian perusahaan (*industrial relation*) hendaklah diselesaikan secara kompromi, harmoni dan sukarela iaitu tidak berkonflik. Persidangan bagi perwakilan kesatuan sekerja di Malaysia terus berkembang dan mesyuarat perwakilan terus diadakan dari semasa ke semasa sehinggalah sampai ke hari ini. Di antara tujuan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia dalam perlembagaannya ialah memajukan kepentingan semua atau sebarang kesatuan dan gabungannya atau sebarang apa yang memberi faedah kepada ahli-ahli kesatuannya. Selain dari itu kongres juga turut membantu pekerja sama ada menolong gabungan-gabungannya atau memberi inisiatif menubuhkan kesatuan baru dan memberi khidmat nasihat kepada pihak-pihak berkenaan. Kongres juga bertindak menyelesaikan pertikaian di antara ahli-ahli persatuan kesatuan-kesatuan gabungan atau antara kesatuan-kesatuan yang bergabung dengannya. Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia telah banyak memainkan peranannya membantu kerajaan khususnya golongan pekerja.

Sempena perayaan jubli perak Kesatuan Sekerja Malaysia, 3 jenis setem telah dikeluarkan iaitu bernilai bernilai 20 sen, 25 sen dan 30 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 1 Mei 1975.





# MALAYSIA (PEMADAM)

**P**ersatuan Mencegah Dadah Malaysia atau nama ringkasnya (PEMADAM) telah ditubuhkan pada 22 Mac 1976 dan ia didaftarkan dengan rasminya pada 26 Jun 1976. Matlamat PEMADAM adalah berkerjasama dengan Kerajaan dan agen-agen mereka serta badan-badan lain dalam usaha untuk menghapuskan penggunaan dadah. Di samping itu juga ia menjalankan penyelidikan mengenai penggunaan dadah serta memulihkan penagih-penagih dadah dalam jagaan lanjutan. Untuk menjayakan matlamat tersebut maka PEMADAM telah menumpukan kegiatan dalam bidang-bidang seperti berikut.

**Penerangan** Melalui ceramah-ceramah dialog dan kursus-kursus untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang perkembangan dadah semasa, penglibatan penagih dan implikasinya.

**Pendekatan Pencegahan** - Peranan yang dimainkan oleh tiga kumpulan sasaran terbesar iaitu pemimpin, ibu bapa dan orang dewasa melalui forum, akhbar dan filem dalam bidang pencegahan dadah.

**Jagaan Lanjutan** - PEMADAM mengendalikannya kes-kes jagaan lanjutan seperti di Kelang, Kajang, Seremban, Taiping, Wilayah Persekutuan dan lain-lain lagi. Juga sebuah kem PEMADAM di Sungai Besi sebagai pusat induk pada pusat-pusat ini bagi memberikan peluang kepada bekas penagih dadah untuk

menerima latihan-latihan lanjutan bagi melayakkan mereka kembali ke pangkuan masyarakat.

**Penyelidikan dan Latihan** - Rancangan ini berjalan terus dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia, yayasan-yayasan pelajaran tinggi dan agensi-agensinya kerajaan yang berkaitan dari semasa ke semasa. PEMADAM juga secara langsung berhubung erat dengan persatuan-persatuan bukan kerajaan anti dadah antarabangsa.

Sempena memperingati PEMADAM, tiga jenis setem bernilai 20 sen, 40 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 26 Jun 1986.





**S**elepas sahaja tamat peperangan dunia pertama, usaha yang berkekalan terus dicapai bagi tujuan mencari keamanan dan kesejahteraan dunia. Justeru itu satu perjanjian mengenai keamanan telah ditandatangani di Versailles pada 28 Jun 1919. Ekoran dari itu, tertubuhlah pertubuhan pelbagai bangsa bertujuan untuk membendung bagi mengelakkan dari berlakunya konflik dengan cara mewujudkan keadilan sosial. Dengan itu, Pertubuhan Buruh Antarabangsa telah ditubuhkan selaras dengan matlamat untuk memberi perlindungan kepada pekerja.

Malaysia telah menjadi ahli Pertubuhan Buruh Antarabangsa dalam tahun 1957. Seramai lebih 30 orang pakar dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa terutama dalam bidang latihan teknikal telah turut

membantu Malaysia bagi tujuan pembangunan sumber manusia di samping membantu program dan projek UNDP. Pertubuhan Buruh Antarabangsa juga telah mengeluarkan biasiswa (latihan) kepada rakyat Malaysia mengenai hal ehwal buruh dan perkhidmatan sosial. Malaysia turut terlibat dengan aktif dalam program dan persidangan antarabangsa dan juga kepentingan serantau mengenai hal ehwal buruh dan sosial pekerja serta melibatkan diri dalam perancangan tenaga manusia pada masa-masa hadapan.

Sempena memperingati Pertubuhan Buruh Antarabangsa ini, dua jenis setem bernilai 30 sen dan 75 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 7 September 1970.

# BANGSA-BANGSA

ULANG TAHUN KE-25

BERSATU



**B**angsa-bangsa Bersatu telah ditubuhkan pada 24 Oktober 1945. Sempena ulang tahun ke-25 (1970) ini, pelbagai acara telah diadakan oleh negara-negara ahli yang menganggotai pertubuhan ini. Di antara tujuan yang terdapat dalam piagam bangsa-bangsa bersatu ialah menentukan keamanan, keselamatan dan keamanan antarabangsa, memajukan pertalian persahabatan antara negara-negara, merapatkan kerjasama bagi menyelesaikan masalah konflik antarabangsa seperti ekonomi, sosial, kebudayaan dan kemanusiaan serta menjadi urusetia bagi mengambil tindakan di antara negara-negara dengan lebih berkesan.

Terdapat pelbagai agensi yang bergabung dengan badan dunia ini, di antara

agensi itu ialah Pertubuhan Buruh-Antarabangsa, Pertubuhan Makanan dan Pertanian, Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Agensi Kuasa Atom Antarabangsa, Kesatuan Telekom Antarabangsa, Pertubuhan Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu dan banyak lagi.

Tidak dapat dinafikan pertubuhan ini telah dapat memajukan dunia dalam pelbagai bidang. Meskipun begitu, ia kurang berjaya menangani isu-isu konflik antarabangsa.

Sempena memperingati ulang tahun ke-25 Bangsa-bangsa Bersatu, tiga jenis setem telah dikeluarkan iaitu bernilai 25 sen, 30 sen dan 75 sen. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 24 Oktober 1970.




PERTABALAN  
D. Y. M. M. PADUKA SERI  
SULTAN AZLAN SHAH  
PERAK DARUL RIDZUAN  
1985

SAMPUL SURAT HARI PERTAMA







# B A B 7



*DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong  
Yang DiPertuan Besar  
Sultan*

# DYMM SERI PADUKA BAGINDA TUANKU ISMAIL MARHOM SULTAN ZAINAL ABIDIN SULTAN KELANTAN, L

● DYMM Seri Paduka baginda Tuanku Ismail Nasiruddin Syah Ibrahima Sultan Zainal Abidin telah diputerakan pada 24 Januari 1907, di Kuala Terengganu. Baginda telah dilantik menjadi Yang DiPertuan Agong Ke-4. Seri Paduka Baginda mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu di Terengganu dan kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak.

Pada 4 April 1929, baginda telah dilantik menjadi kadet di Perkhidmatan Awam Terengganu dan pada 1 Ogos 1934 baginda berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Pemungut Hasil Tanah Kuala Terengganu. Pada 25 Oktober 1934 baginda telah dilantik menjadi salah seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerja Negeri Terengganu. Pada awal tahun 1935, baginda telah menjawat jawatan sebagai Juruiring kepada Seri Paduka Kekanda baginda Al-Marhom Sultan Sulaiman Badar Alam Shah. Pada tahun 1937 baginda mengiringi kekanda baginda Al-Marhom Sultan Sulaiman ke-England iaitu pada masa kemahkotaan mendiang King George VI.

Pada 4 April 1939 baginda telah dilantik menjadi Pendaftar Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Ulang Bicara. Baginda juga telah dilantik menjadi Pendaftar Mahkamah Hal Ehwal Tanah di Kuala Terengganu. Pada 16 September 1940 baginda telah dilantik menjadi salah seorang ahli Jemaah Menteri Negeri Terengganu. Dalam tahun 1941 baginda telah dilantik menjadi Majistret Kelas Pertama Terengganu dan kemudian pada 15 November 1941 baginda telah dilantik menjadi Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Baginda telah naik takhta Kerajaan Negeri Terengganu pada 16 Disember 1945 dan telah ditabalkan menjadi Sultan pada 6 Jun 1949 di Istana Maziah, Kuala Terengganu. Seri Paduka Baginda telah dipilih dalam Mesyuarat Tertinggi Majlis Raja-raja menjadi Timbalan Yang DiPertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu pada 12 September 1960 dan telah dua kali menjalankan tugas-tugas DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong pada masa DYMM membuat lawatan ke



# BAGINDA YANG DIPERTUAN ASIRUDDIN SYAH IBNI AL- ABIDIN, DK., DKN., SPNT., DK SELANGOR.



luar negeri dan menunaikan fardhu Haji. Permaisuri Baginda ialah Tuanku Intan Zaharah bte Tengku Seri Setia Raja. Baginda telah dikumiakan empat orang putera dan enam orang puteri. Baginda telah dilantik menjadi Kolonel Kommandan Pasukan Askar Peninjau Persekutuan Tanah Melayu pada bulan November 1960. Seri Paduka Baginda telah dipilih menjadi Yang DiPertuan Agong Ke-4 ketika Persidangan Raja-raja Melayu pada 9 Ogos 1965 dan telah mengangkat sumpah sebagai Yang DiPertuan Agong pada 21 September 1965.

Sempena memperingati pertabalan baginda sebagai DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Ke-4, dua jenis setem bernilai 15 sen dan 50 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 11 April 1966.

Manakala memperingati ulang tahun ke-25 pertabalan baginda sebagai Sultan Terengganu, tiga jenis setem bernilai 10 sen, 15 sen dan 50 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 16 Disember 1970.





# DYMM SERI PADUKA BAGINDA TUANKU ABDUL HALIM AGONG TUANKU ABDUL HALIM AL-MARHOM SULTAN BADI'UZZAMAN AL-DYMM., DUK., DK KELANTAN, SELANGOR., DK PERLIS., DAN SARAWAK., S

● DYMM Seri Paduka Baginda Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badli Shah telah dipilih menjadi Yang DiPertuan Agong Ke-5 oleh Majlis Raja-raja pada 23 Julai 1970. Baginda adalah putera saudara kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama dan menantu kepada Yang DiPertuan Agong Pertama. Seri Paduka Baginda telah diputerakan pada 28 November 1927 di Anak Bukit, Kedah dan mendapat pendidikan di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah.

Pada tahun 1949, Seri Paduka Baginda telah berangkat ke England untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang sains politik dan mengambil kursus diploma dalam bidang kebudayaan dan pentadbiran avam selama tiga tahun di Kolej Wadham, Oxford di mana ayahanda baginda pernah belajar.

Seri Paduka Baginda telah berkahwin dengan permaisurinya Tengku Bahiyah bte Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman pada Mac 1956 di Seri Menanti, Negeri Sembilan. Seri Paduka Baginda pernah bertugas di pejabat daerah Alor Setar dan kemudiannya di Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Pada 6 Ogos 1949 Seri Paduka Baginda telah dilantik menjadi Raja Muda dan menjadi Pemangku Raja Kedah apabila ayahanda baginda menjalani pembedahan di England.

Berikutan dengan kemangkatan ayahanda baginda pada 14 Julai 1958 Seri Paduka Baginda telah dilantik menjadi Sultan Kedah dan ditabalkan pada 20 Februari 1959.



# BAGINDA YANG DIPERTUAN ALIM MU'ADZAM SHAH IBNI ALI SHAH, DK., DKH., DKM., TAN., DK PAHANG., DK DK NEGERI SEMBILAN., DP PNK., SSDK.



Sempena memperingati pertabalan baginda sebagai DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Ke-5, tiga jenis setem telah dikeluarkan bernilai 10 sen, 15 sen dan 50 sen. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 20 Februari 1971.

Manakala sempena memperingati pertabalan baginda sebagai Sultan Kedah, tiga jenis setem bernilai 20 sen, 40 sen dan 50 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 15 Julai 1983.



# DYMM SERI PADUKA BAGINDA IBNI AL-MARHOM SULTAN SMN., SJMK., DMN., DK BR DK SELANGOR

● DYMM Seri Paduka Baginda Tuanku Yahya Petra ibni Al-Marhom Sultan Ibrahim telah dipilih menjadi Yang DiPertuan Agong Ke-6 oleh Majlis Raja-raja pada 19 Jun 1975 dan istiadat mengangkat sumpah bagi perantikan ini ialah pada 21 September 1975. DYMM Seri Paduka Baginda telah diputerakan di Istana Balai Besar Kota Bharu, Kelantan pada 10 Disember 1917. Sewaktu kecil, Seri Paduka Baginda telah diasuh dan dididik dengan pelajaran agama dan dalam tahun 1931 Seri Paduka Baginda telah berangkat ke Pulau Pinang dan belajar di Sekolah Francis Light. Dalam tahun 1934, baginda melanjutkan pelajaran ke England. Pada tahun 1939, baginda kembali ke Kelantan. Pada bulan Jun 1939 Seri Paduka Baginda telah berkahwin dengan DYMM Seri Paduka Baginda Tuanku Zainab bte Tengku Mohamad Petra. Hasil dari perkahwinan ini, Seri Paduka Baginda telah dianugerahkan dengan seorang putera dan enam orang puteri. Putera yang tunggal ialah Yang Teramat Mulia Tengku Ismail Petra.

Dalam tahun 1943 Seri Paduka Baginda telah dilantik menjadi Setiausaha Sulit kepada Al-Marhom Sultan Ismail, kemudian pada 2 April 1944, Seri Paduka Baginda telah dilantik menjadi Penolong Ketua Bendahari Negeri dan dalam tahun 1945 baginda telah menyandang jawatan Ketua Jajahan Kota Bharu. Apabila Seri Paduka ayahanda baginda Al-Marhom Sultan Ibrahim menaiki takhta Kerajaan pada tahun 1944, Seri Paduka Baginda telah dikurniakan gelaran 'Tengku Bendahara'. Di samping memegang jawatan-jawatan lain, Seri Paduka Baginda telah dilantik menjadi Naib Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan mulai tahun 1941 hingga 1947. Pada 1 Februari 1948 baginda telah dilantik dan disyiharkan menjadi bakal raja dengan gelaran 'Tengku Mahkota Kelantan'. Pada 1 Julai 1948 Seri Paduka Baginda telah dilantik menjadi Yang DiPertua Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan sehingga 1953.

Apabila Seri Paduka Ayahanda baginda Al-Marhom Sultan



PEHATAPAN  
YANG DIPERTUA AGONG  
1975  
Malaysia 100



PEHATAPAN  
YANG DIPERTUA AGONG  
1975  
Malaysia 150

# DA TUANKU YAHYA PETRA IBRAHIM, SPMK., CNG., UNEI., DK TERENGGANU., R., DK KEDAH.



Ibrahim mengkat, Seri Paduka Baginda telah diisytiharkan menjadi Sultan dan Yang DiPertuan bagi Negeri Kelantan Darul Naim pada 10 Julai 1960. Pada bulan Jun 1966 Seri Paduka Baginda telah dilantik menjadi Ketua Kolonel bagi Pasukan Meriam Angkatan Tentera Malaysia. Seri Paduka Baginda pernah menjadi Timbalan Yang DiPertuan Agong pada tahun 1970.

Sempena memperingati pertabalan baginda sebagai DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Ke-6, tiga jenis setem bernilai 10 sen, 15 sen dan 50 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 28 Februari 1976.



## PERTABALAN D.Y.M.M. YANG DIPERTUAN AGONG 1976





# DYMM SERI PADUKA BAG AGONG TUANKU HAJI AH BILLAH IBNI AL-MARHOM RI'AYATUDDIN ALMUAZAM SSAP., SIMP., DMN., DK P KELANTAN., DK TERENGG KEDAH., SPO

● Seri Paduka Baginda Tuanku Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah diputerakan di Istana Mangga Tunggal Pekan, Pahang pada 24 Oktober 1930. Baginda ialah anakanda yang ketiga kepada DYMM Al-Marhom Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Almuazam Shah dan DYMM Tengku Ampuan Pahang Raja Fatimah bte Al-Marhom Sultan Iskandar Shah. Seri Paduka Baginda telah dipilih oleh Majlis Raja-raja Melayu menjadi Yang DiPertuan Agong Ke-7 pada tahun 1980. Baginda telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Pekan, Pahang kemudian melanjutkan pelajaran di Kolej Melayu Kuala Kangsar. Persekolahan baginda terganggu akibat Perang Dunia Kedua.

Selepas perang, baginda melanjutkan pelajaran semula di Sekolah Clifford Kuala Lipis, Pahang dan seterusnya sekali lagi belajar di Maktab Melayu Kuala Kangsar dalam tahun 1947. Dalam tahun 1948 Seri Paduka Baginda melanjutkan pelajaran di Oxford, England dan seterusnya belajar di College Exeter Devon dan di Urban District Council, Sidmouth Devon, England pada 1951 hingga 1953. Baginda juga telah mendapat latihan ketenteraan di Port Dickson, Negeri Sembilan sebagai Pegawai Kedet dalam tahun 1953 dan 1954. Baginda telah berkhidmat dengan Batalion Ke-4 Askar Melayu Di Raja di Tapah, Perak dengan menyandang pangkat Kapten Kehormat. Baginda juga telah berkhidmat dengan Askar Wataniah sebagai Pegawai Sukarela berpangkat Mejar.

Dalam masa konfrantasi dengan negara jiran baginda telah berkhidmat sepenuh masa dan telah dilantik sebagai Pegawai Pemerintah 12 Infantry Batalion Askar Wataniah di Kem Batu Lima Mentakab, Pahang dengan menyandang pangkat Lt.



# BAGINDA YANG DIPERTUAN MAD SHAH AL-MUSTA'IN M SULTAN ABU BAKAR I SHAH, DKM., DKP., DK., ERAK., DK JOHOR., DK GANU., DK PERLIS., DK CM., SPMJ.



Kolonial sehingga tahun 1965. Baginda telah dimasyorkan sebagai Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang dalam tahun 1944 semasa baginda berumur 14 tahun. Baginda telah berkahwin dengan Tengku Hajah Afzan bte Tengku Mohamad pada 24 April 1954 dan telah dikurniakan dengan lima orang puteri dan dua orang putera. Semasa baginda bergelar Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota, baginda telah beberapa kali dilantik sebagai DYMM Pemangku Raja Pahang semasa Al-Marhum Seri Paduka ayahanda baginda berangkat ke luar negeri. Baginda juga aktif dalam aktiviti sukan negara

Sempena memperingati pertabalan baginda sebagai DYMM Sen Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Ke-7, tiga jenis setem bernilai 10 sen, 15 sen dan 50 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 10 Julai 1980.

Sempena memperingati pertabalan baginda sebagai Sultan Pahang, tiga jenis setem bernilai 10 sen, 15 sen dan 50 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 8 Mei 1975.



# DYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG SULTAN ISKANDAR SULTAN ISMAIL SULTAN NEGERI DAN JAJAHAN JOHOR SPMN., SSIJ., PIS., BSI., D TERENGGANU., DK PI DK KELA

● Seri Paduka Baginda Sultan Iskandar Al-Haj Ibrani Al-Marhom Sultan Ismail telah dilantik sebagai DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Ke-8 oleh Majlis Raja-raja Melayu pada 9 Februari 1984 dan mengangkat sumpah sebagai Yang DiPertuan Agong pada 26 April 1984. Seri Paduka Baginda merupakan putera sulung kepada Al-Marhom Sultan Ismail Ibrani Al-Marhom Sultan Ibrahim dan Paduka Bondanya, Al-Marhomah Sultanah Aminah bte Ungku Ahmad. Baginda diputerakan pada 8 April 1932 di Istana Semayam, Johor Bharu. Seri Paduka Baginda telah mendapat pendidikan formal di Sekolah Rendah Inggeris Ngee Heng, Johor Bharu dan seterusnya di English College (Maktab Sultan Abu Bakar) Johor Bharu. Seri Paduka Baginda melanjutkan pelajaran di Trinity, Grammar School, Australia dan seterusnya di United Kingdom. Seri Paduka Baginda pernah berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor sebagai Pegawai Kadet mulai 25 Januari 1956 hingga 8 Mei 1959. Seri Paduka Baginda telah berkahwin dengan DYMM Seri Paduka Baginda Sultanah Hajah Zanariah bte Tengku Ahmad Raja Permaisuri Agong. Baginda telah menaiki takhta Kerajaan Johor pada 11 Mei 1981 sebagai Sultan Johor menggantikan Al-Marhom Seri Paduka ayahandanya.

Sempena pertabalan baginda sebagai DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Ke-8, empat jenis setem bernilai 15 sen, 20 sen, 40 dan 80 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 15 November 1984.



GINDA YANG DIPERTUAN  
AL-HAJ IBNI AL-MARHOM  
YANG DIPERTUAN BAGI  
HOR DARUL TAKZIM, DK.,  
DK BRUNEI., SPKDK., DK  
ERAK., DK PERLIS.,  
ANTAN.



PERTABALAN  
YANG DI-PERTUAN AGONG  
1984

---




# DYMM SERI PADUKA BAG AGONG SULTAN AZLAN M AL-MARHOM SULTAN GHAAFARULLAHU-LAHU DK TERENGGANU., DK DK SELANGOR., DK K DK. NEGERI SEMB

● Seri Paduka Baginda Sultan Azlan Muhibuddin Shah Ibtisam Al-Marhom Sultan Yussuf Izzuddin Ghaafarullahu-Lahu Shah telah diputrakan pada 19 April 1928 di Kampung Manggis, Batu Gajah Perak, Darul Ridzuan. Pada tahun 1955 baginda dipertemukan jodoh dengan DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Bainun dan dikurniakan dua orang putera dan tiga puteri. Baginda menerima pendidikan awal di Sekolah Inggeris Batu Gajah sebelum melanjutkan pelajaran di Kolej Melayu Kuala Kangsar. Sultan Azlan Shah kemudiannya meneruskan pengajian tingginya di England pada tahun 1949. Baginda telah mendapat ijazah undang-undang (LLB) dari Universiti Nottingham, England dan diterima masuk ke Badan Peguam Inggeris oleh *Honorable Society of Lincoln's Inn, London*. Sekembalinya baginda ke Tanah Melayu dalam tahun 1954, Sultan Azlan Shah berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan. Kemudiannya baginda telah memasuki Perkhidmatan Kehakiman dan perundangan di mana baginda telah memegang beberapa jawatan penting seperti berikut:

- 1955 - 1956 : Majistret Kelas Pertama.
- 1957 - 1959 : Presiden Mahkamah Sesyen.
- 1959 - 1961 : Peguam Persekutuan dan Timbalan Pendakwaraya Perak Darul Ridzuan.
- 1959 - : Penasihat Undang-undang Negeri Pahang Darulmakmur.
- 1961 - 1962 : Penasihat Undang-undang Negeri Johor Darultakzim.
- 1962 - 1963 : Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.
- 1963 - 1965 : Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan.



# BAGINDA YANG DIPERTUAN MUHIBBUDDIN SHAH IBNI YUSSUF IZZUDDIN U SHAH, DK KELANTAN., PERLIS., DK JOHOR., KEDAH., DK BRUNEI., ILAN., PMN., SSM.



- 1965 - 1967 : Hakim Mahkamah Tinggi Malaya.
- 1973 - 1978 : Hakim Mahkamah Persekutuan.
- 1979 - 1982 : Hakim Besar Malaya.
- 1982 - 1984 : Ketua Hakim Negara.

Atas perkhidmatan cemerlang kepada negara, baginda telah dikurniakan gelaran-gelaran kehormatan dan darjah kebesaran negara. Baginda juga telah dianugerahkan Doktor Kehormat Kesusasteraan oleh Universiti Malaya dalam tahun 1979, Doktor Kehormat Undang-undang oleh Universiti Sains Malaysia dalam tahun 1980, Doktor Kehormat Undang-undang oleh Universiti Nottingham pada tahun 1986 dan 'Benche' Kehormat, Lincoln's Inn, London pada tahun 1988. DYMM Mulia juga menjadi Kolonel Yang DiPertua Rejimen Askar Jurutera Angkatan Tentera Malaysia. Baginda mempunyai minat yang mendalam dalam bidang kesukanan terutamanya hoki. Baginda ialah Naib Presiden Pertubuhan Hoki Antarabangsa, Presiden Pertubuhan Hoki Asia dan Presiden Pertubuhan Hoki Malaysia. Baginda telah dipilih oleh Majlis Raja-raja Melayu menjadi Yang DiPertuan Agong Ke-9 mulai 26 April 1989 hingga 25 April 1994.


Sempena memperingati pertabalan baginda sebagai DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Ke-9, tiga jenis setem bernilai 20 sen, 40 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 18 September 1989. Sempena memperingati pertabalan baginda sebagai Sultan Perak, tiga jenis setem bernilai 15 sen, 20 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah 9 Disember 1985.

# DYMM SERI PADUKA BAG AGONG KE-10 TUANKU JA TUANKU ABDUL RAHM DKNB BRUNEI., DK KEL DK SELANGOR., DK PERAK., DK TEREN

- Seri Paduka Baginda Tuanku Ja'afar Ibnu Al-Marhom Tuanku Abdul Rahman, Yang DiPertuan Agong Ke-10 telah diputerakan pada 19 Julai 1922 di Bandar DiRaja Kelang, Selangor. Baginda ditabalkan menjadi Yang DiPertuan Agong pada tahun 1994. Pendidikan awal baginda bermula di Sekolah Melayu Sri Menanti, Kuala Pilah dari tahun 1928 hingga 1933. Kemudian baginda menuntut di Kolej Melayu Kuala Kangsar dari tahun 1933 hingga 1940. Setelah tamat pengajian di Kolej Melayu Kuala Kangsar, baginda meneruskan pelajarannya di Raffles College, Singapura.

Dalam masa pemerintahan Jepun di Tanah Melayu, baginda berkesempatan berkhidmat di Pejabat Tanah Seremban. Pada tahun 1946 hingga 1947, baginda meneruskan pengajian tingginya di luar negeri dan telah berjaya mendapat ijazah undang-undang (LLB) dari Universiti Nottingham, England. Seterusnya baginda menyambung pengajian di Universiti Oxford (Ballio College) dalam jurusan ekonomi. Pada tahun 1951 baginda telah mengikuti kursus Sains Politik dan Bahasa Perancis di London School of Economics. Sekembalinya baginda ke tanah air pada tahun 1952, baginda menajvat beberapa jawatan utama dalam perkhidmatan awam bermula sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Penolong Pegawai Daerah Parit, Perak dan kemudiannya sebagai Pegawai Daerah Tampin, Negeri Sembilan.

Kerjaya diplomatinya bermula pada tahun 1957 setelah baginda mengikuti kursus perkhidmatan diplomat selama setahun di London. Tugas pertama baginda adalah sebagai Kuasa Usaha Tanah Melayu di Washington D.C., Amerika Syarikat. Kemudian baginda memegang jawatan Setiausaha Pertama Suruhanjaya Tetap Persekutuan Tanah Melayu ke Bangsa-bangsa Bersatu di New York. Seterusnya baginda memegang jawatan Setiausaha Pertama Kaunselor di Suruhanjaya Tinggi



# BAGINDA YANG DIPERTUAN JAFAAR AL-MARHOM TUANKU SEMBILAN, DKM., DK., DMN., DUN LANTAN., DK KEDAH., DUN PASIR, DK JOHOR., DK PAHANG., DUN TINGGIANU.



Malaya dan kemudiannya menjawat jawatan Penolong Pesuruhjaya Tinggi/Malaya di London. Baginda dilantik sebagai Duta Malaysia ke Republik Arab Bersatu dan kemudiannya sebagai Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Nigeria dan Ghana.

Baginda sepatutnya berangkat ke Jepun untuk menjadi Duta Malaysia apabila Kerajaan Negeri Sembilan menjemput beliau pulang kerana kemangkatan kekanda baginda DYMM Tuanku Munawir, Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan Ke-9. YM 'Dato-Dato' Undang Yang Empat telah dengan sebulat suara memilih baginda sebagai Yang DiPertuan Besar Ke-10 bagi menggantikan Al-Marhom Tuanku Munawir. Seri Paduka Baginda Tuanku Jaafar ditabalkan sebagai Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan Ke-10 pada 18 April 1967. Baginda telah berkahwin dengan Tunku Ampuan Najihah bte Al-Marhom Tunku Besar Burhanuddin pada 8 Ogos 1943 dan dikurniakan tiga orang putra dan tiga orang putri. Baginda telah dilantik sebagai Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi sejak 16 April 1976. Pada 27 Julai 1990 Seri Paduka Baginda Tuanku telah dianugerahi Ijazah Kehormat Kedoktoran Undang-undang oleh Universiti Ohio. Seri Paduka Tuanku Jaafar dan keseluruhan keluarga DiRaja Negeri Sembilan kini dikenali sebagai 'Keluarga Sukan DiRaja' kerana penglibatan baginda dalam pelbagai jenis sukan.

Sempena memperingati pertabalan baginda sebagai DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agung Ke-10, tiga jenis setem bernilai 30 sen, 50 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 22 September 1994. Sempena memperingati pertabalan baginda sebagai Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan, dua siri sampul surat hari pertama telah dikeluarkan iaitu pada 8 April 1968 beserta setem bernilai 15 sen dan 50 sen dan pada 18 April 1992 beserta setem bernilai 30 sen dan RM1.




# DYMM SULTAN MAHMUD IBNI AL-SULTAN ISMAIL N DK., SPMT., SPCM, SULTAN TERENGGGA

- DYMM Sultan Mahmud Ibni Al-Marhum Tuanku Al-Sultan Ismail Nasiruddin Shah diputerakan pada 29 April 1930 di Kuala Terengganu. Baginda mula bersekolah di Sekolah Melayu dan di Sekolah Inggeris Kuala Terengganu kemudian baginda telah melanjutkan pelajaran ke England pada tahun 1949 hingga 1950. DYMM telah dilantik sebagai Yang DiPertuan Muda bagi Negeri Terengganu pada 18 Disember 1950. Pada 20 September 1979 baginda telah menaiki takhta Kerajaan sebagai Raja yang memerintah Negeri Terengganu Darul Iman serta jajahan takluknya. Baginda telah berkahwin dengan DYMM Tengku Bariah, puteri kepada Al-Marhum Sultan Hishamuddin Alam Shah, Selangor pada 22 Mac 1951 di Kuala Lumpur yang bergelar DYMM Tengku Ampuan Besar Terengganu.

Baginda telah berangkat lagi ke England bagi kali kedua kerana mengambil kursus perikanan pada 1951 hingga 1954. Baginda pernah menghadiri latihan tentera di Kem Latihan Askar Melayu di Port Dickson pada 1955 hingga 1956 kemudian dikurniakan pangkat sebagai Kapten Kehormat. Pada tahun 1958 baginda telah dinaikkan pangkat sebagai Major Kehormat dalam Pasukan Askar Melayu DiRaja. Kemudian pada tahun 1968 baginda telah dinaikkan pangkat sebagai Lt. Kolonel dalam Pasukan Pertahanan Tempatan Askar Wataniah Malaysia seterusnya baginda memegang jawatan sebagai Pegawai Pemerintah Pasukan Pertahanan Tempatan Negeri Terengganu. DYMM telah dilantik sebagai Pemangku Raja Terengganu bagi kali pertama ialah pada 2 April 1965 dan kali keduanya pada 21 September 1965 apabila DYMM Seri Paduka ayahanda baginda Al-Marhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah dilantik sebagai DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Ke-4.


Sempena pertabalan baginda sebagai DYMM Sultan Terengganu, tiga jenis setem bernilai 10 sen, 15 sen dan 50 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 21 Mac 1981.



# YUSUF BAKI AL-MARHOM TUANKU HASIRUDDIN SHAH, RUMAH NEGARA, SELANGOR., KUALA SELANGOR DARUL IMAN.

PETANG HARI PERTAMA

PERALAMAN  
TUANKU HASIRUDDIN MAHMUD  
SULTAN SELANGOR



# DYMM SULTAN SALAHUDDIN HAJ IBNI AL-MARHOM SULTAN SHAH AL-HAJ, DK., DMN DK TEREENGGANU., DK K DK JOHOR., DK KEDAH., SPI

● DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj ibni Al-Marhom Sultan Hishamuddin Alam Shah Al-Haj, Sultan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke-7 telah diputerakan pada 8 Mac 1926 bersamaan 23 Sha'aban 1344 Hijrah di Istana Bandar Kuala Langat. Pendidikan secara tidak formal baginda bermula di istana apabila baginda dididik dan dibesarkan secara adat istiadat Melayu dan di istanalah juga baginda mendapat pendidikan Agama Islam.

Baginda mendapat pendidikan formal di Sekolah Melayu Pengkalan Batu, Kelang dan seterusnya telah melanjutkan pelajaran di Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak sehingga akhir bulan Disember 1941. Baginda terpaksa berhenti daripada meneruskan pelajaran kerana peperangan dunia kedua. Pada bulan Ogos 1947 baginda telah berangkat ke England untuk melanjutkan pelajaran. Baginda telah memasuki salah sebuah sekolah di London dan kemudian menuntut di *School of Oriental and African Studies, Universiti London*.

Sekembali dari luar negeri baginda telah dilantik menjadi Yang Amat Mulia Tengku Laksamana Selangor pada 1 Ogos 1946. Pada 13 Mei 1950, dalam satu istiadat meraikan hari keputeraan Seri Paduka ayahanda baginda di Istana Selangor, Kuala Lumpur, baginda telah dilantik menjadi Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor dan bakal menjadi Sultan. Pada tahun 1952 dan tahun 1953, baginda pernah dilantik sebagai Pemangku Raja tatkala Seri Paduka ayahanda baginda berangkat ke Mekah menunaikan fardhu haji dan juga ketika Seri Paduka ayahanda baginda berangkat ke England kerana menghadiri istiadat kemahkotaan baginda Queen Elizabeth II.



**JUBLI PERAK**  
Pemerintahan D.Y.M.M.  
**SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**  
**1960—1985**  
Selangor Darulehsan

# IN ABDUL AZIZ SHAH AL- TAN HISHAMUDDIN ALAM N., DPMS., DK BRUNEI., KELANTAN., DK PERLIS., DK SABAH., DP SARAWAK.



Pada tahun 1943 baginda telah berkahwin dengan saudara sepupunya iaitu Yang Mulia Raja Saidatul Hisham, puteri Yang Amat Mulia Tengku Badar Shah, Raja Bendahara Selangor. Dengan perkahwinan itu baginda telah dikurniakan tujuh orang cahaya mata, seorang daripadanya ialah Yang Teramat Mulia Tengku Idris Shah, Raja Muda Selangor sekarang ini. Dalam tahun 1960 Seri Paduka ayahanda baginda telah dilantik menjadi Yang DiPertuan Agong Ke-2. Baginda telah dilantik menjadi Pemangku Raja pada 1 September 1960 dan pada 2 September 1960, Seri Paduka ayahanda baginda mangkat di Istana Tetamu Kuala Lumpur. Baginda telah diumumkan menjadi Sultan Selangor Darul Ehsan pada 28 Jun 1961. Baginda telah dimahkotakan di Istana Alam Shah Kelang dengan penuh istiadat kebesaran Negeri Selangor.

Baginda telah dilantik menjadi Kolonel Udara sebagai Yang DiPertua Pasukan Tentera DiRaja Malaysia oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong mulai 29 Jun 1966. Selain itu baginda juga adalah Canselor Universiti Pertanian Malaysia sejak 1 Januari 1977.

Sempena memperingati jubli perak pemerintahan baginda sebagai DYMM Sultan Selangor, tiga jenis setem bernilai 15 sen, 20 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 5 September 1985.



# DYMM SULTAN TENGGU IBNI AL-MARHOM SULTAN YAHYA PETRA, D.K., SMPK., S.P. SULTAN KELANTAN


● DYMM Tengku Ismail Petra ibni Al-Marhom Sultan Yahya Petra telah diputerakan pada 11 November 1949 di Istana Jahar, Kota Bharu, Kelantan. DYMM ialah putera bongsu dan putera lelaki tunggal Al-Marhom DYMM Sultan Yahya Petra dan DYMM Raja Perempuan Zainah II. Semenjak kecil lagi DYMM telah diajar membaca dan menulis serta diasuh dengan agama Islam dan adat istiadat Raja-raja Negeri Kelantan. DYMM pernah bersekolah di Inggeris di Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu. DYMM telah dianugerahkan gelaran 'Tengku Mahkota Kelantan' oleh Seri Paduka ayahandanya pada 11 November 1967. Baginda telah berkahwin dengan DYMM Tengku Anis yang menjadi Tengku Ampuan Mahkota Kelantan pada 4 Disember 1968 di Istana Kota Lama dan dikurniakan tiga orang putera.

Pada 1 November 1974 DYMM telah dianugerahkan tauliah DiRaja Kehormat dalam Rejimen Askar Wataniah dengan menyandang pangkat Major dan pada 1 Januari 1976, baginda telah dinaikkan pangkat sebagai Lt. Kolonel Kehormat dalam Rejimen yang sama. Semasa Seri Paduka ayahanda baginda dilantik sebagai DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Ke-6, baginda telah dilantik menjadi Pemangku Raja Kelantan mulai 1975 sehinggalah ayahanda baginda mangkat.


Sempena memperingati kemahkotaan baginda sebagai DYMM Sultan Kelantan, tiga jenis setem bernilai 10 sen, 15 sen dan 50 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 30 Mac 1980.



YANG DIKEMUKAKAN OLEH  
DOKTOR ISMAIL PETRA  
SULTAN YAHYA PETRA,  
RUMAH SAKIT, SPSK.  
KAMPUNG DARUL NAIM.



SAMPUL SURAT HARI PERTAMA



PERASMIAN  
MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH



MALAYSIA

15c



MALAYSIA

20c



MALAYSIA 81c

# BAB 8



*Bangunan*



Buat kali pertama Dewan Undangan Negeri Sarawak telah mengadakan sidangnya pada tahun 1867 di Bintulu, namun begitu Dewan Undangan Negeri tidak mempunyai bangunannya sendiri. Akhimya sebuah kompleks Dewan Undangan Negeri yang mengandungi tiga buah bangunan iaitu:

- i. Bangunan Dewan Undangan Negeri.
- ii. Bangunan Pentadbiran.
- iii. Lapau.

Pembinaan bangunan ini bermula dalam bulan Mac 1974 dan menelan belanja lebih kurang sebanyak RM 60 juta.

Bangunan Dewan Undangan Negeri khusus digunakan untuk mengadakan majlis persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak sementara bangunan pentadbiran pula merupakan tempat urusetia kementerian. Bangunan setinggi 20 tingkat ini menempatkan pejabat Ketua Menteri dan kabinetnya, pejabat Setiausaha Kerajaan, pejabat Peguam Besar


## KOMPLEK DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN BANGUNAN PENTADBIRAN SARAWAK



Negeri, pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, pejabat Setiausaha Persekutuan dan kakitangan urusetia yang lain. Lapau pula sebagai tempat upacara dan adat istiadat penyampaian bintang-bintang kebesaran.

Sempena pembukaan rasmi

Komplek Dewan Undangan Negeri dan bangunan pentadbiran Sarawak 1976, tiga jenis setem bernilai 15 sen, 20 sen dan 50 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 17 Ogos 1976.



# PERASMIAN MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, MASJID NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN, SHAH ALAM



MALAYSIA 15c



MALAYSIA 20c

Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah merupakan masjid yang terbesar di Malaysia dan salah sebuah yang terindah di Asia Tenggara. Masjid yang menelan belanja lebih RM160 juta ini didinkan di atas kawasan seluas 36 ekar di utara Pusat Bandar Shah Alam, iaitu ibu negeri Selangor Darul Ehsan. Masjid ini dibina dengan menyatukan rekabentuk tradisi Islam dengan rekabentuk tradisi Melayu tempatan. Di tingkat bawah masjid terdapat pejabat, bilik mesyuarat dan dewan persidangan, perpustakaan, bilik tetamu, bilik kuliah dan stor.

Dewan sembahyang utama meliputi kawasan seluas 73 ribu kaki persegi dan dikelilingi oleh beranda di ketiga-tiga bahagian kecuali di bahagian mihrab. Jumlah keluasan keseluruhan kawasan sembahyang ialah 162,000 kaki persegi dan boleh memuatkan kira-kira 16,000 ribu para jemaah pada satu-satu masa tertentu. Struktur dewan sembahyang masjid direka begitu rupa supaya udara dapat beredar dengan bebas. Dengan adanya kipas angin dan sistem pengaliran

udara nyaman melalui saluran paip, dewan sembahyang utama akan menjadi selesa semasa mengerjakan ibadah sembahyang.

Lantai dewan sembahyang utama dipasang dengan permaidani bercorak geometrik dengan bertatarbelakangkan warna biru. Sendi dinding serta dinding dipasang dengan batu marmar mahsuri dari Pulau Langkawi. Rekaan mihrab dikemasi dengan batu marmar putih, diukir dengan ayat-ayat suci Al-Quran. Ada empat lampu gantung besar di dewan sembahyang.

Kemudahan mengambil air sembahyang tertetak di bangunan berasingan yang disambungkan ke dewan sembahyang utama. Satu lagi keistimewaan masjid ini ialah adanya dewan sembahyang khas untuk wanita. Dewan sembahyang utama wanita boleh dinaiki terus melalui tangga dari tempat mengambil air sembahyang di tingkat bawah. Di tingkat bawah dewan sembahyang utama juga terdapat sebuah dewan yang boleh digunakan sebagai ruang sembahyang tambahan apabila

diperlukan.

Kubah masjid yang tingginya 180 kaki dengan garispusat 170 kaki ini dipercayai yang terbesar seumpamanya di dunia. Ia direka oleh komputer. Rangka struktur kubah dibina dengan sistem 'tridectic' yang menggunakan aluminium. Kubah yang tingginya 300 kaki dari paras tanah mempunyai panel keluli hiasan bentuk segi tiga siap dengan saluran kaca berwarna biru dan kelabu muda. Ia tidak berkarat dan tahan lama. Di samping itu, terdapat sebuah mahkota aluminium berukuran 35 kaki yang disadur dengan emas di puncak kubah utama.

Dengan menggunakan kaedah yang sama, satu kubah dalaman telah dibina yang mengandungi rekabentuk yang bercorak Islam. Ini menghasilkan satu rekaan tradisional ayat-ayat suci Al-Quran berbentuk kalungan bunga kaca khas di puncaknya yang ditulisi dengan warna biru bertatarbelakangkan warna kuning keemasan.

Rasuk gelang tempat kubah dibina mempunyai keemasan berkekaca mengandungi tulisan khat Quran berwarna biru bertatarbelakangkan warna kelabu muda. Bagi kubah dalam, rasuk gelang ini mengandungi ayat-ayat dari Surah Yassin berwarna emas kekuning-kuningan dengan bertatarbelakangkan warna biru.

Sempena memperingati pembukaan masjid ini, tiga jenis setem bernilai 15 sen, 20 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 11 Mac 1988.





MALAYSIA \$1

# MASJID NEGARA KUALA LUMPUR

Pada tahun 1965, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk mengadakan derma seberapa banyak yang boleh bertujuan mendirikan sebuah bangunan masjid negara. Derma ini sebagai cenderamata rakyat terhadap Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman atas jasa-jasanya sebagai Perdana Menteri pada ketika itu. Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri pada 5 Mac 1958 telah bersetuju bahawa Masjid Negara itu akan dinamakan Masjid Tunku Abdul Rahman Putra. Atas permintaan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman sendiri, masjid itu diberi nama Masjid Negara.

Proses pembinaan asal Masjid Negara itu memakan masa lebih kurang tiga tahun dan kos pembiayaannya berjumlah lebih kurang RM10,000,000.00. Masjid negara yang dibina itu sebagai lambang keharmonian rakyat Malaysia kerana sumbangan dan derma yang diperolehi dari orang ramai.

Masjid Negara ini terletak berhampiran dengan Setesen Keretapi Kuala Lumpur dan Pusat



Islam, Jabatan Perdana Menteri. Masjid Negara ini mempunyai spesifikasi yang agak berlainan dan tersendiri dari segi rekabentuk dan seni bina kerana kubahnya berbentuk seakan-akan payung yang sedang kembang. Sementara menaranya pula berbentuk payung yang sedang tertutup.

Sempena memperingati pembinaan Masjid Negara ini, tiga jenis setem telah dikeluarkan bernilai 6 sen, 15 sen dan 20 sen. Sampul surat hari pertama ialah pada 27 Ogos 1965.





# PERASMIAN BANGUNAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



Projek bangunan perpustakaan ini telah mula dibayangkan sejak tahun 1970an. Dalam tahun 1978, satu tapak yang sesuai, seluas 2.2 hektar telah dikenalpasti untuk bangunan Perpustakaan Negara Malaysia iaitu di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Pada tahun 1979, kerajaan telah melantik pasukan juru perunding swasta untuk menjalankan projek bangunan perpustakaan ini.

Dalam tahun 1982, konsep rekabentuk plan awal bangunan perpustakaan ini telah diluluskan oleh kerajaan. Konsep rekabentuk bangunan Perpustakaan Negara berasaskan tengkolok tradisional Melayu yang melambangkan kebanggaan budaya Malaysia.

Gabungan tiga bumbung yang berbentuk tengkolok bercantum di halaman 'taman ilmu' bagi melambangkan perpaduan masyarakat dan tiga matlamat utama perpustakaan negara. Rekabentuk

bangunan ini diilhamkan dari warisan budaya yang kaya. Susunan ubinnya menghasilkan corak songket berwarna biru. Susunan ruang terbuka menggalakkan pengguna melangkah masuk ke setiap ruang perpustakaan. Susunan ruang melambangkan gerakan fakulti intelek yang terbuka luas.

'Skylight' yang terdapat di puncak bumbung mengilhamkan pencapaian ilmu yang luas. Tujuh tingkat yang menempatkan perpustakaan, dihubungkan dengan tangga yang menarik. Setiap aras tersusun kemas, menempatkan rangkaian perkhidmatan, koleksi dan maklumat di perpustakaan.

Rekabentuk bangunan ini juga mengambil kira kemudahan untuk orang-orang cacat. Rekabentuk senibina bangunan ini mengadunikan tradisi dan citarasa masa kini. Ruang lantainya yang seluas 22,037 meter persegi, mampu menampung 1,000 pembaca pada satu masa serta mempunyai satu juta koleksi buku.

Sempena memperingati perasmian bangunan Perpustakaan Negara ini, tiga jenis setem bernilai 30 sen, 50 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 16 Disember 1994.





# MEMORIAL TUNKU ABDUL RAHMAN

Al-Marhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ialah negarawan ulung yang disegani dan dicintai oleh semua rakyat negara ini. Jasa bakti Al-Marhum Tunku sebagai perintis dan pelopor kemerdekaan negara merupakan sumbangan yang tidak ternilai harganya dalam sejarah negara ini. Nama dan sumbangan Al-Marhum Tunku akan tertulis dengan tinta emas dalam sejarah negara.

Sebagai tanda penghargaan dan ingatan negara terhadap jasa-jasa Al-Marhum Tunku, kerajaan telah menubuhkan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra di Bangunan Resedensi (bersebelahan Jabatan Perdana Menteri), Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur. Di samping itu, dua bangunan baru bereka-



belahan dengan bangunan ini. Bangunan Resedensi ini amat bersejarah bagi Al-Marhum Tunku kerana ia merupakan tempat kediaman rasmi Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri Tanah Melayu (1956 hingga 1957), Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu (1957 hingga 1963) dan Perdana Menteri Malaysia (1963 hingga 1970) sehinggalah Al-Marhum bersara.

Penubuhan memorial ini adalah untuk menyimpan dan memelihara segala bahan, khazanah Al-Marhum Tunku Abdul Rahman, sebelum, semasa dan selepas Al-

Marhum menjadi Perdana Menteri. Bahan-bahan berkaitan dengan Al-Marhum yang terkumpul ini, akan dipamerkan kepada pelawat. Bahan-bahan yang dipamerkan ini akan dapat menyebarkan segala maklumat berhubung dengan Al-Marhum Tunku serta dapat memberi kemudahan rujukan dan penyelidikan kepada orang ramai.

Sempena memperingati Memorial Tunku Abdul Rahman ini, dua jenis setem bernilai 30 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 10 November 1994.



# BAB 9



*ASEAN*

# Memperingati Ulang A S E A N

**S**ejak tahun 1977 sehingga 1992 terdapat empat siri keluaran sampul surat hari pertama mengenai ulang tahun ASEAN. Pertama ialah pada 8 Ogos 1977 iaitu Ulang Tahun ASEAN Ke-10, kedua pada 8 Ogos 1982 memperingati Ulang Tahun Ke-15 ASEAN, ketiga pada 14 Disember 1987 sempena memperingati Ulang Tahun ASEAN Ke-20 dan keempat pada 8 Ogos 1992 sempena memperingati Ulang Tahun ASEAN Ke-25.

ASEAN merupakan sebuah pertubuhan ekonomi dan sosial yang dianggotai oleh negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand. Ia telah ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 apabila Menteri-menteri Luar Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand menandatangani Perisytiharan ASEAN di Bangkok. Negara Brunei Darussalam menjadi anggota keenam iaitu pada bulan Januari 1984 setelah negara itu mencapai kemerdekaan.

ASEAN terletak di kawasan geo-strategik di antara Lautan Hindi dan Lautan Pasifik. Ia mempunyai keluasan 3,068,238 km persegi dengan jumlah penduduk sebanyak lebih kurang 300 juta orang yang terdiri dari pelbagai kaum yang mempunyai latar belakang sejarah dan kebudayaan yang berbeza.

ASEAN berpegang teguh kepada falsafah kerjasama serantau untuk memajukan keamanan dan kestabilan serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosio budaya di rantau ini. Untuk mencapai objektif tersebut, ASEAN telah



# ng Tahun AN



menubuhkan beberapa jawatankuasa ekonomi dan bukan ekonomi serta mengembelikan usaha dan tenaganya ke arah memajukan kepentingan bersama dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, sosial, budaya, teknik, saintifik dan pentadbiran melalui program-program tertentu seperti kemudahan latihan dan teknikal.

Sepanjang beberapa tahun yang lampau, ASEAN telah mencapai tahap pencapaian yang boleh dibanggakan dan telah menjadikan ASEAN sebagai salah sebuah rantau yang mempunyai pertumbuhan ekonomi yang paling tinggi di dunia. ASEAN sekarang diterima dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa sebagai sebuah pertubuhan serantau yang dinamik. Dalam forum-forum antarabangsa, ASEAN menitikberatkan isu-isu seperti harga barangan pertanian dan harga barangan utama yang lebih adil, kemudahan pasaran dan kadar faedah pinjaman yang rendah bagi kepentingan semua negara yang sedang membangun.

ASEAN juga telah menjalinkan hubungan yang erat dengan negara-negara dialog seperti Australia, Kanada, Pakatan Pasaran Bersama Eropah (EEC), Jepun, New Zealand dan Amerika Syarikat. Melalui perhubungan ini ASEAN telah dapat menjalinkan persefahaman yang lebih mengenai isu-isu ekonomi antarabangsa yang melibatkan kepentingan bersama seperti komoditi, kewangan, pelaburan, pemindahan teknologi, perdagangan dan sebagainya. Di negara kita terdapat beberapa projek serantau ASEAN hasil daripada kerjasama dengan negara-negara dialog seperti Pusat Latihan Penyelidikan dan Pembangunan Penyakit Ayam ASEAN, Biro Pengendalian Makanan ASEAN, ASEAN Planti, Pusat Teknologi ASEAN, Institut Pengurusan Perhutanan ASEAN, Pusat Latihan Jurulatih dan Kemahiran Tinggi dan sebagainya lagi.

Dari segi politik, ASEAN adalah pendorong utama yang telah membawa keamanan dan kestabilan di rantau ini. ASEAN telah menyarankan Deklarasi Perisytiharan Kuala Lumpur untuk mewujudkan zon aman, bebas dan berkecuali dalam tahun 1971. Negara-



negara anggota ASEAN juga telah menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Di Asia Tenggara dalam tahun 1976 untuk meningkatkan keamanan dan kestabilan di rantau ini. Dalam konteks ASEAN berada di barisan hadapan untuk mencari penyelesaian politik terhadap masalah Kampuchea (Cam-bodia). Usaha-usaha ini telah mendapat sokongan yang

begitu besar daripada masyarakat antarabangsa di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

ASEAN juga telah berjaya dalam usaha melawan ancaman penggunaan najis dadah. Hasil dari usahanya yang gigih, Persidangan Antarabangsa di bawah naungan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Penggunaan Dadah dan Pengerdarannya Secara Haram telah diadakan di Vienna dalam bulan Jun

1987 dan YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah dilantik dengan sebulat suara se bagai Pengerusi Persidangan tersebut. Persidangan itu telah menerima garis panduan pelbagai disiplin yang menyeluruh untuk aktiviti masa hadapan.

Sejak penubuhan ASEAN dalam tahun 1967, negara-negara ASEAN telah mengadakan dua sidang kemuncak. Pertama dalam tahun 1976 di Bali, Indonesia dan kedua dalam tahun 1977 di Kuala Lumpur, Malaysia. Sidang Kemuncak ASEAN Ketiga diadakan di Manila pada 14 hingga 15 Disember 1987. Di ambang dekad yang ketiganya, Ketua-ketua Kerajaan ASEAN mengadakan pertemuan untuk mengkaji semula dan membincangkan isu-isu penting yang berkaitan dengan kerjasama intra-ASEAN dan hubungannya dengan negara-negara ketiga. ASEAN ingin

memperbaharui pendirian masing-masing terhadap falsafah ASEAN dan memperkakan sokongan politik, garis panduan dan daya penggerak yang baru untuk menerajui ASEAN ke arah tahap pencapaian yang lebih tinggi dan cemerlang dalam semua bidang, kegiatan dan kerjasama.

Sempena memperingati ulang tahun ke-10 ASEAN, dua jenis setem bernilai 10 sen dan 75 berserta sampul surat hari pertama telah dikeluarkan pada 8 Ogos 1977. Sempena memperingati ulang tahun ke-15 pula, dua jenis setem bernilai 15 sen dan RM1 berserta sampul surat hari pertama telah dikeluarkan pada 8 Ogos 1982. Sempena memperingati ulang tahun ke-20 pula, dua jenis setem bernilai 20 sen dan RM1 berserta sampul surat hari pertama telah dikeluarkan pada 14 Disember 1987 dan sempena memperingati ulang tahun ke-25 ASEAN, tiga jenis setem bernilai 30 sen, 50 sen dan RM1 berserta sampul surat hari pertama telah dikeluarkan pada 8 Ogos 1992.



# B A B 10

**TAHUN ANTARABANGSA**



**1981**

**SAMPUL SURAT HARI PERTAMA**



*Kesihatan*


# INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN

MALAYSIA 25c




ULANG TAHUN KE 75 IMR  
INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN

MALAYSIA 20c



ULANG TAHUN KE 75 IMR  
INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN

1976/SA \$1



ULANG TAHUN KE 75 IMR  
INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN

**INSTITUT** Penyelidikan Perubatan yang wujud pada hari ini adalah mencerminkan satu proses penyelidikan yang berterusan. Peranan Institut ini dari semasa ke semasa telah meningkat dalam bidang penyelidikan perubatan demi untuk memperbaiki tahap kesihatan manusia di negara kita. Peranannya bukan sahaja tertumpu pada pengeluaran vaksin, latihan dan memberi perkhidmatan mengubati pelbagai penyakit malahan ia juga telah merancang dan melaksanakan pelbagai projek dan program kesihatan di antaranya ialah menjalankan penyelidikan mengenai kesihatan luar bandar dalam menangani masalah kekurangan zat makanan, malaria dan sebagainya lagi.

Usaha-usaha pencegahan penyakit seperti menyekat dari berlakunya malaria dan untut, mengawal serangga dan haiwan-haiwan yang boleh membawa penyakit berjangkit seperti denggi dan malaria serta menjalankan penyelidikan mengenai budaya dan kelakuan manusia dalam mempengaruhi kesihatan dan juga membuat penyelidikan terhadap kaji baka darah. Institut Penyelidikan Perubatan juga telah mengadakan perayaan ulang tahun ke-75 (1901 - 1976) dengan mengadakan simposium dan perayaan selama dua hari.

Sempena memperingati perayaan jubli intan Institut Penyelidikan Perubatan ini tiga jenis setem bernilai 20 sen, 25 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 6 Februari 1976.

# PEMBASMIAN PENYAKIT CACAR SEDUNIA



**PENYAKIT** cacar ialah sejenis penyakit berjangkit yang mempunyai tanda-tanda awalan seperti demam teruk, sejuk dan sakit kepala serta ruam di kaki, tangan dan muka. Ruam ini akan timbul pada hari ketiga dan pesakit akan merasai demam, akhirnya ruam ini megelembung dan meninggalkan parut yang kekal.

Penyakit ini disebabkan oleh sejenis jangkitan virus melalui manusia secara langsung atau tidak langsung. Virus ini dibawa oleh udara dan jangkitan yang merebak melalui sedutan, tisan atau habuk yang mengandungi virus tersebut. Tidak ada kekebalan asli terhadap penyakit cacar ini kerana semua peringkat umur adalah terdedah kepada penyakit ini. Jika tidak diindungi oleh suntikan cacar, penyakit ini jarang membawa maut tetapi cenderung untuk meninggalkan parut berbintik-bintik boleh menjadi kekal.

#### Latarbelakang Sejarah Pelantikan.

Pada tahun 570 S.M. seorang Padi dari Switzerland bernama Avenches telah menulis satu laporan mengenai wabak yang berlaku di Perancis dan Itali. Beliau orang yang terawal menggunakan perkataan 'variola' untuk menjelaskan rupa pesakit berbintik-bintik di anggota badan. Kemudian pada abad ke-10, seorang doktor Parsi bernama Razes telah membincangkan penyakit cacar ini dalam kertas kerjanya bertajuk 'A treatise on the small pox' dan membezakannya dari penyakit campak. Bagaimanapun setelah beberapa tahun

kajianya tu diambil perhatian oleh beberapa orang doktor di Eropah. Usaha melawan penyakit cacar ini telah dimulakan oleh seorang wanita cantik yang mana paras kecantikannya telah musnah oleh penyakit cacar ini. Wanita cantik ini bernama Lady Mary Wortley Montagu, seorang isteri kepada diplomat Inggeris di Turki pada abad ke-18. Semasa beliau tinggal di Turki bersama suaminya, beliau telah memperolehi cara pencegahan penyakit ini. Sekembalinya beliau di England, beliau telah menggesa penggunaan pencegahan yang dipanggil 'variolation'. Cara pencegahan ini pernah digunakan di zaman India kuno dan Dinasti China kuno di negeri China. Apabila berlakunya wabak penyakit yang digelar 'ta-tu' pencegahan cara ini kurang berkesan dan ia digunakan pada awal abad ke-19.

Di antara mereka yang mengambil perhatian terhadap pengalaman Lady Mary Wortley Montagu ini ialah seorang doktor Inggeris bernama Edward Jenner. Beliau juga telah membuat pemerhatian terhadap pemerah-pemerah susu lembu yang tidak mendapat penyakit cacar apabila mereka ini dihidangi oleh cacar 'cowpox' dari lembu ternakan mereka. Beliau telah memikirkan bolehkah bahan dari beroping cacar 'cowpox' dapat mencegah penyakit cacar. Percubaan telah dibuat dalam tahun 1796 apabila beliau memberi suntikan dari beroping di atas tangan seorang wanita tenuous ke tangan seorang budak kecil lelaki berumur lapan tahun. Hasilnya lebih kurang tujuh minggu kemudian didapati budak lelaki itu terhindar daripada penyakit cacar dan beliau telah menamakan bahannya ini 'variola vaccinia' bermakna penyakit cacar lembu.

Sempena memperingati pembasmian penyakit cacar sedunia ini tiga jenis setem telah dikeluarkan bernilai 15 Sen, 30 Sen dan 50 Sen. Sampulsurat hari pertamanya ialah pada 30 September 1978.



# TAHUN ANTARABANGSA ORANG-ORANG CACAT



PADA 16 Disember 1976 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah meluluskan satu resolusi untuk mengisytiharkan tahun 1981 sebagai Tahun Antarabangsa Orang-orang Cacat. Tujuan resolusi itu ialah untuk menggalakkan pemulihan seramai lebih kurang 400 juta orang di dunia yang mengalami kecacatan anggota atau terencat akal. Objektif utama Tahun Antarabangsa Orang-orang Cacat ini ialah:

i. Membantu orang-orang cacat bagi menyesuaikan diri dalam masyarakat dari segi fizikal dan saikologikal.

ii. Memajukan lagi segala usaha di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi mengadakan bantuan, latihan, jagaan, bimbingan serta juga peluang-peluang pekerjaan yang sesuai bagi orang-orang cacat untuk menjamin integrasi yang menyeluruh dalam masyarakat.

iii. Menggalakkan pengkajian, penyelidikan dan pelaksanaan projek-projek untuk membantu orang-orang cacat menjalankan urusan hariannya dengan sempurna seperti memperbaiki kemudahan-kemudahan supaya orang-orang cacat lebih senang menggunakan bangunan-bangunan serta sistem-sistem kenderaan awam.

iv. Memberi maklumat dan mengajar orang ramai terhadap hak asasi orang-orang cacat supaya mereka dapat menyertai dan memberi sumbangan terhadap pelbagai aspek ekonomi, sosial dan politik dan

v. Menggalakkan tindakan yang lebih efektif terhadap pencegahan dan pemulihan orang-orang cacat.

Sempena memperingati Tahun Antarabangsa Orang-orang Cacat, tiga jenis setem bernilai 10 sen, 15 sen dan 75 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 14 Februari 1981

# KONGRES PERGIGIAN ASIA PASIFIK KE-16



**KONGRES** Pergigian Asia Pasifik diadakan setiap tahun di kalangan tujuh belas buah negara yang menyertai Persekutuan Pergigian Asia-Pasifik. Persekutuan ini terdiri daripada Australia, Bangladesh, Chinese Taipei, Guam, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Korea, -Malaysia, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Filipina, Singapura, Sri Lanka dan Thailand. Malaysia sekali lagi telah diberi penghargaan untuk menjadi tuan rumah Kongres Pergigian

Asia Pasifik Ke-16 di Kuala Lumpur. Lebih daripada 2,000 orang doktor pergigian menghadiri kongres ini dengan satu tujuan untuk bersama-sama mencurahkan pengetahuan dan kefahaman mengenai sains pergigian dalam semangat setiakawan dan kemesraan. Semasa kongres ini berlangsung satu pameran dagangan pergigian antarabangsa 'exponent 2000' mengemukakan teknologi canggih yang dapat diberikan dalam bidang kesihatan pergigian. Pameran itu dibuka kepada umum bersama pameran kesihatan mengenai pergigian oleh Kementerian Kesihatan.

Persatuan Doktor-doktor Pergigian Malaysia ditubuhkan dalam tahun 1963 dan ia dianggotai oleh doktor-doktor pergigian dari kesemua tiga belas negeri di Malaysia. Bagi Persekutuan Pergigian Asia-Pasifik pula merupakan sebuah organisasi serantau yang telah ditubuhkan dalam tahun 1955 dengan objektif:

- i. Untuk memperkukuhkan sifat bekerjasama di antara organisasi-organisasi pergigian kebangsaan serantau dalam bidang-bidang seperti pendidikan, penyelidikan dan kesihatan umum bagi rantau ini.
- ii. Untuk memajukan profesion pergigian di rantau ini.
- iii. Untuk mengiatkan kemajuan dalam bidang pergigian dan sains yang berkaitan serta menggalakkan pertukaran maklumat dan penyelidikan.
- iv. Untuk memperkukuhkan sifat kerjasama dengan badan-badan antarabangsa demi untuk menyumbangkan sesuatu yang positif untuk dunia kesihatan.

Sempena memperingati Kongres Pergigian Asia Pasifik Ke-16 ini tiga jenis setem bernilai 30 sen, 50 sen dan RM1 berbentuk se-tenant telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 24 Ogos 1993.

# PERAYAAN SEABAD PERKHIDMATAN VETERINAR DAN INDUSTRI HAIWAN DI MALAYSIA

Perkhidmatan Veterinar Malaya bermula dengan perantukan pegawai veterinar pertama di Pulau Pinang pada tahun 1888 iaitu lebih 100 tahun dahulu. Pada mulanya perkhidmatan veterinar di Semenanjung merupakan sebahagian daripada jabatan perubatan dan ia dipisahkan pada tahun 1900 dengan beribu pejabat di Singapura kemudiannya berpindah ke Kuala Lumpur pada tahun 1933 dan kini jabatan ini terletak di bawah kawalam Kementerian Pertanian.

Peranan awal perkhidmatan veterinar adalah tertumpu pada kawalan dan rawatan penyakit berjangkit dan pencegahan, penganiayaan kepada haiwan, kawalan dan pembasmian penyakit zoonosis seperti anjing gila (rabies dan antraks) dan penyakit-penyakit Epidemik seperti *Rinderpes*, penyakit kuku dan mulut, dan sambar ayam menjadi fungsi utama jabatan haiwan. Jabatan Perkhidmatan Haiwan adalah antara jabatan yang pertama di Malaysia selepas merdeka pada tahun 1957. Aktiviti dan tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Haiwan terus bertambah apabila Kerajaan menekankan pembangunan di luar bandar bagi membasmi kemiskinan.

Pada tahun 1962 Jabatan Perkhidmatan Haiwan diberi sepenuh tanggungjawab dalam memajukan ternakan yang dahulunya terletak di bawah Jabatan Pertanian. Kemajuan pesat dalam pembangunan industri khinzir, ayam daging dan telur bermula dalam tahun 1960an dan 1970an. Perayaan 100 tahun ini bertujuan untuk menimbulkan kesedaran masyarakat

terhadap peranan dan sumbangan perkhidmatan veterinar dan industri haiwan kepada negara serta pembangunan Malaysia.

Sempena Perayaan Seabad ini tiga jenis bernilai 30 sen, 50 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampil surat hari pertamanya ialah pada 26 Julai 1994.

Malaysia 30 ¢



PERAYAAN SEABAD PERKHIDMATAN VETERINAR  
& CENTENARY OF VETERINARY SERVICES

Malaysia 50 ¢



PERAYAAN SEABAD PERKHIDMATAN VETERINAR  
& CENTENARY OF VETERINARY SERVICES

Malaysia RM1



PERAYAAN SEABAD PERKHIDMATAN VETERINAR  
& CENTENARY OF VETERINARY SERVICES

# SEABAD PENEMUAN X-RAY


Profesor W.C. Roentgen di Universiti Wirsburg, Jerman telah menemui X-Ray pada 5 November 1895 dan mendapati ianya memberi kesan penembusan. Penemuan ini memberi kesan yang amat penting dalam bidang perubatan. Semenjak itu ianya digunakan secara meluas dalam bidang dignosa dan terapi.

Alat X-Ray yang pertama di Malaysia telah dipasang di Taiping pada 3 Februari 1896. Ini diikuti dengan pemasangan peralatan X-Ray lain di Ipoh (1897), Pulau Pinang (1901), Kuala Lumpur (1905) dan berikutnya di lain-lain negeri.

Dewasa ini terdapat 14 buah hospital Umum dan 95 hospital Daerah yang ada menyediakan perkhidmatan X-Ray di dalam negara. Pemeriksaan X-Ray yang menyeluruh disediakan termasuk pemeriksaan radiografi am, prosidur khas yang menggunakan kontras media dalam penyelidikan saluran gastro-usus, saluran genito-urinari dan juga sistem vaskular.

Skan Tomografi Berkomputer (CT) boleh didapati di semua hospital Umum. Walau bagaimanapun 'Magnetic Resonance Imaging' (MRI) hanya didapati di Hospital di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bharu. Hospital swasta turut menyediakan perkhidmatan X-Ray seperti mana yang disediakan oleh hospital kerajaan. Kerajaan telah melaksanakan 'Basic Radiographic System' di pusat-pusat kesihatan yang besar di mana dari situ ianya boleh memberi perkhidmatan ke kawasan pedalaman.

Sempena dengan penemuan X-Ray, Kongres Radiologi Asia-Oceanian Ke-7 dihoskan oleh Persatuan Radiologi Malaysia dari 28 Mei hingga 1 Jun 1995. Setem-setem yang telah dikeluarkan adalah berharga 30 sen dan RM1. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 29 Mei 1995.





MALAYSIA 10¢



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ULANG  
TAHUN  
KE-10



MALAYSIA 15¢



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ULANG  
TAHUN  
KE-10




MALAYSIA 75¢



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



ULANG  
TAHUN  
KE-10




# B A B 11



*Pendidikan*

# JAMBORI PENGAKAP MALAYSIA


**P**ergerakan Pengakap ialah sebuah pertubuhan sukarela yang unik dan menarik. Ia mempunyai falsafah serta prinsip tersendiri yang luhur dan murni. Pergerakan Pengakap di Malaysia bermula dalam tahun 1910. Matlamat pergerakan ini ialah untuk menerapkan nilai-nilai murni seperti kesetiaan, peribadi yang baik, ketahanan mental dan fizikal dalam menghadapi cabaran hidup dan bijak berdikari. Nilai-nilai itu memberi kesan ke arah menjadikan mereka rakyat yang berguna dan bertanggungjawab kepada masyarakat dalam konteks pembangunan negara. Konsep pendidikan dan aktiviti-aktiviti yang unik itu telah menarik lebih daripada 200,000 pelajar di seluruh Malaysia menceburkan diri menjadi pengakap.





Anggotanya terdiri daripada pelbagai bangsa, keturunan, agama dan kebudayaan yang berbeza. Namun demikian kesemuanya mengamalkan sikap dan tujuan yang satu dengan menganggap bahawa semua pengakap adalah bersaudara dengan tujuan untuk mengeratkan persaudaraan dan tali silaturahmi maka Jambori diwujudkan bagi mencapai objektif yang tersebut di atas. Jambori Pengakap yang pertama di dunia telah diadakan di Olympia, London dalam tahun 1920. Pergerakan pengakap ini seterusnya berkembang maju sehingga ke hari ini. Jambori Pengakap Malaysia pertama telah diadakan di Pulau Pinang dalam tahun 1966, kedua di Melaka dalam tahun 1970, ketiga di Johor Darul Takzim dalam tahun 1974, keempat di Sarawak dalam tahun 1978, kelima di Kelantan Darul Naim dalam tahun 1982, keenam di Pahang Darul Makmur dalam tahun 1986 dan ketujuh di Perak Darul Ridzuan dalam tahun 1989.

Sempena memperingati Jambori Pengakap di Malaysia, empat siri sampul surat hari pertama beserta setem-setem pos kenang-kenangan telah dikeluarkan. Pertama ialah pada 1 Ogos 1974 beserta setem bernilai 10 sen, 15 sen dan 50 sen, kedua ialah pada 26 Julai 1978 beserta setem bernilai 15 sen dan RM1, ketiga ialah pada 10 April 1982 beserta setem bernilai 15 sen, 50 sen dan 80 sen, dan keempat pada 28 Julai 1989 beserta setem bernilai 10 sen, 20 sen dan 80 sen.





# PENANG FREE SCHOOL 1816 - 1966

**P**ada asalnya sekolah ini ditubuhkan oleh seorang pengembang Agama Kristian di Pulau Pinang bernama Reverend R.S. Hutchings, ia dijadikan sebagai sebuah sekolah yang terbuka kepada semua pelajar tanpa mengira bangsa dan agama maka sebab itulah sekolah ini dinamakan 'The Free School'. Yang Di Pertuan Agong Ketiga Tuanku Syed Putra Ibni Al-Marhom Syed Hassan Jamallulail dan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Perdana Menteri Malaysia pertama pernah belajar di sekolah ini.



Pada mulanya bangunan sekolah ini disewa sehinggalah bangunan sendiri telah didapati dalam tahun 1821 iaitu bertempat di *Church Square*. Sekolah ini telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan sehingga menyebabkan bangunan yang sedia ada tidak dapat menampung pelajar yang semakin bertambah ramai bilangannya. Akhirnya kerajaan negeri telah memperolehi kawasan tanah seluas lebih kurang 30 ekar yang terletak di Lorong Green. Bangunan sekolah di Lorong Green itu telah dibuka dengan rasminya pada tahun 1928 dan dinamakan 'Penang Free School'.

Sempena memperingati ulang tahun ke-150 *Penang Free School*, dua jenis setem pos kenang-kenangan bernilai 20 sen dan 50 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 21 Oktober 1966.

# TAHUN KENAL HURUF ANTARABANGSA

**M**alaysia telah diminta oleh UNESCO untuk merayakan Tahun Kenal Huruf Antarabangsa 1990 seperti negara-negara lain di dunia. Di Malaysia, Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah dipertanggungjawabkan untuk membasmi buta huruf di kalangan orang-orang dewasa di Semenanjung Malaysia sejak 1961. Usaha ini telah diperluaskan ke Sabah dan Sarawak pada tahun 1963 iaitu sejak Malaysia ditubuhkan. Usaha yang dijalankan telah mencapai kejayaan dan kini kadar kenal huruf di kalangan orang-orang dewasa di Malaysia telah mencapai 72%.

Perayaan Tahun Kenal Huruf Antarabangsa 1990 ini diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada semua lapisan masyarakat tentang betapa pentingnya seseorang itu mengenal huruf dan mengenal fungsian dalam usaha ke arah pembangunan negara. Walaupun kadar kenal huruf di Malaysia tinggi, namun begitu kita perlu memakumi bahawa kejayaan yang kita capai memerangi buta huruf adalah diantara yang terbaik dan berkemungkinan negara-negara mundur yang menghadapi masalah buta huruf dapat mempelajari cara Malaysia mengatasi masalah ini. Dengan kejayaan Malaysia memerangi buta huruf, negara-negara kecil yang mundur mungkin akan memilih Malaysia untuk mendapatkan sokongan moral dalam usaha mereka memerangi buta huruf. Mungkin ini akan membuka jalan kepada Malaysia untuk membantu negara-negara tersebut dalam bidang-bidang berkaitan dengan pembangunan manusia.

Walaupun kadar buta huruf di Malaysia agak rendah tetapi program pendidikan seumur hidup masih perlu diadakan iaitu melalui pendidikan tidak formal orang-orang dewasa diberi pengetahuan dan kemahiran untuk membolehkan mereka menjalankan fungsi masing-masing secara produktif. Dengan merayakan Tahun Kenal Huruf Antarabangsa 1990 ini, rakyat Malaysia akan menyedari betapa pentingnya usaha-usaha memerangi buta huruf ini diteruskan sehingga kadar kenal huruf di negara ini mencapai tahap 100%.

Sempena Tahun Kenal Huruf Antarabangsa 1990 ini, tiga jenis setem bernilai 20 sen, 40 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 8 September 1990.



# ULANG TAHUN KE-10 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

**P**enubuhan Universiti Kebangsaan (UKM) di negara ini sudah wujud sejak tahun 1930an lagi tetapi idea itu hanya menjadi aktif pada tahun-tahun 1960an apabila segolongan cendekiawan berpendapat bahawa sebuah universiti yang benar-benar bercorak kebangsaan perlu didirikan. Malah resolusi seminar bahasa dan sastera yang diadakan di Maktab Perguruan Bahasa pada tahun 1963 telah menuntut penubuhan sebuah universiti yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantarnya dan dalam seminar Bahasa Kebangsaan yang diadakan di Universiti Malaya pada tahun 1966, pendapat yang sama juga telah diutarakan. Justeru itu menjelang akhir tahun 1960an apabila masalah penampungan pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan begitu mendesak maka suara untuk menubuhkan Universiti Kebangsaan menjadi lebih lantang dan tegas.


Dalam tahun 1969 satu jawatankuasa penaja Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan dan dianggotai oleh sekumpulan cerdik pandai untuk menyusun dan menerbitkan sebuah laporan mengenai penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam laporan itu dicatitkan asas-asas penting yang boleh dijadikan panduan untuk melaksanakan penubuhannya. Pendapat-pendapat itu kemudiannya telah dibahaskan dalam satu kongres di Universiti Malaya pada penghujung tahun 1969 dan kemudiannya asas-asas tersebut telah digunakan sebagai panduan untuk menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 18 Mei 1970.

Penubuhan Universiti Kebangsaan pada bulan Mei 1970 merupakan satu detik sejarah dan perkembangan yang berlaku antara 1970 hingga 1977 telah menjawab semua soalan mengenai kesangsian penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di peringkat universiti. Dengan kelahiran Universiti Kebangsaan Malaysia, turut terlaksana juga sebahagian daripada hasrat umat Islam yang ingin melihat wujudnya sebuah pusat pengajian Islam yang tertinggi di Malaysia iaitu Kolej Islam Malaya yang terletak di Jalan Universiti, Petaling Jaya yang telah dijadikan sebahagian dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1970.

Sempena memperingati penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia ini, tiga jenis setem bernilai 10 sen, 15 sen dan 75 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 2 September 1980.




# B A B 12



*Mesyuarat  
Persidangan  
Seminar*



# Persidangan



Sempena memperingati Persidangan getah asli, terdapat tiga keluaran sampul surat hari pertama iaitu pada 19 September 1960 bertajuk Persidangan Getah Asli, kedua ialah pada 29 Ogos 1968 bertajuk Persidangan Getah Asli 1968 dan ketiga ialah pada 22 Oktober 1975 bertajuk Ulang Tahun Ke-50 Institut Penyelidikan Getah Malaysia.

Di antara perkara utama yang dibincangkan semasa persidangan 1968 termasuklah pelbagai perkara

yang menyentuh aspek-aspek pengeluaran getah asli seperti sistem pemroses dan pengilangan getah asli dan juga kemajuan dalam bidang penyelidikan *polymer* tiruan. Sementara persidangan yang berlangsung pada tahun 1975 ialah bertujuan untuk menjalankan usaha-usaha penyelidikan getah supaya pengeluarannya lebih memberi manfaat pada negara dan juga pekebun-pekebun kecil.

Sampul surat hari pertama berserta

setem bernilai 6 sen dan 30 sen telah dikeluarkan pada 19 September 1960. Sampul surat hari pertama kedua berserta setem bernilai 25 sen, 30 sen dan 50 sen telah dikeluarkan pada 29 Ogos 1968 manakala Sampul surat hari pertama yang ketiga berserta setem bernilai 10 sen, 30 sen dan 75 sen telah dikeluarkan pada 22 Oktober 1975.

# Getah Asli

# Persidangan Ke-4 Orked



Persidangan Orked Sedunia Ke-4 telah diadakan pada tahun 1963 di Singapura. Tujuan persidangan ini diadakan ialah untuk bertukar-tukar pendapat serta pengetahuan mengenai orked supaya dapat menyumbangkan perkara-perkara yang memberi faedah mengenai persidangan ini. Di antara Persidangan-persidangan Orked yang pernah diadakan adalah seperti berikut:



Persidangan	Tahun	Tempat
Pertama	1954	St.Louis, USA
Kedua	1957	Honolulu

Ketiga	1960	London
Keempat	1963	Singapura

Persidangan di Singapura ini telah dirasmikan oleh Tuan Yang DiPertuan Negara Singapura pada 11 Oktober 1963. Sempena persidangan ini satu jenis setem bernilai 6 sen dan 25 sen telah dikeluarkan dan sampul surat hari pertamanya ialah pada 3 Oktober 1963.

# Sedunia

# Persidangan



Sejak 1959 hingga 1987 sebanyak lima siri sampul surat hari pertama beserta setem kenang-kenangan telah dikeluarkan. Pertama ialah Perasmian Parlimen pada 12 September 1959, kedua ialah Persidangan Parlimen Komanwel Ke-9 pada 4 November 1963, ketiga ialah Persidangan Parlimen Komanwel Ke-17 pada 13 September 1971, keempat ialah ulang tahun Persidangan Parlimen Ke-25 pada 30 Mac 1985 dan kelima ialah Persidangan Parlimen Komanwel Ke-33 pada 1 September 1987.

Parlimen di Malaysia terdiri dari tiga komponen iaitu Yang DiPertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Ketiga-tiganya mempunyai fungsi-fungsi tertentu dalam membentuk dasar undang-undang negara. Parlimen merupakan sebuah institusi badan perundangan yang tertinggi dan ia sebagai lambang sistem pemerintahan demokrasi dan raja berperlembagaan. Oleh kerana Malaysia menjadi ahli yang bergabung dengan Persatuan Negara-negara

Komanwel, beberapa persidangan Parlimen Komanwel telah diadakan di Kuala Lumpur. Sempena setiap persidangan itu, setem pos kenang-kenangan telah dikeluarkan sebagai memperingati persidangan-persidangan berkenaan.

Tujuan persidangan itu diadakan adalah untuk memupuk persefahaman dan kerjasama di kalangan negara anggota di samping memulakan institusi Parlimen. Bagi mencapai matlamat itu persidangan, seminar, mengadakan penerbitan khusus mengenai Parlimen di negara masing-masing turut dikeluarkan bagi memuatkan berita-berita semasa mengenai Parlimen dan politik.

Sempena memperingati perasmian Parlimen, tiga jenis setem bernilai 4 sen, 10 sen dan 25 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 12 September 1959.

Sempena Persidangan Parlimen Komanwel Ke-9, dua jenis setem bernilai 20 sen dan 30 sen telah

dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 4 November 1963.

Sempena Persidangan Parlimen Komanwel Ke-17, dua jenis setem bernilai 25 sen dan 75 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 13 September 1971.

Sempena Ulang Tahun Persidangan Parlimen Ke-25, dua jenis setem bernilai 20 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 30 Mac 1985.

Sempena Persidangan Parlimen Komanwel Ke-33, dua jenis setem bernilai 20 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 1 September 1987.

# Parlimen





# Persidangan



*PATA* (*Pacific Area Travel Association*) ditubuhkan di Hawaii dalam tahun 1951. Sebagai satu persatuan, ia tidak bermaksud untuk mencari keuntungan tetapi bertujuan untuk menggalakkan perusahaannya pelancongan di sekitar rantau pasifik dan kawasan yang berhampiran dengannya. Dalam persidangan tahunan yang setiap kali diadakan, ianya mempunyai strategi tertentu supaya menjadikan rantau pasifik sebagai

kawasan percutian yang diminati. Persidangan *PATA* ini pernah diadakan di Thailand dalam tahun 1969, New Zealand pada tahun 1970 dan Filipina pada tahun 1971 sementara Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada Persidangan *PATA* ini pada tahun 1972. Persidangan *PATA* kedua kalinya yang diadakan di Malaysia ialah pada tahun 1986.

Sempena memperingati persidangan *PATA* 1972, tiga jenis setem



berbentuk se-tenant bernilai 30 sen setiap satu telah dikeluarkan sementara sampul surat hari pertamanya ialah pada 31 Januari 1972.

Untuk persidangan *PATA* 1986, dua jenis setem telah dikeluarkan iaitu setem bernilai 20 sen, sebanyak tiga keping berbentuk se-tenant dan setem bernilai 40 sen sebanyak tiga keping, juga berbentuk se-tenant. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 14 April 1986.

# PATA

# Mesyuarat Ke-7 Lembaga



Bank Pembangunan Asia merupakan sebuah institusi kewangan antarabangsa yang telah ditubuhkan pada tahun 1966 dengan tujuan untuk membantu dan memberi pinjaman dari segi kewangan, menggalakkan pelaburan serta memberi bantuan teknik pada negara-negara ahli yang sedang membangun. Secara umumnya peranan utama institusi kewangan ini ialah bertujuan untuk menggalakkan perkembangan ekonomi dan kerjasama serantau di Asia.

Di antara ciri-ciri penting bank ini adalah mengikut Suruhanjaya Ekonomi Bangsa-bangsa Bersatu bagi Asia dan Timur Jauh (ECAFE), 60% modal bank ini adalah sumbangan dari negara-negara ahli di rantau Asia. Struktur organisasi bank ini terdiri dari Lembaga Gabenor sebagai badan yang tertinggi dalam membentuk dasar. Tanggungjawab dan perjalanan dasar adalah terletak pada Lembaga Pengarah seramai 12 orang dan 8 orang darinya adalah daripada

negara-negara ahli di rantau Asia.

Malaysia buat pertama kalinya menjadi tuan rumah pada persidangan tahunan Lembaga Gabenor Bank Pembangunan Asia Ke-7 di Kuala Lumpur. Persidangan ini bermula pada 25 hingga 27 April 1974. Sempena memperingati persidangan ini, dua jenis setem bernilai 30 sen dan 75 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 25 April 1974.

## Bank Pembangunan Asia

# Persidangan

## Ke-4



Sejarah perjanjian timah antarabangsa telah bermula sejak tahun 1956. Malaysia telah menyertai perjanjian pertama ini dan seterusnya perjanjian-perjanjian yang berikutnya kerana Malaysia merupakan salah sebuah pengeluar bijih timah yang terbesar di dunia. Persidangan mengenai timah yang diadakan ini adalah berbentuk teknikal dan ia diadakan sekali dalam setiap dua atau tiga tahun iaitu di bawah anjuran Majlis Timah Antarabangsa.

Persidangan yang diadakan di

Kuala Lumpur ini dinamakan Persidangan Timah Dunia Ke-4. Tiga persidangan serupa seperti ini pernah diadakan di London dalam tahun 1967 dan 1972 dan di Bangkok, Thailand pada tahun 1969.

Persidangan yang diadakan di Kuala Lumpur ini bermula pada 24 Oktober hingga 5 November 1974. Persidangan ini merupakan kali pertama pernah diadakan di Malaysia di mana ia bukan sahaja dihadiri oleh orang-orang perseorangan malahan persidangan ini juga turut

dihadiri oleh badan-badan pertubuhan antarabangsa seperti Kongres Perdagangan dan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (*UNCTAD*), Institut Timah Antarabangsa, Tabung Kewangan Antarabangsa (*IMF*) dan Kesatuan Ekonomi Eropah.

Sempena memperingati persidangan ini, tiga jenis setem bernilai 15 sen, 20 sen dan 40 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 31 Oktober 1974.

# Timah Sedunia

# Mesyuarat Ke-2 Gabenor Bank



Bank Pembangunan Islam merupakan sebuah institusi kewangan Islam antarabangsa pertama yang diasaskan berdasarkan undang-undang dan syiar Islam. Penubuhan dan pelaksanaannya adalah memenuhi cita-cita masyarakat Islam. Matlamatnya ialah supaya dapat bekerjasama dalam

membentuk sistem bank tanpa faedah. Bank ini juga melambangkan perpaduan seluruh umat Islam. Malaysia menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Lembaga Gabenor Bank Pembangunan Islam Ke-2 ini yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 14 hingga 18 Mac 1978. Mesyuarat

seperti ini juga pernah diadakan di Mekah.

Sempena memperingati Mesyuarat Gabenor-gabenor Bank Pembangunan Islam Ke-2 ini, dua jenis setem bernilai 30 sen dan 75 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 15 Mac 1978.

## Pembangunan Islam



# Seminar Eksposisi Latihan



Kerajaan telah meluluskan satu cadangan mengenai program latihan dan persijilan kebangsaan bagi tujuan mengadakan satu eksposisi latihan perindustrian yang berbentuk seminar. Ekspo ini diadakan di Kuala Lumpur sementara seminarnya berlangsung di Genting Highlands yang diadakan pada 11 hingga 13 Mei 1981. Tujuan latihan ini adalah bertemakan 'Tenaga Mahir Membina Negara'. Ia juga bertujuan bagi

menimbulkan kesedaran di kalangan majikan, belia dan beliawanis mengenai peranan dan nilai latihan perindustrian. Juga bagi menggalakkan belia dan beliawanis Malaysia supaya memasuki bidang kerja mahir supaya dapat memberi sumbangan yang besar ke arah mencapai matlamat Rancangan Pembangunan Negara. Tujuan yang lain ialah menggalakkan supaya lebih ramai majikan menerima pelatih-pelatih

yang dikeluarkan oleh agensi-agensi latihan sebagai pekerja mahir yang diperlukan terutamanya pemegang-pemegang sijil Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan.

Sempena seminar ini, empat jenis setem bernilai 10 sen, 15 sen, 30 sen dan 75 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 2 Mei 1981.

## Perindustrian

# Jawatankuasa Nasional



Tujuan Persidangan Tenaga Sedunia ini diadakan ialah bagi memajukan pembangunan dan penggunaan sumber tenaga secara aman serta memberi faedah yang besar kepada kehidupan manusia dan alam sekitar di seluruh dunia iaitu dengan mengambil kira sumber-sumber yang berpotensi bagi semua tujuan pengeluaran, penghantaran, perubahan dan penggunaan tenaga dalam semua aspek.

Jawatankuasa Tenaga Nasional bagi meneruskan tujuannya ialah untuk memajukan pergantungan

tenaga telah dapat mengekalkan hubungan yang rapat dengan jawatankuasa-jawatankuasa nasional di rantau ASEAN. Jawatankuasa Nasional di Malaysia juga telah menjalankan kajian mengenai mini hidro dan juga mengusahakan projek printis ke atas janakuasa elektrik dan tenaga suria. Jawatankuasa ini juga menyumbang pada jawatankuasa perjimatan tenaga yang ditubuhkan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk memberi kesedaran dalam penggunaan tenaga. Jawatankuasa Tenaga Nasional Malaysia telah

menggunakan slogan 'Perjimatan Tenaga Tanggungjawab Bersama'. Dalam masa 25 tahun Jawatankuasa Tenaga Nasional Malaysia sekali lagi menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Jawatankuasa secara *Ad Hoc* untuk menangani masalah tenaga di negara-negara membangun bagi kepentingan bersama.

Sempena memperingati Persidangan Tenaga Sedunia ini, tiga jenis setem pos bernilai 10 sen, 15 sen dan 75 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 17 Jun 1981.

## Tenaga Sedunia

# Persidangan PBB Tentang Dadah & Pengeedarannya

Ancaman dadah yang sentiasa berkembang telah mencerooboh kediaman keluarga, tempat kerja dan institusi-institusi pengajian tinggi, mempengaruhi orang perseorangan di semua peringkat umur dan kedudukan. Di samping pemusnahan masyarakat akibat daripada ketagihan dadah juga turut memusnahkan nilai-nilai tradisi, cara hidup dan ekonomi negara.

Di samping itu rasuah, keganasan dan kekejaman yang berkaitan dengan dadah secara haram merebak dengan meluas dan kesemuanya ini akan menjejaskan ketenteraman dan kestabilan negara. Untuk menangani ancaman dadah yang sentiasa berkembang ini maka Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1985 telah memutuskan untuk mengadakan persidangan antarabangsa tentang dadah dan pengedarannya (*International Conference On Drug Abuse And Illicit Trafficking - ICAIT*) di Vienna, Austria dalam bulan Jun 1987.

Tujuan utama persidangan ini ialah untuk menghasilkan keselarasan, pengertian yang luas dan betul menyeluruh akan usaha-usaha untuk menghadapi dan memberantas masalah dadah dalam semua bentuk di peringkat daerah, negara dan antarabangsa juga menetapkan satu garis panduan pelbagai disiplin untuk kegiatan-kegiatan akan datang dengan memberikan perhatian khusus



kepada isu-isu yang berkaitan dengan masalah dadah dan pengedarannya secara haram. Persidangan ini mengisytiharkan tanggungjawab masyarakat antarabangsa dalam membuat penetapan untuk membasmi masalah dadah.



Sempena memperingati persidangan penggunaan dadah di peringkat antarabangsa ini, dua pasang setem se-tenan bernilai 20 sen dan 40 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 8 Jun 1987.

## Secara Haram

# Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan



Malaysia menjadi tuan rumah bagi mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (*CHOGM*) 1989. Ketua-ketua kerajaan dari 47 anggota Komanwel dengan diiringi oleh Menteri-menteri Luar dan Pegawai-pegawai Tinggi mereka telah menghadiri mesyuarat tersebut. Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel ini seperti kebiasaannya diadakan dalam suasana yang tidak formal yang merupakan satu pertemuan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel untuk berbincang, merancang dan mengambil tindakan terhadap pelbagai isu untuk kepentingan bersama. Pertemuan yang telah diadakan di Pulau Langkawi dari 20 hingga 22 Oktober 1989 jelas membayangkan hakikat

amalan tradisi mesyuarat tersebut sebagai satu perjumpaan pertama mereka dalam satu keluarga yang besar.

Malaysia telah menjadi ahli Komanwel yang aktif sejak ia diterima menjadi ahli dan telah mendapat faedah dari program-program ekonomi, teknikal dan pendidikan. Kepentingan Komanwel kepada Malaysia juga terletak kepada fakta bahawa ia merupakan satu lagi organisasi antarabangsa apabila Malaysia terlibat dan keahliannya telah menjadikannya sebagai jambatan ke arah kerjasama antarabangsa.

Negara-negara Komanwel menyambut baik tawaran Malaysia menjadi tuan rumah kepada Mes-

yuarat *CHOGM* pada tahun 1989. Malaysia menganggap ini adalah satu penghormatan kepadanya. Ia juga menunjukkan keyakinan negara-negara ahli terhadap kepercayaan Malaysia untuk menganjurkan mesyuarat terbesar Komanwel ini. Sebagai tuan rumah, Malaysia menjadi tumpuan negara-negara Komanwel dan juga menjadi perhatian dunia. Ini merupakan satu detik sejarah kebanggaan Malaysia.

Sempena Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel ini, tiga jenis setem bernilai 20 sen, 50 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 18 Oktober 1989.

# Komanwel (*CHOGM*)



---

*Mesyuarat  
Pertama Sidang  
Kemuncak  
Kumpulan  
Perundingan Dan  
Kerjasama  
Selatan-Selatan,  
Kuala Lumpur  
1/6/90*

---



Kuala Lumpur ialah tempat berlangsungnya sidang kemuncak pertama kumpulan ketua-ketua negara/kerajaan mengenai perundingan dan kerjasama Selatan-Selatan atau Kumpulan 15. Sidang ini diadakan pada 1 hingga 3 Jun 1990 di mana Malaysia menjadi tuan rumah.

Penubuhan Kumpulan 15 juga dikenali sebagai G-15 mula ditumuhkan oleh Mwalimu Julius Nyerere, Pengerusi Suruhanjaya Selatan pada 8 September 1989 semasa sidang kemuncak ke-9 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Belgrade. Tiga belas negara anggota NAM dan dua buah negara membangun yang lain iaitu Brazil dan Mexico turut menganggotai G-15 ini. Anggota-anggota kumpulan ini terdiri dari negara Algeria, Argentina, Brazil, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela, Yugoslavia dan Zimbabwe.

Kumpulan ini telah menjadi satu forum bagi mengadakan perundingan dan perbincangan tentang isu-isu penting yang dihadapi oleh negara-negara membangun dengan tujuan untuk bersama tentang pendirian dan strategi serta menentukan arah panduan peningkatan kerjasama antara

negara-negara selatan. Di sidang kemuncak tahunannya, kumpulan G-15 ini juga membuat kajian semula terhadap keadaan ekonomi dunia dan kedudukan hubungan ekonomi antarabangsa dengan kesan-kesannya yang ada ke atas negara-negara membangun.


Keputusan Malaysia untuk menjadi tuan rumah sidang kemuncak ini adalah selaras dengan dasar kerajaan bagi menggalakkan serta memperkukuhkan interaksi dan kerjasama selatan-selatan yang berterusan. Penglibatan Malaysia yang aktif dalam penubuhan Suruhanjaya Selatan dalam tahun 1987 mencerminkan komitmen Malaysia kepada dasar ini. Malaysia percaya bahawa sidang kemuncak printis ini akan mengisytarkan satu detik yang penuh bermakna kepada negara-negara selatan dalam usaha bersama mereka mewujudkan satu sistem antarabangsa yang adil, saksama dan aman serta dapat memberikan sumbangan kepada kesejahteraan negara-negara selatan dan dunia seluruhnya.

Sempena memperingati mesyuarat ini, sampul surat hari pertama berserta dua jenis setem bernilai 20 sen dan 80 sen telah dikeluarkan pada 1 Jun 1990.



---

# *Persidangan Perhutanan*



---

# *Komanwel*

---

Persidangan Perhutanan Komanwel yang pertama telah diadakan pada tahun 1920 di London dan sejak itu kebanyakan persidangan ini telah diadakan di negara-negara Komanwel yang maju seperti Kanada, Australia dan New Zealand. Pada Persidangan Perhutanan Komanwel Ke-13 yang diadakan di New Zealand pada tahun 1989, Malaysia telah dipilih menjadi tuan rumah untuk Persidangan Perhutanan Komanwel Ke-14 yang diadakan dari 13 hingga 18 September 1993 di Kuala Lumpur.

Persidangan ini dihadiri oleh Ketua-ketua Perkhidmatan Perhutanan dan pegawai-pegawai kanannya, wakil-wakil jabatan yang bertanggungjawab dalam bantuan luar negara, organisasi-organisasi penyelidikan, organisasi-organisasi


bukan kerajaan, sektor perhutanan swasta dan industri hutan dan juga agensi-agensi Komanwel dan antarabangsa yang terlibat dalam perhutanan.

Tujuan persidangan ini adalah untuk bertukar pengetahuan, pengalaman oleh setiap Perkhidmatan Perhutanan dalam Komanwel. Pada amnya tumpuan tertentu diberikan kepada dua aktiviti. Pertama, menyediakan syor-syor yang telah dipersetujui tentang perkara-perkara dasar perhutanan, pengurusan hutan dan industri perhutanan dan kedua untuk memupuk kerjasama di antara negara-negara Komanwel terutama dalam bidang-bidang penyelidikan, pendidikan dan latihan.

Syor-syor dari persidangan juga dimaklumkan pada Mesyuarat

Negara-negara Komanwel. Dalam hal ini syor-syor dari Persidangan Ke-13 telah dimaklumkan kepada *CHOGM* di Kuala Lumpur dalam bulan Oktober 1989 dan dimasukkan ke dalam 'Perisytiharan Langkawi Tentang Alam Sekitar'. Sehubungan itu syor-syor Persidangan Ke-14 juga dimaklumkan kepada *CHOGM* pada kali ini dalam konteks lanjutan pada Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Tentang Alam sekitar dan Pembangunan (*UNCED*) yang telah diadakan di Rio de Janeiro, Brazil pada bulan Jun 1992.

Sempena memperingati persidangan Perhutanan Komanwel Ke-14 ini, tiga jenis setem bernilai 30 sen, 50 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah 13 September 1993.





National Stamps  
First Day of Issue  
5th May 1957



IP  
-1 MAY 57



IP  
-1 MAY 57


**R**  
No 5073  
IPOH



IP  
-5 MAY

IP  
POH


# B A B 13



*Peristiwa*

*Peristiwa*

# PENGELUARAN SAMPUL SURAT HARI PERTAMA SEBELUM DAN SEMASA MALAYSIA





# Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

**S**empena memperingati ter-tubuhnya Persekutuan Tanah Melayu, Jabatan Pos telah mengeluarkan setem bernilai 6 sen, 12 sen, 25 sen dan 30 sen. Sampul surat hari pertama bagi keluaran setem ini ialah pada 5 Mei 1957. Setem bernilai 6 sen dan 25 sen menggambarkan kegiatan ekonomi Semenanjung Tanah Melayu pada masa itu dengan tanaman getah dan bijih timah. Sementara setem bernilai 12 sen dan 30 sen adalah menggambarkan logo kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan peta Semenanjung Tanah Melayu.



---

# Kemerdekaan Tanah Melayu

**S**empena memperingati peristiwa kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, Jabatan Pos pada masa itu telah mengeluarkan sekeping setem bernilai 10 sen menggambarkan wajah Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri pertama Persekutuan Tanah Melayu. Sampul surat hari pertama bagi menyambut kemerdekaan ini ialah pada 31 Ogos 1957.





**S**empena memperingati Persidangan Suruhanjaya Ekonomi Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Asia Dan Timur Jauh atau dalam Bahasa Inggerisnya *United Nations Economic Commission for Asia and Far East Conference*, Jabatan Pos pada masa itu telah mengeluarkan 2 keping setem bernilai 12 sen dan 30 sen. Kedua-dua jenis setem ini menggambarkan logo pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sampul surat hari pertama sempena persidangan itu ialah pada 4 Mac 1958.



# Persidangan Suruhanjaya Ekonomi Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Asia Dan Timur Jauh



# Ulang Tahun Pertama Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu



**S**empena memperingati peristiwa Ulang tahun Pertama Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, Jabatan Pos pada masa itu telah mengeluarkan setem bernilai 10 sen dan 30 sen. Setem bernilai 10 sen menggambarkan Stadium Merdeka berserta dengan bendera Persekutuan Tanah Melayu sementara setem bernilai

30 sen menggambarkan wajah DYMM Yang Dipertuan Agong pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu, Tuanku Abdul Rahman ibni Al-Marhum Tuanku Muhammad. Sampul surat hari pertama bagi memperingati hari ulang tahun pertama kemerdekaan ini ialah pada 31 Ogos 1958.

# Ulang Tahun Kesepuluh Deklarasi Kebebasan Bersuara



**S**empena memperingati ulang tahun kesepuluh Deklarasi Kebebasan Bersuara, Jabatan Pos pada masa itu telah mengeluarkan setem bernilai 10 sen dan 30 sen. Kedua-dua setem ini menggambarkan kebebasan bersuara bagi rakyat Persekutuan Tanah Melayu yang baru sahaja mencapai kemerdekaan dan dunia seluruhnya. Sampul surat hari

pertama bagi memperingati deklarasi ini ialah pada 10 Disember 1958.



## Perasmian Parlimen

**S**empena memperingati perasmian Parlimen, Jabatan Pos telah mengeluarkan 3 keping setem bernilai 4 sen, 10 sen dan 25 sen. Setem ini menggambarkan cokmar parlimen beserta rakyat dari pelbagai keturunan sebagai lambang demokrasi berparlimen. Sampul surat hari pertama bagi memperingati peristiwa perasmian ini ialah pada 12 September 1959.



**S**empena Tahun Orang-Orang Pelarian Sedunia (*World Refugee Year*), Jabatan Pos telah mengeluarkan setem bernilai 12 sen dan 30 sen. Kedua-dua setem ini mengandungi logo 'World Refugee Year'. Sampul surat hari pertama bagi memperingati tahun tersebut ialah pada 7 April 1960.

# Tahun Orang-Orang Pelarian Sedunia



# Persidangan Penyelidikan Getah Asli Persekutuan Tanah Melayu



**S**empena memperingati Persidangan Penyelidikan Getah Asli Persekutuan Tanah Melayu, Jabatan Pos telah mengeluarkan setem bernilai 6 sen dan 30 sen. Kedua-dua setem ini menggambarkan peta Semenanjung Tanah Melayu beserta benih getah yang melambangkan maksud persidangan ini. Ini

merupakan pertama kali persidangan mengenai penyelidikan getah asli selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Sampul surat hari pertama bagi memperingati persidangan ini ialah pada 19 September 1960.

**S**empena Pertabalan DYMM Seri Paduka Yang DiPertuan Agong ketiga, Tuanku Syed Putra Ibni Al-Marhom Tuan Syed Hassan Jamalullail, Jabatan Pos telah mengeluarkan setem bernilai 10 sen yang menggambarkan wajah baginda. Baginda telah dilahirkan pada 25 November 1920 di Bandar Diraja Arau, Perlis Indera Kayangan. Baginda telah dipilih menjadi Timbalan Yang DiPertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu selepas Yang DiPertuan Agong pertama mangkat dalam bulan April 1960. Pada masa kegeringan Al-Marhom Tuanku Sultan Hishamuddin Alam Shah, Yang DiPertuan Agong kedua, baginda telah menjalankan tugas Yang DiPertuan Agong. Selepas mangkatnya Yang DiPertuan Agong kedua, baginda telah dilantik menjadi DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong ketiga oleh Majlis Raja-Raja dan ditabalkan pada 4 Januari 1961. Sampul surat hari pertama

# Pertabalan DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Ketiga



bagi memperingati peristiwa ini ialah pada 4 Januari 1961.

**S**empena Persidangan Rancangan Colombo, Jabatan Pos telah mengeluarkan setem bernilai 12 sen, 15 sen dan 30 sen. Tujuan Rancangan Colombo ini adalah untuk memberi bantuan terutamanya dalam bidang pendidikan serta bidang-bidang lain. Rancangan Colombo ini masih berterusan sehingga kini. Sampul surat hari pertama bagi memperingati persidangan ini ialah pada 30 Oktober 1961.

# Persidangan Rancangan Colombo Di Kuala Lumpur





**S**empena Kempen Mencegah Malaria Sedunia, Jabatan Pos pada masa itu telah mengeluarkan setem bernilai 25 sen, 30 sen dan 50 sen. Setem-setem ini menggambarkan seekor nyamuk beserta dengan glob yang mana pada setem itu tertulis 'The World United Against Malaria'. Sampul surat hari pertama bagi memperingati peristiwa ini ialah pada 7 April 1962.

# Kempen Mencegah Malaria Sedunia



**S**empena Bulan Bahasa Kebangsaan, Jabatan Pos telah mengeluarkan setem bernilai 10 sen, 20 sen dan 50 sen. Setem-setem ini agak unik, berbentuk tiga segi dan mengandungi cogan kata 'Bahasa Jiwa Bangsa' sebagai kempen menggunakan bahasa kebangsaan. Sampul surat hari pertama bagi memperingati peristiwa ini ialah pada 21 Julai 1962.

# Bulan Bahasa Kebangsaan



**BAHASA  
JIWA  
BANGSA**



**S**empena Pengenalan Pendidikan Percuma Peringkat Rendah, Jabatan Pos telah mengeluarkan setem bernilai 10 sen, 25 sen dan 30 sen. Ini adalah merupakan pelaksanaan dari dasar Sistem Pelajaran Kebangsaan yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran pada masa itu. Setem-setem ini menggambarkan murid-murid sekolah rendah. Sampul surat hari pertama bagi memperingati peristiwa ini ialah pada 1 Oktober 1962.

# Pengenalan Pendidikan Percuma Peringkat Rendah




**S**empena Kempen Mencegah Kelaparan, Jabatan Pos telah mengeluarkan tiga jenis setem bernilai 25 sen, 30 sen dan 50 sen. Setem-setem ini menggambarkan manusia dengan pelbagai jenis pekerjaan pertanian. Sampul surat hari pertama bagi memperingati peristiwa ini ialah pada 21 Mac 1963.

# Kempen Mencegah Kelaparan



Sempena Rancangan Hidro Letrik Cameron Highlands, Jabatan Pos telah mengeluarkan dua jenis setem iaitu bernilai 20 sen dan 30 sen. Setem-setem ini menggambarkan talian janakuasa letrik beserta empangan hidro letrik. Sampul surat hari pertama bagi memperingati peristiwa ini ialah pada 26 Jun 1963.

## Rancangan Hidro Letrik Cameron Highlands



Cadangan pertama penubuhan Malaysia ini adalah dari idea Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia pertama semasa beliau menghadiri Persidangan Akhbar di Singapura pada 27 Mei 1961.

Beliau dijemput datang ke London untuk membincangkan penubuhan Malaysia dengan lebih mendalam. Hasil dari rundingan dengan Kerajaan British, satu Suruhanjaya telah ditubuhkan dan diketuai oleh Lord Cobbold. Suruhanjaya ini diberi peranan untuk memandu penubuhan Malaysia.

Pada 3 Februari 1963, satu memorandum mengenai cadangan Malaysia telah diberikan pada Suruhanjayaini. Pada 1 Ogos 1963, penyata Suruhanjaya Cobbold telah diterbitkan. Pada dasarnya suruhanjaya ini telah bersetuju sebulat suara supaya Persekutuan Malaysia ditubuhkan.

## Penubuhan Malaysia

Segala perundingan yang dibuat bagi pembentukan Malaysia itu dipersetujui oleh Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Singapura dan Kerajaan British. Perundingan ini telah ditandatangani di London pada 8 Julai 1963. Dengan itu terbentuklah satu negara baru yang dinamakan Malaysia.

Sempena peristiwa ini, tiga jenis setem telah dikeluarkan iaitu bernilai 10 sen, 12 sen dan 50 sen. Sampul surat hari pertama bagi memperingati penubuhan Malaysia ini ialah pada 16 September 1963.



*Peristiwa*

# PENGELUARAN SAMPUL SURAT HARI PERTAMA SELEPAS MALAYSIA





# MEMPERINGATI ANNA ELEANOR ROOSEVELT

**Anna Eleanor Roosevelt** adalah seorang wanita rakyat Amerika yang telah banyak berjasa kepada tanah airnya dan juga dunia seluruhnya terutama dalam kerja-kerja sukarela serta membantu golongan minoriti dan miskin. Beliau dilahirkan di New York City pada 11 Oktober 1884. Semasa usia yang masih muda beliau telah kehilangan ibu dan ayah. Beliau telah mendapat pendidikan di Amerika dan di England. Pada tahun 1905 beliau telah berkahwin dengan sepupunya Franklin Delano Roosevelt yang pernah menjadi Presiden Amerika Syarikat. Pada 23 April 1963 Kongres Amerika Syarikat telah bersetuju untuk menubuhkan Eleanor Roosevelt Memorial Foundation. Selepas kematian suaminya pada tahun 1945, beliau terus bergiat cergas dalam kerja-kerja sosial serta mengabdikan diri pada rakyat. Beliau telah digelar oleh Presiden Truman sebagai *'First Lady of the World'*.

Eleanor Roosevelt telah memberi sumbangan yang begitu besar terhadap pergerakan wanita di Amerika Syarikat dan dunia amnya di samping beliau membantu kumpulan minoriti di dunia. Beliau pernah menjadi wakil negaranya ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga sebagai Pesuruhjaya bagi hak-hak manusia di badan dunia itu.

Jabatan Pos telah mengeluarkan setem bernilai 25 sen, 30 sen dan 50 sen. Sampul surat hari pertama bagi memperingati perjuangan beliau ini ialah pada 10 Oktober 1964.




# LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR, SUBANG

Lapangan Terbang Antarabangsa ini telah dibuka dengan rasminya pada tahun 1965. Projek Lapangan Terbang ini merupakan projek dalam Rancangan Kemajuan Lima Tahun Ke-2 oleh Kerajaan ketika itu. Kos pembinaan lapangan terbang ini melibatkan belanja lebih kurang RM52 juta. Proses pembinaannya memakan masa lebih kurang 30 bulan. Lapangan terbang ini telah dibuka dengan rasminya oleh DYMM Seri Paduka Yang DiPertuan Agong.

Kerja-kerja infrastruktur lapangan terbang ini dikendalikan oleh Kerajaan dan pihak swasta. Projek ini merupakan projek kerajaan yang terbesar pernah diadakan dan ia dianggap sebagai projek lapangan terbang yang terbesar di Asia Tenggara.

Sempena memperingati perasmian Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ini, dua jenis setem bernilai 15sen dan 30 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 30 Ogos 1965.



# TUGU KEBANGSAAN

Tugu Kebangsaan terletak di atas sebuah bukit di kawasan Taman Bunga Kuala Lumpur. Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia ketika itu menyifatkan tugu ini sebagai lambang keberanian dan pengorbanan yang ditunjukkan oleh rakyat semasa darurat selama lebih kurang dua belas tahun. Darurat merupakan ancaman komunis yang pernah berlaku di negara kita merupakan suatu peristiwa pahit yang telah mengorbankan banyak harta dan nyawa. Peristiwa ini tidak mudah dilupai bagi kita yang cintakan keamanan dan keharmonian.

Tabung untuk derma tugu kebangsaan ini telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 31 Julai 1961 yang merupakan hari ulang tahun tamatnya darurat. Kerajaan Pusat telah memberi derma sebanyak RM200 ribu bagi tujuan membina tugu kebangsaan ini. Ketinggian tugu kebangsaan ini ialah empat puluh kaki, patungnya diperbuat dari gangsa, terletak di atas sebuah tapak setinggi sebelas kaki dan keluasannya ialah empat puluh lima kaki persegi dan diperbuat dari batu mutiara zamrud yang diimport dari Norway. Tugu ini menggambarkan sekumpulan prajurit yang sedang berjuang sambil memegang bendera Malaysia. Patung-patung yang melambangkan prajurit itu ialah seberat empat belas setengah tan. Perekabentuk dan pengukir tugu ini didatangkan dari Amerika Syarikat dan Itali.

Sempena memperingati tugu kebangsaan ini Jabatan Pos telah mengeluarkan dua jenis setem bernilai 10 sen dan 20 sen yang berbentuk tiga segi. Sampul surat hari pertama ialah pada 8 Februari 1966.



# RANCANGAN MALAYSIA PERTAMA 1966 - 1970

Rancangan Malaysia Pertama merupakan strategi pembangunan jangka panjang Kerajaan yang bertujuan untuk memajukan program pembangunan, ekonomi dan sosial bagi kesejahteraan seluruh rakyat dan negara Malaysia. Pembangunan raksasa ini meliputi sektor pertanian, kesihatan luar bandar, perhubungan dan pengangkutan, pelajaran dan sistem saliran.

Di antara strategi Kerajaan ialah mempelbagaikan pengeluaran yang tidak hanya bergantung kepada pengeluaran bijih timah dan hasil pertanian getah di samping itu merancang pembangunan tenaga manusia dalam aspek latihan supaya dapat mencapai pengeluaran yang maksima. Di samping Kerajaan, pihak swasta juga disarankan bagi menajayakan rancangan ini. Agihan yang dibuat bagi memenuhi keperluan rancangan ini ialah seperti berikut:

- i. Perbelanjaan keseluruhan rancangan ini ialah lebih kurang RM10,500 juta.
- ii. Anggaran bagi perbelanjaan sektor awam ialah lebih kurang RM5,960 juta.
- iii. RM3,810 juta bagi sektor pembangunan ekonomi dan kebajikan masyarakat.
- iv. RM740 juta bagi pertahanan dan keselamatan.
- v. RM464 juta untuk pembangunan Sarawak.
- vi. RM373 juta bagi pembangunan Sabah.
- vii. Anggaran perbelanjaan sektor swasta lebih kurang berjumlah RM4,560 juta.

Rancangan Malaysia Pertama ini merupakan pelaburan jangka panjang di mana Kerajaan mahukan sektor swasta menajayakan rancangan ini secara lebih aktif dan berkesan. Sasaran Kerajaan untuk mendapatkan pulangan balik dari segi pendapatan ialah sebanyak RM1,400 juta pada tahun 1970 berbanding tahun 1965 sebanyak RM1,010 juta. Untuk menajayakan rancangan ini Kerajaan memperoleh pinjaman dan bantuan dari dalam dan luar negeri bagi menajayakan usaha murni ini.

Sempena memperingati Rancangan Malaysia Pertama ini, Jabatan Pos telah mengeluarkan lima keping setem bernilai 15 sen setiap satu. Sampul surat hari pertama bagi memperingati peristiwa ini ialah pada 1 Disember 1966.





# ULANG TAHUN KE- 100 MAJLIS NEGERI SARAWAK

Pada 8 September 1967 Majlis Undangan Negeri Sarawak telah merayakan ulang tahunnya yang keseratus. Di antara peristiwa penting yang dilalui oleh majlis ini dalam tempoh itu adalah seperti berikut:

#### Mesyuarat Majlis Negeri Sarawak

Mesyuarat	Tahun	Tempat
Pertama	1867	Bintulu
Kedua	1968	Sibu

#### Ahli Majlis Mesyuarat Sarawak 1941

Ahli rasmi	-	14 orang
Ahli tidak rasmi	-	11 orang
<b>Jumlah</b>		<b>25 orang</b>

#### Ahli Majlis Mesyuarat Sarawak 1956

Ahli rasmi	-	14 orang
Ahli yang dipilih	-	24 orang
Ahli yang dilantik	-	4 orang
Ahli tetap	-	3 orang
<b>Jumlah</b>		<b>45 orang</b>

#### Bahagian-bahagian yang mewakili ahli yang dipilih

Bahagian Pertama	-	5 orang
Bahagian Kedua	-	4 orang
Bahagian Ketiga	-	6 orang
Bahagian Keempat	-	4 orang
Bahagian Kelima	-	2 orang
Majlis Perbandaran Kuching	-	1 orang
Majlis Jajahan Sibu	-	1 orang
Majlis Jajahan Miri	-	1 orang
<b>Jumlah</b>		<b>24 orang</b>

#### Majlis Mesyuarat Negeri di bawah Perlembagaan Baru 1963

Speaker	-	1 orang
Ahli rasmi	-	3 orang
Ahli yang dipilih	-	30 orang
Ahli dilantik	-	3 orang
Ahli tetap	-	1 orang
<b>Jumlah</b>		<b>38 orang</b>

36 orang ahli yang dipilih itu dibuat secara tiga tahap, pertama, mereka yang dipilih oleh rakyat ke majlis jajahan dan Majlis-Perbandaran Kuching, tahap kedua, kelima-lima majlis penasihat bahagian dan akhir sekali ke majlis negeri. Pembahagian kerusinya adalah seperti berikut:

Majlis Penasihat Bahagian Pertama	10 ahli
Majlis Penasihat Bahagian Kedua	6 ahli
Majlis Penasihat Bahagian Ketiga	11 ahli
Majlis Penasihat Bahagian Keempat	6 ahli
Majlis Penasihat Bahagian Kelima	3 ahli
<b>Jumlah</b>	<b>36 ahli</b>

Mesyuarat pertama Majlis Negeri di bawah perlembagaan baru telah diadakan pada 4 September 1963. Di lain-lain negeri, mesyuarat negeri dikenali sebagai Majlis Mesyuarat Undangan Negeri tetapi di Sarawak hanya dinamakan Majlis Negeri sahaja.

Sempena Majlis Mesyuarat Negeri Sarawak pada tahun 1967, Jabatan Pos telah mengeluarkan dua jenis setem iaitu bernilai 15 sen dan 50 sen. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 8 September 1967.




# MINGGU PERPADUAN

Sempena minggu perpaduan ini setem yang dikeluarkan menggambarkan potret Perdana Menteri Malaysia yang pertama Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Latarbelakang yang terdapat pada setem ini ialah anyaman mengkuang pandan yang berwarna-warni. Ini merupakan satu simbolik bagi Malaysia dan ianya menggambarkan corak dan kebudayaan Malaysia. Anyaman ini membawa erti keharmonian dan perpaduan masyarakat berbilang bangsa, bahasa dan agama yang terdapat di negara ini.

Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman merupakan seorang pejuang untuk mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dan penubuhan Malaysia yang menjadi kenangan abadi di atas jasanya ini pada seluruh rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan keharmonian serta perpaduan di kalangan pelbagai kaum. Kajayaan dan kemerdekaan Malaysia yang telah dicapai sehingga hari ini adalah berasaskan kepada falsafah perpaduan yang kukuh. Walaupun di awal kemerdekaan negara kita terpaksa menghadapi pelbagai ancaman, terutamanya ancaman komunis dan masalah subersif namun segala masalah itu telah dapat diatasi dengan cara menjayakan perpaduan di kalangan pelbagai kaum di negara ini. Maka dengan itu semangat perpaduan sentiasa dipupuk dan dijaga supaya rakyat Malaysia dapat hidup dalam suasana yang penuh keamanan dan kestabilan. Justeru itu dengan adanya perpaduan pastinya negara akan membawa kemajuan dan kesempurnaan yang lebih selesa.

Hari Perpaduan yang diadakan pada 8 Februari 1969 adalah sempena hari keputeraan yang ke-66 Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Sempena minggu perpaduan negara ada tahun 1969, tiga jenis setem-bernilai 15 sen, 20 sen dan 50 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 8 Februari 1969.



# KEMPEN TAHUN BERAS KEBANGSAAN

Beras merupakan makanan utama bagi penduduk dan rakyat Malaysia. Dari kajian yang dibuat pada tahun 1960 di mana keperluan beras sebagai makanan ialah sebanyak 40% berbanding dengan makanan yang lain. Umpamanya jumlah beras yang dimakan oleh penduduk Semenanjung pada tahun 1968 ialah berjumlah 911,123 tan. Beras melibatkan penanaman padi seluas 806,940 ekar sementara 156,950 ekar ditanam dengan padi luar musim yang menghasilkan keseluruhan pengeluaran bagi tanaman ini ialah berjumlah 672,680 tan iaitu melebihi 74% daripada keperluan negara pada masa itu. Kempen Tahun Beras Kebangsaan adalah selaras dengan dasar kerajaan iaitu:

- i. menambah bekalan makanan yang perlu ke peringkat yang mencukupi.
- ii. mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki cara-cara pengeluaran serta meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar melalui lebih banyak peluang pekerjaan di sektor pertanian dengan menggunakan tanah secara lebih efektif.

Sempena Kempen Beras Kebangsaan ini, dua jenis setem bernilai 15 sen dan 75 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 8 Disember 1969.



# ULANG TAHUN KE -25 UNICEF - TAHUN MELINDUNGI KANAK-KANAK

Sejarah UNICEF bermula dengan penderitaan berjuta kanak-kanak yang terselamat dari peperangan dunia kedua. Untuk menyelamatkan nyawa mereka Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1946 telah meluluskan Ketetapan 57 bagi tujuan untuk membentuk Tabung Kanak-kanak Antarabangsa. Melalui Rancangan UNICEF lebih kurang 80 buah negara telah memberi pelbagai bantuan kepada empat belas buah negara yang telah dilanda peperangan. Pada masa itu masih ramai kanak-kanak yang terus hidup menderita sehinggalah ke hari ini yang disebabkan oleh pelbagai bencana yang menimpa mereka seperti peperangan dan sebagainya.

Program UNICEF memberi bantuan di masa dharurat dan kecemasan telah diubah kepada program bantuan dalam jangka masa panjang bagi menangani isu-isu dan masalah negara-negara sedang membangun. Kanak-kanak merupakan sumber yang penting bagi pembangunan manusia jangka panjang di sesebuah negara. Mereka perlu diberi perlindungan dan dijaga. UNICEF pada tahun 1969 memperolehi peruntukan sejumlah RM138 juta yang meliputi 200 projek untuk memberi faedah kepada kanak-kanak dan para belia bagi lapan puluh enam buah negara di dunia.

Kerajaan Malaysia telah memberi bantuan secara sukarela kepada UNICEF pada setiap tahun. Ini disebabkan Malaysia ingin menunjukkan bahawa ia menyokong tanggungjawab UNICEF serta membantunya dengan sumber-sumber kewangan. Sebaliknya pula UNICEF membantu Malaysia dengan cara mendirikan beberapa projek yang direka untuk memperbaiki kesihatan dan peluang-peluang yang lebih baik bagi kanak-kanak dan golongan remaja Malaysia.

Sempena UNICEF dua puluh lima tahun melindungi kanak-kanak, lima keping setem sebaris telah dikeluarkan. Kesemua setem ini bernilai 15 sen setiap satu. Sampul surat hari pertama bagi memperingati peristiwa ini ialah pada 2 Oktober 1971.





# BANDARAYA KUALA LUMPUR

Sejak tahun 1972 sehingga tahun 1990 empat jenis sampul surat hari pertama telah dikeluarkan mengenai pelbagai peristiwa Kuala Lumpur. Sampul surat hari pertama yang pertama ialah pada 1 Februari 1972 bertajuk Bandaraya Kuala Lumpur, kedua ialah pada 1 Februari 1974 bertajuk Memperingati Penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ketiga ialah pada 1 Februari 1984 bertajuk Memperingati Ulang Tahun Kesenepuluh Pembukaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan keempat ialah pada 14 Mei 1990 bertajuk Kuala Lumpur Bandaraya Bercahaya.

Kuala Lumpur bermula dari sebuah pekan kecil perlombongan di mana bijih timah mula dijumpai pada tahun 1857. Pada masa itu ramai orang-orang Melayu yang kebanyakannya datang dari Sumatera dan menduduki sebuah perkampungan di tempat yang sekarang ini dinamakan Jalan Silang. Mereka tinggal di kampung ini sebagai peniaga dan pelombong bijih timah. Di samping itu terdapat juga sebuah lagi kampung di antara Jalan Mountbatten (dahulunya di panggil Jalan Jawa) dan Jalan Gereja. Kampung ini ialah kampung Rawa. Tanah kuburan orang-orang di perkampungan ini adalah di kawasan Masjid Jamek yang ada sekarang yang terletak di persimpangan dua sungai iaitu Sungai Kelang dan Sungai Gombak. Tempat tersebut dahulunya dikenali sebagai 'lumpur' dan dari perkataan inilah kemudiannya dtkarkkan kepada nama yang ada sekarang iaitu Kuala Lumpur.

Sejarah menunjukkan bahawa Raja Jumaat dan adiknya Raja Abdullah iaitu kedua-duanya putera raja, telah membawa bersamanya seramai lapan puluh tiga orang buruh dari Lukut ke Kuala Lumpur dan membuka kawasan-kawasan perlombongan. Dengan berkembangnya usaha perlombongan ini ramai lagi buruh telah dibawa ke kawasan tersebut. Dengan berkembangnya masyarakat Cina timbullah keperluan bagi melantik seorang ketua di antara mereka yang digelar Kapitan Cina yang bertanggungjawab menjaga keamanan dalam masyarakat tersebut. Hanya pada tahun 1868 baharulah Yap Ah Loy menjadi Kapitan Cina. Kuala Lumpur berkembang secara perlahan dari sebuah pekan perlombongan bijih pada tahun 1857 sehinggalah taraf yang ada sekarang ini iaitu dengan terbertuknya Wilayah Persekutuan. Dengan perkembangan yang pesat dalam perusahaan bijih timah, jumlah penduduk di Kuala Lumpur telah meningkat kepada dua ribu orang pada tahun 1878.



Dalam tahun 1880 ibu negeri bagi Negeri Selangor telah dipindahkan dari Kelang ke Kuala Lumpur dan dalam tahun 1887 terdapat sebanyak 518 buah rumah batu dengan jumlah penduduk lebih kurang empat ribu orang. Landasan keretapi telah dibina di antara Kuala Lumpur dengan Kelang. Setelah Negeri-negeri Melayu Bersekutu terbentuk, Kuala Lumpur dipilih sebagai ibu negeri bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang berharga RM152 ribu telah dibuka dengan rasminya pada tahun 1897. Kemudian Kuala Lumpur telah dipilih menjadi pusat kepada Majlis Persekutuan pada tahun 1909.

Selepas perang dunia, Kuala Lumpur telah dipilih sebagai ibu negeri kepada *Malayan Union* dan semenjak itu ia kekal sebagai ibu negeri kepada Persekutuan Tanah Melayu dan seterusnya negara Malaysia.

Pada 1 Februari 1972, taraf Kuala Lumpur telah dinaikkan kepada Bandaraya dengan ketua pentadbirnya bergelar Datuk Bandar. Penubuhan Wilayah Persekutuan dibawah Perlembagaan (Pindaan No.2) 1973 telah dikuatkuasakan pada 1 Februari 1974. Dengan tertubuhnya Wilayah Persekutuan Bandaraya Kuala Lumpur telah diberi kedudukan istimewa sebagai ibu negara Malaysia.

Sampul surat hari pertama mengenai penubuhan Kuala Lumpur sebagai bandaraya ialah pada 1 Februari 1972 beserta setem bernilai 25 sen dan 50 sen. Sempena memperingati penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sampul surat hari pertamanya ialah pada 1 Februari 1974 beserta setem bernilai 25 sen dan 50 sen. Sepuluh tahun kemudiannya iaitu pada 1 Februari 1984 sampul surat hari pertama sempena memperingati ulang tahun kesepuluh penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dikeluarkan beserta setem bernilai 20 sen, 40 sen dan 80 sen. Pada 14 Mei 1990 sampul surat hari pertama bertajuk Kuala Lumpur Bandaraya Taman Bercahaya beserta setem bernilai 20 sen, 40 sen dan RM1 telah dikeluarkan.





# KEMERDEKAAN DAN PENUBUHAN MALAYSIA

Sejak bermulanya kemerdekaan pada tahun 1957 sehingga 1962, sebanyak lima keluaran sampul surat hari pertama yang berkaitan dengan peristiwa kemerdekaan dan penubuhan Malaysia telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertama beserta setem bernilai 10 sen telah dikeluarkan pada 31 Ogos 1957 bertajuk 'sempena hari kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu', kedua ialah pada 31 Ogos 1967 beserta setem bernilai 15 sen dan 50 sen bertajuk 'sepuluh tahun merdeka', ketiganya ialah pada 31 Ogos 1973 beserta setem bernilai 10 sen, 15 sen dan 50 sen bertajuk 'ulang tahun kesepuluh Malaysia (1963-1973)', keempatnya ialah pada 31 Ogos 1982 beserta setem bernilai 10 sen, 15 sen, 50 sen dan 80 sen bertajuk 'dua puluh lima tahun Malaysia merdeka' dan kelima ialah pada 31 Ogos 1988 beserta setem bernilai 20 sen dan RM1 bertajuk 'ulang tahun ke-dua puluh lima kemerdekaan Sabah dalam Malaysia'.

## **Ke Arah Kemerdekaan.**

Sebagai langkah penting menuju ke arah kemerdekaan, satu sistem ahli (*member*) telah diperkenalkan pada tahun 1951. Di bawah sistem ini sebahagian daripada ahli-ahli majlis mesyuarat kerajaan pada hakikatnya ialah menjadi menteri yang dilantik bagi menjalankan tanggungjawab kerajaan. Tahun 1955 adalah merupakan tahun yang amat penting dalam menuju ke arah kemerdekaan kerana dalam tahun itu pilihanraya umum pertama telah diadakan di seluruh negara bagi majlis mesyuarat undangan Kerajaan Persekutuan. Di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman parti perikatan yang terdiri dari Parti UMNO, MCA dan MIC telah memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Tunku Abdul Rahman telah menjadi Ketua Menteri bagi Persekutuan Tanah Melayu. Beliau telah menerajui sistem pemerintahan pada bulan Ogos 1955 dengan taraf berkerajaan sendiri.

Bagi mencapai tujuan ini anggota-anggota suruhannya perlembagaan telah dilantik, tidak berapa lama kemudiannya suruhannya ini dipengerusikan oleh Lord Reid dan diminta untuk mengesyorkan satu perlembagaan persekutuan bertujuan untuk mencapai ke arah negara demokrasi berparlimen.

## **Detik-detik Kemerdekaan.**

Pada bulan Disember 1956 Tunku Abdul Rahman bertolak ke London bagi mengetahui rombongan kemerdekaan yang terdiri daripada wakil-wakil parti perikatan dan juga wakil-wakil raja-raja Melayu bagi membincangkan serta mendapatkan persetujuan akhir kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Justeru itu, persetujuan telah dicapai di London yang mana Persekutuan Tanah Melayu akan mencapai kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957.

Kemerdekaan yang diperolehi itu adalah berasaskan kepada cita-cita yang berteraskan kerjasama dan perpaduan di antara pelbagai kaum. Dengan adanya semangat perpaduan dan kerjasama ini, maka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu berjaya dibentuk dan diterima dengan mudah oleh rakyat berbilang kaum pada masa itu. Di bawah perlembagaan baru itu, Persekutuan Tanah Melayu

diketuai oleh seorang raja yang dilantik di kalangan raja-raja Melayu dan ianya bergelar Yang DiPertuan Agung untuk memerintah selama tempoh 5 tahun secara bergilir-gilir. Tuanku Abdul Rahman ibni Al-Marhum Tuanku Mohamad, Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan telah dipilih sebagai Yang DiPertuan Agung Persekutuan Tanah Melayu yang pertama dan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah dilantik sebagai Perdana Menteri yang pertama.



## **Pembentukan Malaysia.**

Cadangan awal bagi penubuhan Malaysia yang terdiri dari Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Singapura dan Brunei adalah datangnya dari idea Tunku Abdul Rahman semasa beliau berucap dalam satu majlis perjumpaan dengan wartawan - wartawan Asia Tenggara di Singapura pada 27 Mei 1961. Cadangannya itu telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dari semua pihak. Ekoran peristiwa itu pelbagai usaha positif telah diadakan dari semasa ke semasa yang mana akhirnya pada 16 September 1963 terbentuklah negara baru yang bernama MALAYSIA tanpa penyertaan Brunei. Penubuhan Persekutuan Malaysia ini telah mendapat reaksi yang kurang menyenangkan dari negara jiran. Akhirnya pada 9 Ogos 1965 Singapura pula telah keluar dari pertubuhan Malaysia dengan persetujuan kedua-dua belah pihak. Sabah mencapai kemerdekaan menerusi Malaysia pada 16 September 1963. Sejak Sabah memasuki Malaysia, tidak dapat dinafikan pelbagai pembangunan telah dicapai bagi memajukan negeri Sabah dan juga untuk memenuhi kepentingan rakyat dan penduduk Sabah keseluruhannya.

Sabah dan Sarawak mencapai kemerdekaan menerusi penubuhan Malaysia. Sejak kedua-dua negeri tersebut memasuki Malaysia, pelbagai pembangunan telah dilaksanakan bagi memajukan Sabah dan Sarawak serta rakyat Malaysia amnya.









# TAHUN WANITA ANTARABANGSA

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah menetapkan tahun 1975 sebagai Tahun Wanita Antarabangsa. Tiga tujuan utama pergerakan wanita ialah:-

- i. Untuk memajukan persamaan hak antara kaum lelaki dan wanita.
- ii. Untuk menentukan penglibatan sepenuhnya kaum wanita dalam usaha pembangunan terutamanya dengan menekankan tanggungjawab dan peranan mereka dalam kegiatan ekonomi, sosial dan kebudayaan di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.
- iii. Untuk mengiktiraf sumbangan kaum wanita bagi mengekalkan keamanan di seluruh dunia.

Majlis Pertubuhan Wanita Malaysia pada tahun yang sama (1975) ialah bagi memajukan program wanita antarabangsa. Majlis ini terdiri dari pelbagai pertubuhan wanita yang mewakili kaum wanita seperti kebajikan, politik, agama, kesatuan sekerja dan lain-lain lagi. Peranan majlis ini ialah merapatkan semua pertubuhan wanita supaya mereka dapat bekerjasama untuk meningkatkan taraf kemajuan kaum wanita dan kanak-kanak.

Sempena memperingati penubuhan Tahun Wanita Antarabangsa, sampul surat hari pertamanya ialah pada 25 Ogos 1975 beserta setem bernilai 10 sen, 15 sen dan 50 sen.




# MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN

Dalam tahun 1951 iaitu sebelum Tunku menjadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, beliau telah mengilhamkan supaya Pertandingan Membaca Al-Quran diadakan di negeri Kedah bagi memilih Qari dan Qariah yang terbaik dari segi pembacaan Al-Quran. Apabila beliau menjadi Perdana Menteri, rancangannya itu telah dilaksanakan tetapi hanya bagi negeri Kedah dan negeri Johor sahaja. Pada tahun 1960 pembacaan Al-Quran peringkat kebangsaan telah diadakan. Musabaqah ini berterusan pada setiap tahun apabila menjelang bulan Ramadhan. Ini diikuti oleh Muzabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa. Tujuan mengadakan muzabaqah ini ialah untuk meninggikan syiar Islam di samping menghayati pembacaannya dengan betul dari segi tajwid, lagu, fasahah dan suara.

Pada tahun 1967 iaitu setelah empat belas abad turunnya Al-Quran terdapat dua kali bulan Ramadhan. Oleh yang demikian Musabaqah Membaca Al-Quran telah diadakan sebanyak dua kali. Pada tahun 1969 sebanyak 23 negara Islam telah diundang untuk datang ke Kuala Lumpur di mana peristiwa ini merupakan kali pertama negara-negara Islam bersidang di peringkat kerajaan. Hasil dari perjumpaan ini dijadikan sebagai asas untuk membentuk persidangan negara-negara Islam secara rasmi di Rabat, Maghribi. Sebagai mengenang jasa Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia ketika itu telah diantik menjadi Setiausaha Agung Persidangan Bagi Negara-negara Islam.

Sempena memperingati Muzabaqah Membaca Al-Quran bagi tahun 1975 sampul surat hari pertamanya ialah pada 22 September 1975 beserta lima keping setem bernilai 15 sen setiap satu. Setem ini menggambarkan masjid-masjid yang terdapat di Malaysia iaitu Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar, Perak, Masjid Zahir di Alor Setar, Kedah, Masjid Negara Kuala Lumpur, Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bharu, Johor, dan Masjid Negeri Kuching, Sarawak.




# ULANG TAHUN KE-25 KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ditubuhkan bertujuan untuk memberikan faedah simpanan wang kepada golongan pekerja. Ini adalah merupakan satu bentuk keselamatan sosial bagi pekerja serta memberi peluang kepada pekerja dan majikan untuk mencarum dalam Kumpulan Wang ini sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sekim ini mula diperkenalkan pada tahun 1951. Faedah kumpulan wang simpanan pekerja di bawah Ordinan Kumpulan Wang Simpanan ini hanya diperkenalkan kepada pekerja bagi mereka yang bekerja untuk majikan yang sama secara terus menerus selama tiga bulan serta mendapat gaji tidak melebihi RM400.00 sebulan dalam pekerjaan berjadual yang tertentu. Demi untuk memperbaiki simpanan pekerja, pindaan demi pindaan telah dilakukan terhadap Ordinan Simpanan Wang Pekerja.

Wang Simpanan Pekerja hanya dibenarkan dikeluarkan dari simpanannya setelah seseorang pekerja itu mencapai had umur 55 tahun. Walau bagaimanapun wang simpanan pekerja itu boleh dibenarkan pengeluarannya setelah seseorang pekerja itu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh peraturan dan undang-undang tertentu.

Sempena memperingati ulang tahun kedua puluh lima Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini, tiga jenis setem telah dikeluarkan iaitu bernilai 10 sen, 25 sen dan 50 sen. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 18 Oktober 1976



# MEMORI TUN ABDUL RAZAK

Bekas Perdana Menteri Kedua, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak (1922-76) telah banyak berkorban untuk Malaysia hinggalah ke akhir hayatnya. Tidak ada lain yang difikirkan oleh Allahyarham melainkan mengenai kebahagiaan dan masa hadapan rakyat Malaysia. Kematianya pada 14 Januari 1976 di London, adalah suatu kehilangan besar kepada negara serta rakyat Malaysia. Tun Abdul Razak telah banyak berjasa kepada negara dan rakyat Malaysia sehingga Malaysia begitu dikenali dan dihormati oleh dunia antarabangsa. Beliau seorang yang cintakan keamanan dan kestabilan negara bagi rakyat yang berbilang kaum di negara ini.

Setem-setem sejenis bernilai 15 sen yang terdapat pada sampul surat hari pertama yang dikeluarkan pada 14 Januari 1977 menggambarkan sebahagian daripada perjuangannya serta kemajuan negara yang telah dicapai di bawah pimpinannya.





# ULANG TAHUN KE-21 FELDA

**Felda (Federal Land Development Authority)** telah ditubuhkan pada tahun 1956 di bawah Ordinan Pembangunan Tanah. Peringkat awalnya sebanyak 14 rancangan tanah telah dibuka di sepanjang tahun 1957 hingga 1960. Rancangan **FELDA** yang pertama ialah di Lembah Bilut, Pahang. Kemudian diikuti oleh Rancangan **FELDA** yang lain seperti **FELDA** Kg. L.B Johnson dan Sendayan, Negeri Sembilan dan lain-lain lagi di Semenanjung Malaysia.

Dalam Rancangan Malaysia Pertama (1961-1970) **FELDA** telah memajukan tanah seluas 141 ribu ekar. Dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) **FELDA** telah memajukan pula seluas 412,000 ekar tanah dan menempatkan seramai 14,272 keluarga peneroka. Matlamat **FELDA** dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) ialah membuka rancangan tanah seluas 350,000 ekar. Pada akhir tahun 1976 **FELDA** telahpun memajukan seluas 812,684 ekar tanah serta telah menempatkan seramai 39,836 keluarga peneroka dalam 186 rancangan. **FELDA** telah mewujudkan satu proses tranformasi yang begitu besar pada masyarakat dan negara khususnya pada masyarakat **FELDA** sendiri dan realitinya boleh kita lihat sehingga ke hari ini di mana-mana sahaja Rancangan **FELDA**. Senario pembangunan tanah ini telah menimbulkan kesan dari segi ekonomi, politik dan sosial pada hari ini.

Sempena memperingati peristiwa ulang tahun ke dua puluh satu **FELDA**, dua jenis setem telah dikeluarkan iaitu bernilai 15 sen dan 30 sen. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 7 Julai 1977.





# PALESTIN

Perjuangan rakyat Palestin untuk mendapatkan kembali hak mutlak mereka serta hak untuk menubuhkan kembali sebuah negara Palestin adalah menjadi asas pertikaian (Arab/Israel) berikutan dengan tertubuhnya Negara Israel dalam tahun 1948. Sejak itu perjuangan rakyat Palestin telah menjadi satu isu pertama antarabangsa yang dikemukakan oleh negara-negara Arab khususnya di forum-forum antarabangsa terutamanya di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Persidangan Negara-negara Berkecuali dan Pertubuhan Persidangan Islam.

Perjuangan rakyat Palestin mula muncul dalam politik antarabangsa apabila pertubuhan pembebasan Palestin mendapat restu Persidangan Kemuncak Arab (1964) yang mengiktirafnya sebagai wakil tunggal yang sah kepada perjuangan tersebut. Kegiatan perjuangan rakyat Palestin diperhebatkan lagi sehingga Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam ketetapanannya (1974) mengiktiraf masalah Palestin sebagai perjuangan pembebasan rakyat Palestin dan tidak semata-mata masalah orang-orang pelarian Palestin. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam tahun 1974 telah memberikan Pertubuhan Pembebasan Palestin taraf pemerhati tetap di Perhimpunan Agungnya dan persidangan-persidangan di bawah anjurannya. Di antara ketetapan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan dengan perkara tersebut ialah Ketetapan 242 Tahun 1967, Ketetapan 252 Tahun 1968 dan Ketetapan 267 Tahun 1969. Pertubuhan Pembebasan Palestin telah membuka perwakilan-perwakilan di beberapa buah negara termasuk Malaysia untuk memperluaskan dakwah tentang perjuangan rakyat Palestin.

Pengeluaran setem-setem kenangan Palestin untuk memperingati perjuangan rakyat Palestin adalah sesuai dengan ketetapan yang dibuat oleh Pertubuhan Persidangan Islam sebagai menandakan perpaduan Islam dengan perjuangan rakyat Palestin. Malaysia telah memilih hari Al-Aqsa pada 21 Ogos untuk pengeluaran pertama setem-setem Palestin memandangkan betapa pentingnya masjid Al-Aqsa kepada umat Islam seluruhnya dan betapa peristiwa pencabulan ke atasnya pada tahun 1969 telah mendorong negara-negara Islam untuk memperkuatkan sokongan mereka terhadap konflik (Arab/Israel) dan memperluaskan kerjasama politik, perdagangan dan kebudayaan antara mereka. Bagi memperingati perjuangan rakyat Palestin ini terdapat dua jenis sampul surat hari pertama telah dikeluarkan yang iaitu pada 21 Ogos 1978 beserta setem bernilai 15 sen dan 30 sen manakala pada 21 Ogos 1982 beserta setem 15 sen dan RM1. Kesemua setem itu menggambarkan masjid Al-Aqsa.




# SERATUS TAHUN GETAH ASLI

Pokok getah atau dikenali juga dengan panggilan pokok para atau nama saintifiknya '*hevea brasiliensis*' tiba di Malaya pada tahun 1877. Tanaman ini tidak menarik minat orang ramai semasa mula-mula ia ditanam di Botanic Garden, Singapura dan di halaman kediaman Residen British di Kuala Kangsar, Perak. Selepas ianya diperkenalkan terdapat lebih 50% tanaman yang ditanam dengan getah di Persekutuan Tanah Melayu dan 25% pendapatan negara adalah dihasilkan dari pengeluaran getah. Malaysia merupakan pengeluar utama getah asli di dunia dan menyumbang sebanyak 1.6 juta tan iaitu 45% dari pengeluaran dunia.

Penjajah British mengambil keputusan bagi mendapatkan biji-biji getah dari Lembah Amazon, Brazil bertujuan untuk menanam biji-biji getah tersebut di tanah-tanah jajahannya di Asia kerana iklim yang terdapat di Lembah Amazon itu hampir menyerupai iklim beberapa tempat di kawasan Asia khususnya Asia Tenggara. Percubaan awal mereka menemui kegagalan sehingga tahun 1876 apabila Henry Wickham, seorang pengembara telah dihantar oleh Royal Botanic Garden untuk memungut sebanyak 70,000 biji getah dari kawasan Tapajos untuk dibawa ke Kew, England. Hanya 2,700 pokok sahaja yang hidup dan dihantar ke Sri Lanka. Bekalan pertama sebanyak 50 batang pokok dari Sri Lanka telah dihantar ke Singapura untuk ditanam telah menemui kegagalan disebabkan oleh kelewatan. Bekalan kedua ialah sebanyak 22 batang pokok getah sekali lagi telah dihantar ke Singapura pada tahun 1877. Sebahagian dari pokok getah ini ditanam di Botanic Garden, Singapura dan sebahagiannya lagi ditanam di halaman rumah Presiden British di Kuala Kangsar.

Pada mulanya penanaman pokok getah tidak mendapat sambutan kerana tanaman tebu dan kopi masih lagi mendapat pasaran yang baik di dunia. Pada tahun 1888 seorang ahli Botanic bernama Henry Nicholas Ridley telah dilantik menjadi Pengarah Botanic Garden di Singapura pada masa itu bagi memajukan perusahaan getah. Beliau telah memperkenalkan cara torehan 'excision' iaitu satu penemuan yang berguna menggantikan torehan 'incision' yang menggunakan kapak yang mana cara ini boleh merosakkan pokok getah.


Sempena memperingati seratus tahun getah asli ini, tiga jenis setem telah dikeluarkan iaitu setem bernilai 10 sen, 20 sen dan 75 sen. Sampul surat hari pertama bagi peristiwa ini ialah pada 28 November 1978



# PERASMIAN BANDAR BARU SHAH ALAM

Shah Alam asalnya dikenali dengan nama Batu Tiga atau Sungai Rengam. Ia telah dimajukan sebagai kawasan perdagangan dan perusahaan pada tahun 1952. Bandar ini telah dirancang bagi menempatkan seramai lebih kurang 100 ribu orang. Kerajaan Negeri Selangor telah membuat keputusan menjadikan Bandar Shah Alam sebagai ibu negerinya yang baru dalam tahun 1964. Dalam tahun 1972 suatu kajian telah dibuat iaitu kajian di Lembah Kelang. Menurut kajian ini Shah Alam boleh menampung penduduk seramai 300 ribu orang menjelang tahun 1990. Bagaimanapun kerajaan negeri telah mengkaji semula cadangan itu dan mahukan penduduk yang menetap di Shah Alam dikurangkan seramai lebih kurang 200 ribu orang supaya dengan jumlah itu ianya dapat diuruskan dengan sempurna. Ibu negeri Selangor dari Kelang telah dipindahkan ke Kuala Lumpur pada tahun 1880. Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor terus ditempatkan di Kuala Lumpur. Kerajaan Negeri merasakan adalah perlu pusat pentadbirannya dipindahkan ke tempat lain iaitu Shah Alam kerana Kuala Lumpur menjadi pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Sempena pembukaan rasmi Bandar Baru Shah Alam ini, tiga jenis setem telah dikeluarkan iaitu bernilai 10sen, 30sen dan 75sen. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 7 Disember 1978.





# BANK NEGARA MALAYSIA

Sejak 1971 sehingga 1984 terdapat tiga keluaran sampul surat-han pertama mengenai Bank Negara Malaysia. Pertama ialah pada 15 Mei 1971 bertajuk Pembukaan Rasmi Bangunan Baru Bank Negara Malaysia, kedua ialah pada 26 Januari 1979 bertajuk Peristiwa Ulang Tahun Kedua Puluh Lima Bank Negara Malaysia. Ketiga ialah pada 26 Januari 1984 bagi memperingati Ulang Tahun Kedua puluh Lima Bank Negara Malaysia.

Pada dasarnya Bank Negara Malaysia ditubuhkan adalah berasaskan kepada cadangan-cadangan awal yang terkandung dalam Laporan Watson-Caine (1956), ekoran dari cadangan ini, Ordinan Bank Negara Malaysia telah dibentuk dalam tahun 1968 yang kemudiannya tertubuh dengan rasminya Bank Negara pada 26 Januari 1969.

Di antara tujuan utama Bank Negara ialah mengeluarkan matawang dalam Persekutuan dan menyimpan cadangan bagi menjaga nilai matawang dan menjadi banker serta penasihat kewangan kepada kerajaan seterusnya mempengaruhi keadaan kredit bagi kepentingan kerajaan. Setem-setem yang dikeluarkan pada tahun 1971 ialah bernilai 25 sen dan 50 sen manakala setem yang dikeluarkan pada tahun 1979 ialah 10 sen dan 75 sen dan pada tahun 1984 bernilai 20 sen dan RM1.



# TAHUN ANTARABANGSA KANAK-KANAK

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah meluluskan satu resolusi iaitu pada tahun 1979 sebagai tahun antarabangsa bagi kanak-kanak. Malaysia tidak ketinggalan menyambut tahun antarabangsa kanak-kanak yang diisytiharkan itu. Bagi memenuhi tujuan ini dalam tahun 1978 Malaysia telah memperuntukkan sejumlah wang yang begitu besar iaitu sebanyak RM2,857 juta dibelanjakan bagi memberi kemudahan kesihatan, pelajaran, kebajikan dan perancangan sumber tenaga manusia termasuk juga keperluan asas bagi ibu-ibu dan kanak-kanak.

Kerajaan Malaysia juga telah mengadakan satu badan penyelaras jawatankuasa peringkat kebangsaan dan badan ini telah melantik jawatankuasa kecil seperti kesihatan, pelajaran, kebajikan masyarakat, alam sekitar, undang-undang dan perancangan yang bertujuan untuk melaksanakan program-program bagi menentukan kanak-kanak di negara ini memperoleh kesihatan serta mendapat perlindungan yang sewajarnya bagi melahirkan masyarakat penyayang.


Sempena peristiwa tahun antarabangsa kanak-kanak ini tiga jenis setem telah dikeluarkan iaitu bernilai 10 sen, 15 sen dan RM1. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 24 Februari 1979.



# MAAL HIJRAH

Hijrah merupakan suatu peristiwa yang paling bersejarah bagi seluruh umat Islam di serata dunia. Sempena memperingati peristiwa yang dilakukan oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W dari Kota Mekah ke Kota Madinah beserta para sahabat telah mengingati kita kembali akan perjuangan dan pengorbanan baginda 15 abad yang lalu demi untuk mencari kebenaran. Pada setiap tahun umat Islam pasti menyambut kedatangan tahun Hijrah, peristiwa ini telah memberi pengertian yang begitu mendalam terhadap umat Islam kerana Hijrah yang dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W. itu telah membawa suatu proses tranformasi kepada kehidupan manusia dan segi fizikal dan juga persekitarannya.

Sempena memperingati abad ke-15 Hijrah, dua jenis setem pos kenang-kenangan telah dikeluarkan bernilai 15 sen dan 50 sen. Kedua-dua setem itu mengandungi huruf jawi yang berbunyi 'ha' yang bermakna hijrah di samping terdapat gambar kaabah di Mekah. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 9 November 1980.



# ULANG TAHUN KE-50 ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengandungi 3 perkhidmatan bersenjata iaitu Tentera Darat, Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM).

Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia ialah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong dan baginda mengendalikan tugas ini atas nasihat kabinet atau Menteri Pertahanan. Menteri Pertahanan bertanggungjawab kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong dan kabinet mengenai segala keputusan, dasar keselamatan dan pertahanan serta menentukan bahawa dasar tersebut dilaksanakan oleh angkatan tentera.

Majlis Angkatan Tentera terdiri daripada seorang wakil Majlis Raja-Raja, Panglima Angkatan Tentera dan semua Panglima Perkhidmatan. Kuasa tertinggi ini bertanggungjawab memerintah, mengawal dan bertindak angkatan tentera kecuali dalam hal-hal yang melibatkan keselamatan sebenarnya. Tanggungjawab perancangan dan gerakan telah diwakilkan kepada Jawatankuasa Panglima-panglima. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Panglima Angkatan Tentera dan merupakan badan tertinggi profesional ketenteraan yang bertanggungjawab kepada Menteri Pertahanan mengenai semua hal gerakan yang berkaitan dengan angkatan tentera. Bagi maksud kekesanan dan kecekapan, angkatan tentera dibahagikan kepada beberapa jabatan dan bahagian yang mempunyai fungsi-fungsi yang tersendiri.

Sejarah Tentera Darat bermula dengan penubuhan pasukan pertama bila 25 orang anak watan yang bersemangat waja memasuki skuad percubaan Askar Melayu pada 1 Mac 1933 di Port Dickson, Negeri Sembilan. Hasrat menubuhkan pasukan percubaan pertama ini terbentuk ketika persidangan perundangan Jawatankuasa Persekutuan pada tahun 1913 tetapi terbiar begitu sahaja kerana Perang Dunia Pertama. Cadangan ini telah dikemukakan sekali lagi selepas perang dalam tahun 1920 tetapi tidak diambil berat oleh British kerana mereka tidak yakin pemuda Melayu bersemangat atau berupaya memasuki tentera. Bagaimanapun hampir 12 tahun kemudian, pada 13 September 1932, Ibu Pejabat Perang (War Office) di London bersetuju membentuk skuad percubaan pasukan Askar Melayu. Maka pada 1 Mac 1933, 25 orang pemuda telah dipilih menjalani latihan ketenteraan dan mereka pun menjadi kumpulan pertama tentera di negara kita.

Tentera Laut DiRaja Malaysia telah ditubuhkan dalam tahun 1939 oleh Kerajaan British untuk keselamatan kawasan perairan Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura. Pada mulanya ia dipanggil Seksyen Melayu Royal Navi yang terdiri daripada 400 orang pemuda yang menerima latihan HMS Pelanduk Pengkalan Royal Navi Singapura. Cogan kata mereka ialah 'Sedia Berkorban'. Seksyen Melayu ini berkembang menjadi 1,450 orang dalam tahun

1942. Pada ada akhir Perang Dunia Kedua cuma 650 orang sahaja melapurkan diri bertugas selepas berjujur di bawah bendera Royal Navi di Lautan Hindi dan Pasifik. Kerajaan British telah membubarkan seksyen ini dalam tahun 1947. Pada 23 Mei 1952 Ratu England telah menganugerahkan gelaran 'DiRaja' kepada Tentera Laut Malaysia dan selepas itu dipanggil Tentera Laut DiRaja Malaysia. Nama ini bertukar sekali lagi menjadi Tentera Laut DiRaja Malaysia apabila terbentuknya Persekutuan Malaysia 16 September 1963.

Tentera Udara DiRaja Malaysia telah ditubuhkan di Pengkalan Royal Air Force Kuala Lumpur pada 2 Jun 1958. Sejarah Tentera Udara bermula dengan ketibaan kapalterbang pertamanya jenis Twin Pioneer buatan Scottish Aviation. Anggota Tentera Udara telah diambil daripada *Malayan Auxiliary Air Force*. Sekolah Latihan Penerbangan telah ditubuhkan di Kuala Lumpur pada bulan Disember 1958. Stesen Royal Air Force di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur telah diserahkan kepada Tentera Udara DiRaja Malaysia pada 25 Oktober 1960. TUDM telah membeli helikopter dalam bulan Ogos 1963 dan pesawat *Dart Herald* dalam bulan November 1963. Satu pengkalan yang baru telah dibina di Kuantan pada bulan April 1967 bagi menampung keperluan sokongan udara yang semakin bertambah. Satu lagi pengkalan udara di Kuching telah didirikan pada akhir tahun 1967 yang bertindak sebagai ibu pejabat gerakan TUDM di Sarawak.

Sempena memperingati peristiwa ulang tahun Angkatan Tentera ini, 4 jenis setem telah dikeluarkan iaitu bernilai 15 sen, 20 sen, 40 sen dan 80 sen serta lembaran mini yang mengandungi keempat-empat setem. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 16 September 1983.





# ULANG TAHUN KE-10 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Labuan terdiri dari gugusan pulau-pulau, diantaranya ialah Kuraman, Daat, Papan, Rusukan Besar, Rusukan Kecil dan Burung Luas Pulau Labuan ialah lebih kurang 92 km persegi. Pulau Labuan terletak di bahagian barat laut Sabah dan terpisah sejauh lebih kurang 8 km dari tanah besar Sabah. Ia boleh dihubungi dari Kota Kinabalu melalui udara yang memakan masa hanya setengah jam sahaja. Sebelum menjadi sebahagian daripada Malaysia, Pulau Labuan bersamalah lain-lain bahagian Sabah merupakan tanah jajahan British sejak beberapa tahun lalu. Penduduk Labuan terdiri dari pelbagai kumpulan etnik. Labuan sejak dahulu lagi terkenal sebagai sebuah pelabuhan yang indah. Ia adalah sebuah pelabuhan bebas cukai yang juga merupakan pelabuhan kedua terbesar di negeri Sabah. Pulau Labuan mengendalikan pelbagai corak dagangan termasuk dagangan tukar barang yang sangat digemari oleh pedagang-pedagang kecil di daerah itu. Pulau Labuan juga terkenal sebagai tempat pelancongan yang menarik dan kerap dikunjungi oleh pelancong-pelancong asing yang gemarkan keindahan alam semula jadi.

Perindustrian juga pesat membangun di pulau ini terutama sekali di kawasan perindustrian Ranca-ranca. Pulau Labuan mengeksport tepung dan bahan-bahan makanan ternakan. Pulau ini juga berpotensi mengeluarkan barangan penting seperti gas petrol cecair, *sponge-iron* dan *methanol*. Pada 18 April 1984 satu lagi peristiwa penting dalam sejarah Malaysia iaitu apabila Pulau Labuan menjadi Wilayah Persekutuan. Semoga dengan langkah ini Pulau Labuan akan mengalami perubahan dalam pembangunan yang lebih pesat di masa-masa yang akan datang.

Sempena memperingati peristiwa pembukaan Wilayah Persekutuan Labuan ini, dua jenis setem telah dikeluarkan bernilai 20 sen dan RM1 dan sampul surat hari pertama bagi memperingati peristiwa ini ialah pada 16 April 1984.



# PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA

Pusat Daya Pengeluaran Negara diperbadankan pada tahun 1966. Ia merupakan sebuah badan berkanun mulai 1 Mac 1966. Antara tujuan penubuhan Pusat Daya Pengeluaran Negara adalah seperti berikut:

- Memaju dan memperbaiki serta meninggikan mutu pengurusan, penyediaan kepada sektor awam dan swasta.
- Memperbaiki kecekapan perusahaan dengan memberi perhatian khusus pada kaedah-kaedah peningkatan produktiviti.
- Berkhidmat sebagai forum untuk membincangkan masalah-pengurusan.
- Melaksanakan perkhidmatan perundingan dan nasihat-pengurusan.

## Peranan Baru

Dalam tahun 1964 peranan dan tugas Pusat Daya Pengeluaran Negara adalah seperti berikut:

- Menjadi satu institusi ulung pembangunan tenaga manusia di bidang pengurusan, perniagaan dan keusahawan.
- Menjadi penganjur, penggalak dan penyebar konsep dan amalan produktiviti di seluruh negara.
- Menjadi institusi penghasil pakar-pakar dan kepakaran tempatan di bidang produktiviti, pengurusan dan keusahawan.

## Tahun Produktiviti

Tahun 1966 telah diisytiharkan sebagai Tahun Produktiviti. Pengisytiharan ini adalah mengambil sempena ulang tahun ke-20 Majlis Daya Pengeluaran Negara. Tahun Produktiviti ini juga merupakan acara kemuncak Kempen Produktiviti yang mula dilaksanakan dalam tahun 1963 di mana Rancangan Kempen Lima Tahun digubal dan dilaksanakan.

Tujuan kempen ialah untuk memperkenalkan konsep produktiviti kepada masyarakat. Pada tahun kedua kempen diberi penekanan kepada keurtungan melalui produktiviti. Manakala tahun-tahun ketiga dan keempat pula penekanan diberi kepada cara-cara dan kaedah untuk meningkatkan produktiviti. Tema Tahun Produktiviti ialah 'Anda Produktif Anda Makmur'.

## Pertubuhan Produktiviti ASIA

Pertubuhan Produktiviti ASIA diwujudkan melalui konvensyen pada tahun 1961 sebagai satu pertubuhan serantau di antara beberapa buah negara di ASIA. Tujuannya adalah untuk membantu mempercepatkan pembangunan ekonomi di rantau ASIA melalui kerjasama dan pakatan di antara negara-negara ahli bagi meningkatkan produktiviti negara-masing-masing melalui:

- Penyebaran kesedaran produktiviti.
- Penyebaran maklumat semasa berkaitan dengan teknik-teknik peningkatan produktiviti di sektor-sektor pertanian, industri dan perkhidmatan.
- Menjalankan tugas sebagai 'think-thank dan catalys', penasihat, penubuh institusi dan berperanan sebagai pusat-

penyebaran maklumat dalam peningkatan produktiviti.

Pertubuhan ini diwakili oleh 16 buah negara ASIA yang terdiri dari Taiwan, Jepun, India, Korea, Hong Kong, Indonesia, Thailand, Singapura, Fiji, Bangladesh, Sri Lanka, Pakistan, Filipina, Nepal, Iran dan Malaysia.

Sempena ulang tahun ke-20 Majlis Daya Pengeluaran Negara dan tahun produktiviti serta ulang tahun Produktiviti ASIA tiga jenis setem bernilai 20 sen, 40 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 3 November 1966.



# HARI BELIA ANTARABANGSA

Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengisytiharkan tahun 1965 sebagai Tahun Belia Antarabangsa. Sempena dengan pengisytiharan itu Malaysia turut merayakan Tahun Belia Antarabangsa di peringkat kebangsaan. Malaysia turut mengambil peranan yang aktif dalam rancangan dan program perayaan ini. Bagaimanapun sambutan perayaan ini terbahagi kepada tiga peringkat iaitu di peringkat kebangsaan, peringkat zon yang melibatkan negara negara ASEAN dan peringkat antarabangsa yang mana masing-masing mempunyai program perayaan tertentu semasa menyambut perayaan Tahun Belia Antarabangsa 1965 di peringkat masing-masing. Umpamanya di peringkat antarabangsa, mengadakan khemah kerja belia antarabangsa yang mana objektifnya ialah untuk meningkatkan kefahaman dan tali persaudaraan di antara belia-belia dari pelbagai negara di dunia. Turut juga diadakan ialah program latihan belia di Kuala Kubu Bharu serta mengadakan perhimpunan belia antarabangsa yang bertemakan 'Penyeriaan, Pembangunan dan Keamanan'.

Sempena memperingati Hari Belia Antarabangsa ini, dua jenis setem bernilai 20 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 15 Mei 1965.



# PERISYTIHARAN MELAKA, BANDAR BERSEJARAH

**Melaka** negeri yang tertua di Malaysia. Ia mengandungi peninggalan dan warisan sejarah negara yang kaya bermula dari zaman kesultanan Melayu Melaka, Portugis, Belanda, Inggeris, Jepun, perjuangan nasionalisme hinggalah ke peristiwa perisytiharan tarikh kemerdekaan negara Malaysia. Memandangkan kekayaan sejarah yang berbagai-bagai ini, Konvensyen Perisytiharan Melaka sebagai Bandar Bersejarah pada 15 April 1989 telah merumuskan bahawa Kerajaan Persekutuan mengiktiraf Melaka sebagai Bandaraya Bersejarah di Malaysia. Dengan pengiktirafan ini Kerajaan Negeri Melaka akan dapat bertindak dengan lebih berkesan. Pengiktirafan ini kelak akan meletakkan Malaysia sebaris dengan negara-negara yang telah mempunyai Bandaraya Bersejarah seperti Maghribi dengan Bandaraya Bersejarah Fez, Portugal dengan Bandaraya Bersejarah Lisbon dan Itali dengan Bandaraya Bersejarah Venice. Ia kelak akan lebih memasyhurkan nama Malaysia di mata dunia dan akan menjadi warisan seluruh rakyat Malaysia yang cintakan negara. Maka untuk memenuhi cita-cita dan aspirasi ini Kerajaan Persekutuan Malaysia telah bersetuju dengan rasmnya untuk mengisytiharkan Melaka yang kaya dengan sejarahnya sebagai Bandaraya Bersejarah pada 15 April 1989.

## Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan

Proklamasi kemerdekaan pada 20 Februari 1956 oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah diumumkan di padang Bandar Hilir (Padang Pahlawan) Melaka. Bagi memperingati detik bersejarah ini, kerajaan Melaka telah memilih bangunan Kelab Melaka untuk dijadikan 'Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan'. Sejak 31 Ogos 1985 bangunan lama (bina pada 1911) ini telah menjadi pusat pameran yang mengandungi bahan-bahan peristiwa bersejarah mengenai perjuangan kemerdekaan negara. Bahan pameran mengandungi dokumentasi bersejarah, gambar, pita, majalah, rakaman ucapan penting, mint mesyuarat dan lain-lain yang akan dapat menimbulkan kesedaran generasi sekarang akan perjuangan rakyat menuntut kemerdekaan.


## Porta De Santiago

*Porta De Santiago* adalah satu dari empat pintu gerbang kota Portugis yang mengelilingi Bukit St. Paul. Semasa peperangan di antara Portugis dan Belanda pada tahun 1641 kotanya telah mengalami kerosakan. Belanda telah membaiki kota tersebut dan kerja pembaikannya selesai pada tahun 1670. Apabila British mengambil alih Melaka pada tahun 1795 mereka memecahkan keseluruhan kota tersebut. Bagaimanapun campurtangan Stamford Raffles telah dapat menyelamatkan pintu gerbang ini.

## Istana Kesultanan Melayu Melaka

Bangunan ini merupakan replika istana kesultanan Melayu Melaka yang didirikan di satu kawasan kompleks sejarah yang paling strategik di negeri ini. Di istana inilah tempat menapaknya kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka dan tamadun Melayu. Bangunan Replika Istana Kesultanan Melayu ini merupakan Muzium Budaya yang mempamerkan khazanah Melayu Melaka.

Sempena pengisytiharan Melaka Bandaraya Bersejarah tiga jenis setem telah dikeluarkan bernilai 20 sen menggambarkan istana kesultanan Melaka dan menggambarkan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan sementara setem bernilai RM1 menggambarkan Kota *Porta De Santiago*. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 15 April 1989.





# PERAYAAN KE-250 TAHUN, ALOR SETAR

**Bandar** Alor Setar merayakan ulang tahun kedua ratus lima puluh pada 2 Jun 1990. Perayaan yang diadakan secara besar-besaran ini menyingkap kembali sejarah penubuhannya. Mungkin tidak ramai daripada kita terutamanya generasi muda yang mengetahui latar belakang bandar ini yang kini telah berubah wajah dengan arus pembangunan yang begitu pesat.

Pada awalnya Alor Setar hanyalah sebuah kampung dengan beberapa buah rumah yang terletak di Muara dua batang sungai. Apabila Baginda Sultan Muhammad Jiwa Adilin Muadzam Shah menjumpai kampung ini, baginda begitu tertarik sekali. Baginda Sultan telah memindahkan pusat pemerintahannya dari Istana Bukit Pinang ke kampung ini. Sejak itu kampung tersebut mula membangun dan menjadi pusat pemerintahan Kerajaan Negeri Kedah Darulaman. Nama Alor Setar berasal dari dua nama yang digabungkan sempena dengan nama sebatang alor dan seponon pokok Setak atau Setar. Sebelum Siam menyerahkan Kedah kepada Inggeris dalam tahun 1909, orang-orang Melayu menggunakan sebuah pengkalan di kuala alor tersebut untuk memunggah barang-barang dagangan harian dan perahu-perahu mereka ditambat di pohon tersebut. Jika dahulu hanya terdapat beberapa deret kedai di Pekan Melayu, Pekan Cina dan Jalan Raja, kini Alor Setar bertukar wajah dengan munculnya gedung-gedung perniagaan dan pasaraya-pasaraya. Pekan Rabu turut berubah dan gerai-gerai papan kini menjadi kompleks bertingkat dan moden. Kepentingan bandar Alor Setar dari segi sosio ekonomi tidak dapat dinafikan sebagai pusat pentadbiran, agama dan perdagangan serta perniagaan bagi Negeri Kedah Darulaman. Sejarah pembukaan bandar ini bagitu berkesan ke atas perkembangan dan kemajuannya sehingga ke hari ini.

Sempena perayaan kedua ratus lima puluh tahun Alor Setar, tiga jenis setem bernilai 20 sen, 40 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 2 Jun 1990.



# ULANG TAHUN KE-25 MARA

Tahun 1963, RIDA atau 'Rural and Industrial Development Authority' ditubuhkan dengan tujuan untuk membangun dan memajukan masyarakat di kawasan luar bandar. Ia wujud sebagai wadah kerajaan untuk memperbaiki kehidupan penduduk kampung melalui pembangunan sosial, ekonomi dan infrastruktur. Kongres ekonomi bumiputera pertama yang diadakan di Kuala Lumpur dalam tahun 1965 meluluskan resolusi agar RIDA disusun semula. Maka pada 1 Mac 1966 lahirlah MARA atau Majlis Amanah Rakyat dengan amanah untuk menggalakkan, membimbing, melatih dan membantu bumiputera serta menjalankan usaha pembangunan ekonomi dan kemasyarakatan ke arah pembentukan satu masyarakat usahawan dan peniaga bumiputera yang kukuh dan berdaya.


MARA terus meluaskan kegiatannya melalui program dan aktiviti yang dirancang merangkumi pelbagai bidang sosial dan pendidikan, ekonomi serta pelaburan. Setiap satunya diletakkan di bawah program utama untuk kemudahan perancangan dan pelaksanaan projek dengan lebih berkesan. Program-program MARA disusun mengikut bidang pembangunan tertentu dan bertindak sebagai penggerak nadi pembangunan bumiputera. Bermula daripada kanak-kanak sekolah yang mempunyai bakat sehinggalah ke usahawan yang berpotensi. Bagi program usahawan pula kegiatannya ialah dengan menyediakan pelbagai kemudahan yang merangkumi setiap aspek dalam pembangunan usahawan. Ia merupakan satu pendekatan bersepadu yang sangat berkesan dalam usaha MARA membantu usahawan menjayakan perusahaannya mereka. Program pendidikan pula dirancang dengan kesedaran bahawa sumber pembangunan tenaga manusia adalah penting dalam setiap program pembangunan. Pelbagai program pendidikan dirancang dan diatur oleh MARA yang terdiri dari pelbagai peringkat iaitu bermula dari pendidikan secara formal pada tahap sekolah menengah sehinggalah kepada latihan bukan formal untuk belia dan orang-orang dewasa yang umurnya sudah melebihi 40 tahun.

Di samping program pendidikan Yayasan Pelajaran MARA atau YPM ditubuhkan dengan tujuan untuk menjalankan usaha-usaha pendidikan sokongan bagi lepasan-lepasan sekolah menengah untuk keluar negeri pada peringkat pengajian A Level, American Associate Degree dan Split Degree Programme dengan konsortium sebuah universiti di United Kingdom.

Sebagai usaha untuk merapatkan kawasan luar bandar dengan bandar, kemudahan pengangkutan melalui kenderaan bas MARA diadakan. Selain itu kemudahan pengangkutan ini memberi kemudahan kepada kanak-kanak di luar bandar yang berulang alik ke sekolah dan pengangkutan awam. Bagi meletakkan asas dalam mewujudkan masyarakat bumiputera yang kukuh, MARA menubuhkan syarikat-syarikat sebagai langkah memperkukuhkan lagi kejayaan awalnya bagi memajukan satu masyarakat usahawan bumiputera. Antara industri yang diceburi oleh MARA ialah industri pengangkutan, tekstil, lombungan, perladangan, perkayuan, bot

pelancongan dan kilang kasut. Sejak MARA ditubuhkan ia telah meninggalkan kesan pencapaian yang membanggakan. Namun begitu lebih banyak lagi perlu dilaksanakan oleh pihak MARA untuk memajukan usahawan bumiputera.

Sempena perayaan 25 tahun MARA tiga jenis setem bernilai 20 sen, 40 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 25 April 1991.



# BEKAS-BEKAS PERDANA MENTERI MALAYSIA



Sejak negara mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957 hingga 1961, 3 negarawan telah menerajui pemerintahan negara. YTM Tun Abdul Rahman Putra Al-Haj adalah Perdana Menteri Pertama (1957-1970), Tun Abdul Razak bin Dato Hussein menjadi Perdana Menteri Kedua (1970-1976) dan Tun Hussein bin Dato' Onn sebagai Perdana Menteri Ketiga (1976-1981) Ketiga-tiga bekas Perdana Menteri Malaysia berasal dari keluarga terkenal. YTM Tunku adalah putera Sultan Kedah Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Tun Abdul Razak adalah anak sulung kepada Dato Hussein bin Mohd. Taib sementara Tun Hussein adalah anak sulung kepada Dato' Onn bin Jaafar, pengasas UMNO.

Dengan bertatrabelakang akademik yang tinggi dalam bidang undang-undang dan ekonomi, mereka pernah berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam sebelum menceburi arena politik tanah air. Mereka mempunyai semangat nasionalisme dan perjuangan yang kuat. YTM Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Pengerusi UMNO menggantikan Dato Onn Jaafar pada 26 Ogos 1951. Dalam usaha beliau untuk menyelesaikan masalah politik Tanah Melayu dan dengan kerjasama semua kaum, maka lahirah Parti Perikatan dalam tahun 1955. Dalam pilihanraya pertama, Parti Perikatan di bawah pimpinan beliau, telah mencapai kejayaan dan sekaligus YTM dilantik sebagai Ketua Menteri dan Menteri Dalam Negeri. Usaha-usaha ke arah kemerdekaan dteruskan dan akhirnya pada 31 Ogos 1957 negara telah memperolehi kemerdekaan melalui meja perundingan. Pada tarikh yang sama YTM Tunku telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Dibawah pimpinan YTM Tunku, Malaysia telah ditubuhkan dalam tahun 1963. Memandang jasa dan pengorbanan YTM ke arah kemerdekaan, YTM Tunku digelar sebagai 'Bapa Kemerdekaan'.

Tun Abdul Razak juga menceburi diri dalam arena politik tanah air setelah berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Pahang buat seketika. Tun Abdul Razak pernah menjadi Ketua Pemuda UMNO dan Naib Pengerusi UMNO. Sebelum menjadi Perdana Menteri beliau telah menjawat jawatan Menteri Pelajaran, Menteri Pertahanan, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Timbalan Perdana Menteri. Tun Abdul Razak telah memperkenalkan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Beliau juga bertanggungjawab merangka dasar pembangunan yang dikenali sebagai 'Buku Merah'. Bersama YTM Tunku, Tun Abdul Razak telah merintis pembentukan Malaysia. Ketokohan Tun Abdul Razak lebih tersejarah apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan pada tahun 1971 sebaik sahaja beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia pada bulan September 1970. Pembentukan Barisan Nasional pada 1 Januari 1973 adalah hasil pemikiran dinamis Tun Abdul Razak. Sumbangan beliau kepada negara dalam rangka pembangunan negara dan luar bandar telah mendapat pengiktirafan dan beliau digelar sebagai 'Bapa Pembangunan'.

Karier politik Tun Hussein Onn bermula apabila beliau diberikan tugas sebagai Ketua Pemuda UMNO yang pertama pada tahun 1949 dan kemudian menjadi Setiausaha Agung UMNO. Pada tahun 1970 beliau dilantik menjadi Menteri Pelajaran dan menjadi Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam. Kewibawaan beliau melaksanakan tugas-tugas dengan berkesan menaikkan kedudukan politik beliau dalam masa yang amat singkat. Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri pada 15 Januari 1976. Semasa menerajui Kerajaan, Tun Hussein Onn menitikberatkan paduan negara dengan usaha-usaha mengimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum. Pada 20 April 1981 Skim Amanah Saham Nasional dilancarkan. Beliau telah memberi perhatian serius kepada konsep Rukun Tetangga dan kepada usaha memerangi dadah. Kerana jasa jasanya memelihara kerukunan hidup dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, beliau dikenal sebagai 'Bapa Perpaduan'.

Ketiga-tiga bekas Perdana Menteri telah kembali ke rahmatullah. Negara kehilangan 3 negarawan ulung yang telah membawa negara ke arah kemakmuran, kesejahteraan dan kestabilan. Sempena memperingati bekas Perdana Menteri Malaysia ini 3 jenis setem bernilai RM1 setiap satu telah dikeluarkan yang menggambarkan potret tiga bekas Perdana Menteri. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 30 Ogos 1991.



# PAMERAN MARITIM DAN UDARA ANTARABANGSA LANGKAWI 1993

Suatu cadangan untuk mengadakan pameran maritim dan udara antarabangsa telah dicadangkan dan dikemukakan kepada pihak kerajaan pada tahun 1990. Cadangan tersebut telah dipersetujui kerana lanya adalah selaras dengan program kerajaan untuk membangunkan teknologi maritim dan udara dalam negeri. Kerajaan telah mencadangkan supaya pameran tersebut diadakan di Pulau Langkawi, sebuah pulau di utara Semenanjung Malaysia.

Tujuan mengadakan pertunjukan pameran tersebut ialah untuk membangunkan pulau tersebut secara komersial terutama dalam bidang maritim dan udara dan pada masa yang sama mempromosikan pulau tersebut sebagai destinasi pelancongan yang popular. Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa yang pertama (LIMA-91) telah berlangsung di Pulau Langkawi dari 11 hingga 15 November 1991.

Pameran LIMA '93 yang kedua ini berlangsung pada bulan Disember 1993. Pihak penganjur, Le Proton Lima Sdn. Bhd. menganggarkan sebanyak 380 syarikat daripada 30 buah negara mengambil bahagian dalam pameran tersebut. Pameran udara berlangsung di Pusat Pameran Antarabangsa Langkawi yang baru di Lapangan Terbang Langkawi sementara pameran Maritim pula berlangsung di Jeti Terapung di Kuah yang terletak di sebelah tenggara Pulau Langkawi.

Di antara pesawat udara yang dipamerkan adalah *Aerospañabia TBN 700*, *Bel 214 ST* dan *Bel Gemini Helikopter*, *British Aerospace Hawk Trainer*, *MD-11*, *Falcon 2000*, *Mirage*, *MI-29* dan pesawat pejuang *F-A-18*. Bagi pameran maritim pula lebih kurang 30 buah kapal laut dari luar negeri termasuk kapal laut tertera laut diraja Malaysia turut dipertunjukkan. Pelbagai model kapal perangin juga dipamerkan di jeti Kuah. Pesawat *Eagle X-TS* dan *SME MD3 160*, kedua-duanya diperbuat di Malaysia juga dipamerkan.

*Eagle X-TS* ialah sejenis kapalterbang ringan yang dilengkapi dengan 'canard wing' dan diperbuat dari gantian karbon dan Kevlar bermutu tinggi. Sementara *SME -MD3-160* pula ialah sejenis kapalterbang dengan dua tempat duduk diperbuat keseluruhannya dari logam dan direkabentuk untuk penerbangan kegunaan masa lapang dan juga untuk latihan asas Aerobatik. Keunikan bentuk pesawat ini ialah para rekabentuk modular dan seni bina kerangka pesawat udara tersebut di mana beberapa komponennya boleh ditukar ganti.

Bagi menjayakan LIMA '93 pihak penganjur telah melantik pelbagai organisasi bagi mengendalikan bidang-bidang tertentu. Pos Malaysia merasa bangga dengan perantikan Pos Laju - National Courier - Perkhidmatan Courier yang dijalankan oleh Pos Malaysia sebagai Courier rasmi bagi LIMA '93.

Sempena LIMA '93 tiga jenis setem bernilai 30 sen, 50 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 7 Disember 1993.





# TAHUN ANTARABANGSA PERLINDUNGAN BAGI YANG TIDAK BERUMAH

Tahun 1987 telah diisytiharkan sebagai tahun antarabangsa Perlindungan Bagi Yang Tidak Berumah oleh Bangsa-Bangsa Bersatu. Malaysia merupakan salah sebuah negara yang menyokong perisytiharan ini. Tujuan perisytiharan ini adalah untuk memberi fokus kepada masalah golongan yang tidak mempunyai kemudahan perlindungan dan tempat kediaman yang sempurna. Di samping itu tahun antarabangsa ini ditetapkan demi untuk mewujudkan kesedaran pihak kerajaan/organisasi yang terlibat dalam memperbaharui dan meningkatkan lagi usaha untuk menyediakan serta memperbaiki kemudahan dan suasana tempat kediaman rakyat di sesebuah negara.

Bagi Malaysia pula Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang dijalankan adalah selaras dengan falsafah Tahun Antarabangsa Perlindungan Bagi Yang Tidak Berumah. Bagi golongan yang berpendapatan rendah dengan pembinaan perumahan kos rendah di kawasan bandar dan luar bandar dan juga pembangunan kawasan-kawasan setingan.

Selaras dengan ini sebuah projek yang dinamakan NADI telah dilaksanakan di Wilayah Persekutuan yang bertujuan untuk memperbaiki keadaan hidup dan meningkatkan tahap sosio ekonomi golongan yang berpendapatan rendah terutama di kawasan setingan. Kerajaan juga telah memberikan keutamaan kepada golongan yang berpendapatan kurang daripada RM750 sebulan untuk memiliki rumah kos rendah. Oleh itu pembinaan sebanyak 80,000 unit rumah kos rendah setiap tahun bagi tempoh 1986-1988 merupakan komitmen kerajaan terhadap memenuhi keperluan asas dan kebajikan rakyat. Kerajaan juga telah melaksanakan rancangan-rancangan bagi penyusunan semula kampung-kampung tradisi dan pembangunan kampung-kampung baru yang bertujuan untuk mewujudkan kawasan penempatan manusia yang lebih berdaya maju dan selesa bagi meningkatkan taraf sosio ekonomi mereka.

Sebagai tanda sokongan dan penglibatan kerajaan Malaysia terhadap falsafah Tahun Antarabangsa Perlindungan Bagi Yang Tidak Berumah, satu seminar tentang Tahun Antarabangsa Perlindungan Bagi Yang Tidak Berumah diadakan di negara ini pada 6 April 1987. Ia bertujuan untuk meningkatkan lagi kesedaran dan penglibatan semua pihak terhadap program serta falsafah Tahun Antarabangsa Perlindungan Bagi Yang Tidak Berumah di negara ini.

Sempena peristiwa ini dua jenis setem bernilai 20 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 6 April 1987.



TAHUN ANTARABANGSA PERLINDUNGAN BAGI YANG TIDAK BERUMAH 1987  
MALAYSIA 20¢



TAHUN ANTARABANGSA PERLINDUNGAN BAGI YANG TIDAK BERUMAH 1987  
MALAYSIA \$1

# PERAYAAN SABAH 100 TAHUN

Perayaan Sabah 100 Tahun menandakan tercapainya impian pembangunan sosial, ekonomi dan politik. Sabah dalam jangka waktu 100 tahun bermula dalam tahun 1881 apabila Sabah telah menjadi tanah jajahan di bawah Sistem Pemerintahan British atau *Chartered Company*. Perayaan 100 tahun ini bermula pada 1 Januari 1981 di Penampang dan ia telah berlangsung di seluruh daerah termasuk daerah-daerah kecil di Sabah. Kemuncak perayaan ini ialah di Kota Kinabalu pada 31 Ogos 1981 iaitu sempena Hari Kebangsaan. Semua perayaan yang diadakan itu berbentuk pesta rakyat kecuali di Kota Kinabalu di mana perayaan itu adalah berbentuk ekspso yang dikenali dengan nama Ekspo 100 Tahun.


## Sejarah Ringkas Negeri Sabah

- 1881 Kerajaan British memberikan piagam kepada *North Borneo Provisional Association Limited* untuk mentadbir Borneo Utara (Sabah).
- 1882 *British North Borneo Company* ditubuhkan untuk membiayai kos pentadbiran Borneo Utara. Borneo Utara menjadi negeri di bawah perlindungan British.
- 1896 Keretapi diperkenalkan di Sabah dan pantai barat dibuka untuk ladang getah.
- 1942 Jepun menawan Borneo Utara.
- 1945 Jepun menyerah kalah.
- 1946 Pemerintah tentera menyerahkan Borneo Utara kepada sebuah kerajaan awam dan Borneo Utara menjadi tanah jajahan British.
- 1946 Borneo Utara telah diperintah oleh seorang Gabenor dibantu oleh sebuah Majlis Penasihat, Majlis Mesyuarat Kerja dan Majlis Perundangan. Majlis Bandar dan Majlis Daerah ditubuhkan. Majlis daerah pertama telah ditubuhkan di Kota Belud pada 1 Januari 1962.
- 1961 Parti Politik pertama iaitu Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO) telah ditubuhkan dan dipimpin oleh Datuk Donald Stephens. Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) kemudiannya ditubuhkan oleh Tun Datu Mustapha bin Datu Harun.
- 1962 Pilihanraya diadakan buat pertama kalinya untuk kerusi-kerusi dalam majlis-majlis tempatan. Perikatan Sabah (UNKO dan USNO) telah mendapat kejayaan yang gemilang. Ini telah menguatkan sokongan terhadap pembentukan Malaysia.
- 1963 Pembentukan Malaysia. Datuk Donald Stephens (Allahyarham Tun Datu Haji Mohd. Fuad Stephens) menjadi Ketua Menteri Sabah pertama. Borneo Utara dengan rasminya dikenali sebagai Sabah.

1976

Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA) mengambil alih kuasa pemerintahan dari Parti Perikatan Sabah apabila ia memenangi pilihanraya yang diadakan. Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah memerintah Negeri Sabah setelah memenangi sekali lagi dalam pilihanraya yang diadakan dalam tahun 1981.

Sempena memperingati peristiwa 100 tahun Sabah dua jenis setem bernilai 15 sen dan 80 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 31 Ogos 1981.




# TAMADUN ISLAM SEDUNIA

**Semenjak** kelahiran Islam pada 1415 tahun yang lalu, ia telah memberi sumbangan yang begitu besar kepada dunia keseluruhannya. Namun begitu adalah sungguh menghairankan kerana sumbangan ini masih tidak mendapat pengiktirafan mereka yang berada di luar lingkungan pengaruhnya. Berasaskan kepada prinsip menukar kegelapan kepada cahaya, Islam adalah satu tamadun yang memberi penekanan utama kepada pengetahuan demi untuk menghapuskan kejahilan dan menyemarakkan kemajuan. Hari ini ketika dunia Islam merayakan Maal Hijrah 1415 dan bersempena Tahun Melawat Malaysia 1994 Malaysia berasa bangga menawarkan satu festival unik yang mempamerkan sumbangan Islam kepada tamadun dunia serta menjadi tuan rumah kepada perhimpunan sarjana-sarjana terkemuka Islam.


Festival Tamadun Islam Sedunia ini mengenehkan sejarah kegemilangan tamadun Islam menerusi pameran-pameran, artefak, dokumen-dokumen, tayangan-tayangan video pelbagai imej, demonstrasi kraftangan tradisional dan penyediaan makanan masyarakat-masyarakat Islam di seluruh dunia. Syarahan-syarahan pendidikan yang menarik juga disampaikan oleh sarjana-sarjana Islam dan lain-lain tokoh terkemuka di dunia. Pada sebelah malam festival itu para pengunjung dapat menyaksikan persembahan bunyi dan cahaya yang hebat mengenai moral-moral Islam. Para pengunjung berpeluang membeli cenderamata menarik yang diopta dengan motif-motif Islam yang mewakili negara-negara Islam yang mengambil bahagian.

Sempena memperingati Festival Tamadun Islam Sedunia ini empat jenis setem bernilai 20 sen, 30 sen, 50 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 17 Jun 1994.

MALAYSIA 20¢




MALAYSIA 30¢



MALAYSIA 50¢



MALAYSIA RM1



# B A B 14



*Tenaga, Telekom Dan Pos*



# PENGELUARAN PETROLEUM DI MALAYSIA



**S**ejarah minyak di Malaysia bermula dalam abad ke-19. Rakyat Sabah dan Sarawak telah lama menyedari kewujudan serapan minyak atau yang mereka gelar 'minyak tanah'. Di beberapa tempat di kedua-dua negeri tersebut khususnya di sekitar perkampungan Miri, masyarakat Melayu tempatan mengumpul minyak itu dan menggunakannya untuk tujuan perubatan kemudian bagi menyalakan lampu dan juga untuk dicampurkan dengan damar bagi menampal perahu.

Bagaimanapun penghasilan minyak di Miri secara komersial hanya bermula pada awal abad berikutnya iaitu apabila Syarikat Minyak Anglo Saxon diberi hak sepenuhnya untuk menjalankan kegiatan eksplorasi sumber-sumber petroleum di seluruh negeri Sarawak. Pengerudian bermula dalam bulan Ogos 1910 dan minyak ditemui dalam bulan Disember dalam tahun yang sama. Walaupun pengeluaran harian pada peringkat awalnya hanyalah sebanyak 83 tong namun ini disifatkan sebagai titik permulaan industri petroleum di Malaysia.

Kejayaan eksplorasi di Miri ini menggalakkan lebih banyak aktiviti mencari medan minyak di daratan Sabah dan Sarawak. Sungguhpun terdapat kesan-kesan kawasan yang mengandungi minyak, tetapi jumlah yang terkumpul didapati tidak berdaya maju untuk menjalankan kerja-kerja pengerudian. Setakat ini telaga minyak di Miri adalah merupakan telaga minyak negara yang tunggal di daratan dan dalam tempoh usia kira-kira 62 tahun, telaga itu telah mengeluarkan lebih 80 juta tong minyak.

Menjelang tahun-tahun 1950an, usaha mencari sumber-sumber minyak mula tertumpu di kawasan-kawasan luar pantai. Tindakan ini mula berhasil dalam awal tahun 1960an apabila minyak dalam jumlah yang banyak ditemui di dua buah kawasan di luar pantai Sarawak. Ini diikuti dengan beberapa penemuan medan minyak dan gas di perairan Sabah dan Semenanjung Malaysia. Medan minyak luar pantai Malaysia yang pertama mengeluarkan hasil ialah di Lutong Barat di luar pantai Sarawak dalam bulan Jun

1968. Berikutan penubuhan PETRONAS atau Petroleum Nasional Berhad pada 17 Ogos 1974 sebagai perbadanan petroleum negara, simpanan minyak dan gas asli negara meningkat dengan ketara. Sehingga 1 Januari 1985, simpanan minyak negara yang dapat dipastikan dianggarkan sebanyak 3.1 billion tong sementara simpanan gas aslinya dianggarkan sebanyak 53 trilion kaki padu. Pengeluaran purata minyak mentah Malaysia dalam tahun 1984 ialah 440,000 tong sehari. Kini gas asli juga memainkan peranan yang penting dalam kegiatan ekonomi negara. Dalam tahun 1984 Malaysia telah mengeluarkan sebanyak 1090 juta kaki padu gas sehari dan sebahagian besar darinya diproses menjadi gas asli cecair atau LNG untuk dieksport. Malaysia kini ialah negara pengeksport bersih (*net*) petroleum, satu kebanggaan bagi Malaysia sejak 1976.

Sempena pengeluaran petroleum di Malaysia, tiga jenis setem bernilai 15 sen, 20 sen dan RMI telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah 4 November 1985.

# PELANCARAN EKSPORT LNG BINTULU, SARAWAK



**B**

ulan Januari 1983 menandakan satu mercu ke arah pembangunan industri petroleum Malaysia dengan penghantaran kargo pertama gas asli cecair LNG ke Jepun. Projek LNG ini adalah penting disemadikan dalam ingatan semua rakyat Malaysia yang bukan sahaja kerana ianya merupakan projek yang terbesar yang pernah dikendalikan oleh negara malahan ianya adalah salah satu logi LNG yang terbesar di dunia. Malaysia telah memasuki peringkat pertama bagi pembangunan dengan perancangan yang teliti industri gas aslinya bagi memenuhi kehendak-kehendak tempatan dan juga pasaran antarabangsa.

Untuk memastikan kejayaan pelaksanaan projek LNG ini, Shell dan Mitsubishi Corporation telah dipilih sebagai dua rakan perkongsian yang kukuh berdasarkan kepada rekod-rekod mereka selama ini. Selepas satu perundingan yang agak lama pada 31 Mac 1978, PETRONAS telah menandatangani perjanjian usaha sama dengan kedua-dua-syarikat tersebut yang membawa

kepada penubuhan Malaysia LNG Sdn. Bhd. (MLNG). Pada 14 Jun 1978 dengan modal yang dibenarkan sebanyak RM700 juta dan modal berbayar sebanyak RM600 juta, PETRONAS yang mewakili Kerajaan Malaysia memegang saham sebanyak 65%.

Malaysia sekarang telah melangkah setapak lagi dalam usahanya untuk memperluaskan ekonominya dengan menitikberatkan industri-industri yang berasaskan sumber asli seperti Projek LNG Sarawak ini. Berserta dengan penglibatan Kerajaan dalam pengeluaran minyak yang telah sedia ada, projek LNG ini dalam masa yang singkat menjadi tumpuan bagi industri petroleum untuk memenuhi permintaan bahan-bahan pembakar lain selain daripada minyak. Lain-lain pengguna gas yang berpotensi dalam dunia ini pada masa hadapan akan menumpukan perhatian mereka kepada pembekal-pembekal baru gas asli cecair yang sedang berkembang ini dalam usaha untuk mengekalkan tali persahabatan dan kegemilangan seperti yang telah terjalin

di antara Malaysia dengan Jepun.

Sempena pelancaran gas asli cecair Bintulu, Sarawak ini, tiga jenis setem bernilai 15 sen, 20 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 22 Januari 1983.



MALAYSIA LNG SDN. BHD.

# ULANG TAHUN KE-25 LEMBAGA LETRIK NEGARA




**B**ekalan elektrik awam yang pertama di negara ini telah bermula dalam tahun 1904 di Pulau Pinang. Setahun kemudian diikuti oleh Kuala Lumpur bagi tujuan untuk memberi bekalan elektrik kepada beberapa buah rumah Kerajaan dan juga bagi menyediakan lampu-lampu jalanan di bandar. Pada 1 Januari 1927 Kerajaan telah menubuhkan Jabatan Letrik yang bertanggungjawab terhadap bekalan letrik bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Asalnya Jabatan Letrik terletak di bawah Jabatan Kerja Raya. Namun begitu syarikat swasta yang lain turut juga membantu mengadakan penjanaaan letrik sendiri bagi tujuan untuk memenuhi keperluan tenaga terutama sekali dalam sektor perusahaan melombong bijih.

Menjelang meletusnya Perang Dunia Ke-2, jumlah keupayaan tenaga di Semenanjung Malaysia ialah sebanyak 140 mw. Perang Dunia Ke-2 telah mengakibatkan kemusnahan penjanaaan kuasa letrik sebanyak 60% bagi keseluruhan bekalan letrik. Tugas utama

Lembaga Letrik Negara ialah mengalakkan penjanaaan tenaga letrik dengan tujuan untuk membangunkan ekonomi negara. Lembaga Letrik Negara telah memainkan peranannya untuk memberi bekalan tenaga yang cukup keserata tempat di seluruh Malaysia. Perancangan juga dibuat bagi memenuhi

keperluan tenaga di masa-masa yang akan datang.

Sempena ulang tahun ke-25 Lembaga Letrik Negara dua jenis setem bernilai 30 sen dan 75 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah 1 September 1974.



# STESEN JANALETRIK SULTAN ISMAIL, PAKA, DUNGUN, TERENGGANU

Malaysia 20¢

STESEN JANALETRIK SULTAN ISMAIL, PAKA, DUNGUN, TERENGGANU



Malaysia \$1

STESEN JANALETRIK SULTAN ISMAIL, PAKA, DUNGUN, TERENGGANU



## S

etesen Janaletrik Sultan Ismail di Paka, Dungun, Negeri Terengganu Darul Iman berharga lebih kurang RM870 juta. Ia merupakan setesen pertama dibina oleh Lembaga Letrik Negara yang menggunakan gas asli sebagai bahan api utama. Setesen ini dibina atas tapak seluas 87.4 hektar dengan keupayaan 900 mw dan merupakan janakuasa letrik kitarpadu yang terbesar dalam rancangan ASEAN. Fasa pertama projek ini melibatkan pembinaan tiga blok kitarpadu yang setiap satu berkeupayaan mengeluarkan tenaga sebanyak 300 mw. Setiap blok mengandungi 2 unit turbin gas dan tiap-tiap satu mengandungi 100 mw, dua unit dandang pemulihan haba dan semit turbin stim mengandungi 100 mw. Dalam konsep kitarpadu, pembakaran gas dalam turbin janakuasa gas mengeluarkan tenaga sejumlah 1/3 dari jumlah kemasukan bahan api. Tenaga selebihnya dilepaskan ke dalam dandang pemulihan haba yang mengeluarkan stim untuk menggerakkan turbin janakuasa stim yang menjanakan tenaga tambahan setengah dari yang

dijana oleh kedua unit turbin gas.

Bagi Stesen Janakuasa Letrik Sultan Ismail, kecekapan blok kitarpadu pada keseluruhannya adalah kira-kira 46% dan ini merupakan kecekapan yang paling tinggi yang pernah dicapai oleh sesebuah setesen janaletrik dalam Sistem Lembaga Letrik Negara. Turbin-turbin gas ini juga boleh dikendalikan dengan cara kitar terbuka melalui sistem paip. Sistem air penyejukan mengandungi sebuah rumah pam yang terletak di tepi pantai. 6 buah pam air edar keliling dipasang diruang dalam rumah pam. Air laut untuk penyejukan disalurkan melalui dua batang paip konkrit bertetulang sepanjang 650 meter dengan garispusat 2.4 meter yang diletakkan di dasar laut. Selepas penyejukan air ini dibuang semula ke laut melalui dua paip yang berukuran 350 meter dengan garispusat 2.1 meter. Kedua-dua saluran paip ini iaitu paip alir masuk dan keluar ditanam di dasar laut untuk memelihara kecantikan alam sekitar kawasan pantai dan tepi laut.

Untuk mengimbangi permintaan tenaga

letrik yang sentiasa bertambah, kendalian sistem penjanaan dan kawalan peralatan yang moden dan canggih yang menggunakan teknologi terbaharu telah dipasang. Pengawasan sistem secara kawalan jauh ditempatkan di bangunan kawalan pusat. Bagaimanapun turbin gas di setesen ini boleh juga dikendalikan menerusi kawalan tempatan masing-masing. Voltan yang dijana oleh turbin janakuasa gas dan stim ialah masing-masing 11.5 kV dan 12 kV. Voltan ini dinaikkan ke 275 kV untuk disalurkan ke grid nasional melalui pencawang. Pencawang ini mengandungi dua bahagian utama iaitu pencawang 132 kV dan 275 kV. Pencawang 132 kV memenuhi keperluan tempatan manakala pencawang 275 kV dan juga 132 kV disambungkan pada grid nasional melalui dua alat ubah 'interbus' 180 MVA.

Sempena Setesen Janaletrik Sultan Ismail, Paka di Dungun, dua jenis setem bernilai 20 sen dan RMI telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 4 April 1988.




# RANCANGAN HIDRO ELETRIK TEMENGGOR



**P**

rojek Hidro Elektrik Temenggor ini telah dirasmikan oleh DYMM Sultan Perak pada 19 September 1978. Peristiwa ini merupakan satu lagi kejayaan Lembaga Elektrik Negara bagi menampung keperluan tenaga untuk kepentingan pengguna. Projek ini telah disiapkan pada tahun 1978 dengan perbelanjaan sebanyak RM340 juta. Projek ini telah dibiayai oleh bantuan dan kepakaran luar negeri sementara kos tempatannya telah dibiayai oleh Lembaga Elektrik Negara dari punca kewangannya sendiri.

Sempena Projek Hidro Elektrik Temenggor ini, tiga jenis setem bernilai 15 sen, 20 sen dan 50 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 19 September 1979.



# 100 TAHUN ELEKTRIK DI MALAYSIA



**B**ekalan elektrik mula diperkenalkan dalam tahun 1894 di negara ini iaitu apabila sebuah jana kuasa elektrik dipasang oleh Loke Yew dan Thamboosamy Pillay untuk tujuan perusahaannya perlombongan di Pekan Rawang, Selangor. Stesen jana kuasa elektrik pertama bermula di Raub dalam tahun 1900 untuk tujuan perlombongan emas. Bagi bekalan elektrik awam pula mula diperkenalkan di Pulau Pinang pada 14 Julai 1904 dengan menggunakan Stesen Jana elektrik Sg. Pinang oleh kerajaan tempatan. Sejumlah 15 pengguna dan 41 lampu awam telah menerima faedahnya.

Pada tahun 1905, Kuala Lumpur pula menerima bekalan elektrik awam yang pertama apabila siapnya jana elektrik hidro Ulu Gombak oleh Jabatan Kerja Raya. Sebagai titik permulaan kemajuan elektrik semakin bertambah penggunaannya dari semasa ke semasa di merata tempat di Semenanjung Malaysia. Dalam tahun 1927 Jabatan Elektrik telah ditubuhkan bagi menguruskan satu dasar nasional

bagi kepentingan tenaga di seluruh dunia.

Sandakan, Sabah merupakan bandar pertama menerima bekalan elektrik awam oleh *Sandakan Light & Power Company Ltd.* Kemudian diikuti oleh Jesselton (Kota Kinabalu) dan Labuan. Kemajuan Elektrik di Sabah semakin bertambah apabila Jabatan Kerja Raya dipertanggungjawabkan dalam perkara ini sehingga tertubuhnya Lembaga Elektrik Borneo Utara dalam tahun 1954.

Sarawak pula menikmati elektrik awam pertama pada tahun 1923. Pada 15 Jun tahun yang sama, seramai 84 pengguna telah menerima faedah dari pembekalan elektrik ini kemudian diikuti oleh Mukah dan Sibul. Sir Charles Vyner Brook telah menubuhkan Perbadanan Perbekalan Elektrik Sarawak dengan *United Engineers Ltd.* Semasa Perang Dunia Kedua kebanyakan bekalan elektrik telah musnah. Selepas perang segala infrastruktur telah dipulihkan semula dan Lembaga Elektrik Pusat telah ditukar dengan nama baru iaitu Lembaga Elektrik Negara dalam tahun

1965. Pada mulanya Lembaga Elektrik Negara diperbadankan kemudiannya ia telah diswastakan dengan nama Tenaga Nasional Bhd. (TNB). Bagaimanapun Lembaga Elektrik Sabah dan Perbekalan Elektrik Sarawak masih beroperasi sebagai badan kerajaan.

Perbekalan elektrik di Malaysia dikendalikan oleh tiga badan yang bertanggungjawab bagi setiap kawasan tertentu di negara ini. Tenaga Nasional Bhd., syarikat pengganti Lembaga Elektrik Negara, menjana, menghantar dan mengagihkan bekalan elektrik ke semua negeri di Semenanjung, manakala dua badan yang lain iaitu Perbadanan Perbekalan Elektrik Sarawak (*SESCO*) dan Lembaga Elektrik Sabah (*LES*) membekalkan elektrik di negerinya masing-masing.

Sempena memperingati 100 Tahun Elektrik di Malaysia, 2 jenis setem setenat bernilai 30 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 3 September 1994.

# PROJEK STESEN JANAKUASA LETRIK SULTAN MAHMUD, KENYIR, TERENGGANU



STESEN JANAKUASA LETRIK SULTAN MAHMUD KENYIR TERENGGANU  
MALAYSIA 20c




STESEN JANAKUASA LETRIK SULTAN MAHMUD KENYIR TERENGGANU  
MALAYSIA \$1

P

rojek Stesen Janakuasa Letrik Sultan Mahmud di Kenyir, Terengganu adalah di antara projek janakuasa letrik yang terbesar di negara ini. Ia mempunyai terowong lencongan berkembar, empangan utama dan alur limpah. Mempunyai empat buah unit janakuasa dengan keupayaan 100 mw setiap satu, dan lapan buah empangan plana. Empangan utama dibuat dari batu tambun dengan ketinggian 150 meter dan kesemua empangan plana diperbuat dari timbunan tanah. Jumlah isi padu timbunan empangan-empangan ini ialah 25.7 juta m<sup>3</sup>. Dari kawasan tadahan seluas 260,000 Ha, empangan ini dapat menampung 13,600,000,000 meter padu air pada paras bekalan penuh di mana 7,400,000,000 meter padu digunakan sebagai simpanan yang boleh dipergunakan, sementara keluasan permukaan pada paras bekalan penuh ialah 36,900 Ha.

Sempena memperingati projek Janakuasa Letrik Sultan Mahmud di Kenyir, Terengganu, dua jenis setem bernilai 20 sen dan RMI telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 13 Julai 1987.



# PAMERAN TELEKOM SEDUNIA KE-3 DI GENEVA 1979



**K**esatuan Telekom Antarabangsa telah menganjurkan Persidangan Pentadbiran Radio Sedunia bermula 24 hingga 30 September 1979. Bersamaan dengan persidangan ini Kesatuan Telekom Antarabangsa turut mengadakan pameran telekom antarabangsa yang berlangsung di Geneva bermula pada 20 hingga 26 September 1979. Negara-negara yang menjadi ahli Kesatuan Telekom Antarabangsa turut memamerkan peralatan telekom bagi negara masing-masing.

Malaysia pada masa itu telah mengadakan kemudahan perkhidmatan telekom yang terbesar kerana ia mempunyai rangkaian 'network' yang mengandungi sebanyak 361 ibu sawat yang saling bersambung dengan litar radio dan juga talian kebel. Hampir keseluruhan ibu sawat telekom di Malaysia terletak di luar bandar. Justeru itu ianya sebagai tali penghubung di antara bandar dan luar bandar dan sekaligus telah mempertingkatkan kehidupan sosial bagi penduduk luar bandar.

Sebagai perancangan jangka panjang dalam bidang telekomunikasi kerajaan telah berusaha mengadakan setelit palapa untuk perhubungan yang lebih jauh. Rangkaian antarabangsa turut diperluaskan umpamanya mengadakan setelit bumi di Melaka serta projek kebel dasar laut di antara Kuching dan Kuantan dari Pulau-Pinang dan Madras, India. Sementara stesen setelit bumi yang terdapat di Kota Kinabalu dapat menerima siaran langsung dalam rancangan televisyen dari Semenanjung.

Sempena memperingati Pameran Telekom Sedunia Ke-3 di Geneva, tiga jenis setem bernilai 10 sen, 15 sen dan 50 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 20 September 1979.

SAMPUL SURAT HARI PERTAMA




PAMERAN TELEKOM SEDUNIA  
YANG KE3 GENEVA 1979





# STESEN SETELIT BUMI KUANTAN



**P**elancaran Setelit Bumi di Kuantan, Pahang telah merintis jalan bagi Malaysia untuk menerokai ruang angkasa lepas. Setelit ini telah dibina di atas kawasan tinggi seluas 60 ekar. Stesen ini menghubungkan Malaysia melalui bulan rekaan Intelsat Tiga di Lautan Hindi terutamanya dengan India, Indonesia, United Kingdom, Pakistan, Jepun dan Australia. Perhubungan ini memberi kemudahan dalam bidang telegraf, telex. Setesen bumi ini digunakan bagi menghantar siaran rancangan televisyen cara terus menerus di antara Malaysia dengan negara-negara luar. Belanja keseluruhan membina projek ini ialah sebanyak RM9 juta.

Kelengkapan penting di stesen ini ialah antenna yang boleh berpusing dengan pusingan yang penuh berukuran lintang 97 kaki. Antena yang boleh bergerak ini beratnya ialah 300 tan. Kedudukannya menghala ke arah setelit tersebut sejauh 22,300 batu di angkasa dengan tepat. Antena ini mempunyai pancaran yang tepat dalam anggaran jarak 1.2 milimeter

supaya ianya dapat menumpukan kuasa gelombang mikro yang terpancar kepada setelit itu seimbang dengan 1,000 juta watt. Perhubungan setelit ini beroperasi di seluruh dunia melalui konsortium perhubungan setelit antarabangsa atau Intelsat. Konsortium ini pada masa itu dianggotai oleh lebih kurang 71 buah negeri ahli di mana Malaysia ialah ahli yang 50 dengan mempunyai modal sumbangan sebanyak 0.25%. Penyertaan Malaysia ialah sebagai jawatankuasa perhubungan setelit sementara bersama dengan Thailand, Singapura, India, Sri Lanka, Filipina dan New Zealand. Konsortium tersebut juga bertanggungjawab ke atas pembelian dan pelancaran setelit di angkasa. Setelit yang terdapat di Kuantan ini di mana sistem kejuruteraannya telah disediakan oleh Jabatan Telekom Malaysia.

Sempena memperingati Setesen Bumi Perhubungan Setelit di Kuantan, dua jenis setem bernilai 15 sen dan 30 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 6 April 1970.



# ULANG TAHUN KE-100 KESATUAN TELEKOM ANTARABANGSA



**P**ada masa yang lampau, pengiriman telegram sering menghadapi masalah untuk sampai ke satu-satu kawasan dan destinasi kerana berlain-lain negara. Demi untuk melicinkan lagi proses pengiriman ini, Kesatuan Telekom Antarabangsa telah ditubuhkan pada 17 Mei 1865. Di antara peristiwa yang bersejarah bagi Kesatuan Telekom Antarabangsa ialah:

i. Pada tahun 1876 telefon telah direka-cipta dan akhir abad ke-19 radio pula telah dicipta.

ii. Pada tahun 1932 dua persidangan telah diadakan di Madrid, Sepanyol iaitu Persidangan Telegraf dan Telefon dan Persidangan Telegraf dan Radio yang kemudiannya ia disatukan menjadi Konvensyen Telekom Antarabangsa bagi menggantikan Kesatuan Telegraf.

iii. Pada 15 November 1947 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengiktiraf Kesatuan Telekom Antarabangsa.

Bangsa-Bangsa Bersatu dan Kesatuan Telekom Antarabangsa berperanan membantu mengadakan program latihan iaitu dengan mendirikan Sekolah Pusat Latihan Telekom di Kuala Lumpur serta memberi tunjuk ajar dari segi kepakaran dalam bidang teknikal kepada negara-negara yang bergabung dengan Kesatuan Telekom Antarabangsa.

Sempena memperingati ulang tahun ke-100 Kesatuan Telekom Antarabangsa, tiga jenis bernilai 2 sen, 25 sen dan 50 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 17 Mei 1965.



# POS MALAYSIA



**B**ermula dari tahun 1967 sehingga tahun 1992, terdapat 6 keluaran sampul surat hari pertama mengenai pelbagai peristiwa pos. Pertama ialah pada 2 Disember 1967 bertajuk Setem-Setem Pos Malaysia Dalam Masa 100 Tahun, kedua ialah pada 9 Oktober 1974 bertajuk Ulang Tahun Ke-100 Kesatuan Pos Sedunia (1874 - 1974), ketiga ialah pada 10 Julai 1978 bertajuk Persidangan Pentadbiran Pos Komanwel Ke-4 di Kuala Lumpur, keempat pada 29 Oktober 1984 bertajuk Pembukaan Rasmi Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, kelima ialah pada 1 Januari 1992 bertajuk Pelancaran Pos Malaysia, keenam ialah pada 1 September 1992 bertajuk Sempena Ulang Tahun Ke-125 Setem-Setem Malaysia.

Perkhidmatan Pos mula diperkenalkan di negara ini di Negeri-Negeri Selat yang terdiri dari Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Perkhidmatan Pos telah ditubuhkan kemudiannya di tempat-tempat lain mulai 1877 hingga 1910. Pada tahun 1905 Kesatuan Pos Malaya

telah dibentuk dengan dianggotai oleh Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Selepas pendudukan Jepun, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu telah menganggotai kesatuan tersebut. Sepanjang sejarah 200 tahun, Perkhidmatan Pos telah beroperasi sebagai Jabatan Kerajaan. Pada mulanya Pejabat Pos hanya mengendalikan penghantaran surat, perkhidmatan bungkusan, pendaftaran, perkhidmatan pos berinsurans dan perkhidmatan bayar waktu terima diperkenalkan kemudian secara berperingkat. Perkhidmatan Kiriman Wang dan Wang Pos bersama Perkhidmatan Bank Simpanan Pejabat Pos juga telah diperkenalkan kemudiannya. Dengan peluasan jentera Kerajaan, Pejabat Pos telah menyelenggarakan perkhidmatan agensi bagi pihak Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Badan Berkanun. Mulai 1 Januari 1992 Jabatan Perkhidmatan Pos telah bertukar imej menjadi sebuah badan korporat Sebuah syarikat milik Kerajaan, Pos Malaysia Berhad mengambil alih

Perkhidmatan Pos di Malaysia. Pos Malaysia Berhad akan terus memberi segala jenis perkhidmatan pos yang telah diberi oleh Jabatan Perkhidmatan Pos selama ini malah Kerajaan berhasrat mewujudkan Pos Malaysia sebagai sebuah organisasi yang progresif dengan pendekatan komersial serta dikenali sebagai suatu perusahaan perniagaan.

Pejabat Pos yang pertama di Kuala Lumpur asalnya terdiri dari dua buah bangsal kecil yang terletak diatas sebuah tapak Stesen Keretapi sekarang, kemudiannya telah berpindah ke bangunan dua tingkat yang terletak berhampiran dengan Padang Kelab Selangor iaitu pada bulan November 1889. Pejabat itu beroperasi sehinggalah pada tahun 1983. Kemudian Pejabat Pos Besar yang baru telah berpindah ke tempat baru iaitu berhampiran dengan Stesen Keretapi bertempat di Kompleks Dayabumi. Ia mula beroperasi pada 2 Oktober 1983 dan ditempatkan yang sama juga terletaknya Ibu Pejabat Pos.



Objektif memperbadankan dan menswastakan Perkhidmatan Pos ialah untuk meninggikan tahap kecekapan dan produktiviti yang sedia ada di samping membawa manfaat yang lebih kepada kakitangan dan pelanggan. Berdasarkan kepada sejarah penubuhan Perkhidmatan Pos sehingga ke peringkat penswastaaan tidak dapat dinafikan lagi Pos merupakan suatu media komunikasi yang penting di kalangan masyarakat dan ia diperlukan sepanjang masa.

Di arena antarabangsa pula, Pos Malaysia telah memasuki Kesatuan Pos Sedunia sejak 17 Januari 1958 sebagai ahli yang ke-98 dan sempena ulang tahun ke-100 Kesatuan Pos Sedunia, Malaysia turut menyambutnya. Sejarah bermulanya Kesatuan Pos Sedunia ialah dengan cara mengadakan perjanjian kedua belah pihak di antara satu negara dengan negara lain mengikut keadaan yang tertentu di satu-satu negara. Perkara ini telah menimbulkan kekeliruan dan jalan buntu, sebagai contohnya lebih daripada

1200 kadar bayaran pos yang terdapat berlainan mengikut timbangan, sukatan dan matawang yang berbeza dan ini telah menghalang kepada perkembangan perhubungan Pos antarabangsa khususnya apabila muncul sistem pengangkutan mel yang lebih pantas.

Percubaan untuk mendapatkan sesuatu persetujuan mengenai sistem Pos antarabangsa oleh Kerajaan Amerika Syarikat pada tahun 1863 telah menghasilkan satu persidangan di Paris yang dihadiri oleh 15 buah negara serta mewujudkan prinsip-prinsip am bagi persetujuan bersama. Kerajaan Swiss telah mengadakan suatu persidangan di Berne pada 15 September 1874 yang diwakili oleh perwakilan perwakilan dari 22 buah negara. Persetujuan telah dicapai pada 9 Oktober 1874 untuk menubuhkan Kesatuan Pos Sedunia. Persetujuan ini dikenali sebagai 'Perjanjian Berne'. Perjanjian ini telah dikuatkuasakan pada 1 Julai 1875. Dalam tahun 1947 ia itu selepas tertubuhnya





Bangsa-Bangsa Bersatu Kesatuan Pos Sedunia akhirnya telah membuat satu perjanjian dengan badan dunia itu sebagai salah satu gabungannya.

Kejayaan Kesatuan Pos Sedunia pada tahun-tahun yang lampau boleh dilihat dari segi idea dan prinsip-prinsip yang diterima oleh semua negara anggota. Perlembagaannya telah menetapkan semua negara ahli yang bergabung dengan Kesatuan Pos Sedunia saling bekerjasama tanpa mengira sempadan negara masing-masing.

Sejarah setem Malaysia bermula dari penubuhan negeri-negeri Selat yang terdiri daripada Singapura, Pulau Pinang dan Melaka pada tahun 1806. Negeri-negeri Selat ini adalah di bawah kawalan Syarikat India Timur dengan ibu pejabatnya di Calcutta, India. Setem Pos India telah digunakan di Negeri-negeri Selat semasa pemerintahan British. Setem-setem tersebut boleh dikenali melalui tanda pos yang tertera iaitu 'diamond of dota', 'B/172' digunakan di Singapura. 'B/147'





digunakan di Pulau Pinang dan 'B/109' digunakan di Melaka.

Pada 1 September 1867, Negeri-Negeri Selat telah diletakkan sebagai 'Crown Colony' di bawah kawalan British secara langsung. Keadaan ini telah mewujudkan keadaan setem yang berbeza di mana setem India yang dikeluarkan dalam tahun 1865 dicetak di atasnya dengan gambar mahkota dan diberi nilai sen dan ringgit. Setem pos definitif pertama telah dikeluarkan pada bulan Disember 1867 bagi Negeri-Negeri Selat sementara bagi Negeri-Negeri Bersekutu yang terdiri dari Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan telah mengeluarkan setem-setem sendiri pada tahun 1900. Negeri-Negeri Tidak Bersekutu yang terdiri dari Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu kecuali Johor menggunakan setem pos Siam hingga tamatnya pemerintahan Siam ke atas mereka pada tahun 1909 iaitu selepas perjanjian di antara British dan Siam.

Semasa pemerintahan Jepun, setem pos

Malaya dicetak semula oleh Jepun. Selepas tamat pemerintahan Jepun, setem pos Malaya telah dicetak semula semasa pemerintahan B.M.A. Dengan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948, kali pertama rekabentuk setem pos adalah sama iaitu menggambarkan potret Sultan dan lambang negeri masing-masing kecuali Negeri Sembilan yang hanya melambangkan lambang negeri. Sementara setem pos Pulau Pinang, Melaka dan Singapura menggambarkan potret Raja British.

Setelah Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, setem pos definitif mula dikeluarkan dalam bentuk dua siri, iaitu siri kebangsaan dan siri negeri dengan menggambarkan pelbagai ciri. Setem pos definitif utama dengan tema orked bagi siri negeri dan burung bagi siri kebangsaan telah dikeluarkan pada tahun 1965 iaitu setelah Malaysia dibentuk pada tahun 1963.

Setem Pos definitif kedua telah dike-

luarkan dalam tahun 1970 dengan menggambarkan tema kupu-kupu bagi kedua-dua siri dan diikuti dengan tema haiwan bagi siri kebangsaan dan bungkungan Malaysia bagi siri negeri dalam tahun 1979. Setem pos definitif yang masih digunakan sehingga sekarang telah dikeluarkan pada tahun 1986 bagi menggambarkan tema buah-buahan dan tanam-tanaman.


Selain setem pos definitif, Malaysia juga mengeluarkan setem pos kenangan dari semasa ke semasa sejak merdeka bagi mengingati peristiwa-peristiwa penting di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Setem pos khas juga telah mula diperkenalkan dalam tahun 1981 dengan ciri-ciri utama yang melambangkan kebudayaan, alam semula jadi dan sebagainya.

Bagi memperingati Mesyuarat Pentadbiran Pos Komanwel Ke-4 yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 10 hingga 21 Julai 1978, di mana ianya bertujuan mengkaji semula aktiviti-aktiviti



Kesatuan Pos Sedunia dan badan-badan yang bergabung di dunia supaya ianya selaras dengan kepentingan pentadbiran pos negara-negara Komanwel dan juga untuk membolehkan negara-negara Komanwel bertukar-tukar pendapat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pos sebagai persediaan semasa Kongres Kesatuan Pos Sedunia yang akan datang.

Sempena memperingati peristiwa-peristiwa pos di atas, sampul surat hari pertama ialah pada 2 Disember 1967 beserta setem bernilai 25 sen, 30 sen dan 50 sen, kedua pada 9 Oktober 1974 beserta setem bernilai 25 sen, 30 sen dan 75 sen, ketiga pada 10 Julai 1978 beserta setem bernilai 10 sen, 25 sen dan 50 sen, keempat pada 29 Oktober 1984 beserta setem bernilai 15 sen, 20 sen dan RM1, kelima pada 1 Januari 1992 beserta setem *se-tenant* bernilai 30 sen sebaris sebanyak empat keping dan keenam ialah pada 1 September 1992 beserta setem dua pasang *se-tenant* bernilai 30 sen dan 50 sen.



SAMPUL SURAT HARI PERTAMA

# Proton SAGA



MALAYSIA 20c



Proton  
SAGA

MALAYSIA 40c



PROTON SAGA - KERETA NASIONAL



BIRO PEMINAT SETEM  
SHAH ALAM  
SELANGOR

9hb. JULAI 1985  
MALAYSIA \$1



Proton  
SAGA

# B A B 15


SAMPUL SURAT HARI PERTAMA

*Proton*  
**SAGA**



*Pengangkutan*





**M**AS memulakan perkhidmatannya pada tahun 1972 dengan rangkaian penerbangan sebanyak 6 destinasi antarabangsa dan 34 destinasi penerbangan dalam negeri. Simbol MAS ialah Wau Kelantan yang melambangkan kesenian dan kebudayaan Malaysia. Wau Kelantan ini direka secara 'stylised' ia terletak di bahagian ekor kapal terbang MAS.

MAS membelanjakan wang yang begitu besar untuk membeli pelbagai jenis kapal terbang bagi tujuan penerbangan dalam negeri dan juga antarabangsa. Ini merupakan pelaburan jangka panjang MAS pada masa hadapan supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang terhadap pelanggan-pelanggannya. MAS mempunyai pejabatnya di serata dunia. MAS juga bertindak sebagai agen pelancongan yang dapat memperkenalkan negara ini di luar negara melalui perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang.

Sempena penubuhan MAS ini, tiga jenis setem bernilai 15 sen, 30 sen dan 50 sen telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 1 Oktober 1973.

## *Penubuhan Sistem Penerbangan Malaysia*

**MALAYSIA 15c**

LOKOMOTIF DIESEL ELEKTRIK - KELAS 20  
 JENIS Co-Co TARIKH PERALIHAN PERKHIDMATAN 1985 - 1990



**100 TAHUN KTM 1885-1985**  
 100 YEARS OF MALAYSIAN RAILWAY

**MALAYSIA 20c**

LOKOMOTIF DIESEL ELEKTRIK - KELAS 20  
 JENIS Co-Co TARIKH PERALIHAN PERKHIDMATAN 1987



**100 TAHUN KTM 1885-1985**  
 100 YEARS OF MALAYSIAN RAILWAY

**MALAYSIA \$1**

LOKOMOTIF DIESEL ELEKTRIK - KELAS 20  
 JENIS Co-Co TARIKH PERALIHAN PERKHIDMATAN 1990



**100 TAHUN KTM 1885-1985**  
 100 YEARS OF MALAYSIAN RAILWAY

**P**

erkhidmatan Keretapi di Semenanjung Malaysia telah bermula sejak zaman penjajahan lagi. Pada masa itu perkhidmatan itu digunakan bagi pengangkutan bijih timah dan getah yang merupakan punca ekonomi negara yang utama. Landasan pertama sepanjang 13 km telah dibina dalam tahun 1884 yang menghubungkan di antara Taiping dengan Port Weld (Kuala Sepetang) dan mula digunakan pada tahun 1885. Sejak itu landasan-landasan keretapi lain telah dibina seperti landasan keretapi yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Kelang, Seremban dengan Port Dickson dan Tapah Road dengan Teluk Intan. Permulaan ini telah memajukan perkhidmatan keretapi di negeri-negeri lain yang kemudiannya telah digabungkan dalam tahun 1901 dan gabungan ini kemudiannya dikenali sebagai Keretapi Negeri-Negeri Melayu Berserkutu.

Kini perkhidmatan keretapi bukan untuk kemudahan ekonomi sahaja bahkan bagi menampung keperluan sosial, keselamatan, ekonomi, keselesaan dan kecekapan.

Perkhidmatan yang sempurna merupakan objektif Keretapi Tanah Melayu dalam meningkatkan lagi perkhidmatan yang selaras dengan penambahan dalam permintaan pengangkutan. Buat masa ini Keretapi Tanah Melayu menjalankan perkhidmatan sebanyak 176 kali sehari dengan menggunakan lokomotif berjumlah 101,280 buah gerabak yang digunakan untuk mengangkut penumpang dan 5,197 gerabak lagi untuk mengangkut barangan. Dalam tahun 1984 Keretapi Tanah Melayu telah membawa sejumlah 6.6 juta penumpang dengan hasil keuntungan berjumlah RM60 juta. Pengangkutan barangan pula berjumlah 3.3 juta tan dengan pendapatan lebih RM56.2 juta.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-5 1986-1990, Keretapi Tanah Melayu berhasrat untuk memajukan lagi perkhidmatannya. Ini termasuk penggunaan alat kawalan komunikasi yang moden, membesarkan lagi stesen-stesen keretapi serta menggunakan sistem komputer untuk penjualan tiket, tempahan-tempahan tempat duduk dan juga bagi mengawal gerabak-gerabak. Antara projek-projek yang dijalankan termasuklah program latihan bagi kakitangan teknikal, penyeliaan dan latihan pengurusan di semua peringkat. Dalam jangka masa yang panjang, Keretapi Tanah Melayu juga berhasrat untuk memperbaiki landasan di antara Butterworth dan Johor Bharu. Begitu juga landasan elektrik yang akan dibina di antara Kuala Lumpur dan Kota Bharu melalui Mentakab, Kuantan dan Kuala Terengganu. Apabila projek ini siap kelak, Keretapi Tanah Melayu akan dapat menampung permintaan pengangkutan yang bertambah pada masa yang akan datang.

Sempena memperingati 100 Tahun Keretapi Tanah Melayu ini, tiket jenis setem bernilai 15 sen, 20 sen dan RMI telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 1 Jun 1985.

# 100 Tahun Keretapi Tanah Melayu

MALAYSIA 20C



MALAYSIA 40C



MALAYSIA \$1



# K

ereta Nasional yang pertama, Proton Saga melambangkan detik permulaan Malaysia dalam bidang pengeluaran kereta. Pengeluaran kereta pertama ini adalah terbahagi kepada dua bentuk kuasa enjin iaitu 1.3 dan 1.5. Proton Saga direkabentuk khas oleh pereka Malaysia dan ia menggabungkan daya cipta terbaharu ciri-ciri rekabentuk yang dinamis bertaraf antarabangsa, setanding dari segi mutu, prestasi, ekonomi, ruang dan keselesaan. Nama Saga dipilih hasil dari satu peraduan menamakan kereta nasional yang disertai oleh segenap lapisan masyarakat. Perkaataan saga membawa makna yang simbolik serta kiasan yang melambangkan aspirasi nasional. Ia dipilih untuk nama bagi kereta yang pertama.

Kilang Proton adalah yang terbesar di Asia Tenggara dan meliputi kawasan seluas 550,000 meter persegi dengan kawasan berbumbung seluas lebih dari 85,620 meter persegi. Kilang yang berbentuk 'L' ini dilengkapi dengan alat-alat moden otomatik dan separa otomatik bagi menentukan keluaran kereta nasional yang bermutu. Kilang ini direka khas merangkumi tiga faktor penting iaitu unsur-unsur sistem pengeluaran yang cekap, keselesaan tempat bekerja serta berkeupayaan untuk diperbesar pada masa hadapan. Perhatian utama telah diberi pada aspek-aspek pengawalan pencemaran alam yang menggunakan peralatan dan kelengkapan yang moden.

Kilang pengeluaran ini mengandungi empat bahagian utama iaitu bahagian pembentuk komponen badan kereta, bahagian pengecatan, bahagian pemasangan badan kereta dan bahagian merapi dan pemasangan akhir. Kemudahan-kemudahan tambahan ditempatkan di kawasan yang strategik untuk mencapai prestasi yang maksimum. Keseluruhan kompleks kilang proton ini melambangkan sebuah pusat pengeluaran yang komprehensif. Pada peringkat permulaan kilang proton ini berkeupayaan mengeluarkan 80,000 unit kereta setahun. Keupayaan ini dipertingkatkan menjadi 120,000 unit setahun pada tahun 1988. Industri kereta bermula di Malaysia dalam tahun 1967 dengan tertubuhnya syarikat pemasangan kereta yang pertama. Pada masa ini terdapat 12 buah syarikat pemasangan kereta yang mengeluarkan lebih kurang 50 jenis model kereta yang berasingan untuk edaran dan penjualan di pasaran tempatan.

Dengan tertubuhnya Syarikat Proton, ia merupakan detik permulaan dalam industri pembuatan kereta. Buat kali pertama Malaysia mengeluarkan kereta buatannya dan dalam masa yang sama membangunkan industri komponennya. Projek ini merupakan salah sebuah industri yang diusahakan oleh Perbadanan Perusahaan Industri Berat (HICOM) yang merupakan syarikat induk yang telah diberi mandat untuk mempergiatkan pembangunan industri berat di Malaysia. Proton digerak untuk menjadi pemimpin Malaysia dalam perusahaan kereta dengan usaha sama pihak *Mitsubishi Motors Corporation* dan *Mitsubishi Corporation* Jepun yang sentiasa bekerjasama dalam bidang teknik dan latihan kakitangan. Proton bertanggungjawab dan berkenampuan mengeluarkan kereta nasional yang bermutu tinggi dengan harga yang setanding.

Sempena memperingati pengeluaran kereta Proton Saga, tiga jenis setem bernilai 20 sen, 40 sen dan RM 1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 9 Julai 1985.

## Proton Saga - Kereta Nasional Malaysia





**M**AS melancarkan perkhidmatannya ke Los Angeles pada 31 Julai 1986. Ini merupakan perkhidmatan merentasi pasifik MAS yang pertama. Penerbangan dua kali seminggu yang singgah di Tokyo ini adalah penerbangan terpentas dari Kuala Lumpur ke Los Angeles. Dengan bermulanya perkhidmatan ke Los Angeles, rangkaian penerbangan MAS telah berkembang ke 60 destinasi di 21 buah negara di Asia, Australia, Eropah, Timur Tengah dan Amerika Syarikat. Untuk pertama kali pesawat B747 'Stretched Upper Deck' yang paling moden membawa lambang MAS ke-36 ini disediakan khas untuk perkhidmatan baru MAS merentasi Lautan Pasifik dan juga membantu perkhidmatan MAS ke Eropah. Selain dari kesesuaian penerbangan terpentas ke Amerika dan kesesuaian tempat duduk pesawat B747, setiap penumpang pasti akan mendapat layanan mesra daripada MAS. Bersama MAS pelanggan akan menikmati layanan dan perkhidmatan yang cemerlang.

Sempena pelancaran perkhidmatan MAS ke Los Angeles, tiga jenis setem bernilai 20 sen, 40 sen dan RMI telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 31 Julai 1986.

# *Pelancaran Penerbangan MAS, Kuala Lumpur- Los Angeles, USA*





**S**uruhanjaya Ekonomi bagi Asia dan Pasifik (*ESCAP*) melalui jawatankuasanya yang terdiri dari jawatankuasa perkapalan, pengangkutan dan perhubungan telah membantu negara-negara ahli dan negara-negara

berselaku *ESCAP* untuk mempertingkatkan pembangunan di bidang pengangkutan dan perhubungan semenjak ia ditubuhkan. Namun begitu pada tahun 1982 terdapat persetujuan bersama di kalangan negara-negara membangun di rantau ini akan keperluan untuk mencari cara-cara yang lebih berkesan bagi mempertingkatkan pembangunan di bidang pengangkutan dan perhubungan selaras dengan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhannya.

Masalah dan kekurangan yang dihadapi dalam bidang pengangkutan dan perhubungan di rantau ini dan tindakan-tindakan penyelesaiannya dikenalpasti. Matlamat jangka panjang dan jangka pendek untuk memperbaiki sektor ini diuraikan. Satu strategi dan program tindakan diatur untuk pelaksanaan di peringkat kebangsaan, sub-serantau, serantau, antara rantau dan antara agensi.

Ekoran dari saranan Majlis Ekonomi dan Sosial Perhimpunan Agung *ESCAP* telah mengisytiharkan dekad pengangkutan dan perhubungan bagi Asia dan Pasifik dalam jangka masa 10 tahun. Dekat pengangkutan dan perhubungan ini telah dilancarkan dengan rasminya pada 26 Januari 1985 dalam mesyuarat Menteri-menteri yang bertanggungjawab dalam hal-hal pengangkutan dan perhubungan yang telah diadakan di Bangkok pada Januari 1985 iaitu selepas sesi ke-8 Jawatankuasa Perkapalan, Pengangkutan dan Perhubungan.

Sempena memperingati dekad pengangkutan dan perhubungan bagi Asia dan Pasifik, empat jenis setem bernilai 15 sen, 20 sen, 40 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 26 Oktober 1987.

# *Dekad Pengangkutan Dan Perhubungan Bagi Asia Dan Pasifik 1985-1994*



**P**enerbangan Malaysia membawa negara ke tahap pencapaian baru dalam penerbangan dengan pelancaran pesawat Boeing 747-400 ke London. Peristiwa bersejarah ini sekali lagi mengesahkan bahawa penerbangan Malaysia menjadi teraju utama dalam bidang penerbangan awam antarabangsa. Oleh itu lebih banyak penerbangan terus menerus ke destinasi antarabangsa akan terus dilancarkan.

Inilah revolusi baru dalam penerbangan dengan menggunakan pesawat 747-400 yang mencatatkan rekod penerbangan terus menerus tanpa singgah sejauh 13,600 km yang memendekkan masa penerbangan. Sebagai contoh, masa penerbangan dari Kuala Lumpur ke London dapat dikurangkan dua jam.

Pesawat 747-400 setiap satunya bernilai RM350 juta. Jet 2 dalam 1 (*combi*) di mana di bahagian dek utama merupakan gabungan tempat duduk penumpang seramai 294 orang dan di bahagian belakang boleh memuatkan kargo atau penumpang sahaja seramai 400 orang. Dengan kelajuan terpacut 1019 kph, pesawat 747-400 boleh menampung muatan sehingga 379,209 kg dan ukuran panjangnya adalah 71 meter. Jarak di antara dua hujung sayap ialah 60 meter dengan bahagian hujungnya menegak 1.8 meter tinggi di setiap sayap. Tidak seperti pesawat-pesawat lain yang memerlukan sepasukan 3 orang, dek pesawat digital sepenuhnya dengan tiup pancaran katod '*cathode-ray tube*' (CRT) ini cuma dikendalikan oleh dua orang sahaja.

Ketibaan pesawat 747-400 Combi menjadikan 39 buah pesawat penerbangan Malaysia setakat ini. Pertambahan pesawat ini akan menambahkan lagi bilangan pelancongan dan kargo ke Malaysia. Ini membuktikan perkembangan dan kejayaan penerbangan Malaysia ke destinasi tertentu di seluruh dunia. Seiring dengan perkembangan penerbangan, suatu tradisi tidak berubah semasa di dalam penerbangan, anda pasti terpicik dengan layanan penuh mesranya yang terkenal di seluruh dunia.

Sempena pelancaran pesawat Boeing 747-400 Kuala Lumpur - London, tiga jenis setem bernilai 20 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 2 Disember 1989.

## ***Pelancaran Pesawat Boeing 747-400 Kuala Lumpur-London***



# M

esyuarat Agung Tahunan IATA merupakan satu acara penting dalam kalender industri penerbangan kerana ia mendapat sokongan padu dan dihadiri oleh para ketua eksekutif syarikat-syarikat penerbangan dari seluruh dunia. Selain penghormatan kepada Malaysia untuk menganjurkan acara berprestij ini, ia juga merupakan satu peluang di kalangan para pegawai kanan penerbangan untuk mengalami sendiri pengalaman yang ditawarkan oleh Malaysia.

Mesyuarat ini merupakan satu penghormatan besar kepada Malaysia selaku tuan rumah, terutamanya kepada penerbangan Malaysia kerana jawatan Presiden IATA tahun ini diadangi oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Tajudin Ramli, Pengerusi Penerbangan Malaysia.

IATA sentiasa menikmati tingkat keahlian yang tinggi di kalangan industri penerbangan dan kini mempunyai lebih dari 220 buah syarikat penerbangan sebagai ahli. Para ahlinya menguasai lebih 95 peratus daripada trafik udara antarabangsa berjadual di seluruh dunia yang mengibarkan bendera lebih 120 buah negara merdeka.

Sungguhpun suasana di persekitaran industri penerbangan telah banyak berubah sejak organisasi IATA ditubuhkan dalam tahun 1945, tetapi matlamat utama Persatuan masih belum berubah. Ia masih mengekalkan komitmen untuk memastikan supaya aliran trafik penerbangan sedunia bergerak pada tingkat kelajuan, keselamatan, kemudahan

dan kecekapan yang paling unggul untuk para penumpang dan pengangkutan kargo dan bagi syarikat-syarikat penerbangan pula supaya mencapai tingkat operasi paling menjimatkan.

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Tajudin Ramli dalam mesyuarat agung lepas yang diadakan di Mexico City semasa mula menyandang jawatan Presiden Persatuan memberitahu "Peranan dan kepentingan IATA telah menjadi semakin penting sejak industri ini menjalani proses globalisasi. Banyak petunjuk yang membayangkan bahawa industri ini sedang menuju ke arah penciptaan lembaran baru dalam industri penerbangan. Lembaran ini juga berkemungkinan akan memberikan pentakrifan baru dalam meluaskan skop keseluruhan industri."

Sebagai matlamat untuk memberikan penampilan baru dan mentakrifkan semula struktur serta peranan Persatuan ini dan para anggotanya, mesyuarat Agung Tahunan ke-521 yang akan berlangsung di Kuala Lumpur ini akan menjadi satu acara penting kerana Persatuan telah menemui berbagai-bagai cara baru untuk memenuhi keperluan keahliannya secara ekonomikal dan bermanfaat bukan sahaja untuk tempoh beberapa tahun akan datang malah seterusnya dalam abad ke-21.

Dua pasang setem 'se-tenant' berharga 30 sen dan 50 sen yang direka cipta khas ini adalah untuk memperingati Ulang Tahun ke-50 Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) dan juga bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan IATA ke-51 yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 30 dan 31 Oktober, 1995.


Keempat-empat setem menggambarkan destinasi penerbangan Malaysia yang utama. Setem sepasang 'se-tenant' berharga 30 sen menggambarkan latar belakang destinasi Malaysia dan Asia/Australia/New Zealand, setem sepasang 'se-tenant' berharga 50 sen menggambarkan destinasi Eropah/Afrika dan Amerika.

Logo IATA dipaparkan pada keempat-empat setem tersebut. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 30 Oktober 1995.



## Ulang Tahun Ke-50 IATA

# B A B 16



*Lebuhraya Dan Perhubungan*



# timur barat



DENGAN pembukaan Lebuhraya Timur Barat kepada lalulintas pada 1 Julai 1982, satu lagi tahap kemajuan dalam sejarah sistem perhubungan laluan jalan di Semenanjung Malaysia telah dicapai. Pembinaan lebuhraya ini adalah satu dari projek-projek besar yang dilaksanakannya oleh Jabatan Kerja Raya dan penyiapannya

menambahkan lagi batu-batu jalan dalam negeri yang menyambung ke kawasan-kawasan baru dan juga prasarana untuk kerja-kerja pembangunan. Sebahagian besar dari pembinaan lebuh raya ini telah dijalankan oleh pekerja-pekerja Jabatan Kerja Raya sementara jambatan-jambatan serta beberapa aspek kerja-kerja yang bersangkutan telah dijalankan secara kontrak.

Sejak kemerdekaan dalam tahun 1957, perkhidmatan-perkhidmatan feri di sepanjang beberapa jalan di pantai timur Semenanjung Malaysia telah digantikan dengan jambatan-jambatan dan ini mengurangkan masa perjalanan. Bagaimanapun, perhubungan jalan antara pantai barat dan pantai timur masih melalui Kuantan. Jarak antara Kota Bharu dan Pulau Pinang ialah 1037 km. Disebabkan kekurangan perhubungan yang mudah dan secara langsung, kawasan luas yang mempunyai potensi ekonomi di pedalaman Kelantan dan Terengganu tidak dapat dimajukan. Maka itu satu jalan untuk menghubungkan pantai timur dan pantai barat adalah perlu.

Dalam bulan Oktober 1969, Jabatan Kerja Raya telah diarahkan untuk memulakan kerja-kerja lebuh raya ini dengan serta merta. Maka pada awal tahun 1970 kerja-kerja telah dimulakan serentak dari Jeli dan Grik sungguhpun sebarang rekabentuk yang mendalam belum dijalankan. Loji-loji menolak tanah yang sedia ada di beberapa buah negeri telah digunakan sehingga loji-loji baru untuk projek ini diperolehi. Loji-loji dan kakitangan yang sepenuhnya hanya didapati pada awal tahun 1973 untuk melancarkan projek ini.

Dua kem telah dibina di Grik Perak dan Jeli di Kelantan di mana ditempatkan kesemua kakitangan serta keluarga masing-masing. Satu 'pilot track' telah dibina untuk memudahkan jalan ke kawasan-kawasan hadapan. Ini telah diikuti oleh kerja penebangan dan penebasan hutan yang diturut oleh kerja-kerja meratakan tanah. Terdapat lima buah jambatan di sepanjang lebuh raya ini, dua darinya termasuk yang terpanjang sekali iaitu Jambatan Ampangan

Sungai Perak merentasi tasik yang terbentuk oleh Projek Empangan Temenggor. Kelima-lima jambatan tersebut telah direkabentuk oleh jurutera perunding ENEX dari New Zealand di bawah Bantuan Rancangan Colombo. Ketiga-tiga jambatan telah dibina oleh pemborong luar negeri sementara dua jambatan lagi telah dibina oleh pihak swasta tempatan. Selain dari jambatan-jambatan di atas, terdapat juga sebanyak 280 pembetung yang kebanyakannya dibina oleh pekerja-pekerja Jabatan Kerja Raya. Antara rintangan besar yang membantu kemajuan lebuh raya ini ialah kerja-kerja memotong 27.5 juta meter padu tanah dan dari nya 3.8 juta meter padu batu pejal yang memerlukan operasi gerudi dan letupan untuk dikeluarkan. Memotong bukit-bukit sedalam 60 meter dan menimbus lembah-lembah sedalam 100 meter terpaksa dijalankan di beberapa tempat. Di antara faktor-faktor lain yang menyebabkan kelewatan ialah musim hujan. Dengan adanya musim hujan kerja-kerja pembinaan hanya dapat dijalankan dalam tempoh 10 bulan sahaja dalam setahun. Lebuh Raya Timur Barat terletak di kawasan berhampiran Malaysia/Thailand dan di dalam kawasan keselamatan. Oleh yang demikian beberapa langkah telah diambil untuk menentukan keselamatan pekerja-pekerja. Lebuh raya di-antara Jeli di Pantai Timur dan Grik di Pantai Barat panjangnya lebih kurang 116 km. Ia bernilai RM396 juta. Butir-butir lanjut mengenai projek ini adalah seperti berikut:

#### *Jambatan-jambatan Besar*

- i. Jambatan Sungai Rui - panjang 265 meter.
- ii. Jambatan Ampangan Sungai Perak - 880 meter.
- iii. Jambatan Tambak Sungai Perak - 640 meter.
- iv. Jambatan Hulu Sungai Pergau - 159 meter.
- v. Jambatan Hilir Sungai Pergau - 159 meter.

Perjalanan di sepanjang lebuh raya ini merupakan suatu pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Apabila seseorang memasuki lebuh raya ini, Banjaran


Titiwangsa dapat dilihat dari jauh di mana lebuh raya itu memotong banjaran tersebut. Apabila seseorang melalui lingkungan yang serata di samping mendaki lebih tinggi, jelas kelihatan hutan asli yang kaya dengan balak. Bila diteruskan akan tiba di Tasik Temenggor buatan manusia di Banding. Paras jalan di pertengahan lebuh raya ini melebihi 1,100 meter dari paras laut di mana udaranya sejuk dan nyaman.


Dengan siapnya Lebuh raya Timur Barat, jarak di antara Kota Bharu dan Butterworth melalui Kuantan sejauh 1037 km dikurangkan menjadi 363 km dan masa perjalanan juga turut berkurangan. Penyiapan lebuh raya ini mengurangkan perbelanjaan pengangkutan dan dengan itu Negeri Kelantan dijangka dapat membangun dengan pesatnya. Lebuh raya ini merupakan jalan keluar masuk bagi perusahaan pembalakan hutan-hutan di sepanjang jalan dan juga sebagai tempat persinggahan pelancongan.

Penyambungan Grik dan Jeli bersama-sama dengan jalan yang sedia ada di antara Grik dan Butterworth di sebelah barat dan di antara Jeli dan Kota Bharu di sebelah timur merupakan perhubungan jalan darat terus di antara negeri-negeri di kawasan pantai timur dan pantai barat Semenanjung Malaysia supaya Lebuh Raya Pantai Timur dapat digunakan dengan lebih berkesan. Kejayaan Lebuh raya Timur Barat adalah berkat kesanggupan dan kegigihan setiap pekerja. Dengan itu Jabatan Kerja Raya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka serta kepada pasukan keselamatan yang telah memberikan pengorbanan tenaga mereka untuk pembangunan dan kemajuan negara. Sempena pembukaan Lebuh raya Timur Barat, tiga jenis setem bernilai 15 sen, 20 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surah hari pertamanya ialah pada 1 Julai 1983. ■

jambatan

# pulau pinang





## JAMBATAN PULAU PINANG LANG BRIDGE

**PROJEK** Jambatan Pulau Pinang adalah diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia Kedua, Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein dan perancangan untuk pembinaannya telah diusahakan sejak tahun 1960 lagi. Perancangan serta kajian yang terperinci telah dijalankan untuk memastikan kejayaan projek ini. Akhirnya keputusan untuk melaksanakan pembinaannya telah direstui oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia Keempat. Projek ini melibatkan pembinaan

sebuah jambatan paras tinggi jenis 'cable-stayed concrete girder' yang menelan belanja kira-kira RM850 juta bagi menghubungkan Pulau Pinang dengan tanah besar Semenanjung Malaysia. Panjang keseluruhan jambatan ini ialah 13.5 km dan mengandungi 8.4 km jambatan atas air, 1.5 km jejambat dan jalan di sebelah Pulau Pinang dan 3.6 km jejambat dan jalan di sebelah Seberang Prai. Jambatan ini direkabentuk mengandungi enam lorong tetapi pada peringkat permulaannya jambatan ini mengandungi empat lorong sahaja melainkan di bahagian tengah dan bahagian mendaki terus dibina enam lorong. Jambatan ini dibina merentangi Selat Selatan.

Di sebelah Pulau Pinang, sebuah persimpangan arah bagi menghubungkan jalan pantai utara dan selatan yang dirancangan dibina di tepi pantai Batu Uban dan ianya disambungkan dengan Jalan Gelugor yang terletak berhadapan dengan Universiti Sains Malaysia.

Di Seberang Prai projek ini bermula dari Batu 4 1/2, Jalan Butterworth, Ipoh (Jalan Persekutuan Satu) di mana sebuah persimpangan separa kelawar dibina. Sebuah jambatan juga dibina menyeberangi landasan keretapi. Aliran jambatan ini melalui Kawasan Perusahaan Prai dan satu lagi persimpangan arah (*directional interchange*) dibina di Jalan Perusahaan. Sebuah plaza tol telah dibina di sebelah Seberang Prai dan bayaran tol dikutip dari semua kenderaan yang menuju ke Pulau Pinang. Jambatan ini yang merupakan salah satu jambatan yang terpanjang di dunia bukan sahaja menghubungkan Pulau Pinang dengan tanah besar Semenanjung, malahan ianya memberikan sumbangan dalam pembangunan ekonomi, budaya dan sosial serta perpaduan negara.

Sempena projek jambatan Pulau Pinang ini, tiga jenis setem bernilai 20 sen, 40 sen dan RM1 telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 14 September 1985. ■



# utara selatan



MALAYSIA 30¢



MALAYSIA 50¢



MALAYSIA RMI

## PENGENALAN.


Pembinaan Lebuhraya Utara Selatan dan lebuhraya baru Lembah Kelang merupakan projek infrastruktur yang terbesar di Semenanjung Malaysia bagi memenuhi keperluan lalu lintas bagi dekad-dekad yang akan datang. Panjang keseluruhan lebuhraya ini ialah 847.7 km. Lebuhraya ini merupakan rangkaian penghubung di pantai barat Semenanjung Malaysia dan merupakan kawasan yang paling pesat pembangunannya serta paling ramai jumlah penduduknya. Dengan siapnya lebuhraya ini bermakna kegiatan ekonomi akan berkembang dengan lebih pesat lagi.

## Latarbelakang.

Penambahan kadar lalu lintas di pantai barat Semenanjung Malaysia telah meningkat dengan banyaknya secara berterusan terutama sejak 10 tahun lalu. Kadar pertumbuhan aliran lalu lintas adalah di antara 5.5% hingga 6.5% setahun dengan kadar tertinggi tercatat di Lembah Kelang di mana peningkatan kadar lalu lintasnya mencapai 12% setahun. Berdasarkan kepada hakikat ini kebanyakan jalan raya di pantai barat Semenanjung Malaysia telahpun mencapai kejayaan aliran maksimumnya. Kerajaan telah menetapkan suatu program besar pembinaan Lebuhraya Utara Selatan bagi menampung keperluan lalu lintas ini.

## Rekabentuk Lebuhraya.

Lebuhraya ini telah direkabentuk dengan empat lorong dua hala dengan peruntukan pembesaran lorong di masa-masa hadapan kecuali di kawasan-kawasan bandar di mana enam lorong telah dibina. Pembinaan lorong tambahan ini akan dilaksanakan



apabila keupayaan muatan lebuh raya ini mencapai had maksimumnya. Kelebaran setiap lorong adalah di antara 3.65 meter sehingga 7.5 meter manakala rekabentuk kelajuan di atas lebuh raya ini ialah 120 kph. Cerun menegak maksimum bagi lebuh raya ini ialah 4% serta kelebaran bahu jalan adalah 3 meter. Jambatan-jambatan yang melintasi lebuh raya ini mempunyai ruang kelegaan atas (*headroom clearance*) minima 2.5 meter dan bagi jambatan baru pula ruang kelegaan ini telah dinaikkan ke 5.4 meter.

#### Pembinaan Lebuh raya.

Pembinaan lebuh raya ini telah dimulakan pada tahun 1980 oleh pihak Lembaga Lebuh raya Malaysia di mana pakej pertamanya adalah bermula dari Bukit Kayu Hitam ke Jitra. Sehingga April 1989, pihak Lembaga Lebuh raya telahpun menyiapkan lebuh raya ini sepanjang 334 km. Sebelum konsep perbadanan pada tahun 1980an, pihak kerajaan telah mengambil keputusan untuk menyiapkan baki pembinaan lebuh raya ini di bawah dasar penswastan. Di bawah perjanjian konsesi antara kerajaan dengan pihak *United Engineers Malaysia* bagi pembinaan lebuh raya ini terdapat peruntukan bagi pembinaan lorong ketiga dan lima buah persimpangan bertingkat bagi sebahagian dari lebuh raya Persekutuan II di antara Subang Jaya ke Pelabuhan Kelang.

Syarikat konsesi itu, Plus Bhd, juga bertanggungjawab sepenuhnya membiayai pembinaan, penyelenggaraan dan operasi lebuh raya ini. Di bawah perjanjian ini syarikat konsesi perlu menyiapkan lebuh raya ini dalam tempoh tujuh tahun bermula dari September 1988. Bagaimanapun syarikat konsesi telah berjaya menyiapkan Lebuh raya-Utara Selatan ini dalam tempoh kurang dari enam tahun.

#### Jenis-jenis Cerun dan Pemulihan Tanah Sukar.

Lebuh raya ini mempunyai jajaran yang melintangi pelbagai bentuk mukabumi

serta kawasan tanah lanar pantai. Di utara negeri Kedah, tanah lanar pantai mempunyai ketebalan di antara 9 meter sehingga 11 meter dan jajaran ini melalui kawasan pergunungan di kawasan tengah Semenanjung. Berdasarkan pada keadaan tanah yang sukar ini pelbagai kaedah pemulihan tanah digunakan seperti '*pre-stressed concrete spun pile with concrete slab*', '*vertical drain*', dan '*send replacement method*'.

Bagi lokasi-lokasi di puncak bukit di mana tambakan tinggi perlu diperkuatkan di sebelah pemotongan cerun, batu-batuan diletakkan di kaki-kaki tambakan tersebut. Bagi lebuh raya di bahagian Yong Peng dengan Skudai, jambatan digunakan untuk melalui kawasan-kawasan berpayau di mana kos pembinaan tambakan cerucuk dan kos pemulihan tanah didapati lebih mahal dari pembinaan jambatan.

#### Turapan.

Panjang keseluruhan lebuh raya ini ialah 847.7 km di mana 679.9 km laluan ini adalah merupakan laluan dari jenis turapan asfalt dan bakinya 167.8 km adalah dari jenis simen atau '*continuous rein forced concrete pavement*'. Penggunaan ini merupakan yang pertama di negara ini dan juga di Asia Tenggara.

#### Persimpangan Bertingkat.

Apabila lebuh raya dibuka kepada lalulintas dalam bulan Februari 1994 terdapat 72 persimpangan bertingkat bagi menghubungkan lebuh raya ke laluan-laluan utama. Di lokasi-lokasi tertentu terdapat peruntukan pembinaan persimpangan di masa-masa hadapan apabila terdapat keperluan kepada persimpangan bertingkat tersebut.

#### Operasi Tol.

Sebahagian besar dari lebuh raya ini menggunakan konsep lebuh raya tol tertutup di mana jumlah bayarannya dikira berdasarkan kepada jarak perjalanan yang dilalui. Terdapat dua jarak perjalanan yang menggunakan sistem tol terbuka di sepanjang Lebuh raya Utara Selatan iaitu

Lebuh raya Bukit Kayu Hitam - Jitra dan Lebuh raya Skudai - Johor Bharu di mana sistem tol terbuka ini jumlah bayaran tol adalah tetap dan tidak bergantung kepada jarak perjalanan. Sepanjang lebuh raya ini terdapat 60 buah plaza tol dan 442 buah pondok tol.

#### Kemudahan-kemudahan Yang Disediakan.

Di sepanjang lebuh raya ini terdapat 18 buah kawasan rehat dan ia dilengkapi dengan kemudahan kemudahan seperti gerai-gerai makan, surau, taman, stesen petrol dan sebagainya lagi. Kawasan letak kereta yang mencukupi juga disediakan di kawasan yang bersesuaian. Di kawasan hentian sebelah pula kemudahan-kemudahan asas juga disediakan seperti kemudahan tempat letak kereta dan juga tandas awam. Bagi memberi perkhidmatan kepada pengguna-pengguna terdapat telefon kecemasan dipasangi di setiap dua km di sepanjang lebuh raya ini. Di samping itu juga bagi beberapa lokasi yang mempunyai angin lintang tanda amaran dipasangi untuk memberi peringatan kepada pemandu-pemandu supaya lebih berhati-hati.

#### Kesimpulan.

Dengan terbinanya lebuh raya ini perjalanan dari utara ke selatan hanya mengambil masa kurang dari lapan jam berbanding dengan lebih dari limabelas jam dengan menggunakan laluan Lebuh raya Persekutuan Pertama. Di samping perjalanan yang cepat dan selesa, Lebuh raya Utara Selatan juga membuka kawasan-kawasan pembangunan yang baru serta meningkatkan keupayaan pengangkutan barang-barang. Lebuh raya Utara Selatan sudah pastinya akan menjadi pemangkin untuk negara mencapai ke arah Wawasan 2020.

Sempena siapnya pembinaan Lebuh raya Utara Selatan ini, tiga jenis setem bernilai 30 sen, 50 sen dan RMI telah dikeluarkan. Sampul surat hari pertamanya ialah pada 8 September 1994. ■